Insufficient security during the epidemic period brought along other social problems. Situations such as the increase in prostitution, moral disorder, people's tendency to superstitious beliefs and laxity in worship are among the social effects of the epidemic. This situation prompted the statesmen, benefactors and wealthy merciful people to take action and led to the construction of places such as bimaristan and shelter for the poor. The post-epidemic period necessitated the establishment of a system to carry out the burial of the deceased orphans.

The attitudes and measures that the Prophet said in general and in particular were applied during epidemic periods from time to time. Practices such as the quarantine example applied in the Amavâs epidemic, the first epidemic in Islamic history, and the prevention of those who were in the epidemic area from leaving their places, are not mentioned in later epidemics. In addition, the Prophet's orders about the epidemic, such as not leaving the place where there is an epidemic, as a precautionary measure, not to enter the place if it is outside the region, to escape from the leprosy, are among the practices that are considered important in the fight against the epidemic today. Also, the commands of the Prophet, such as giving the rank of martyrdom to those who died due to an epidemic disease, provide psychological support to people. Therewithal, the practices such as covering the cups and drinks that the Prophet said within the framework of general health, cleanliness and manners, and covering the mouth when sneezing are among the most used measures in the fight against the epidemic today.

## Reference

- Ahmed b. Hanbel, Ebû Abdullah Ahmed b. Muhammed. (2001). *el-Müsned*. Beirut: Müessesetü'r-risâle.
- Behjat, Nuseyr Fâzıl. (2011). eṭ-Ṭavâ'in fî şadri'l-İslâm ve'l-hilâfeti'l-Emeviyye. *Mecelletü Jami'âtü al-Karkûk*, 2(6), 1-18.
- Bukhârî, Muhammed b. İsmail. (1987). *Şahîhu'l-Buhârî*. Beirut: Dâru İbn Kesîr.
- Bukhârî, Muhammed b. İsmail. (2009). *et-Târîhü'l-Kebîr*. Haydarabad: Dâiretü'l-Maârifî'l-Osmâniyye.
- Bulkuteyb, el-Hüseynî. (2002). *Cevâihu ve Evbietü Mağribu 'abd'l-Muwaḥḥidîn*. Rabat: Menşûrâtü'z-Zaman.
- Cafer, Z. (2010). Vebâu't-Ṭâun fî'l-İslâm ve İşâbetü'l-meşûrîn bihi ḥattâ nihayeti'l-'aşri'l-Emevî. *Mecelletü Câmîati Kerbelâi'l-ilmîyye*, 1, 104-114.
- Cengiz, E. (2020). Hz. Ömer Döneminde Meydana Gelen Amvas Tâunu ve Etkileri. *Kafkas Üniversitesi İlahiyat Fakültesi Dergisi*, 7(13), 129-150.
- Cevherî, İsmail b. Muhammed. (1990). *Tâcu'l-luğa ve Şihâbu'l-'arabiyye*. Beirut: Dâru'l-ilm.
- Cezerî, Ebû saâdet el-Mübârek b. Muhammed. (1979). *en-Nihâye fî ğarîbi'l-Ḥadîs ve'l-eser*. Beirut: el-Mektebetü'l-ilmîyye.
- Hâkîm, Muhammed b. Abdullah. (1990). *el-Müstedrek*. Beirut: Dâru'l-kutubi'l-ilmîyye.
- Ibn Battâl, Ebû'l-Hasan Ali b. Halef. (2003). *Şerhu Şahîhi'l-Buhârî*. Riyâd: Mektebetü al-Rüşd.
- Ibn Hacer, Ebû'l- Fazl Ahmed b. Ali. (1379). *Fethu'Bârî şerhi saḥîhi'l-Buhârî*. Beirut: Dâru'l-Marife.

- Ibn Kayyim el-Cevziyye, Muhammed b. Ebû Bekir. (1990). *et-Tıbbu'n-Nebeviyye*. Beyrut: Dâru'l-kitâbi'l-'arabiyye.
- Ibn Kesîr, Ebû'l-Fidâ İsmail b. Ömer. (1988). *el-Bidâye ve'n-nihâye*. Beyrut: Dâru İhyai't-turâsi'l-arabî.
- Ibn Kuteybe. Ebû Muhammed Abdullah b. Müslim. (1992). *el-Me'ârif*. Kâhire: el-Hey'etü'l-Misriyye.
- Ibn Manzûr, Ebû Fazl Cemaluddin. (1414). *Lisânu'l-'Arap*. Beyrut: Dâru Sâdır.
- Ibn al-Miskeveyh, Ebû Ali Ahmed b. Muhammed. (2000). *Tecâribu'l-ümem ve te'âkub'l-himem*. Tahran: Soruş.
- İbn Tolun, Şemsuddin Muhammed b. Ali. (1997). *Müfâkakatü'l-halân fî havâdisi'z-zaman*. Beyrut: Dâru'l-kutubi'l-ilmiiyye.
- Müslim, Ebû'l-Hüseyin İbn Haccâc. (2006). *Şahîhu'l-Müslim*. Riyâd: Daru Tayyibe.
- Salâbî, Ali Muhammed. (2009). *Ömer b. el-Hattâb Şahşiyetuhu ve 'aşrubu*. Dımaşk: Dâru İbn Kesîr.
- Şurrâb, Muhammed Hasan. (1997). *Ebu Ubeyde Âmir b. el-Cerrâb*. Dımaşk: Dâru'l-kalem, 1997.
- Yâfi'î, Ebû Muhammed Afîfuddin Abdullah. (1997). *Mir'âtu'l-cinân*. Beyrut: Dâru'l-kutubi'l-ilmiiyye.
- Yıldız, H.D. *Abbâsîler*. (14.11.2020). TDV İslâm Ansiklopedisi.  
<https://islamansiklopedisi.org.tr/abbasiler#1>
- Zehebî. Ebû Abdullah Muhammed b. Ahmed Şemsuddin. (2003). *Tarîhu'l-İslâm ve vefeyâti'l-meşâhiri ve'l-a'lâm*. Berut: Dâru'l-ğarbi'l-İslâmî.

## BAB 3

# SOLUSI TERBAIK PENCEGAHAN PANDEMIK COVID-19: BEBERAPA CATATAN PENTING MENERUSI PERSPEKTIF

## AL-QURAN

Abur Hamdi Usman<sup>1</sup> & Azwar Iskandar<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia

<sup>2</sup> Sekolah Tinggi Ilmu Islam dan Bahasa Arab (STIBA) Makassar, Indonesia

### Pendahuluan

Penularan wabak Covid-19 merupakan fenomena yang merebak di seluruh dunia. Sehingga kini ratusan ribu manusia yang dijangkiti oleh wabak ini dan sudah banyak pula jiwa yang terkorban disebabkan jangkitan tersebut. Penularannya begitu pantas sehingga seluruh dunia menjadi keliman kabut dan berada dalam keadaan resah dan gusar. Kesemua negara terpaksa menghadapi fenomena global ini dengan mengambil langkah-langkah pencegahan yang drastik supaya penularannya dapat dikawal dan seterusnya dihentikan sama sekali (Komarova, Schang, & Wodarz, 2020).

Dalam konteks Malaysia, pandemik Covid-19 telah disahkan merebak dalam negara pada 25 Januari 2020. Sehingga 19 April 2021, terdapat 377,132 kes yang disahkan positif dengan sebanyak 355,224 kes telah pulih, 2,078 kes baharu, 1,386 kes kematian, dirawat di ICU 228 kes serta bantuan alat pernafasan sebanyak 93 kes (“Situasi Terkini Covid-19”, 2021). Sehingga hari ini kerajaan Malaysia telah melaksanakan beberapa fasa ketika pandemik covid-19 melanda, antaranya ialah perintah kawalan pergerakan (PKP), perintah kawalan pergerakan diperketat (PKPD), perintah kawalan pergerakan bersyarat (PKPB) dan yang sedang dilaksanakan sekarang ialah perintah kawalan pergerakan pemulihan (PKPP) (Usman et al., 2020). Menurut perspektif Islam, penyebaran wabak seperti Covid-19 ini perlu dihayati secara bijaksana bagi mengelak daripada masalah lain seperti kemurungan dan gangguan jiwa (Ahmad & Ahad, 2021). Rentetan daripada itu, Allah SWT tidak menurunkan sesuatu musibah tanpa mengandungi hikmah di sebaliknya, sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا زَوْجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَتْ سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الطَّاعُونَ فَأَخْبَرَنِي أَنَّهُ عَذَابٌ يُعَذِّبُ اللَّهُ عَلَى مَنْ يَشَاءُ وَأَنَّ اللَّهَ جَعَلَهُ رَحْمَةً لِلْمُؤْمِنِينَ لَيْسَ مِنْ أَحَدٍ يَفْعُ الطَّاعُونَ فَيَمُوتُ فِي بَلَدِهِ صَائِرًا مُحْتَسِبًا يَعْلَمُ أَنَّهُ لَا يُصِيبُهُ إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَهُ إِلَّا كَانَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِ شَهِيدٍ

[al-Bukhārī, *Kitāb Ahādīth al-Anbiyāʾ*, Bāb *Ḥadīth al-Ghār*, hadis nombor 3287]

Maksudnya:



“Daripada ‘Aishah RA isteri Nabi SAW berkata: “Aku telah bertanya kepada Rasulullah SAW tentang wabak Taun. Lalu Rasulullah SAW memberitabuku bahawa ia adalah azab yang diutuskan oleh Allah SWT kepada sesiapa yang Dia kehendaki dan Allah SWT menjadikannya sebagai rahmat buat orang-orang yang beriman. Tidak ada seorang pun yang ditimpa wabak Taun ini sedang dia duduk di dalam negeri tempatnya dengan penuh kesabaran dan bermuhasabah, dan dia faham bahawa tiada sesuatu yang menimpanya melainkan semuanya telah ditentukan oleh Allah SWT, melainkan dia akan mendapat pahala seperti pahala syahid.”

Hadis di atas menjelaskan bahawa ujian penularan wabak penyakit adalah azab buat umat manusia. Namun di sisi Muslim, ia boleh dianggap sebagai rahmat buat mereka, tetapi apabila berlaku ke atas orang kafir, maka ianya adalah azab ke atas mereka yang dipercepatkan kedatangannya semasa di dunia sebelum di akhirat (al-‘Asqalānī 2005/13: 150; Shahrudin et al., 2020). Justeru itu, seorang muslim yang sejati semestinya mengambil panduan daripada al-Quran dan hadis yang menjanjikan wabak adalah sebagai rahmat bagi mereka yang menghadapinya dengan penuh kesabaran dan muhasabah.

Berkaitan wabak pandemik, dalam sejarah, umat Islam pernah mengalami musibah ini. Ibn Hajar al-‘Asqalānī (w. 852 H) dalam kitabnya *Badhl al-Ma‘ūn fī Faḍl al-Ṭā‘ūn* merekodkan bahawa pada tahun 749 H terjadi wabak taun yang besar di bandar Damaskus, Syria. Bagi menghilangkan serangan wabak tersebut penduduk kampung melakukan doa bersama di tempat terbuka. al-‘Asqalānī (t.th.: 328-329) berkata:

وخرج الناس إلى الصخراء ومعظم وكابر البلد فدعوا واستغاثوا فعظم الطاعون بعد ذلك وكثر وكان قبل دعاءهم أخف

*Maksudnya:*

“Dan manusia keluar menuju padang terbuka beserta orang-orang berpengaruh dan kenamaan negeri, lalu mereka berdoa dan meminta kepada Allah SWT. Maka wabak taun malah menjadi lebih teruk dan semakin banyak, sedangkan sebelum mereka berkumpul untuk doa bersama, wabak tersebut masih sedikit.”


Kejadian seumpama menurut al-‘Asqalānī (t.th.: 329) turut berlaku di zaman sekarang, yakni di Kaherah, Mesir bertarikh 27 Rabiulakhir tahun 833 H. Al-‘Asqalānī (t.th.: 328-329) berkata:

فكان عدد من يموت بها دون الأربعين. فخرجوا إلى الصخراء في الرابع من جمادى الأولى بعد أن نودي فيهم بصيام ثلاثة أيام, كما في الصلاة الا ستسقاء ودعوا وأقاموا ساعة ثم رجعوا. فما انسلخ الشهر حتى صار عدد من يموت في كل يوم بالقاهرة فوق الألف ثم تزايد

*Maksudnya:*

“Jumlah orang yang meninggal disebabkan wabak tersebut adalah di bawah 40 orang. Kemudian mereka keluar menuju padang luas pada 4 Jamadilawal selepas mereka diminta untuk berpuasa tiga hari terlebih dahulu. Seperti halnya pada solat Istisqa, mereka berdoa dan mendirikan solat seketika kemudian kembali ke rumah. Tidak sampai satu bulan, jumlah orang yang meninggal pada setiap sehari di Kaherah mencapai seribu orang dan terus bertambah.”

Rakaman sejarah penularan wabak yang dinarasikan oleh al-‘Asqalānī tersebut di atas membuktikan bahawa fenomena wabak telah lama berlangsung (Ayalon, 2021). Namun bagi generasi sekarang, semestinya bersedia mendepani pandemik ini dengan meletakkan panduan agama sebagai teras utama. Sehubungan dengan itu, Islam sebagai agama yang meliputi seluruh ruang lingkup kehidupan penganutnya telah menetapkan peraturan, tatacara dan piawaian dalam kehidupan seharian (Usman et al., 2020). Sebagai agama syumul yang memandu manusia ke jalan yang benar termasuk juga dalam mendepani wabak berbahaya seperti Covid-19 dengan membawakan dalil-dalil dari sumber Islam sebagai panduan termasuk langkah pencegahan, kesan dan juga hikmah yang tersembunyi di sebalik wabak pandemik dunia Covid-19 (Safie & Mohamed, 2020). Dalam artikel ini, penulis mengupas kaedah rawatan Covid-19 menurut perspektif al-Quran sebagai sumber utama perundangan dalam Islam. Bagi melihat lakaran konsep yang diaplikasikan dalam artikel ini, dapat dirujuk pada Gambar 1.



**Gambar 1.** Solusi terbaik pencegahan pandemik Covid-19 menurut perspektif al-Quran

## Virus dalam al-Quran

Menurut Islam semua makhluk seperti sel, virus, bakteria hinggalah ke biosfera merupakan ciptaan Allah SWT yang terdiri daripada pelbagai bentuk yang melibatkan struktur yang menakjubkan (Ibrahim et al., 2012). Kajian menarik daripada sekumpulan sarjana daripada Algeria yang berhujah dengan al-Muddaththir [74] sebagai surah dalam al-Quran yang membincangkan secara tuntas berkaitan virus, khususnya Covid-19 (Khenenou, Laabed, & Laabed, 2020). Bersempena dengan itu, ayat-ayat al-Quran lainnya yang membahaskan tentang virus antaranya terdapat dalam surah al-Baqarah [2] ayat 26 & 243, dan al-Anbiya [21] ayat 83.

### i. al-Baqarah [2] ayat 26/Nyamuk

Wabak merupakan satu fenomena alam yang tidak boleh dipandang enteng. Menerusi sejarah, antara wabak yang pernah menggemparkan dunia ialah penyakit bawaan nyamuk seperti malaria dan denggi yang merupakan masalah utama kesihatan global populasi manusia. Virus ini turut menjadi penyebab utama kematian dan penyakit di serata negara tropika dan subtropika (Cowman et al., 2016). Walaupun nyamuk merupakan haiwan yang kecil, namun ia dapat memberikan kesan yang besar dalam kehidupan manusia. John McNeil, seorang profesor sejarah dan pengarang buku *Mosquito Empires* menyebutkan dalam sesetengah keadaan, nyamuk boleh mempengaruhi perubahan dunia. Dalam sejarah peperangan abad ke-20, jumlah korban akibat penyakit lebih banyak berbanding akibat senjata (“Perumpamaan nyamuk”, 2020). Dalam al-Quran, wabak yang datang dari serangga kecil ini merujuk surah al-Baqarah [2] ayat 26. Allah SWT berfirman:

﴿إِنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَحْيِي أَنْ يَضْرِبَ مَثَلًا مَّا بَعُوضَةً ۖ فَمَا فَوْقَهَا فَأَمَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا فَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ وَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا فَيَقُولُونَ مَاذَا أَرَادَ اللَّهُ بِهَذَا مَثَلًا ۖ يُضِلُّ بِهِ كَثِيرًا ۖ وَيَهْدِي بِهِ كَثِيرًا ۖ وَمَا يُضِلُّ بِهِ إِلَّا الْفَاسِقِينَ

٢٦

Maksudnya:

*Sesungguhnya Allah SWT tidak malu membuat perbandingan apa sahaja, (seperti) nyamuk hingga ke suatu yang lebih daripadanya (kerana perbuatan itu ada hikmatnya), iaitu kalau orang-orang yang beriman maka mereka akan mengetahui bahawa perbandingan itu benar dari Tuhan mereka; dan kalau orang-orang kafir pula maka mereka akan berkata: “Apakah maksud Allah membuat perbandingan dengan ini?” (Jawabnya): Tuhan akan menjadikan banyak orang sesat dengan sebab perbandingan itu, dan akan menjadikan banyak orang mendapat petunjuk dengan sebabnya; dan Tuhan tidak akan menjadikan sesat dengan sebab perbandingan itu melainkan orang-orang yang fasiq.*

Perumpamaan yang terdapat di dalam ayat di atas telah menunjukkan kekuasaan Allah SWT yang mampu mencipta makhluk sekecil nyamuk, bahkan yang lebih kecil daripadanya seperti virus Covid-19. Dengan kehadiran nyamuk sekecil itu pun manusia boleh menderita penyakit seperti demam denggi, apatah lagi dengan virus yang hanya berukuran mikro itu berkemampuan membunuh puluhan ribu nyawa manusia seluruh dunia pada masa kini (Laishram et al., 2012). Oleh yang demikian, semakin kecil sesuatu itu, maka semakin sukar untuk mengetahui rahsianya (al-Rāzī, 1995). Walaupun golongan musyrikin memandang sinis terhadap haiwan kecil yang disebut oleh Allah SWT di dalam al-Quran, namun kajian sains pada hari ini mendapati bahawa penciptaan haiwan kecil seumpama nyamuk sebenarnya menunjukkan kehebatan Allah SWT dalam penciptaan (Othman & Yusoff, 2012)

Walaupun nyamuk mempunyai tubuh dan jasad yang kecil, namun ia mempunyai hubungan yang amat penting dengan kesihatan manusia. Sejak dari dahulu sehinggalah sekarang, nyamuk adalah serangga yang menjadi punca kepada masalah kesihatan yang utama bagi manusia dan haiwan ternakan di seluruh dunia. Pelbagai penyakit yang berlaku adalah disebabkan oleh nyamuk. Nyamuk Anopheles merupakan vektor malaria, nyamuk Aedes pula merupakan vektor denggi, *yellow fever* (di Amerika dan Afrika) dan *ensefalitis* (di Amerika dan Eropah). Manakala nyamuk-nyamuk *Mansonia* dan *Culex* pula merupakan vektor penyakit *filariasis* (untut) (Salleh, 1997). Manusia mendapat pelbagai penyakit menerusi nyamuk sama ada demam denggi, malaria dan sebagainya. Namun begitu, secara realitinya nyamuk bukanlah penyebab kepada penyakit manusia kerana jumlah darah yang dihisap oleh nyamuk amat sedikit dan ia tidak mampu untuk menjejaskan kesihatan seseorang. Kesan gigitan nyamuk hanya bersifat alah kepada manusia seperti gatal, bengkak merah pada tubuh dan sebagainya. Akan tetapi, sesuatu yang bahaya daripada nyamuk ialah ia adalah vektor atau pembawa mikroorganisma atau parasit yang menjadi punca kepada berlakunya sesuatu penyakit (Salleh, 1997).

ii. al-Baqarah [2] ayat 243/Virus Taun

al-Quran menegaskan larangan meninggalkan kampung halaman atau kawasan yang sedang dilanda wabak. Wabak taun yang berlaku pada Bani Israel suatu masa dahulu dapat dijadikan iktibar bagi generasi sekarang, sebagaimana difirmankan oleh Allah SWT pada surah al-Baqarah [2] ayat 243:

﴿أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ خَرَجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ وَهُمْ أُلُوفٌ حَذَرَ الْمَوْتِ فَقَالَ لَهُمُ اللَّهُ مُوتُوا ثُمَّ أَحْيَاهُمْ إِنَّ اللَّهَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى النَّاسِ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ ۚ ۲۴۳﴾

Maksudnya:

*Tidaklah engkau ketahui (wahai Muhammad) tentang orang-orang yang keluar (melarikan diri) dari kampung halamannya kerana takutkan mati, sedang mereka beribu-ribu ramainya? Maka Allah berfirman kepada mereka: Matilah kamu kemudian Allah menghidupkan mereka. Sesungguhnya Allah sentiasa melimpah-limpah kurniaNya kepada manusia (seluruhnya), tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur.*

Ibn Jarīr al-Ṭabari (w. 310 H.) yang dijuluki “Bapa Mufasirun” berkongsi takwilan ayat di atas menerusi riwayatkan daripada majoriti sahabat dan tabiin bahawa bani Israel keluar melarikan diri dari kampung mereka secara berkumpulan sama ada mereka lari menghindar daripada jihad ataupun menghindar daripada taun (al-Ṭabari, t.th.). Ibn Kathīr (2000) menambahkan sekali gus menguatkan tafsiran ini dengan nukilannya kepada pandangan Ibn ‘Abbās RA bahawa jumlah bani Israel ada empat ribu orang, keluar meninggalkan kampung halaman untuk menghindari penyakit taun yang sedang melanda negeri mereka.

Jika merespon daripada tafsiran mufasir muktabar di atas, maka umat Islam dapat memetik hikmah pengajaran dan dalil yang menunjukkan bahawa tiada faedah kewaspadaan dalam menghadapi takdir, dan tidak ada tempat berlindung daripada Allah SWT melainkan hanya kepada-Nya. Ibn Kathīr (2000) berpandangan bani Israel keluar untuk tujuan melarikan diri daripada wabak penyakit mematikan yang melanda mereka agar hidup mereka berterusan. Namun begitu, pada akhirnya nasib yang menimpa mereka adalah sebaliknya daripada apa yang diharapkan. Justeru maut datang menghampiri dengan begitu pantas, sekali gus membinasakan mereka semua.

iii. al-Anbiya [21] ayat 83/Kusta

Penyakit kusta atau juga dikenali sebagai *penyakit Hansen* juga *Leprosy*, merupakan penyakit berjangkit yang disebabkan oleh jangkitan *Mycobacterium leprae* (Worobec, 2009). Penyakit kusta adalah salah satu masalah kesihatan kulit yang menyebabkan kecacatan tubuh. Akibat daripada penyakit ini ialah melumpuhkan anggota badan dengan simptom kesakitan, demam, hilang kefungsiang anggota badan dan akhirnya membawa kepada gangguan mental atau kematian (Arikrishnan, 2020). Dalam al-Quran telah disebutkan tentang penyakit ini, khususnya dalam surah al-Anbiya [21] ayat 83. Allah SWT berfirman:

﴿وَأَيُّوبَ إِذْ نَادَىٰ رَبَّهُ، أَيُّ مَسَّنِي الضُّرُّ وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّحِيمِينَ ۝٨٣ فَاسْتَجَبْنَا لَهُ، فَكَشَفْنَا مَا بِهِ مِنْ ضُرِّهِ ۖ وَآتَيْنَاهُ أَهْلَهُ وَمِثْلَهُم مَّعَهُمْ رَحْمَةً ۖ مِنْ عِنْدِنَا وَذِكْرَىٰ لِلْعَابِدِينَ ۝٨٤﴾

Maksudnya:

*Dan (sebutkanlah peristiwa) Nabi Ayub AS, ketika ia berdoa merayu kepada Tuhannya dengan berkata: “Sesungguhnya aku ditimpa penyakit, sedang Engkanlah sahaja yang lebih mengasihani daripada segala (yang lain) yang mengasihani.”*

Ibn Kathīr (2000/9: 426) ketika mentafsirkan ayat di atas menyatakan bahawa Allah SWT menceritakan tentang Nabi Ayub AS dan musibah yang menimpanya sebagai ujian untuk dirinya. Musibah itu menimpa harta benda, anak, juga tubuh badan beliau. Hal itu kerana Nabi Ayub AS adalah seorang yang memiliki banyak haiwan ternak dan lahan pertanian, beliau pun mempunyai anak yang ramai serta rumah kediaman yang selesa. Maka Allah SWT menguji Nabi Ayub AS dengan menimpakan bencana kepada harta bendanya itu, kesemuanya lesap tiada berbaki. Kemudian ujian ditimpakan pula kepada jasad atau tubuh Nabi Ayub AS sendiri. Menurut suatu pendapat, penyakit yang menyerangnya adalah penyakit lepra/kusta pada seluruh tubuhnya, sehingga tiada suatu bahagian pun daripada anggota tubuhnya yang selamat daripada penyakit ini, kecuali hati dan lidah yang selalu berzikir mengingat Allah SWT. Ujian Nabi Ayub AS ini menjadikan orang-orang sekeliling tidak mahu bersama dengan beliau. Maka Nabi Ayub AS tinggal terpencil menyendiri di pinggir kota tempat tinggalnya. Tiada seorang manusia pun yang mahu datang kepadanya selain daripada isterinya yang bertugas merawat dan menguruskan keperluan hariannya.

Berdasarkan tafsiran tersebut dapat difahami bahawa penyakit kusta yang ditanggung oleh Nabi Ayub AS adalah teramat teruk sehingga menyebabkan penduduk sekitar tidak mahu menghampiri beliau. Tindakan masyarakat menjarakkan diri daripada Nabi Ayub AS ini berpadanan dengan sabdaan Rasulullah SAW. Baginda SAW menegaskan secara khusus supaya menjauhkan diri daripada pesakit kusta kerana dibimbangi bakal berjangkit. Sebagaimana riwayat daripada Abū Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ يَقُولُ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا عَدْوَى وَلَا طَيْرَةَ وَلَا هَامَةَ وَلَا صَفَرَ، وَفِرَّ مِنَ الْمَجْدُومِ كَمَا تَفِرُّ مِنَ الْأَسَدِ

[al-Bukhārī, *Kitāb al-Ṭib, Bāb al-Judhām*, nombor hadis 5707]

Maksudnya:

“Tidak ada penyakit menular, tiyarah, burung hantu dan safar (yang dianggap membawa kesialan). Jaubilah penyakit kusta seperti mana kamu lari daripada singa.”

Dalil menjauhi penyakit berjangkit seperti kusta telah diqiyaskan ke atas penyakit virus Covid-19 kerana mempunyai persamaan *‘illah* dari sudut kebimbangan berjangkit. Dari segi logik, menjauhi diri daripada orang yang dibimbangi mempunyai virus Covid-19 adalah lebih utama kerana ia sukar untuk dipastikan sama ada positif atau tidak, berbanding penyakit kusta yang boleh dikesan serta dilihat dengan pancaindera (Hussain & Ahmad, 2020).

## Solusi Pandemik Covid-19 Menurut al-Quran

Berdasarkan kajian tematik yang dijalankan kepada ayat-ayat al-Quran berkaitan taun, tidak didapati kaedah kawalan dan rawatan penyakit taun di dalam al-Quran. Walaupun demikian, sebahagian ahli tafsir mengaitkan taun dengan jenis azab yang pernah ditimpakan kepada Bani Israel. Kumpulan lain ahli tafsir justeru berdiam diri dan tidak mentafsirkan jenis azab tersebut (Sempo & Saleh, 2020). Namun begitu, secara umumnya dapat diusahakan beberapa perkara yang disenaraikan di bawah sebagai salah satu kaedah untuk mengawal atau merawat Covid-19 menurut perspektif al-Quran.

### i. Tawakal

Agama Islam menonjolkan kekuatan iman yang turut membekalkan rawatan kecemasan dalam perubatan (Alyanak, 2020). Selaras dengan itu elemen tawakal dinilai sebagai perkara penting dalam menentukan tahap kecerdasan spiritual seseorang. Berperanan dalam melahirkan jiwa yang kuat seterusnya membawa individu kepada sifat daya tahan yang tinggi dalam menghadapi cabaran hidup (Sudi, Sham, & Yama, 2019). Tawakal didekasikan terhadap keadaan hati yang bergantung kepada Allah SWT dan merasa tenang dengan-Nya serta tidak goyah (Ibn Qayyim, 1993). Tawakal juga bermaksud mempercayai Allah SWT dalam melaksanakan sesuatu rencana, bersandar kepada-Nya dan berserah diri di bawah perlindungan-Nya (al-Ghazālī, 1988). Dengan begitu, individu yang mempunyai sifat tawakal akan melahirkan jiwa yang kuat kerana yakin bahawa Allah SWT akan sentiasa beri bantuan dan petunjuk terhadap semua tingkah lakunya. Seterusnya membawa individu tersebut kepada sifat daya tahan yang tinggi dalam menghadapi cabaran hidup (Usman, Stapa, & Abdullah, 2020). Sebagaimana Allah SWT berfirman dalam surah al-Talaq [65] ayat 2 dan 3:

... وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا ۚ ٢ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ ۚ إِنَّ اللَّهَ بُلِغُ أَمْرِهِ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا ۚ ٣

Maksudnya:

...Dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusabkannya). Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (Ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendakiNya. Allah telahpun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu.

## ii. *Tabayyun*

Allah SWT memerintahkan supaya menyelidik serta mendapat kebenaran berita yang disampaikan seseorang bagi mengelak daripada terjadinya perkara yang tidak diingini berlaku (Usman, Sailin, & Mutalib, 2019). Allah SWT menjelaskan perkara ini di dalam al-Quran, dalam surah al-Hujurat [49] ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ ۚ فَتُصِِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نُدَمِينَ ٦

Maksudnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasiq membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”*

al-Ṭabarī (t.th.) ketika mentafsirkan ayat di atas menyatakan bahawa bertabayyun dengan maksud menangguh seketika maklumat atau berita yang sampai sehingga seseorang mengetahui dengan yakin akan kebenarannya. Hal ini bermaksud seseorang tidak boleh bersikap gelojoh untuk menerima khabar berita. Perintah Allah SWT supaya mensabitkan dahulu perkhabaran orang fasiq menurut Ibn Kathīr (2000) sebagai langkah berjaga-jaga (*ihṭiyāt*). Natijahnya adalah bagi memastikan seseorang tidak berhukum dengan perkataan secara melulu yang boleh menyebabkan dusta atau tersilap fakta.

Penularan virus Covid-19 disedari telah memberi kebimbangan dalam sektor kehidupan, termasuklah bagi pertumbuhan ekonomi, selain memberi impak pada kesihatan mental. Ketika seantero dunia bersungguh dalam mendepani serangan wabak tersebut, pelbagai kenyataan ataupun penulisan yang tidak sewajarnya dimuat naik atau dikongsi di pelbagai laman sosial malah menambahkan lagi keserabutan sedia ada. Ini ditambah beberapa pesanan berantai yang memberi maklumat palsu kepada orang awam berkaitan virus Covid-19. Penularan kenyataan atau bahan-bahan berkaitan fakta isu ini dikhuatiri akan menimbulkan kerisauan dan mencetuskan kepanikan dalam kalangan masyarakat. Justeru, dalam keseriusan memerangi wabak Covid-19, al-Quran mengajak masyarakat untuk tidak mengambil remeh perkara *tabayyun*.

## iii. Sabar

Musibah penularan wabak Covid-19 perlu dihadapi secara sabar dan bijaksana oleh umat Islam. Tindakan kegusaran melampau ataupun berputus asa dalam menghadapi situasi sebegini perlu dielakkan, sebaiknya cuba memahami hikmah yang tersirat di sebaliknya. Pandemik ini perlu difahami sebagai salah satu bentuk ujian daripada Allah SWT terhadap hamba-Nya (Hestina, 2020). Dengan kejayaan bersabar mendepani ujian ini dapat menjadikan seseorang mendapatkan kegembiraan daripada Allah SWT. Al-Quran merakamkan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah [2] ayat 155 berkaitan sabar:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ ۙ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ ۙ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ ۗ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ ١٥٥

Maksudnya:

*Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar.*

Abū ‘Abdullah Muḥammad ibn Aḥmad ibn Abū Bakr al-Anṣārī al-Qurṭubī (w. 671 H.) pengarang kitab *al-Jāmi‘ li Ahkām al-Qur‘ān wa al-Mubayyin li mā Taḍammanahu min al-Sunnah wa Āiy al-Furqān* ketika menafsirkan ayat ini menyatakan bahawa ganjaran pahala disediakan dan dijanjikan oleh Allah SWT bagi mereka yang bersabar. Asal bagi sabar pula adalah penahanan, dan pahala baginya adalah tidak terhitung banyaknya. Namun, ia tidak akan diperolehi melainkan kesabaran itu berlaku ketika di awal ujian (al-Qurṭubī, 2006). Secara zahirnya, pandangan mufasir muktabar ini merentasi corak pemikiran umat Islam yang menilai ujian Allah SWT terkadang ternampak seolah-olah keras dan kejam. Tetapi jika diperhalusi maka didapati buah kesabaran terkandung rahmat yang tersisip di dalamnya.

Tidak mustahil ujian adalah satu cara yang menandakan Allah SWT kasih ke atas hamba-nya yang diuji. Menerusi ujian hidup umpama Covid-19 dapat menyedarkan seseorang terhadap kekerdilan dirinya dan kebesaran Allah SWT. Dengan itu seseorang akan semakin bertambah merendah diri kepada Tuhannya, lantas memohon keampunan dan bertaubat di atas segala dosa dan kesalahan. Oleh itu, kesabaran dalam menempuhi ujian hidup ini dinilai sebagai suatu kebaikan dalam kacamata agama (Al Eid & Arnout, 2020). Selaras dengan itu, telah disebutkan di dalam sebuah hadis riwayat daripada Suhaib RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ خَيْرٌ وَلَيْسَ ذَاكَ لِأَحَدٍ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ إِنْ أَصَابَتْهُ سَرَاءٌ شَكَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ وَإِنْ أَصَابَتْهُ  
ضَرَاءٌ صَبَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ

[Muslim, *Kitāb al-Zuhd wa al-Raqā’iq, Bāb al-Mu’min amruhu kulluhu khair*, nombor hadis 2999]

Maksudnya:

“Sungguh menakjubkan keadaan seorang mukmin. Seluruh urusannya itu baik, peerkarani tidaklah didapati kecuali pada seorang mukmin. Jika mendapatkan kesenangan, dia bersyukur, maka itu baik untuknya. Jika mendapatkan kesusahan, dia bersabar, maka itupun baik untuknya.”

iv. Kekal berada di Rumah

Al-Quran telah menegaskan tentang peri pentingnya untuk kekal berada di rumah kediaman masing-masing ketika suasana berada dalam keadaan bahaya, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Naml [27] ayat 18:

حَتَّىٰ إِذَا أَتَوْا عَلَىٰ وَادِ النَّمْلِ قَالَتْ نَمْلَةٌ ۖ يَا أَيُّهَا النَّمْلُ ادْخُلُوا مَسْكِنَكُمْ لَا يَحْطِمَنَّكُمْ سُلَيْمٌ وَجُنُودُهُ. وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ

۱۸

Maksudnya:



*(Maralah angkatan itu) hingga apabila mereka sampai ke Wād al-Naml, berkatalah seekor semut: “Wahai sekalian semut, masuklah ke sarang kamu masing-masing, jangan Sulaiman dan tenteranya memijak serta membinasakan kamu, sedang mereka tidak menyedari.”*

Dalam surah ini, Allah SWT menerangkan bagaimana seekor semut begitu prihatin terhadap keselamatan semut-semut lain, menasihati mereka memasuki sarang masing-masing, supaya tidak terpijak oleh Nabi Sulaiman AS bersama dengan tentera-tentera baginda. Ibn Kathīr (2000/10: 397) mentafsirkan bahawa ketika Nabi Sulaiman AS beserta bala tenteranya yang mengiringinya sampai di lembah semut, salah seekor semut merasa khawatir terhadap kaumnya yang akan binasa kerana terpijak oleh kuda-kuda pasukan Nabi Sulaiman AS. Maka dia menyeru kepada makhluk kaumnya untuk segera masuk ke dalam sarang-sarang mereka.

Menurut manta Syaikh al-Azhar, Muḥammad Mustafā al-Marāghī (w. 1945), al-Quran tidak menyebutkan kisah semut melainkan supaya menjadi pengajaran kepada orang berakal, sehingga mereka dapat memahami keadaan makhluk ini. Keadaan semut yang berjaya mengumpulkan rakannya untuk melarikan diri kerana adanya bahaya, seperti mengumpul mereka bertujuan untuk mencari sumber keperluan. Sehingga umat (kini) yang mengatur urusannya tidak dapat menandingi seperti apa yang dilakukan oleh bangsa semut itu. Sesungguhnya mereka adalah umat yang jahil lagi sesat, bahkan lebih hina daripada serangga dan kutu (al-Marāghī, 1946/19: 129). Ekoran daripada itu, dapat difahami bahawa kerapian dan kedisiplinan yang terdapat dalam kerajaan semut, dinyatakan Allah SWT dalam ayat di atas dengan bagaimana rakyat semut mencari perlindungan segera (setelah menerima peringatan daripada rakannya) agar jangan terpijak oleh Nabi Sulaiman AS dan tenteranya. Secara tidak langsung Allah SWT mengingatkan juga kepada manusia agar dalam berusaha untuk mencukupkan keperluan sehari-hari, mementingkan pula kemaslahatan bersama untuk berlindung di dalam rumah daripada keburukan yang mendatang dan sebagainya, rakyat semut mempunyai organisasi dan kerjasama yang baik pula.

Semut tersebut merupakan salah seekor semut askar yang berperanan memegang pertahanan koloni dan menjaganya daripada sebarang bahaya. Secara logik semut pekerja inilah yang mula-mula dapat mengesan sebarang bahaya yang menghampiri koloni tersebut, seperti kedatangan Nabi Sulayman AS dan angkatan tentera baginda kerana semut tersebut berlegar di luar sarang (Hilmi et al., 2014). Dengan begitu, semut itu dapat menganggap bahawa Nabi Sulaiman AS dan tenteranya adalah makhluk lebih besar yang boleh membinasakan warga semut apabila mereka memijaknya. Justeru semut itu berusaha untuk dapat melarikan diri dari sesuatu bahaya dengan daya kefahaman yang dijadikan Allah SWT dalam tabiatnya untuk memelihara kehidupan koloni semut. Satu pengajaran yang boleh didapati daripada peristiwa ini ialah bagaimana haiwan sekecil itu mempunyai perasaan kasih dan sayang kepada kaumnya, supaya terhindar daripada kemusnahan dengan berlindung di dalam sarang ketika masa sukar. Walaupun sarang semut tidaklah sekukuh mana namun ikhtiar untuk menyelamatkan diri perlu dilakukan tanpa sebarang alasan penangguhan.

## **v. Lakukan Ikhtiar dan Sebab**

Umat Islam perlu menyedari dan memahami bahawa tidak berlaku sesuatu di langit atau di bumi melainkan dengan kehendak Allah SWT. Apabila hakikat ini dihayati maka dapat menimbulkan ketenangan di dalam hati. Tentunya seorang muslim perlu berikhtiar untuk mengelak dijangkiti dengan apa juga cara yang difikir berkesan termasuk tindakan kuarantin, menjaga kebersihan diri, mengambil pemakanan yang seimbang, jarak sosial seperti yang diarahkan oleh pihak berwajib dan perubatan (Rahman, & Zaluki, 2020). Ikhtiar berubat dengan ayat al-Quran direkomendasikan oleh Allah SWT menerusi firman-Nya dalam surah al-Isra' [17] ayat 82:

وَنُزِّلَ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ ۖ وَرَحْمَةٌ ۖ لِلْمُؤْمِنِينَ ۖ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا ۝ ٨٢

Maksudnya:

*Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Quran ayat-ayat Suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua.*

Tafsiran ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT menurunkan al-Quran yang menjadi ubat penawar daripada kejahilan, kesesatan, menghilangkan penyakit teruk, kemunafikan, penyelewengan dan kemusyrikan. al-Quran menjadi rahmat bagi orang beriman yang mengamalkan segala kefarduan. Mereka menghalalkan apa yang diharamkan dan mengharamkan apa yang diharamkan. Sehingga mereka memasuki syurga dan berjaya daripada azab-Nya (al-Marāghī, 1946: 15/86). Oleh sebab itu, Islam telah mengharuskan untuk merawat pesakit dengan melakukan ikhtiar dan sebab dengan kolaborasi erat dengan bertawakal kepada Allah SWT. Hal ini membuktikan keyakinan paripurna bahawa tiada siapa yang mampu menghalang, memberi manfaat dan juga kemudaratannya selain-Nya. Menurut Ibn Rajab al-Ḥanbalī (w. 1393), salah seorang ulama Sunni tersohor beraliran Mazhab Hambali berpandangan bahawa tawakal menunjukkan hati yang benar-benar bergantung kepada Allah SWT dalam mendapatkan kemaslahatan dan menolak kemudaratannya dalam perkara dunia dan juga akhirat, dalam sekecil-kecil hingga sebesar-besar perkara (Ibn Rajab, 2001). Urutan daripada itu, untuk menghadapi wabak Covid-19 antara usaha yang dapat dilakukan adalah sebagaimana yang dinasihatkan oleh Rasulullah SAW menerusi hadis yang diriwayatkan oleh Usāmah ibn Zaid RA. Baginda SAW bersabda:

إِذَا سَمِعْتُمْ بِالطَّاعُونَ بِأَرْضٍ فَلَا تَدْخُلُوهَا وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا مِنْهَا

[al-Bukhārī, *Kitāb al-Ṭib*, *Bāb mā yudhkar fī al-ṭāʾun*, no. 5396]

Maksudnya:

*“Apabila kamu mendengar berita mengenai penyakit Taun di sesebuah tempat, maka janganlah kamu memasukinya, dan sekiranya kamu berada di tempat yang berlakunya Taun, maka janganlah pula kamu keluar daripadanya.”*

Ikhtiar lainnya yang dapat dilakukan adalah membacakan kepada orang yang sakit dengan al-Fatihah. Kelebihan surah al-Fatihah ini dapat dirujuk kepada peristiwa bagaimana seorang sahabat Rasulullah SAW bernama Abū Saʿīd al-Khudrī RA yang telah menjampi seorang ketua kampung yang terkena sengatan binatang berbisa. Abū Saʿīd al-Khudrī RA membaca al-Fatihah untuk merawat dan dengan izin Allah SWT, pesakit itu sembuh seperti sediakala.

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ أَنَّ نَاسًا مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانُوا فِي سَفَرٍ فَمَرُّوا بِحَيٍّ مِنْ أَحْيَاءِ الْعَرَبِ فَاسْتَضَافُوهُمْ فَلَمْ يُضِيفُوهُمْ فَقَالُوا لَهُمْ هَلْ فِيكُمْ رَاقٍ فَإِنَّ سَيِّدَ الْحَيِّ لَدَيْغٌ أَوْ مُصَابٌ فَقَالَ رَجُلٌ مِنْهُمْ نَعَمْ فَأَتَاهُ فَرَقَاهُ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ فَبَرَأَ الرَّجُلُ فَأَعْطِيَ قَطِيعًا مِنْ غَنَمِ أَبِي أَنْ يَقْبَلَهَا وَقَالَ حَتَّى أَذْكَرَ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَكَرَ ذَلِكَ لَهُ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَاللَّهِ مَا رَقَيْتُ إِلَّا بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ فَتَبَسَّمَ وَقَالَ وَمَا أَذْرَاكَ أَنَّهَا رُقِيَةٌ ثُمَّ قَالَ خُذُوا مِنْهُمْ وَاصْرُبُوا لِي بِسَهْمِ مَعَكُمْ

[al-Bukhārī, *Kitāb al-Ṭib, Bāb al-Ruqyā bi fāṭihat al-kitāb*, no. 5404]

Maksudnya:

“*Sesungguhnya beberapa orang daripada kalangan sahabat Rasulullah SAW sedang berada dalam perjalanan. Mereka pergi ke salah sebuah kampung Arab dan mereka berharap agar boleh menjadi tetamu kepada penduduk kampung tersebut. Namun ternyata penduduk kampung itu tidak mahu menerima mereka. Tetapi ada yang bertanya: “Adakah ada antara kamu yang boleh menjampi? Ini kerana penghulu kampung kami terkena sengat.” Salah seorang dari para sahabat menjawab: “Ya, ada.” Lalu beliau menemui ketua kampung tersebut dan menjampinya dengan surah al-Fatihah. Kemudian ketua kampung tersebut sembah, maka sahabat tersebut diberi beberapa ekor kambing. Beliau tidak mahu menerimanya dan mengajukan syarat: “Aku akan menyampaikannya kepada Nabi SAW.” Beliau pun pulang menemui Nabi SAW dan menyatakan pengalaman tersebut. Beliau berkata: “Ya Rasulullah! Demi Allah, aku hanya menjampi dengan surah al-Fatihah.” Baginda SAW tersenyum dan bersabda: “Bagaimana engkau tahu bahawa al-Fatihah itu memang merupakan jampi?” Kemudian Baginda SAW bersabda lagi: “Ambillah pemberian daripada mereka dan pastikan aku mendapatkan bahagian bersama kamu.”*”

## vi. Imun dengan Zikir

Tiada jenis penyakit sama ada penyakit hati mahupun jasmani, melainkan dalam al-Quran terdapat kaedah sebagai terapi penyembuhannya. Salah satu bukti daripada wacana ini, dapat dilihat berkaitan penyakit hati dalam diri seseorang (Usman et al., 2020). Firman Allah SWT dalam surah al-Ra'd [13] ayat 28 menawarkan rawatan hati:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ۚ ٢٨

Maksudnya:

*(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikirullah. Ketahuilah dengan zikirullah itu, tenang tenteramlah hati manusia.*

Zikir dari sudut bahasa bermaksud sebut dan mengingati. Manakala dari sudut istilah pula, zikir merupakan sesuatu perkara yang dilakukan dengan tujuan mengingati Allah SWT sehingga terlepas daripada kelalaian dan kelupaan hati dengan sentiasa merasakan kehadiran hati berserta Allah SWT (al-Sakandarī, 1961). Dengan begitu, zikir bermaksud ingatan dan kehadiran hati yang kuat lagi berterusan terhadap makna-makna ketuhanan Allah SWT sehingga terbuang kelalaian daripada hati dengan cara-cara yang dibolehkan oleh syarak seperti menerusi ucapan, perbuatan atau dengan hati.

Terdapat banyak ayat al-Quran berkaitan seruan agar kita sentiasa berzikir dengan mengingati Allah SWT. Antaranya firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab [33] ayat 41:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا ۚ ٤١

Maksudnya:

*Wahai orang-orang yang beriman, (untuk bersyukur kepada Allah) ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya.*

al-Qurṭubī (2006/7: 128) mentafsirkan bahawa Allah SWT memerintahkan kepada hamba-Nya untuk mengingati dan mensyukuri-Nya. Hendaklah mereka membanyakkan perkara itu disebabkan rezeki yang dilimpahkan kepada mereka. Malah Allah SWT menjadikan perkara tersebut (zikir dan syukur) tanpa batasan memandangkan ianya mudah dilakukan oleh seorang hamba bahkan besarnya ganjaran pahala yang terkandung padanya.

Meskipun vaksin mengatasi penyakit Covid-19 telah ditemui tetapi umat Islam mempunyai kekebalan secara rohani dengan melipatgandakan doa kepada Allah SWT supaya diberikan perlindungan, sekali gus dijauhkan penyakit berbahaya. Justeru umat Islam yang menjalani Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di rumah berupaya membantu dengan memperbanyakkan amalan kerohanian sebagai ikhtiar. Terdapat pelbagai amalan dalam usaha melindungi diri daripada wabak tetapi terdapat amalan khusus melalui zikir dan doa yang diajarkan, sekali gus boleh dipraktikkan bersama-sama bagi menghadapi detik kritikal ini. Antaranya adalah dengan melazimi membaca dua ayat terakhir daripada surah al-Baqarah sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abū Mas‘ūd RA:

عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ قَرَأَ بِالْآيَتَيْنِ مِنْ آخِرِ سُورَةِ الْبَقَرَةِ فِي لَيْلَةِ كَفَّتَاهُ  
(al-Bukhārī, *Kitāb Faḍā'il al-Qur'ān*, *Bāb Faḍl surah al-Baqarah*, nombor hadis 4723)

Maksudnya:

“Siapa yang membaca dua ayat terakhir daripada surah al-Baqarah pada malam hari, maka ia sudah cukup.”

### vii. Menjaga Kebersihan

Kebersihan merupakan perkara yang menjadi tanggungjawab semua masyarakat dan tidak tertumpu kepada pihak berkuasa sahaja. Dalam bahasa Arab, kebersihan merujuk kepada perkataan *al-naẓāfah* iaitu penyucian (Ibn Manẓūr, 2010/9: 336). Kebersihan ini bermula daripada fizikal seseorang individu sehingga kepada kebersihan alam sekitar keseluruhannya. Dari sudut kesihatan, penjagaan kebersihan adalah salah satu perkara amat ditekankan. Ini termasuk penjagaan diri dan kawasan persekitaran diduduki. Bagi kanak-kanak dan warga tua, mereka lebih terdedah kepada penyakit khususnya wabak dan virus (She, Liu, & Liu, 2020).

Oleh itu, penjagaan kebersihan perlu diberi pendedahan, penekanan dan diamalkan oleh semua lapisan masyarakat. Senario yang berlaku disebabkan virus Covid-19 ini menunjukkan perubahan yang ketara kepada masyarakat di Malaysia. Setiap individu mula mengamalkan sikap menjaga kebersihan dengan kerap membasuh tangan, menjaga diri dari bergerak dan berada di tempat kotor sehingga menyucikan barang belian sebelum disimpan atau dimasak. Normal baharu ini pasti memberi impak besar kepada kesihatan masyarakat dengan setiap individu memastikan kawasan sekeliling mereka bersih dan bebas dari kotoran (Awan, Shamim, & Ahn, 2020). Allah SWT berfirman dalam surah al-Anfal [8] ayat 11:

إِذْ يُعَشِّيكُمُ النُّعَاسَ أَمَنَةً ۖ مِنْهُ وَيُنَزِّلُ عَلَيْكُمْ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً ۖ لِيُطَهِّرَكُم بِهِ ۖ وَيُذْهِبَ عَنْكُمْ رِجْزَ الشَّيْطَانِ وَلِيَرْبِطَ عَلَى قُلُوبِكُمْ وَيُثَبِّتَ بِهِ الْأَقْدَامَ ۙ ۱۱

Maksudnya:

*(Ingatlah) ketika kamu diliputi perasaan mengantuk sebagai satu (pemberian) aman dari Allah (untuk menghapuskan kecemasan kamu). Dan (ingatlah ketika) Ia menurunkan kepada kamu hujan dari langit untuk mensucikan kamu dengannya dan menghapuskan dari kamu gangguan Syaitan, dan juga untuk menguatkan hati kamu dan menetapkan dengannya tapak pendirian (kamu di medan perjuangan).*

Ayat di atas membuktikan bahawa Allah SWT menurunkan hujan daripada langit kepada hamba-Nya untuk mensucikan mereka daripada segala kekotoran dan kekejian. Begitu juga untuk menghapuskan daripada gangguan Syaitan dan keburukannya (al-Sa'di, 2002). Oleh itu, sekiranya umat Islam mengambil hikmah dari Covid-19 ini, pasti tiada masalah untuk meletakkan kebersihan sebagai perkara utama yang perlu dilaksanakan dalam seharian.

## **Kesimpulan**

Wabak pandemik bukanlah suatu fenomena ganjil dan hanya berlaku mutakhir ini. Perkongsian sarjana Islam membuktikan peristiwa tersebut telah pun berlaku seawal zaman bani Israel. Dalam al-Quran meskipun tidak secara terperinci turut mendedahkan beberapa ayatnya yang mengandungi perbincangan tentang virus, wabak, dan sebagainya. Ayat-ayat al-Quran yang menyatakan tentang perkara ini antaranya terdapat dalam surah al-Baqarah [2] ayat 26, 243 & 249, al-Anbiya [21] ayat 83 dan selainnya.

Sebagai orang beriman mereka dituntut untuk reda dengan ketetapan yang Allah SWT telah tentukan. Justeru Allah SWT akan menganugerahkan kepada mereka hidayah dan petunjuk dengan keimanan mereka terhadap segala yang telah ditakdirkan oleh-Nya. Jika Allah SWT mentakdirkan seluruh dunia dijangkiti virus Covid-19 walaupun setelah pelbagai usaha dan ikhtiar dilakukan, maka sebagai makhluk yang kerdil, manusia tidak dapat membendungnya. Ekoran daripada itu, wabak pandemik Covid-19 semestinya dihayati sebagai siraman rahmat dan kasih sayang Allah SWT kepada mukmin. Dengan erti kata lain, jika penyakit tetap menyimpannya, mereka kekal yakin akan anugerah keampunan dan pahala yang besar. Justeru itu, komitmen kesabaran turut dipertaruhkan dalam menjalani tempoh kuarantin dan isolasi dengan tenang di rumah masing-masing. Sebaliknya bagi orang kafir, hakikat ini kabur dalam ideologi dan pemikiran mereka. Implikasinya mereka terus terbelenggu daripada kearifan hikmah yang cuba disampaikan oleh Allah SWT menerusi wabak ini.

Dengan keadaan yang tidak terkawal akibat virus, non-muslim hanya akan bergantung kepada bantuan teknologi semata untuk mengekang penularan serta rawatan penyakit. Mereka tidak mengetahui bahawa sehebat mana pun teknologi ciptaan manusia, sebenarnya masih tidak boleh menandingi kehebatan dan kekuasaan Allah SWT. Adapun umat Islam menjadikan al-Quran sebagai panduan dalam mengatasi wabak pandemik ini. Al-Quran menawarkan beberapa catatan penting untuk diikhtiarkan bagi membendung penularan virus Covid-19 ini, antaranya bertawakal, tabayun atas setiap berita, sabar, melazimi rumah, perbanyakkan zikir, dan kekal menjaga kebersihan.

## **Rujukan**

Ahmad, Z., & Ahad, A. (2021). COVID-19: A Study of Islamic and Scientific Perspectives. *Theology and Science*, 19(1), 32-41. <https://doi.org/10.1080/14746700.2020.1825192>.

- Al Eid, N. A., & Arnout, B. A. (2020). Crisis and disaster management in the light of the Islamic approach: COVID-19 pandemic crisis as a model (a qualitative study using the grounded theory). *Journal of Public Affairs*, 20(4). <https://doi.org/10.1002/pa.2217>.
- al-‘Asqalānī, I. H. (t.th.). *Badhl Mā‘ūn fī Faḍl al-Ṭā‘ūn*. Riyadh: Dar al-‘Asimah.
- al-‘Asqalānī, I. H. (2005). *Faḥḥ al-Bārī: Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Jil. 13. Beirut: Dar al-Tayyibah.
- al-Ghazālī, A. H. (1998). *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Jil 3. Kaherah: Dar al-Hadith.
- al-Marāghī, A. M. (1946). *Tafsīr al-Marāghī*. Jil. 15 & 19. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- al-Qurṭubī, A. A. (2006). *al-Jāmi‘ li aḥkām al-Qur‘ān*. Jil. 2 & 7. Beirut: Maktabah al-Risalah.
- al-Rāzī, F. D. (1995). *al-Tafsīr al-Kabīr*. Jil. 1. Beirut: Dar Iḥyā’ al-Turath al-‘Arabi.
- al-Sa’dī, A. (2002). *Taysīr al-Kalīm al-Raḥmān*. Arab Saudi: Dar al-Salam.
- al-Sakandarī, A. (1961). *Miftāḥ al-falāḥ wa miṣbāḥ al-arwāḥ*. Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- al-Ṭabarī, A. J. (t.th.). *Tafsīr al-Ṭabarī: Jāmi‘ al-bayān ‘an ta’wīl āy al-Qur‘ān*. Jil. 1 & 22. Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah.
- Alyanak, O. (2020). Faith, politics and the COVID-19 pandemic: the Turkish response. *Med. Anthropol*, 1-2. <https://doi.org/10.1080/01459740.2020.1745482>.
- Arikrishnan, S. (2020). Sejarah perubatan dan kesihatan di Kedah sebelum kedatangan British. *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 29(1). Diperoleh dari <https://ejournal.um.edu.my/index.php/SEJARAH/article/view/21972>.
- Ayalon, Y. (2021). Epidemics in premodern Middle Eastern society and thought. *History Compass*, 19(3). <https://doi.org/10.1111/hic3.12651>.
- Awan, M. I., Shamim, A., & Ahn, J. (2020). Implementing ‘cleanliness is half of faith’ in re-designing tourists, experiences and salvaging the hotel industry in Malaysia during COVID-19 pandemic. *Journal of Islamic Marketing*. <https://doi.org/10.1108/JIMA-08-2020-0229>.
- Cowman, A. F., Healer, J., Marapana, D., & Marsh, K. (2016). Malaria: biology and disease. *Cell*, 167(3), 610-624. <https://doi.org/10.1016/j.cell.2016.07.055>.
- Hestina, N. A. (2020). Wabah penyakit menular (Covid 19) dan perumpamaan dalam al-Quran. *Mumtaḥ: Jurnal Studi Al-Quran dan Keislaman*, 4(02), 125-138. <https://doi.org/10.36671/mumtaḥ.v4i02.132>.
- Hilmi, A. B., Amir, S., Yakub, M., Yusoff, Z. M., & Ibrahim, A. F. (2014). Terjemahan al-Qur’an Bahasa Melayu penilaian berasaskan Tafsīr ‘Ilmī. *Jurnal Usuluddin*, 39, 111-134. Diperoleh dari <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/7474>.
- Hussain, A. A., & Ahmad, M. K. (2020). Takhsis al-Nutq dengan qiyas dan aplikasi hukumnya dalam mencegah pandemik Covid-19. Dlm. W. A. F. Wan Ismail et al. (Pnyt.), *INSLA E-Proceedings*, 3(1), 207-221. Diperoleh dari <https://insla.usim.edu.my/index.php/e proceeding/article/view/48/62>.
- Ibn Kathīr, A. F. (2000). *Tafsīr al-Qur‘ān al-‘Azīm*. Jil. 1, 7, 9 & 10. Beirut: Mu’assasah Qurtubah.
- Ibn Manẓūr, M. (2010). *Lisān al-‘Arab*. Jil. 9. Beirut: Dar al-Sadir.
- Ibn Qayyim, J. (1993). *Mukhtaṣar Madārij al-Sālikin*. Iskandariyah, Mesir: Dar al-Da’wah.
- Ibn Rajab, H. (2001). *Jāmi‘ ‘Ulūm wa al-Ḥikam*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Ibrahim, M. A., Yusoff, M., Yakub, M., & Abdul Aziz, A. (2012). Kemukjizatan biologi dalam al-Qur’an dari perspektif sains: satu tinjauan. Dlm. Anon (Pnyt.), *Proceedings: The 2nd Annual International Qur’anic Conference 2012*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Diperoleh dari <http://eprints.um.edu.my/13997/1/%28213-224%29.pdf>.
- Khenenou, T., Laabed, S., & Laabed, O. (2020). Did the Quran mention Covid-19 pandemic? Medical and sanitary prophylaxis of this disease. *Journal of Medical Biomedical and Applied Sciences*, 8(4), 375–377. <https://doi.org/10.15520/jmbas.v8i4.222>.

- Komarova, N. L., Schang, L. M., & Wodarz, D. (2020). Patterns of the Covid-19 pandemic spread around the world: exponential versus power laws. *Journal of the Royal Society Interface*, 17(170). <https://doi.org/10.1098/rsif.2020.0518>.
Gambar 2: Kelas al-Quran Menggunakan Google Meet





Gambar 3: Channel YouTube Ustaz Mohamad Redha

b) Masa yang banyak untuk membaca dan belajar al-Quran

PKP telah mengakibatkan rakyat perlu berada di rumah pada kebanyakan masa. Oleh itu, individu yang beriman mesti mengambil peluang ini untuk mendekati diri kepada Allah SWT. Setiap individu harus yakin bahawa Allah akan sentiasa membantu dan memberi jalan keluar kepada hamba-hambanya. Antara ibadat utama yang boleh dilakukan adalah dengan memperbanyakkan bacaan al-Quran. Bagi yang telah mahir membaca al-Quran, penambahbaikan boleh dilakukan dari pelbagai sudut seperti makhraj huruf, sifat huruf dan teknik *waqf ibtida'* dengan mengikuti kelas-kelas mengaji al-Quran atas talian.

Kebanyakan rakyat Malaysia telah diarahkan untuk bekerja dari rumah (BDR) bagi mencegah penularan wabak ini. Kerajaan dan institusi televisyen mengambil inisiatif untuk melancarkan program-program ilmiah melalui medium televisyen. Antara program pendidikan al-Quran yang boleh ditonton di televisyen adalah #QURANTIME, 30 Minit Bersama Ustaz Don dan Tilawah Interaktif di TV1 (Mohamad, Mohamad, Mohamad & Sulaiman, 2020). Rakyat Malaysia harus mengambil peluang ini untuk bersama-sama membaca dan mempelajari al-Quran bersama keluarga. Sebagai contoh, rancangan #QURANTIME telah diterbitkan oleh TV al-Hijrah dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Warisan Ummah Ikhlas. Rancangan ini menggunakan *tagline* yang menarik iaitu MengQurankan Bangsa, Mengikhhlaskan Ummah. Penonton seisi keluarga berpeluang bertadurus bersama-sama tetamu jemputan dari pelbagai latar belakang seperti ilmuan agama, ahli akademik dan huffaz.

Selain itu, masa yang banyak juga memberi peluang untuk bertadabbur ayat-ayat al-Quran (Abdul Aziz, Mohd Ali & Mahyuddin, 2020). Tadabbur ialah usaha untuk mencari makna di sebalik zahir sesuatu ayat al-Quran. Setiap manusia yang beriman dituntut untuk membaca, memahami dan menghayati isi kandungan al-Quran. Firman Allah SWT dalam surah Muhammad ayat 24:

أَفَلَا يَتَذَبَّرُونَ أَلَمْ نَكُفِّرْ بَدَنَهُمْ لَمَّا كَفَرُوا بَلْ كَانُوا يَكْفُرُونَ

Maksudnya:

*“(Setelah diterangkan yang demikian) maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi Al-Quran? Atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran Al-Quran)?”*

Umat Islam juga dituntut untuk menjadikan al-Quran sebagai bacaan dan zikir harian. Mungkin saja ramai dalam kalangan orang yang berkerjaya tidak berkesempatan untuk membaca al-Quran pada setiap hari. Hikmah daripada PKP, setiap individu boleh mengatur jadual masing-masing untuk membaca al-Quran sama ada secara bersendirian atau bersama keluarga. Pelbagai kisah boleh dibaca dan diambil pengajaran dari al-Quran yang mengandungi banyak pengajaran, pedomam dan iktibar.

c) Masa yang banyak bersama keluarga

Covid-19 turut memberi kesan terhadap institusi keluarga sehinggalah kepada aspek kesejahteraan manusia (Abdul Aziz, Mohd Ali & Mahyuddin, 2020). Keluarga merupakan asas utama dalam pembinaan dan kekuatan sesebuah negara dan peradaban (Mochammad Sahid, Hashim & Amar, 2020). Perhatian yang tinggi dan sepenuh hati perlu diberikan terhadap keluarga supaya dapat

membina keluarga yang sakinah dan harmoni. Allah SWT berfirman dalam surah al-Tahrim ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ ...

Maksudnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala)...”*

Jika dilihat dari sudut positif, PKP memberi hikmah yang besar dari sudut institusi kekeluargaan. Masa yang banyak di rumah dapat digunakan untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan, ibu bapa dengan anak-anak, sesama adik-beradik dan juga saudara mara. Keluarga perlu dijadikan keutamaan kerana mereka adalah insan yang paling hampir bagi setiap individu. Antara aktiviti bersama yang boleh dilakukan adalah beribadat seperti solat berjemaah, membaca al-Quran bersama, sesi perkongsian ilmu, sesi perbincangan, menonton televisyen dan juga beriadah. Semua aktiviti ini akan membina hubungan kekeluargaan yang kukuh dan mantap.

Ibu bapa juga boleh mengambil peluang berada di rumah untuk memberi pendidikan yang terbaik untuk anak-anak. Antara kisah dari al-Quran untuk direnung adalah kisah didikan Luqman al-Hakim terhadap anaknya dalam surah Luqman ayat 13 hingga 19. Penerapan ilmu-ilmu asas seperti akidah, fardu ain, akhlak, solat dan bacaan al-Quran perlu ditanamkan kepada anak-anak dalam usaha melahirkan modal insan terbaik. Akhlak dan adab yang boleh diterapkan antaranya menghormati golongan tua, merendahkan suara, sopan santun, tidak berbohong dan sabar ketika menghadapi musibah (Mochammad Sahid, Hashim & Amar, 2020). Sirah Rasulullah SAW juga boleh dikisahkan kepada anak-anak sebagai contoh tauladan yang terbaik dalam menguruskan rumah tangga. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Ahzab ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ۚ

Maksudnya:

*“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).”*

d) Mendidik supaya bersabar dan bertenang ketika musibah hadir

Tidak sekadar masalah kesihatan, wabak ini juga berisiko memberi tekanan mental terhadap masyarakat (Abdul Aziz, Mohd Ali & Mahyuddin, 2020). Secara tidak langsung, ia memberi tekanan terhadap psikologi seperti kesedihan, kemarahan, ketakutan, kekecewaan, putus asa, rasa bersendirian, kerisauan, kerinduan, keclaruan dan banyak lagi (Sudi & Yama, 2020). Jumlah individu yang terkesan dengan wabak ini sangat ramai. Walau bagaimanapun, setiap individu yang beriman pasti memahami mereka akan diuji oleh Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah al-Ankabut ayat 2:

أَحْسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ۚ

Maksudnya:

*“Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)?.”*

Golongan beriman perlu bersangka baik dengan Allah SWT. Setiap perkara yang berlaku pasti ada hikmahnya. Allah memberi umat Islam ruang dan masa untuk bermuhasabah diri. Masyarakat juga dapat melihat kerajaan tidak berlepas tangan dalam menangani perkara ini. Pelbagai insentif telah diberikan oleh kerajaan seperti bantuan sara hidup, pemberian *moratorium*, pelanjutan tempoh bayaran hutang, pengeluaran wang KWSP dan lain-lain (Abdul Aziz, Mohd Ali & Mahyuddin, 2020). Terdapat juga bantuan dari perseorangan atau institusi dalam membantu golongan yang terkesan. Sebagai contoh, rakyat Malaysia sangat mengenali Ebit Liew sebagai seorang yang dermawan dan banyak membantu golongan susah. Manakala masjid dan surau juga turut sama membantu dengan melaksanakan program Gerobok Rezeki. Gambar di bawah menunjukkan senarai beberapa masjid yang melaksanakan program Gerobok Makanan di Negeri Sembilan:



Gambar 4: Senarai Masjid dengan Gerobok Makanan di Negeri Sembilan

Sumber: Facebook YAB Menteri Besar Negeri Sembilan

Ikatan seseorang yang kuat dengan pencipta akan memudahkan mereka untuk memperoleh kedamaian dan ketenteraman dalam kehidupan (Abdul Aziz, Mohd Ali & Mahyuddin, 2020). Setiap individu perlu bersabar walau apa jua yang melanda dirinya dan menyerahkan sepenuhnya pergantungan kepada Allah SWT. Terdapat hadis-hadis Rasulullah SAW yang menyatakan sakit merupakan penghapus dosa dan sabar adalah sifat orang beriman (Rozani & Ahmad Fuad, 2020). Antara sifat orang beriman adalah percaya bahawa setiap perkara yang Allah takdirkan bagi dirinya adalah baik. Sabda Rasulullah SAW:

عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ، إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ خَيْرٌ، وَلَيْسَ ذَاكَ لِأَحَدٍ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ، إِنْ أَصَابَتْهُ سَرَّاءٌ شَكَرَ، فَكَانَ خَيْرًا لَهُ، وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَّاءٌ، صَبَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ.

[Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Zuhd wa al-Raqā'iq, Bāb al-Mu'min Amruhu Kulluhu Khayr*, no hadis 2999]

Maksudnya:

*“Amat menakjubkan urusan seorang Mukmin kerana setiap urusannya adalah baik dan itu tidak akan berlaku kepada seorang pun kecuali kepada seorang Mukmin (yang sempurna keimanannya). Jika dia mendapat sesuatu yang menggembirakan dia bersyukur, maka itu adalah kebaikan baginya. Jika dia ditimpa kesusuhan dia bersabar, maka itu adalah kebaikan baginya.”*

Semua perkara di atas mendidik supaya umat Islam bersabar dan bertenang ketika dilanda musibah. Allah memerintahkan hambaNya supaya meminta pertolongan dariNya dengan kesabaran dan mengerjakan solat. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 153:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ١٥٣

Maksudnya:

*“Wahai sekalian orang-orang yang beriman! Mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan) dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) sembahyang; kerana sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang-orang yang sabar.”*

### Kesimpulan

Ketika ini, rakyat Malaysia masih lagi bergelut dan berusaha untuk meredakan gelombang Covid-19. PKP masih lagi diteruskan pada saat artikel ini ditulis (23 Julai 2021). Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi membantu golongan yang terkesan. Oleh itu, setiap individu yang beriman digalakkan untuk kembali kepada ajaran Islam, menunaikan ibadat dan bermuhasabah diri. Bacaan al-Quran juga perlu diperbanyakkan, ditambahbaik dan ditadabbur bagi memahami situasi yang sedang dihadapi. Kembalilah kepada ajaran al-Quran dan al-Sunnah ketika merenung hikmah dan pengajaran bagi setiap perkara yang terjadi. Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa hikmah PKP seperti penggunaan kaedah atas talian secara meluas untuk pembelajaran al-Quran, masa yang banyak untuk membaca al-Quran dan juga bersama keluarga serta mendidik diri supaya sentiasa bersabar dan bertenang. Implikasi daripada dapatan kajian adalah mustahak untuk mendidik masyarakat menghayati isi kandungan al-Quran walau dalam apa jua keadaan.

### Rujukan

Abd Ghani, A. R. (2021). Pelaksanaan & Penilaian PDPR Hafazan al-Quran. *Kertas Kerja Pembentangan Webinar*. Konvensyen Tahfiz Peringkat Kebangsaan, Jabatan Agama Islam Selangor.

Abdul Aziz, A. A., Mohd Ali, M. Z. & Mahyuddin, K. M. (2020). *Cabaran norma baharu hijrah bersepadu ke arab kesejahteraan kendiri*. Diakses dari [https://drive.google.com/file/d/1aoiUJ5YIR5XnuO3P6vt5Y\\_578tsH7HzA/view](https://drive.google.com/file/d/1aoiUJ5YIR5XnuO3P6vt5Y_578tsH7HzA/view)

Alias, N., Hasin, A. & Daud, Z. (2020). Covid-19: Isu dan Solusi Pelaksanaan PdP dalam Talian bagi Kursus Hifz al-Quran IV di USIM. *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains*. Nilai: USIM Press.

Hasbollah Hajimin, M. N. H., Omar, M. F. F., Hasan, N. B., Marinsah, S. A. & Ibrahim, I. A. (2020). *Sekatan migrasi berdepan pandemik dalam Islam: Aplikasi Malaysia menangani Covid-19*. Diakses dari [https://drive.google.com/file/d/1aoiUJ5YlR5XnuO3P6vt5Y\\_578tsH7HzA/view](https://drive.google.com/file/d/1aoiUJ5YlR5XnuO3P6vt5Y_578tsH7HzA/view)

Hussin, H. (2021). Kepelbagaian Teknologi Digital dalam Proses Hafazan al-Quran. *Kertas Kerja Pembentangan Webinar*. Konvensyen Tahfiz Peringkat Kebangsaan, Jabatan Agama Islam Selangor. Mochammad Sahid, M., Hashim, H. & Amar, F. (2020). Prinsip Keluarga Islam Mendepani Norma Baharu Semasa Pandemik Covid-19. *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains*. Nilai: USIM Press.

Mohamad, N. K., Mohamad, M. R., Mohamad, M. S. & Sulaiman, S. (2020). Kaedah Pengajian al-Quran Secara Maya Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19. *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains*. Nilai: USIM Press.

Muslim, Abū al-Husīn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Naysabūrī. (1995). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Istanbul: al-Maktabah al-Islamīyah.

Rozani, M. A. S. & Ahmad Fuad, A. H. F. (2020). *Motivasi gaya Rasulullah SAW buat pesakit: Kajian terhadap kitab al-Marda dalam Sahih al-Bukhari*. Diakses dari [https://drive.google.com/file/d/16s-vtMbH1QUqotoAjRkLvYR\\_Tri-ISQk/view](https://drive.google.com/file/d/16s-vtMbH1QUqotoAjRkLvYR_Tri-ISQk/view)

Sudi, S. & Yama, P. (2020). Panduan nabawi dalam menghadapi stres ketika Covid 19. Diakses dari <https://drive.google.com/file/d/13qcU8uOoyoplq5tSVp3UzLE2xikne2zt/view>

## **BAB 6**

### **KOMPETENSI SYARIKAT JUARA TRAVEL BAGI AKTIVITI HAJI DAN UMRAH DALAM MENDEPANI CABARAN COVID 19**

Muhammad Yusuf Marlon Abdullah<sup>1</sup>, Ahmad A'toa' Bin Mokhtar<sup>1</sup>, Halim Bin Mokhtar<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

#### **Pengenalan**

Juara Travel & Tours Sdn Bhd adalah sebuah syarikat agensi pelancongan berlesen dan berdaftar di bawah Kementerian Pelancongan Malaysia ( No.KPK/LN 2819) semenjak tahun 1994 dan merupakan ahli Malaysian Association of Tour and Travel Agents (MATTA) dan BUMITRA Malaysia.

Bermula sebagai sebuah syarikat kecil seramai 3 orang kakitangan, Juara Travel & Tours Sdn Bhd telah berkembang maju dan telah membuka peluang pekerjaan dengan penubuhan cawangan kami di Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Perak dan Sarawak. Amat berpengalaman dalam bidang pengurusan umrah selama lebih kurang 10 tahun, Juara Travel & Tours Sdn Bhd telah mengendalikan kurang lebih 30,000 jemaah sehingga kini. Jumlah ini bertambah dari hari ke hari. Kami menggunakan khidmat pembimbing umrah dan haji bertauliah lagi berpengalaman bagi menyantuni Jemaah umrah kami sebelum, semasa dan selepas mengerjakan ibadah umrah.

Selain daripada pengurusan umrah kami juga berpengalaman membawa pelancong mengembara secara individu mahupun berkumpulan ke luar seperti negara Sepanyol, Jepun, Korea, Indonesia, Turkey, Vietnam, China dan lain-lain. Juara Travel & Tours Sdn Bhd mempunyai kakitangan yang cekap dan pakar dalam bidang tugas masing-masing.

#### **Metodologi Kajian**

Metod kajian ini berdasarkan tinjauan secara penyelidikan berbentuk kualitatif iaitu kaedah temu bual dan pemerhatian. Informan yang ditemu bual adalah Ustaz Haji Mohammad Ahyat Bin Md Roslan sebagai Ketua Jabatan Pembangunan Jualan dan Cawangan Syarikat Juara Travel Sdn. Bhd. manakala informan kedua iaitu Puan Saniah Bt Salim iaitu pengurus cawangan Juara Travel di kawasan Port Dickson. Juara Travel daerah Port Dickson adalah salah satu cawangan yang berada di Negeri Sembilan. Terdapat beberapa lagi cawangan Juara Travel yang dibuka antaranya Kedah, Kelantan, Terengganu, Sarawak, Pulau Pinang, Perak, Johor dan Selangor. Cawangan juara Travel di daerah Port Dickson telah dibuka selama 5 tahun iaitu bermula pada tahun 2015 sehingga kini.

#### **Dapatan Kajian Kompetensi Syarikat Juara Travel Bagi Aktiviti Haji Dan Umrah Dalam Mendepani Cabaran COVID 19**

## Produk yang Ditawarkan

### a. Pakej Umrah

Pakej umrah yang ditawarkan adalah mengikut pakej yang telah disediakan oleh pihak Juara HQ seperti tarikh, harga, jenis kapal terbang dan lain-lain lagi. Di Juara Travel, tarikh-tarikh untuk melakukan umrah kebiasaannya bergantung kepada tarikh yang dipilih oleh agensi itu sendiri. Antara perkhidmatan yang disediakan untuk pakej umrah ialah penginapan hotel 3/4/5 bintang, barang kelengkapan seperti beg Juara Travel 1 set, penyediaan kursus umrah secara berjadual sebelum berangkat, mempunyai muassasah sendiri dengan mengeluarkan visa umrah, mutawwif/Pembimbing Umrah yang berilmu, program kuliah di tanah suci, jadual penerbangan, penggunaan alat bantuan komunikasi “Receiver” semasa pelaksanaan ibadah umrah yang ‘Pertama’, jarak hotel yang dekat/sederhana dan mempunyai barisan staf di Madinah dan Makkah yang professional (Ahyat Md Roslan, 2020).

### b. Pakej haji

Pihak Juara Travel juga telah menyediakan pakej Haji untuk Jemaah menunaikan ibadah Haji pada musim Haji. Namun, sebelum daftar Haji di Juara Travel, Jemaah perlu mendaftarkan nama ke Tabung Haji untuk giliran pergi ibadah Haji. Dan harga pakej Haji yang ditawarkan oleh Juara Travel sangat berpatutan dengan perkhidmatan yang disediakan (Ahyat Md Roslan, 2020).

Antara lain-lain perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Juara Travel semasa musim ibadah haji ialah:

BIL	PERKHIDMATAN	CATATAN
1	Bimbingan	Taklimat tanah air dan tanah suci akan dibimbing oleh pembimbing yang bertauliah dan berpengalaman
2	Petugas	Berpengalaman menguruskan Jemaah Haji
3	Makanan (Makkah, Madinah, Arafah, Mina)	Makanan 3x sehari
4	Cenderahati	Beg pakaian, beg troli, kain ihram, telekung, sarung tangan wanita, uncang kasut, beg sandang & uncang belakang serbaguna
5	Kursus Haji	Secara intensif dan taklimat akhir sebelum berlepas
6	Ziarah	7x umrah (3x Taneim, 3x Jaranah, 1x Hudaibiyah Makkah) & (7x Masjid Quba, Madinah)
7	Insurans Perjalanan	Atas permintaan jemaah dengan bayaran tambahan sebanyak RM 300

### c. Pakej Pelancongan

Juara Travel juga sebenarnya bukan sahaja menyediakan pakej Haji dan Umrah semata-mata. Pakej pelancongan pun disediakan. Dan yang paling menarik, pakej pelancongan ini berkonsepkan Islamik. Maksudnya, pakej ini akan membawa pelancong untuk pergi ke tempat makanan yang halal, tempat-tempat beribadah bagi orang Islam, tempat-tempat sejarah mengenai Islam dan sebagainya. Dan di antara destinasi yang tersedia adalah seperti ke Eropah, China, Turki, Vietnam, Korea dan pelbagai tempat menarik lagi (Ahyat Md Roslan, 2020).

### **Keistimewaan Juara Travel**

Setiap agensi pelancongan pasti mempunyai kelebihan masing-masing. Tidak kurang juga dengan Juara Travel Agensi yang mempunyai keistimewaan mereka sendiri yang tiada pada travel agensi yang lain. Seperti yang sedia maklum, Juara Travel & Tours ini lebih mengkhususkan kepada Haji dan Umrah. Keistimewaan-keistimewaan yang terdapat pada Juara Travel & Tours SDN BHD di Port Dickson ialah, mempromosikan tempat tinggal yang dekat dengan Mekah bagi pengikut Haji dan Umrah. Ianya untuk memudahkan perjalanan bagi pengikut-pengikut Haji dan Umrah agar mereka selesa untuk melakukan ibadah. Bukan itu sahaja, selain dari tempat tinggal yang dekat dengan tempat ibadah, Juara Travel juga menyediakan makanan-makanan Malaysia di mana mereka menggunakan katering orang Malaysia sendiri dan juga rempah ratus yang datang daripada Malaysia. Oleh itu, Jemaah Haji dan Umrah tidak perlu khawatir memikirkan makanan yang akan dibekalkan di sana.

Selain itu, Juara Travel juga menggunakan perkhidmatan yang lebih baik seperti menggunakan kapal terbang Saudi Air, Oman, dan Ijtihad yang selesa buat Jemaah-jemaah yang ke sana. Hal ini kerana, Juara Travel ingin memberikan suasana yang selesa kepada jemaah-jemaah yang akan melakukan ibadah di tanah suci, Mekah. Tambahan pula, kebanyakannya jemaah Haji dan Umrah ini tergolong dalam kalangan warga emas dan orang-orang tua.

Seterusnya, ejen pembimbing Umrah bagi Juara Travel kebanyakannya menggunakan dari pembimbing haji dimana kebanyakannya pembimbing Haji adalah pembimbing yang telah dilatih oleh Tabung Haji tersendiri. Perbezaan antara pembimbing Haji dan Umrah ini, pembimbing Haji ini telah dilatih oleh Tabung Haji dengan ilmu dan cara bekerja yang bagus. Bagi Juara Travel di Port Dickson, sebelum pembimbing membawa Jemaah Haji atau Umrah, mereka ini akan dibimbing oleh ketua bahagian di Port Dickson di mana mereka akan diuji dengan syarat yang telah ditetapkan.

Juara Travel & Tours ini juga menyediakan satu alat yang dipanggil sebagai *receiver* di mana pihak agensi ini akan memberikan alat itu kepada jemaah-jemaah Haji dan Umrah untuk mereka pakai bagi mengelakkan daripada berlakunya kehilangan dari kumpulan. Alat itu akan dipakai oleh jemaah bagi memudahkan urusan ejen atau pembimbing untuk memberi arahan kepada anak buah mereka atau juga untuk memberi tunjuk ajar untuk melakukan ibadah Haji dan Umrah. Mengikuti ketua Juara Travel cawangan Port Dickson, sepanjang jemaah memakai alat *receiver* itu belum lagi berlaku kes hilang atau Jemaah sesat. Alat itu telah digunakan sejak tahun 2015 hingga sekarang. Kelebihan alat itu juga adalah untuk jemaah menjejaki semula dimana pembimbing mereka berada jika jemaah jauh dari pembimbing Haji atau Umrah.

Akhir sekali, di Mekah atau Madinah Juara Travel juga membuat beberapa program silaturrahim seperti di kaki bukit Jabal Nur. Mereka akan melakukan solat maghrib dan isya' berjemaah kemudian memberi sedikit tazkirah dan juga menyediakan jamuan makan bagi jemaah-jemaah. Bukan itu sahaja, Juara Travel juga ada melakukan aktiviti yang dinamakan sebagai "Jalan-jalan



Subur Iman” bagi jemaah Umrah di mana pembimbing akan membawa jemaah-jemaah ke Raudhoh dan akan menceritakan mengenai sejarah-sejarah Islam yang berlaku di situ.

## **SOP Keselamatan Juara Travel**

Prosedur Operasi Standard (SOP) yang disediakan oleh syarikat Juara Travel berkaitan aspek keselamatan Jemaah iaitu mereka akan diberikan alat pemasangan (*receiver*) yang akan dipasang di telinga setiap para Jemaah supaya tidak hilang atau sesat serta akan mendapat sebarang maklumat melalui alat tersebut. Selain itu juga, Jemaah hanya memegang passport mereka daripada KLIA sehingga sampai di Jeddah sahaja. Apabila sampai di sana, semua passport ini akan diambil oleh Muassasah. Oleh itu, Jemaah tidak akan memegang passport apabila sampai di Jeddah dan akan dapat semula apabila sampai di Malaysia kelak. Pihak atasan Juara Travel Agensi juga akan berpesanan bekali-kali serta mengingatkan selalu akan menyimpan passport atau benda yang penting di dalam beg masing-masing serta memastikan beg tersebut berzip atau berkunci kerana takut ada Jemaah yang terlupa atau cuai akan benda tersebut (Puan Saniah, 2020).

Jika berlaku kemalangan yang membabitkan Jemaah di sana, sebagai pemakluman mereka mempunyai insurans masing-masing. Kebiasaannya kemalangan tidak berlaku kerana tiada kenderaan lain yang melalui kawasan tersebut. Kebanyakan Jemaah di sana hanya berjalan kaki sahaja. Jika ada Jemaah yang jatuh sakit, para staff Juara Travel Agensi yang akan membawa Jemaah ke hospital yang berdekatan. Buat setakat ini bagi Jemaah umrah yang menghidap sebarang penyakit contohnya seperti sakit buah pinggang. Jemaah tersebut perlu menyediakan surat doktor serta diberikan kepada ketua Juara Travel Agensi. Surat tersebut akan dihantar kepada petugas-petugas yang ada di Makah atau Madinah bagi Juara Travel Agensi. Pihak tersebut akan menyusun atau menyediakan tempat mencuci buah pinggang bagi Jemaah yang mengidap penyakit tersebut serta bergantung tahap sakit tersebut sama ada teruk ataupun tidak. Jika Jemaah demam sekalipun petugas akan membawa ke hospital bagi mendapatkan rawatan selanjutnya (Puan Saniah, 2020).

Sehubungan dengan itu juga, kesemua kos rawatan akan ditanggung penuh oleh Juara Travel Agensi berkaitan dengan rawatan sakit di hospital atau ubat-ubatan di sana. Pernah juga berlaku kes Jemaah yang meninggal dunia di sana dan secara automatik draf menurun secara drastik. Jika tiada insurans ia akan membahayakan bagi setiap Travel Agensi serta jika berlaku kes-kes seperti ini ia akan mengeluarkan kos yang begitu banyak iaitu mencecah puluhan ribu ringgit. Setakat ini jika berlaku sebarang kes seperti kematian ia belum lagi ditanggung sendiri oleh Jemaah itu sendiri. Ini adalah diantara kelebihan Juara Travel Agensi juga serta mayat Jemaah yang meninggal dunia akan dibawa pulang ke Tanah Air dengan dimandikan terlebih dahulu serta diuruskan oleh pihak Juara Travel Agensi. Kes seperti ini akan mengambil masa untuk dibawa pulang Jemaah yang meninggal dunia di sana kerana mempunyai banyak prosedur yang perlu diselesaikan terlebih dahulu (Puan Saniah, 2020).

## **Elemen-Elemen Dakwah yang Dijalankan oleh Juara Travel**

Melancong adalah satu perkara yang dibenarkan dalam Islam, malah Islam menggalakkan umatnya melancong ke tempat lain dengan tujuan yang baik serta tidak melanggar syariat Islam, serta mentadabbur alam yang diciptakan Ilahi bagi melihat kebesaran ciptaanNya. Apabila melancong haruslah memasukkan elemen dakwah agar pelancongan itu lebih bermakna dan dapat melihat atau menikmati keindahan ciptaan tuhan. Juara travel adalah satu agensi yang membawa umrah dan haji serta ke negara lain juga, akan tetapi setiap pelancongan yang di bawa oleh pengurus dan pembimbing dari agensi tersebut akan selitkan unsur dakwah, supaya melancong itu akan jadi lebih bermakna. Antara elemen dakwah yang digunakan pengurus juara travel dan sangat dititikberatkan,

pertama adalah hubungan manusia dengan Allah SWT Walaupun dimana kita berada hubungan dengan Allah itu adalah yang pertama, kerana setiap apa yang kita lakukan atau nikmat dan keseronokkan yang kita dapat, semuanya Allah yang beri dan juga Allah yang permudahkan. Perkara ini sering dingati oleh pengurus kepada Jemaah mereka.

Seterusnya, Juara Travel akan membawa para Jemaah umrah atau haji untuk melakukan aktiviti atau program yang membawa kepada dakwah iaitu yang kedua, silaturrahim di kaki bukit Jabal Nur. Pembimbing akan membawa Jemaah dari hotel ke bukit Jabal Nur untuk menunaikan solat magrib dan isya' berjemaah serta melakukan sedikit tazkirah. Kemudian akan diadakan makan bersama Jemaah haji, program ini diadakan bagi mengiratkan hubungan antara pembimbing dengan jemaah serta antara satu sama lain.

Elemen dakwah yang ketiga, program ini dipanggil 'jalan subur iman'. Program ini dianjurkan oleh pengurus juara travel adalah untuk Jemaah haji dan umrah mengetahui tentang kisah Nabi dan para sahabat antaranya, sejarah di Madinah dan di Makkah, akan dibawa ke tapak rumah Saidina Abu Bakar, kemudian dimana tempat Rasulullah S.A.W berdakwah secara sembunyi serta dimana tempat kelahiran Nabi dan kesukaran Rasulullah berdakwah dan banyak lagi. Program ini adalah memberi pendedahan tentang dakwah dan sejarah Nabi dan para sahabat. Selain itu, memberi dan menambah ilmu pengetahuan kepada Jemaah haji dan umrah tentang dakwah-dakwah di Madinah dan Makkah.

Akhir sekali, elemen dakwah yang diterapkan kepada Jemaah agar mereka tidak hanya datang menunaikan haji dan umrah untuk beribadah. Malah, mendapat ilmu pengetahuan mengenai sejarah pada zaman Nabi dan para sahabat. Hal ini kerana program ini akan menjadi bermakna kepada Jemaah atas sebab menunaikan haji dan umrah dapat beribadah serta menambah ilmu pengetahuan.

## **Pengurusan Pelanggan**

Antara cara pengurusan pelanggan Juara Travel Agensi Port Dickson yang pertama sekali ialah penyediaan kursus umrah secara berjadual sebelum berangkat ke tanah suci. Pihak agensi telah mendapat dana yang dinamakan dana dakwah untuk diberikan kepada pembimbing-pembimbing Juara Travel Agensi Port Dickson dalam menyampaikan ceramah mengenai Haji dan Umrah. Dan pembimbing juga boleh memberi ceramah kepada sesiapa sahaja. Jika di Port Dickson, Pihak agensi telah menempah atau menyewa satu bilik khas untuk ceramah pada setiap minggu. Namun, jika pembimbing yang lain, mereka akan memilih mana-mana tempat untuk memberi ceramah dan dana untuk melakukan ceramah tersebut akan ditanggung oleh pihak Juara Travel HQ.

Selain itu, Juara Travel Agensi Port Dickson juga menyediakan baner-baner, flyers-flyers untuk diedarkan kepada sesiapa yang menginginkannya. Tetapi, jika klien datang terus ke cawangan, kemungkinan mereka mengetahui melalui peredaran baner, flyers, iklan-iklan di televisyen ataupun media sosial. Dan Agensi di Port Dickson juga telah terkenal semenjak ditubuhkan pada tahun 2015 sehinggalah sekarang.

## **Kompetensi Mendepani Cabaran Yang Dihadapi Syarikat Juara Travel**

- a. Kerugian Melibatkan Jumlah yang Besar

Cabaran adalah perkara yang tidak boleh dijauhkan dari kehidupan seorang manusia, kerana setiap apa yang dilakukan mesti ada kelebihan, kekurangan dan risiko. Jadi dalam perniagaan di dunia mesti ada risiko. Cabaran yang dihadapi Juara Travel adalah sebahagian Jemaah tarik diri dan tiada sales bermula tarikh PKP dilaksanakan. Anggaran jumlah kerugian sepanjang era COVID19 bagi tahun 2020 sahaja adalah hamper RM1.4 juta kerana jumlah wang ini digunakan untuk menampung kos pembelanjaan bulanan syarikat. Jumlah ini melibatkan simpanan syarikat kerana ketiadaan income atau sales sepanjang tahun 2020. Bukan itu sahaja, seramai 4400 jemaah umrah terpaksa ditrangguhkan sebanyak 3 kali sebab menunggu keputusan pembukaan umrah semula daripada kerajaan Saudi pada tahun 2020 (Ahyat Md Roslan, 2020).

b. Jaminan Pekerja Waktu COVID19

Ekoran daripada PKP, maka semua cawangan tidak boleh beroperasi dan seramai 70 orang pekerja terpaksa dicutikan tanpa gaji. Alternatif yang dilakukan oleh syarikat Juara Travel ialah memberikan sumbangan hari raya kepada mana-mana staf yang hilang pendapatan dan bantuan kewangan sebanyak RM600 kepada pekerja syarikat yang dicutikan melalui program kerajaan iaitu Program Pengkalan Pekerjaan (Ahyat Md Roslan, 2020).

c. Mewujudkan Perniagaan Baru Sebagai Alternatif Survival Syarikat

Dalam kompetensi mendepani cabaran pandemik COVID 19 maka syarikat mewujudkan beberapa sektor baru iaitu membuka syarikat dan kilang penjualan nasi Arab pes sebagai strategi bangkit daripada kerugian dan meneruskan operasi syarikat dan menjana pendapatan serta memberi peluang pekerjaan kepada sebahagian staf yang dicutikan (Ahyat Md Roslan, 2020).

d. Kewafatan Pengasas dan CEO Syarikat Juara Travel

Tanggal 16hb Julai 2021 CEO syarikat Juara Travel / Al-Bathal Food Industries, Tuan Haji Mazlan Mansor telah kembali kerahmatullah di Hospital Melaka. Perkara ini dimaklumkan oleh Ustaz Ahyat menerusi *Facebook* peribadi beliau. Kehilangan besar buat keluarga syarikat Juara Travel.

## **Kesimpulan**

Kajian ini telah memberi kesan yang baik terhadap pelanggan-pelanggan yang menggunakan perkhidmatan agensi perlancongan Juara Travel & Tours. Antara kesan-kesannya ialah pelanggan dapat menimba ilmu mengenai sejarah Islam yang terdapat di negara-negara perlancongan. Selain itu, ianya juga dapat memberi impak yang besar kepada pelanggan Juara Travel & Tours sekaligus mencapai tahap strategi mereka. Dengan menggunakan khidmat perlancongan Juara Travel & Tours, pelanggan juga berpuas hati dengan khidmat pelanggan yang diberikan.

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, ianya banyak memberi maklumat mengenai pengurusan Haji dan Umrah oleh agensi perlancongan Juara Travel & Tours. Selain daripada pengurusan Haji dan Umrah, Juara Travel & Tours juga menyediakan perkhidmatan pelancongan di negara-negara lain seperti Sepanyol, Jepun, Korea, Indonesia, Turkey, Vietnam, China dan lain-lain. Agensi Juara Travel & Tours juga menyediakan pakej perlancongan mampu milik dan santai serta dapat memberi pengalaman menarik dan perkongsian ilmu semasa pengembaraan.

Secara keseluruhannya, Agensi Juara Travel & Tours amat berpengalaman dalam bidang pengurusan umrah serta telah mengendalikan kurang lebih 30,000 jemaah sehingga kini. Dalam

memastikan Juara Travel & Tours sentiasa cemerlang di dalam perniagaan dan dapat memenuhi kehendak pelanggan, amat menekankan pengurusan operasi syarikat secara bijak, pemasaran agresif dan idea yang inovatif. Perkembangan perniagaan agensi Juara Travel & Tours turut diteraskan melalui peningkatan kepada bahagian informasi yang sejajar dengan perkembangan pembelian melalui atas talian oleh para pengguna. Oleh itu, “Destinasi seseorang bukanlah tempat tetapi cara baru kita melihat sesuatu”.

## **Rujukan**

Ahyat Md Roslan. (2020). *Sejarah Pengenalan Syarikat Juara*. Temu bual secara bertulis. 17 September.

Mohd Syahril Akmal Ahmad Shukri. (2020). *Pengurusan Pelancongan dan Elemen Dakwah yang Diamalkan dalam kalangan Syarikat Travel dan Tour di Malaysia*. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Dakwah dengan Pengurusan Sumber Insan, Jabatan Dakwah & Usuluddin, FPPI, KUIS.

Puan Saniah Bt Salim. (2020). *Syarikat Juara*. Temu bual pengurus cawangan Juara Travel di kawasan Port Dickson pada 20 September.

## BAB 7

# CABARAN PELAJAR SUBJEK ULUM HADIS KUIS DALAM PERLAKSANAAN PEMBELAJARAN ATAS TALIAN: SATU TINJAUAN AWAL

Siti Mursyidah Mohd Zin,<sup>1</sup> Farhah Zaidar Mohamed Ramli<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

### Pengenalan

Pandemik Covid 19 telah menukar corak pembelajaran di kesemua Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia samada institusi awam mahupun swasta. Kaedah pembelajaran yang sebelum ini dilakukan secara tradisional dengan menghadiri kuliah dan tutorial telah berubah sepenuhnya secara atas talian iaitu menggunakan aplikasi seperti *Zoom*, *Google Meet*, *Microsoft Teams* dan yang terkini *Webex*. Dapatan kajian berjudul Pandemik Pasca Penjarakan Sosial Pasca COVID-19 yang dibuat oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) mendapati sebanyak 93% guru memilih proses pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka di dalam kelas berbanding kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lain. Namun begitu disebabkan Covid-19 yang melanda seluruh dunai menyebabkan para guru dan pensyarah perlu membuat perubahan di dalam PdP dan kenyataan ini di sokong oleh Anuar Ahmad (2021), jika sebelum ini pembelajaran dalam talian hanyalah satu pilihan, tetapi dengan penguatkuasaan PKP, ia menjadi suatu keperluan.

(<https://www.sinarharian.com.my/article/76874/BERITA/Nasional/Cabaran-mengajar-dalam-talian>)

Perubahan ini turut perlu diharungi oleh Kolej Universiti Islam Antrabangsa Selangor (KUIS). Bermula pada Sesi 1 2020/2021, pelaksanaan PdP di KUIS telah diputuskan untuk mengguna pakai pendekatan pembelajaran teradun (*Blended Learning*). Ia merangkumi gabungan pembelajaran atas talian (Online), bersemuka (*Face to Face, F2F*) serta tidak bersemuka (*Non Face to Face, NF2F*).


Kebanyakan pensyarah KUIS mengendalikan pembelajaran atas talian secara bersemuka menerusi *Google Meet*. Namun terdapat juga pensyarah KUIS yang menggunakan aplikasi *Zoom* bagi tujuan tersebut. Dalam konteks kaedah tidak bersemuka pula, para pensyarah KUIS lazimnya membekalkan salinan *link* kepada pelajar untuk melihat video kuliah yang telah dimuatnaik dalam *YouTube Channel*. Video kuliah tersebut juga turut dihantar ke telegram subjek terbabit. Seterusnya, bahan-bahan elektronik PdP seperti nota pdf, *slide* kuliah, e-kehadiran kuliah/ tutorial, ujian-ujian, tugasan dan sebagainya adalah terkumpul serta dapat dicapai oleh pelajar KUIS menerusi pembukaan tapak subjek dalam *Google Classroom* serta KLMS. KLMS merupakan sejenis sistem pengurusan pembelajaran secara maya yang dibangunkan oleh pihak KUIS. KLMS ini dapat diakses menggunakan laman *web* dan juga menerusi aplikasi telefon pintar.

Senario ini merupakan proses pembelajaran dalam talian yang dilaksanakan melibatkan hampir keseluruhan subjek atau kursus yang ditawarkan di KUIS pada era pandemik. Ia termasuk kursus atau subjek yang dikenali sebagai Ulum Hadis.

## Pernyataan Masalah

Ulum Hadis adalah subjek yang ditawarkan oleh KUIS bertujuan untuk para pelajar didedahkan dengan kaedah dan formula dalam mengenal pasti hadis Rasulullah SAW dari segi penerimaan hadis dan penolakannya. (Mohd Khafidz Soroni t.t). Kursus Ulum hadis ini dipelajari selama empat belas minggu iaitu dengan dua jam sesi kuliah dan satu jam sesi tutorial.

Kaedah PdP secara atas talian, telah diwajibkan untuk diadakan sekurang-kurangnya tiga kali pertemuan secara bersemuka (*Face to Face, F2F*) iaitu di awal sesi pengajian, pertengahan dan akhir minggu pengajian, manakala selebihnya boleh dilaksana secara tidak bersemuka (*Non Face to Face, N F2F*) berdasarkan perbincangan bersama pelajar dengan memberikan link untuk melihat video kuliah yang telah direkod dan di *upload* di dalam *YouTube Channel* atau video yang di hantar ke telegram kumpulan para pelajar.



Rajah 1: Video yang di muat naik di YouTube Channel Pensyarah Ulum Hadis

Selain itu segala maklumat pengajian seperti e-book (silibus), catatan kehadiran, slide pengajian, ujian, tugasan mingguan dan tugasan yang memerlukan pembentangan menggunakan sistem KLMS yang dibangunkan oleh pihak KUIS. Kelas-kelas tutorial diganti dengan tugasan minggu yang meliputi bab-bab yang dipelajari selama empat belas minggu dan penghasilan nota pengajian disebabkan kekangan masalah capaian internet para pelajar, namun begitu sesi pembentang tugas tetap dijalankan secara atas talian bermula empat minggu terakhir. Bagi pelaksanaan permarkahan, tiada peperiksaan akhir yang dilaksanakan. Sebanyak 70% markah ditetapkan kepada ujian yang diadakan secara atas talian mengikut bab dengan empat kali pelaksanaan ujian dengan menggunakan *Google Form*. Manakala 20% diperuntukkan untuk tugasan amali dan 10% bagi pembentangan dan aktiviti tutorial.

Pada Sesi II 2020/2021, pembelajaran subjek Ulum Hadis mula dilaksanakan secara penuh atas talian. Sepanjang proses pelaksanaan e-pembelajaran Ulum Hadis dalam sesi tersebut menunjukkan terdapat cabaran-cabaran berbangkit yang dihadapi oleh para pelajar KUIS. Justeru kertas kerja ini bertujuan untuk meninjau cabaran yang dihadapi oleh para pelajar dalam pembelajaran atas talian bagi subjek Ulum Hadis di KUIS. Penemuan signifikan untuk menjadi

sandaran penambahbaikan PdP e-pembelajaran subjek ini pada masa hadapan. Malahan ia turut penting sejajar dengan status subjek Ulum Hadis yang merupakan subjek wajib yang perlu dipelajari oleh semua pelajar Pengajian Islam di KUIS.

## **Metodologi Kajian**

Kertas kerja ini menggunakan pendekatan temubual berkelompok dan dianalisis secara induktif dengan tumpuan kepada analisis kandungan terhadap bahan-bahan semasa terutamanya bahan-bahan atas talian. Tempoh kajian terbatas kepada pelaksanaan e-pembelajaran Ulum Hadis dalam tempoh Sesi II 2020-2021 di KUIS. Persampelan kajian merupakan persampelan bertujuan yang terpilih berteraskan spesifikasi kajian.

## **Dapatan Kajian**

Terdapat empat cabaran yang dihadapi oleh pelajar KUIS dalam tempoh pelaksanaan e-pembelajaran Ulum Hadis pada Sesi II 2020/2021.

Cabaran Ketiadaan peranti ketika pembelajaran atas talian

Pandemik Covid-19 ini telah memberi kesan yang amat ketara kepada semua orang terutama golongan yang kurang berkemampuan. Sejak kerajaan mengisytiharkan penutupan sekolah dan pembelajaran dilakukan menerusi atas talian, ramai ibu bapa yang mula resah. Tidak semua ibu bapa berkemampuan membeli peranti untuk semua anak yang bersekolah. Oleh itu, anak-anak mereka perlu berkongsi peranti secara bergilir-gilir untuk menyertai kelas atas talian. Ini menjadi antara cabaran pembelajaran atas talian yang terbesar dalam bidang pendidikan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana terdapat pelajar ketinggalan dalam pembelajaran. (<https://webpendidikan.my/4-cabaran-pembelajaran-atas-talian-di-malaysia/>)


Ini dapat dikenal pasti hasil temu bual berkelompok yang dilakukan oleh Pensyarah Ulum Hadis terhadap pelajar. Terdapat beberapa pelajar tidak dapat melaksanakan tugas yang diberikan dengan baik kerana ketiadaan kemudahan komputer riba. Hal ini mengganggu proses pembelajaran secara atas talian kerana para pelajar sering diberikan tugas yang perlu dilaksanakan setiap minggu. Malah setiap tugas-tugas yang diberikan memberikan impak markah komitmen serta kehadiran yang besar terhadap subjek Ulum Hadis.

Selain itu ketiadaan komputer riba juga menyebabkan para pelajar membuat tugas wajib menggunakan telefon pintar.



Rajah 2: Cabaran Pelajar kerana Ketiadaan kemudahan Komputer Riba

Pelajar juga tidak dapat menyediakan *slide* bagi pembentangan tugas kerana tidak mempunyai komputer riba. Perkara tersebut mengurangkan markah dalam sesi pembentangan tugas yang diberikan.



Rajah 3: Cabaran Pelajar kerana Ketiadaan kemudahan Komputer Riba

Di antara cabaran terbesar para pelajar hadapi dalam pembelajaran atas talian adalah para pelajar tidak mempunyai kemudahan jaringan internet yang kuat dan baik. Menurut pemerhatian yang dilakukan oleh Quah Wei Boon (2020), pelajar memerlukan data internet yang tinggi bagi menampung data penggunaan untuk semua subjek yang dijalankan secara atas talian. Selain itu, pelajar yang tinggal di kawasan yang tidak mempunyai liputan internet yang bagus menyebabkan pembelajaran para pelajar terjejas. Penyataan ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Zulkifli, Hamzah, dan Abdul Razak (2020), hasil dapatan menunjukkan bahawa sumber liputan internet/wifi menjadi halangan utama proses e-pembelajaran dengan menggunakan *Massive Open Online Courses (MOOC)* walaupun pelajar sangat bermotivasi untuk belajar secara atas talian.


Justeru, ketiadaan jaringan internet yang baik sangat mengganggu proses pembelajaran Ulum Hadis. Kebanyakan pelajar menggunakan data telefon pintar untuk menghadiri kuliah secara bersemuka mahupun kelas tutorial. Namun apabila data internet semakin berkurangan ia menyebabkan proses pembelajaran terganggu.






Rajah 4 dan 5: Cabaran Pelajar kerana capaian internet yang lemah

Pelajar tidak dapat menghadiri kuliah kerana masalah internet yang mengganggu.





Rajah 6: Cabaran Pelajar kerana capaian internet yang lemah

Pelajar tidak memiliki *line* internet yang baik apabila menghadiri kelas di dalam kenderaan ini juga menunjukkan sikap sambal lewa para pelajar.



Rajah 7: Cabaran Pelajar kerana capaian internet yang lemah


Pelajar tidak dapat membuat pembentangan disebabkan masalah internet yang lemah Selain itu masalah capaian internet yang lemah turut mengganggu para pelajar terutama dalam menghantar tugasan yang diberikan oleh para pensyarah.



### Rajah 8: Cabaran Pelajar kerana capaian internet yang lemah

#### Cabaran Suasana pembelajaran yang kurang kondusif

Suasana pembelajaran yang baik turut sama membantu pelajar dalam pembelajaran Ulum Hadis. Ini kerana sekiranya emosi para pelajar terganggu ia sedikit sebanyak akan memberi impak kepada para pelajar seperti tidak menghadirkan diri ke kelas, atau tidak melaksanakan tugas yang diberikan.



Rajah 9 : Cabaran Pelajar kerana suasana yang kurang kondusif

Peranan ibu bapa untuk membantu para pelajar mewujudkan juga persekitaran yang kondusif dan berusaha mengatasi kekurangan yang ada sangat diperlukan ketika pembelajaran secara atas talian. Persekitaran selesa secara tidak langsung meningkatkan fokus pelajar untuk belajar dan membantu mereka untuk berasa selesa dan seronok.

#### Cabaran Kemahiran guru dalam menggunakan teknologi digital

Hasil temu bual berkelompok yang dilakukan para pelajar sangat meminati kaedah tidak bersemuka (*Non Face to Face, NF2F*) bagi subjek Ulum Hadis ini dan diakhiri dengan soalan bagi setiap bab yang dipelajari bagi pengukuhan kepada para pelajar



Rajah 10 dan 11: Minat pelajar terhadap Kaedah Pembelajaran Secara Tidak Bersemuka


Justeru, menurut Hashim etl (2016) dan disokong oleh Quah Wei Boon (2020) sekiranya kemahiran menggunakan teknologi yang masih belum dikuasai sepenuhnya oleh para pensyarah mahupun guru untuk mengendalikan dan memanipulasi sesuatu alat juga akan menyebabkan kelancaran penyampaian isi pengajaran terganggu dan menjadi tidak berkesan. Kenyataan ini turut

disokong oleh Presiden Ikatan Guru-Guru Muslim Malaysia (i-Guru), Mohd Azizee Hasan (2020) yang menyatakan para pendidik perlu mempunyai anjakan paradigma untuk menerima senario baharu pendidikan global dan menyiapkan generasi yang celik teknologi maklumat. Ini penting dalam menyiapkan mereka (pelajar) bagi menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0 dan bersedia menjadi generasi digital.


(<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/689322/covid-19-pendidikan-menerusi-dunia-maya-cabaran-baharu-buat-guru>)

Cabaran Sikap pelajar ketika sesi pembelajaran atas talian

Seterusnya antara cabaran lain yang dapat dikenal pasti hasil temu bual berkelompok mendapati kecuai dan kesilapan pelajar ketika menghantar tugas yang diberikan sering juga berlaku apabila pembelajaran di atas talian dilaksanakan.



Rajah 12 dan 13: Sikap pelajar ketika sesi pembelajaran atas talian



Rajah 14 dan 15: Sikap pelajar ketika sesi pembelajaran atas talian

Justeru, para pensyarah tetap berperanan walaupun secara atas talian untuk mendorong, menasihati, menggalak agar para pelajar bijak mengurus masa serta tidak cuai bagi memastikan para pelajar tidak ketinggalan dalam pembelajaran.

## Kesimpulan

Perubahan yang mendadak dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran atas talian ini memerlukan latihan dan kursus-kursus agar proses PdP yang dilaksanakan dapat dilakukan dengan baik dan para pelajar memahami apa yang dipelajari. Para pensyarah perlu saling bekerjasama bagi menghasilkan suasana pembelajaran secara atas talian menyeronokkan dan difahami dengan baik oleh pelajar. Kadang kala para pensyarah perlu bertolak ansur dalam memahami permasalahan yang dihadapi oleh para pelajar agar ia tidak menyebabkan pelajar tertekan dan tidak berminat untuk meneruskan pengajian.

## Rujukan

Hashim, H., Mohd Nasri, S. M., & Mustafa, Z. (2016). Cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan persekitaran pembelajaran maya FROG di bilik darjah. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 31, 115–129.

Mohd Nasarudin Parzi (2020). 93% guru pilih mengajar dalam kelas. Berita Harian Atas talian. Retrived 23 Jun 2020 from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/703079/93-guru-pilih-mengajardalam-kelas>

Mohd Khafidz Soroni (t.t). Profoma Ulum Hadis Sesi II 2020-2021.

Quah Wei Boon.(2020). Pandemik Covid-19 : Mempercepatkan Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian (Pdpt) Di Kolej Komuniti: Isu & Cabaran Yang Dihadapi oleh Pensyarah dan Pelajar. TVET Think Big. Kedah: Kolej Komuniti Bandar Darulaman.

Zulkifli, N., Hamzah, M. I., Abdul Razak, K. (2020). Isu dan cabaran penggunaan MOOC dalam proses pengajaran dan pembelajaran. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education*, 10(1), 77-79. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JRPPTE/article/view/3474/2404>

(<https://www.sinarharian.com.my/article/76874/BERITA/Nasional/Cabaran-mengajar-dalam-talian>)

(<https://webpendidikan.my/4-cabaran-pembelajaran-atas-talian-di-malaysia/>)

(<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/689322/covid-19-pendidikan-menerusi-dunia-maya-cabaran-baharu-buat-guru>)

## BAB 8

### KAJIAN PENGAMALAN ISTIGHFAR DALAM KALANGAN MAHASISWA ERA COVID-19

Zaidul Amin Suffian bin Ahmad,<sup>1</sup> Siti Fatimah binti Mohammad Nawawi,<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

#### Pendahuluan

Ajaran Islam telah menjelaskan bahawa segala masalah itu ada penyelesaiannya yang telah termaktub di dalam kitab suci al-Quran dan hadis Nabi Muhammad SAW. Pada era modenisasi kini, ramai yang tidak menyedari bahawa pelbagai masalah yang timbul dalam kalangan masyarakat kita daripada pelbagai aspek kehidupan sebenarnya telah Allah bentangkan kepada kita panduan dan penyelesaian dari al-Quran dan al-Sunnah. Malah masih ramai yang cuba menyelesaikan masalah yang dihadapinya mengikut kehendak diri dan hawa nafsu semata-mata. Tambahan pula dalam keadaan norma baru kini, pelbagai kerunsingan, keresahan dan masalah telah memberi tekanan dalam kehidupan seharian. Ujian dan tekanan dari wabak Covid-19 ini sekiranya tidak diuruskan dengan baik, mampu untuk menggugat keimanan dan kebergantungan kita kepada tuhan pencipta.

Firman Allah dalam surah Nuh ayat 10 yang bermaksud, *“Beristighfarlah kamu semua kepada Tuhan kamu, sesungguhnya Dia itu Maha Pengampun”*. Ayat ini menerangkan Allah SWT menyeru hambaNya untuk sentiasa memohon ampun dan membuktikan Allah SWT itu maha pengasih lagi maha penyayang. Istighfar menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat membawa maksud permohonan kepada Allah SWT untuk diampuni atau lafaz permohonan ampun kepada Allah. Ia juga merupakan lafaz bertaubat daripada dosa dan kesalahan yang dilakukan seorang hamba kepada Tuhannya. Oleh itu, manusia haruslah sering menyebut lafaz istighfar yang pendek dan ringkas itu namun sebenarnya amat besar nilainya di sisi Allah SWT.

Menurut Dawam (2015), manusia itu mempunyai kecenderungan untuk melakukan kejahatan tetapi juga cenderung pada hal-hal yang baik dan benar. Terdapat manusia itu merasakan larangan Allah SWT adalah hal bersifat kenikmatan bagi dirinya, tetapi sebenarnya menimbulkan kesengsaraan dan kecelakaan kepada pelakunya. Imam al-Qurtubi juga turut menyentuh bahawa dosa adalah satu perbuatan yang boleh menyebabkan pelakunya mendapat celaan. Sememangnya setiap manusia tidak akan terlepas dari melakukan dosa sama ada dosa kecil mahupun dosa besar kerana fitrah manusia itu senantiasa terlibat dalam konflik antara baik dan buruk. Oleh kerana itu, sifat manusia itu mudah lupa dan alpa serta tidak lari daripada melakukan kesilapan. Namun, tidak semua manusia itu sedar bahawa Allah SWT menyediakan penyelesaian dan ampunan yang tidak terbatas terhadap hambaNya sekiranya manusia itu benar-benar berfikir untuk berubah ke arah kebaikan.

Selain itu, kebanyakan mahasiswa dalam proses belajar kini secara atas talian menghadapi kesukaran dalam memahami dan menyerap ilmu yang dipelajari dengan baik sehinggalah kepada kerja berkumpulan. Kajian oleh (Johari, et.al, 2019) turut menyatakan antara masalah yang sering dihadapi mahasiswa universiti adalah masalah akademik atau pendidikan yakni mampukah subjek dan ilmu yang dipelajari pada setiap semester itu difahami dengan baik seterusnya membawa kejayaan dalam setiap keputusan peperiksaan. Norma baru kini sedikit sebanyak telah meyumbang



kepada tekanan minda mahasiswa yang tidak dapat meluangkan masa secara bersemuka dan perlu membiasakan diri dengan pembelajaran secara maya. Walaubagaimanapun, sekiranya seseorang itu memandang masalah sebagai suatu sudut yang positif serta berusaha mengatasinya dengan sentiasa melazimi istighfar dan mohon ampun padaNya, nescaya Allah memudahkan setiap urusan yang dihadapi malah memberi petunjuk jalan keluar bagi setiap kesusahan sekaligus memberikan hasil yang terbaik dalam setiap perkara (Nur Adilah Adilah Omar, Wan Nasyrudin Wan Abdullah, 2018).

Kajian Salam, et.al, (2013) pula menyimpulkan untuk memenuhi keperluan dan kelangsungan hidup, pelajar universiti mahupun orang yang bekerja turut menghadapi masalah kewangan yang tidak surut dalam umat manusia. Ibnu Qayyim pula menyebut “Apabila engkau berdoa, jadikanlah seluruh isi doamu istighfar agar Allah mengampunkan kamu. Apabila engkau diampuni, maka semua keperluanmu akan dipenuhi oleh-Nya tanpa engkau memintanya”. Percayalah, Allah SWT telah menjanjikan bagi manusia-manusia yang berserah kebergantungan dengan melazimi istighfar itu pasti dibukakan cara untuk mengatasi setiap kesempitan dalam pelbagai cara.

Tambahan lagi, kehidupan yang semakin mencabar mewujudkan perasaan bimbang tentang masa hadapan sering menghantui pelajar universiti yang penuh dengan persaingan. Perkara ini disokong oleh Ramli, et.al, (2018) yang menyatakan bahawa pelajar mengalami tekanan kerana memikirkan perancangan selepas bergraduasi dan juga perasaan tidak yakin sama ada bidang yang diambil dapat menjamin masa hadapan yang baik. Situasi masa kini turut memberi kerisauan yang membimbangkan apabila semakin meningkat golongan yang dibuang kerja. Ibnu Kathir berpesan, “Barang siapa yang menghiasi dirinya dengan amalan memperbanyak istighfar, maka Allah akan memudahkan rezekinya”. Oleh itu, usahlah ragu-ragu dengan rezeki pada keesokan hari kerana salah satu kunci ‘menjemput’ rezeki telah dilorongkan untuk kita umat manusia. Jelas, Allah SWT menurunkan rezeki dari sumber yang tidak disangka-sangka kepada orang yang sentiasa beristighfar, bertaubat dan kembali kepada-Nya.

Oleh hal yang demikian, pengkaji merasa tertarik untuk mengkaji kalimah tersebut dan kajian ini juga dijalankan untuk mengukur kefahaman amalan mahasiswa Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) KUIS terhadap kelebihan istighfar menurut perspektif al-Quran dan al-Sunnah. Kajian dan kefahaman ini penting agar mahasiswa itu sendiri bijak menyelesaikan dan menilai sesuatu masalah tanpa meragui rezeki dan kemudahan yang datang dalam pelbagai cara. Seorang muslim yang cerdas, tidak akan membiarkan dirinya jatuh tanpa berusaha menyelesaikan sesuatu masalah dengan baik dan bijaksana.

### Definisi Istighfar

Istighfar kata dasarnya diambil dari perkataan bahasa arab غفر yang bermaksud mengampuni, memaafkan, melonggarkan, membatalkan, dan membebaskan (Kamus Online Al-Maany. <https://www.almaany.com/id/dict/ar-id/%D8%B4%D9%83/>). Istighfar juga boleh diertikan sebagai mencari *maghfirah* iaitu pengampunan. Menurut Ibnu Taimiyyah pula kata *maghfirah* bermakna perlindungan dari keburukan dosa (Rachman, 2013). Kata '*maghfirah*' dalam bahasa Arab memiliki akar kata yang sama dengan *mighfar* yang bermaksud pelindung atau penutup kepala ketika perang. Walaubagaimanapun, elemen persamaan di antara keduanya adalah menutupi sesuatu daripada terlihat. Istighfar adalah permohonan dan permintaan yang melibatkan perkataan dan perbuatan (Hammim, 2013). Istighfar juga turut dikaitkan dengan *asma'ul husna* iaitu *al-ghaffar* yang bermaksud Yang Maha Mengampuni Segala Dosa. *Al-ghaffar* menurut al-Ghazali adalah Dia tuhan yang Maha Menampakkan Keindahan dan Maha Menutup Segala Keburukan (al-Ghazali, 1986).

Secara istilah, istighfar adalah permohonan kepada dua perkara sekaligus iaitu dilindungi dari keburukan dosa dan juga kemaafan. Kedua-dua elemen itu berkait rapat dan penutupnya adalah istighfar (Al-Muqaddam, 2015). Ibnu Qayyim menjelaskan bahawa istighfar adalah memohon kepada Allah agar dilindungi dari keburukan yang telah dilakukan (Jayanegara, 2005). Keburukan tersebut merupakan dosa-dosa yang selayaknya ditutup dan memohon pengampunan dari Allah SWT agar tidak ada seorang pun yang dapat melihat dan menjejalkinya.

Qardhawi, (1998) menyebut istighfar adalah meminta ampun, menghapus dosa dan menghilangkan kesan, serta menjaga dari keburukannya. Beliau juga turut menjelaskan sebenar-benar istighfar pasti mengandungi taubat padanya dan gabungan tersebut memberi makna yang berbeza. Istighfar adalah meminta perlindungan dari kejahatan dan dosa yang ditakutkan daripada terjadi. Ia juga boleh diistilahkan sebagai usaha untuk menghilangkan bahaya terhadap diri dan orang lain. Keperluan utama manusia juga memerlukan kepada *maghfirah* Allah SWT. Ini kerana nikmat yang dicurahkanNya tidak terhitung dengan kekurangan hamba dalam melaksanakan hakNya. Oleh itu, manusia amat memerlukan *maghfirah* dariNya untuk dimasukkan ke syurga.

Istighfar adalah lafaz untuk memohon ampun kepada Allah SWT dan sebagai tanda pengakuan atas kelemahan diri sekaligus sentiasa mengharapkan keampunan dariNya. Istighfar tidak hanya berkisar pada ucapan di lisan namun ia memerlukan penyesalan dan azam yang jitu berlandaskan tawakkal untuk menjadi lebih baik. Al-Ghazali mengemukakan bahawa hati adalah raja yang memimpin rakyatnya iaitu memimpin semua anggota badan (Salleh, 2016). Jika lidah berkumatakamit menyebut lafaz suci tersebut tetapi tidak menghayati dan tidak membenarkan maka hasilnya langsung tidak memberi kesan pada diri pelaku tersebut. Ringkasnya, istighfar adalah lafaz penyesalan terhadap kesalahan yang dilakukan.

### Kelebihan Mengamalkan Istighfar

Istighfar bukan sahaja sebagai tempat pengampunan segala kesilapan dan dosa namun istighfar mempunyai pelbagai manfaat dan fadilat yang mungkin tidak diketahui. Oleh itu, terdapat beberapa kelebihan istighfar berdasarkan kepada dalil-dalil dari al-Quran dan al-Sunnah.

#### 1. Istighfar Pembuka Rezeki

Terdapat sebuah kisah atau *atsar* dari Hasan Al Basri rahimahullah yang telah didatangi beberapa orang yang mengadu tentang permasalahan mereka (Ibnu Hajar al-‘Asqalani)

أَنَّ رَجُلًا شَكَى إِلَيْهِ الْجُدْبَ فَقَالَ اسْتَغْفِرِ اللَّهَ، وَشَكَى إِلَيْهِ آخَرَ الْفَقْرَ فَقَالَ اسْتَغْفِرِ اللَّهَ، وَشَكَى إِلَيْهِ آخَرَ جَفَافَ بُسْتَانِهِ فَقَالَ اسْتَغْفِرِ اللَّهَ، وَشَكَى إِلَيْهِ آخَرَ عَدَمَ الْوَلَدِ فَقَالَ اسْتَغْفِرِ اللَّهَ، ثُمَّ تَلَا عَلَيْهِمْ هَذِهِ الْآيَةَ

Maksudnya:

*Sesungguhnya seseorang telah datang dan mengadu kepada Hasan al-Basri tentang wilayahnya yang mengalami kemarau. Kemudian imam Hasan al-Basri menasihatkannya supaya beristighfar. Seterusnya datang orang lain pula mengadu tentang masalah kefakiran yang menimpanya. Beliau sekali lagi menasihatkan beristighfarlah kepada Allah. Begitulah selanjutnya yang meminta Hasan al-Basri mendoakannya agar memiliki anak dan jawapan yang dikeluarkan beliau tetap sama iaitu beristighfar.*

Sementara itu, ada seseorang yang memerhati dan mendengar segala percakapan imam Hasan al-Basri dan orang tersebut hairan serta bingung dengan soalan yang berbeza tetapi penyelesaian

masalah tersebut adalah sama. Kemudian Hasan al-Basri lantas menunjukkan ayat Allah SWT dalam surah Nuh yang menceritakan tentang rahmat Allah buat hambaNya yang beristighfar.

Firman Allah SWT dalam Surah Nuh ayat 10-12:

فَقُلْتُ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ إِنَّهُ كَانَ غَفَّارًا (10) يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا (11) وَبِمُدَدِكُمْ بِأَمْوَالٍ وَبَنِينَ وَيَجْعَلْ لَكُمْ جَنَّاتٍ وَيَجْعَلْ لَكُمْ أَنْهَارًا (12)

Maksudnya:

"Sehingga aku (Nuh) berkata (kepada mereka): "Pohonkanlah ampun kepada Tuhan kamu, sesungguhnya Ia adalah Maha Pengampun". "(Sekiranya kamu berbuat demikian), Ia akan menghantarkan hujan lebat mencurah-curah, kepada kamu. Dan Ia akan memberi kepada kamu dengan banyaknya harta kekayaan serta anak-pinak; dan Ia akan mengadakan bagi kamu kebun-kebun tanaman, serta mengadakan bagi kamu sungai-sungai (yang mengalir di dalamnya)."

Menurut Syeikh al-Sa'di rahimahullah(2002), ayat di atas memerintahkan supaya meninggalkan dosa dan beristighfar memohon ampun atas segala kesilapan yang telah dilakukan. Sesungguhnya Allah SWT maha pengampun dan pasti mengampunkan dosa-dosa kalian. Maka hendaklah segera memohon ampun dan meraih pahala dariNya. Allah akan memberikan rahmat yang disegerakan di dunia menerusi istighfar tersebut. Hujan akan turun dengan deras dari langit, dikurniakan harta dan anak-anak yang soleh. Begitu juga akan dikurniakan kebun dan sungai yang juga merupakan di antara kelazatan dunia. Itulah faedah istighfar sekiranya meninggalkan dosa serta maksiat.

Dari Abdullah bin 'Abbas dia berkata, Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ لَزِمَ الْإِسْتِغْفَارَ، جَعَلَ اللَّهُ لَهُ مِنْ كُلِّ ضَيْقٍ مَخْرَجًا، وَمِنْ كُلِّ هَمٍّ فَرْجًا، وَرَزَقَهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ

[Abu Daud, *Sunan Abu Daud*, Kitab al-witr, Bab 26 Fi al-Istighfar, No. Hadith 1518]

Maksudnya:

"Barangsiapa yang melazimi (sentiasa) istighfar, Allah SWT menjadikan untuknya bagi setiap kesempatan itu jalan keluar, setiap kebimbangan itu kelapangan dan Allah juga mengurniakan kepadanya rezeki dari arah yang tidak disangka-sangka".

Ringkasnya, pengkaji mendapati terdapat beberapa manfaat dari surah Nuh ayat 10-12 dan juga hadis di atas yang dapat diambil iktibar. Antaranya adalah:

- a) Turunnya hujan yang lebat (mengakhiri kemarau)
- b) Meluaskan rezeki dan harta
- c) Anugerah anak dan keturunan.
- d) Tanaman menjadi subur (tidak rosak atau mati akibat terkena penyakit).
- e) Mengalirnya sungai-sungai sebagai asbab tumbuhnya kehidupan yang lain.
- f) Dipermudahkan segala urusan



g) Datangnya rezeki yang tidak disangka-sangka.

## 2. Istighfar memberi kehidupan yang indah

Kehidupan yang tenang dan indah semestinya menjadi dambaan semua manusia di atas muka bumi ini. Namun ujian dan cubaan yang datang telah menjadikan kita merasa resah, gelisah dan tidak tenang hati mahu pun akal fikiran.

Allah SWT telah berfirman dalam surah Hud ayat 3::

وَأَنِ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ يُغْفِرْ لَكُمْ مَتَاعًا حَسَنًا إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى وَيُؤْتِ كُلَّ ذِي فَضْلٍ فَضْلَهُ ۗ وَإِن تَوَلَّوْا فَإِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ كَبِيرٍ

Maksudnya:

*“Dan beristighfarlah kepada Tuhan kalian serta bertaubatlah kepadaNya, nescaya ia akan memanjangkan kehidupanmu dalam kehidupan yang baik (indah) sampai waktu yang telah ditentukan (ajal).”*

Imam Qurthubi (2006) dalam tafsirnya menjelaskan manfaat istighfar dalam ayat ini antaranya adalah ‘kehidupan yang indah’. Ini dijelaskan lagi makna kehidupan yang indah iaitu:

- 1) Allah melimpahkan manfaat-manfaat yang banyak dalam kehidupannya.
- 2) Allah melapangkan rezekinya.
- 3) Allah jadikan hidupnya penuh dengan kenikmatan.
- 4) Sentiasa merasa cukup dan tidak bersedih terhadap perkara yang tidak dimilikinya.
- 5) Allah tidak akan membinasakan orang-orang yang beristighfar iaitu orang yang beriman secara keseluruhan seperti Allah membinasakan umat-umat terdahulu.
- 6) Allah berikan taufiq kepadaNya dan berserah diri semata-mata kepada Allah. (pendapat Sahl bin Abdullah)

Di dalam tafsir al-Baghawi (1989) pula menjelaskan kehidupan yang indah itu adalah kenikmatan dan keamanan hidup, bersyukur dan sentiasa sabar dengan musibah yang menimpa. Kehidupan yang indah ini merangkumi semua perkara yang diredhai Allah sehingga mencapai rasa tenang dan kedamaian dalam hidup. Istighfarlah untuk sentiasa rasa sabar, cukup, redha dan diberikan hidayah dalam semua perkara. Ini kerana ketenangan dan keindahan hidup itu datang dari ketakwaan dan kebergantungan pada Allah akan setiap hajat yang ingin dicapai.

## 3. Istighfar Menambah Kekuatan

Istighfar ini umpama ‘*booster*’ yang mampu untuk melipatgandakan tenaga dan kekuatan seseorang. Kekuatan itu juga datang dari pelbagai bentuk yang mampu untuk mengembalikan kekuatan dan kelebihan yang sedia ada pada diri.

Firman Allah SWT dalam Surah Hud ayat 52:

وَيَا قَوْمِ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا وَيَزِدْكُمْ قُوَّةً إِلَىٰ قُوَّتِكُمْ وَلَا تَتَوَلَّوْا  
مُجْرِمِينَ

Maksudnya:

“Wahai kaumku, beristighfarlah kepada Tuhanmu kemudian bertaubatlah kepadaNya, nescaya Ia akan menurunkan hujan lebat kepada kalian dan akan menambah kekuatan kalian, dan janganlah kalian berpaling dengan berbuat dosa.” []

Berdasarkan firman Allah ini, sekali lagi disebutkan kelebihan istighfar itu mampu menurunkan nikmat hujan dari langit. Meskipun begitu, Allah SWT menambah lagi nikmat lain iaitu dengan menambahkan kekuatan ke atas kekuatan seseorang. Imam Jalaluddin dalam Tafsir Jalalain menjelaskan bentuk kekuatan itu adalah berupa harta benda dan anak-anak. Menurut tafsir Muyassar (2013) pula kekuatan itu adalah keturunan dan nikmat yang tidak henti-henti. Sayyid Qutb (2004) pula menyebut kekuatan itu melibatkan kekuatan dalaman. Kekuatan spiritual manusia adalah disebabkan kebersihan hati dan amal soleh sekaligus meningkatkan kesihatan tubuh yang baik dan ketenangan jiwa.

Allah SWT menjanjikan orang-orang yang melakukan Istighfar akan ditambahkan kekuatan kepadanya. Kekuatan tersebut merangkumi dari segi mental, fizikal, spritual dan rezeki-rezeki yang datang tanpa disangka. Setiap individu memerlukan istighfar untuk sentiasa menyucikan dan membersihkan hati. Ini kerana manusia dilahirkan dalam keadaan lemah dan didatangi ujian dalam kehidupan. Orang yang sentiasa melakukan istighfar dan mengakui kelemahannya kepada Allah akan menjadi lebih dekat kepadaNya. Kekuatan dirinya juga akan ditambah dalam melakukan amal soleh. Ibnu Qayyim mengisahkan gurunya, Ibnu Taimiyyah akan berzikir selepas solat subuh dengan zikir yang panjang sehingga menjelang waktu tengah hari. Ibnu Taimiyyah berkata: Ini adalah ‘sarapanku’. Jika aku tidak ‘sarapan’, maka hilanglah kekuatanku.(Abu Utsman: 2011)

#### 4. Istighfar mendatangkan rahmat dan kasih sayang Allah

Rahmat dan kasih sayang Allah amat luas memenuhi langit dan bumi. Setiap hambaNya yang berdosa dan melakukan kesilapan serta berusaha untuk memperbaiki pasti diampuni dan dirahmati dengan kasih sayangNya.

Allah SWT berfirman:

وَاسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ ۚ إِنَّ رَبِّي رَحِيمٌ وَدُودٌ

Maksudnya: “Dan beristighfarlah kepada Tuhan kalian kemudian bertaubatlah kepadaNya sesungguhnya Tubanku Maha Pengasih lagi Penyayang.” [Surah Hud 11:90]

Firman Allah SWT:

لَوْلَا تَسْتَغْفِرُونَ اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Maksudnya: “Hendaklah kamu meminta ampun kepada Allah, agar kamu mendapat rahmat.” [Surah an-Naml 27:46]

Imam Jalalain menafsirkan mohonlah kepada Allah agar diampuni segala dosa dan kemudian bertaubat dengan rasa menyesal. Sesungguhnya Allah SWT Maha Penyayang lagi mencintai dan menyukai hamba-hambaNya yang bertaubat. Orang yang beristighfar dan bertaubat adalah orang-orang beriman yang sentiasa dikasihi Allah dengan rahmat kasih sayangNya (Syaiikh Jalaluddin Al-Mahalli, Syaikh Jalaluddin As-Suyuthi, T.T). Mereka juga adalah hamba-hambaNya yang berusaha untuk keluar dari kemurkaan dan azab Allah Taala semata-mata mengharapkan rahmat dengan sentiasa mohon ampun padaNya.

Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " لَلَّهِ أَشَدُّ فَرَحًا بِتَوْبَةِ أَحَدِكُمْ مِنْ أَحَدِكُمْ  
بِضَالَّتِهِ إِذَا وَجَدَهَا "

[Muslim Ibn Hajjaj, *Sahih Muslim*, Kitab at-Taubah, Bab 1 Fi al-Haddhi ala at-Taubah wal Farah biha, No. Hadis 6611]

Maksudnya:

“Sungguh Allah lebih gembira dengan taubat hambaNya daripada kegembiraan salah seorang dari kalian yang menemukan untanya yang hilang di padang pasir.”

Allah SWT lebih gembira dibandingkan kegembiraan seseorang itu ketika hambaNya bertaubat. Para ulama menjelaskan bahawa kegembiraan Allah tersebut bukan kerana Allah memerlukan terhadap taubat hamba. Allah tidak perlu kepada apapun. Namun, Allah lebih suka untuk memberikan rahmatNya dibandingkan memberi azab pada hambaNya. Dalam hadis Qudsi dinyatakan:

إِنَّ رَحْمَتِي سَبَقَتْ غَضَبِي.

[Muhammad bin Ismail, *Sahih Bukhari*, Kitab al-Tauhid, Bab 28 Qaulihi Taala, No. Hadis 7453].

Maksudnya:

“Sesungguhnya rahmatKu melampaui (berlebihan dibandingkan) kemurkaanKu.”

## 5. Istighfar menjernihkan hati

Setiap maksiat dan dosa yang dilakukan boleh menyebabkan kotornya hati. Salah satu cara untuk membersihkan hati adalah dengan beristighfar. Sebuah hadis dari Agharr al-Muzni RA berkata:

أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: "إنه ليغان على قلبي، وإني لأستغفر الله في اليوم مائة مرة"

[Imam Nawawi, *Riyadhus Salihin*, Kitab Istighfar, Bab 371 al-Amru bil Istighfar wa Fadlihi, No. Hadis 1869]

Maksudnya:

Rasulullah SAW bersabda: " Sesungguhnya masuk kotoran ke dalam hatiku, dan sesungguhnya aku mohon ampun kepada Allah seratus kali setiap hari."

Dari Abu Hurairah ia berkata, Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الْعَبْدَ إِذَا أَخْطَأَ حَظِيئَةً نُكِّتَتْ فِي قَلْبِهِ نُكْتَةٌ، فَإِنْ هُوَ نَزَعَ وَاسْتَعْفَرَ وَتَابَ صَقَلَتْ قَلْبُهُ، وَإِنْ عَادَ زِيدَ فِيهَا حَتَّى تَعْلُو قَلْبَهُ فَهُوَ الرَّانُ الَّذِي ذَكَرَ اللَّهُ { كَلَّا بَلْ رَانَ عَلَى قُلُوبِهِمْ مَا كَانُوا يَكْسِبُونَ }.

[Imam Tirmizi, *Jami' Tirmizi*, Bab 5:283, No. Hadis 3334]

Maksudnya:

Sesungguhnya hamba apabila melakukan satu kesalahan atau dosa, akan ditulis pada hatinya satu titik hitam. Apabila dia meninggalkan dosa, beristighfar dan bertaubat, nescaya hatinya akan digilap semula. Namun apabila dia mengulangi dosa, maka akan ditambah padanya titik hitam sehingga memenuhi hatinya dan itulah dipanggil al-Raan (الرَّانُ) yang Allah SWT nyatakan dalam al-Quran:

كَلَّا بَلْ رَانَ عَلَى قُلُوبِهِمْ مَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

Maksudnya: "Sekali-kali tidak (demikian), sebenarnya apa yang selalu mereka perbuat telah menutup hati mereka." [Surah al-Muthaffifin 83:14]

Rasulullah SAW bersabda:

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً: إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

[Muhammad bin Ismail, *Sabih Bukhari*, Kitab al-Iman, Bab 39 Fadli mani Istabra'a lidinihi, No. Hadis 52]

Maksudnya:

Ingatlah bahawa di dalam jasad terdapat segumpal daging. Jika baik, maka baiklah seluruh jasad. Jika rosak, maka rosaklah seluruh jasad. Ketahuilah, bahawa (segumpal daging) itu adalah hati.

Oleh itu, menjernihkan hati adalah satu keperluan kerana mempunyai manfaat yang amat besar. Manfaat tersebut boleh dicapai dengan istighfar. Sebaliknya, hati yang kotor dengan dosa, akan sukar menerima nasihat dari al-Quran dan sunnah Rasul SAW. Ini kerana sesuatu yang benar akan dinilai salah, dan yang salah akan ternilai benar. Ukuran penilaian juga akan menjadi terbalik.

## 6. Istighfar menghindarkan dari azab Allah

Istighfar membantu menghindarkan manusia dari azab seksa Allah di dunia mahupun akhirat. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Anfaal ayat 33:

وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُعَذِّبَهُمْ وَأَنْتَ فِيهِمْ ۚ وَمَا كَانَ اللَّهُ مُعَذِّبَهُمْ وَهُمْ يَسْتَغْفِرُونَ

Maksudnya:

*"Dan Allah sekali-kali tidak akan mengazab mereka sedang kamu (Muhammad) berada di antara mereka. Dan tidaklah (pula) Allah akan mengazab mereka, sedang mereka meminta ampun iaitu beristighfar kepadaku."* [

Tafsir Muyassar menyebut Allah tidak akan menimpakan azab kepada umat Muhammad SAW baik dari kalangan yang sudah menerima dakwah mahupun umat yang belum menerima dakwah, selagi baginda Nabi SAW hidup di tengah-tengah mereka. Jadi keberadaan baginda di tengah-tengah mereka adalah jaminan keamanan dari azab Allah SWT. Allah SWT juga tidak akan menimpakan azab kepada mereka selagi mereka mahu memohon ampun kepada Allah atas dosa-dosa mereka (2013). Menurut suatu pendapat dikatakan bahawa orang-orang yang meminta ampun itu adalah orang-orang lemah dari kalangan kaum mukminin. Mereka tinggal bersama dengan orang-orang kafir sebagaimana yang telah dijelaskan oleh firmanNya, "Sekiranya mereka tidak bercampur-baur, tentulah Kami akan mengazab orang-orang kafir di antara mereka dengan azab yang pedih." [Surah al-Fath 48:25]. (Jalaluddin Al-Mahalli & Jalaluddin As-Suyuthi, T.T)

Dalam ayat ini Allah SWT menjelaskan bahawa Dia tidak akan menimpakan azab kepada suatu kaum sekiranya terdapat dua perkara. Perkara itu adalah Rasulullah SAW hidup bersama mereka serta mereka yang sentiasa beristighfar. Maka ketika Rasulullah wafat, istighfar merupakan satu-satunya perkara yang tinggal.

Abu Hurairah R.A berkata:

كَانَ فِيكُمْ أَمَانَانِ، مَضَتْ إِحْدَاهُمَا، وَبَقِيَتِ الْأُخْرَى، {وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُعَذِّبَهُمْ وَأَنْتَ فِيهِمْ وَمَا كَانَ اللَّهُ مُعَذِّبَهُمْ وَهُمْ يَسْتَغْفِرُونَ} [الأنفال: 33].

Maksudnya:

*Adanya kalian memiliki dua sebab keamanan (dari azab Allah). Salah satu darinya telah pergi (Rasulullah wafat), dan berbaki satu lagi iaitu istighfar.*

## 7. Istighfar Dan Psikologi

Kamus pelajar edisi kedua mendefinisikan psikologi sebagai ilmu mengenai jiwa atau mengenal fikiran manusia. Kamus dewan bahasa edisi keempat pula mendefinisikannya sebagai kajian tentang proses mental dan pemikiran terutamanya berhubung manusia dan haiwan. Psikologi sangat berkait rapat dengan kesihatan mental dan rohani seseorang. Perlakuan buruk seseorang individu itu juga boleh dikaitkan dengan tekanan atau stres yang melampau, desakan tertentu sehingga mempengaruhi pemikiran dan tindakan seseorang. Tekanan boleh didefinisikan sebagai satu keadaan yang tidak seimbang serta mengakibatkan tindak balas kepada fizikal dan emosi (Nur Adilah Adilah Omar, Wan Nasyrudin Wan Abdullah, 2018). Manakala individu yang menderita kebimbangan pula biasanya terkesan dari kejadian bencana, masalah kewangan, kesihatan, keluarga, pekerjaan, pendidikan, dan masalah yang lain (Wulandari, 2014).

Ahli psikologi Islam seperti al-Ghazali dan al-Razi melihat tekanan dari perspektif emosi jiwa. Ini melibatkan emosi gelisah, kecewa, bimbang yang keterlaluan dan perasaan takut. Emosi tersebut muncul kerana hati manusia tidak benar-benar yakin kepada Allah SWT. Selain itu, ia turut dikaitkan dengan penyakit hati seperti hasad, dengki, sombong, riak dan ujub (Najati, 2002). Di dalam Islam, penyakit tidak hanya berkait dengan pemikiran dan perilaku manusia, tetapi turut dikaitkan dengan hati. Perkara yang diyakini oleh hati akan bertindak balas dengan apa yang difikirkan oleh akal. Oleh itu, istighfar dan psikologi ini sebenarnya berkait rapat dengan tingkah laku individu.

Terapi spiritual juga memiliki banyak cara, salah satunya adalah dengan menggunakan metode taubat dan istighfar. Menurut (Wachhonaltz dan Sambamoorthi, 2011) permohonan ampun merupakan salah satu bentuk positif dari *religious coping*. Istighfar memiliki manfaat psikologi dan spiritual. Secara psikologi, ia memberikan rasa nyaman dan secara spiritual memberikan rasa yang lebih dekat dengan Allah SWT. Istighfar dapat membentuk peribadi yang baik, mengurangkan tekanan dan memurnikan hati. Perkara yang paling penting zikir mahupun istighfar sangat berpengaruh pada hati dan hal ini selaras dengan firman Allah SWT dalam Surah Ar-Ra'd ayat 28 :

الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

Maksudnya:

*(Iaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka manjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingati Allahlah hati manjadi tenteram. []*

Menurut (Iskandar, Mif Rohim Noyo sarkun, 2015) mengemukakan tentang hubungan zikir dengan kesembuhan, hubungan zikir dengan terapi mental dan hubungan zikir dengan ketenangan fikiran. Kajian ini telah dilakukan dengan menggunakan sokongan sains dan teknologi. Zikir membuktikan mampu mempengaruhi gelombang otak, denyutan jantung, dan mengaktifkan saraf dalam kandungan. Istighfar mampu menyebabkan perubahan pada gelombang otak sekiranya ia dilakukan secara berulang-ulang. Ini bermakna istighfar juga dapat digunakan untuk mengatur pola gelombang otak dan keadaan fikiran manusia. Pola gelombang otak akan menentukan keadaan mental dan emosi seperti kreatif, gembira, sedih, stres, cemas, atau depresi. Tambahan pula, melalui zikir dan istighfar gelombang elektromagnetik yang bersifat positif boleh menyihatkan tubuh badan.

Selain itu, istighfar juga sesuai diamalkan melalui kaedah zikir dan *self talk*. Terdapat penelitian yang mengaitkan *self talk* ini berjaya memberi kesan yang positif kepada diri individu seterusnya mengurangi penyakit yang melibatkan mental dan tingkah laku. Hal ini kerana semua tindakan dan perubahan manusia itu pasti dimulakan dengan *self talk* iaitu bicara dengan diri sendiri. Terapi *self*

*talk* dengan kaedah istighfar kemudian diikuti pernafasan yang betul mampu untuk memberi ketenangan dan mendatangkan aura yang positif kepada minda dan tingkah laku (Syahidin, 2018)

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini akan menggunakan kaedah kuantitatif. Semua pemboleh ubah akan dikaji untuk menganalisis amalan istighfar di kalangan mahasiswa Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), KUIS. Terdapat empat jabatan yang terlibat dan memfokuskan kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda sahaja. Pengkaji membataskan kepada pelajar tahun ketiga dan keempat sahaja memandangkan mahasiswa KUIS pada tahun ini sudah mengambil mata pelajaran usrah yang diwajibkan pada tahun pertama dan kedua pengajian. Oleh itu, semua responden dipilih adalah pelajar pengajian agama walau pun dari jabatan pengajian yang berbeza. Kesemua responden mendapat pembelajaran yang sama, persekitaran yang tidak jauh berbeza dan mempunyai tahap intelektual yang hampir sama.

Populasi kajian ini adalah terdiri dari semua mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pengajian Peradaban Islam semester lima hingga lapan sesi II tahun 2020/2021 yang berjumlah 555 orang. Ghafar (2003) menyatakan setidak-tidak 30% daripada populasi sudah dianggap mencukupi bagi saiz sampel. Walaubagaimanapun, pengkaji menggunakan 50% bilangan sampel kajian daripada populasi yang ditentukan menggunakan perisian *Sample Size Calculator by Raosoft*. Oleh itu, seramai 228 orang dipilih secara rawak untuk memberi respon kepada soal selidik dalam kajian ini. Sampel kajian yang dipilih ini adalah mahasiswa Ijazah Sarjana Muda yang secara umumnya telah mencapai tahap kematangan dalam berfikir, memahami skop perbincangan dan mampu menjawab soalan soal selidik yang akan diedarkan. Hal ini kerana responden adalah pelajar yang telah mengambil subjek Usrah dan Tarbiyyah serta berada di tahun ketiga dan keempat pengajian. Justeru, pengkaji mendapati mereka merupakan responden yang sesuai untuk diedarkan borang soal selidik bagi mendapatkan data yang lebih tepat dan lebih spesifik mengenai kajian yang ingin dilaksanakan.

Pengumpulan data adalah melalui pengedaran borang soal selidik. Pengkaji membentuk satu set borang soal selidik menggunakan ukuran dalam bentuk skala likert (1,2,3,4,5). Kebiasaannya soal selidik berbentuk soalan tertutup bertujuan bagi memudahkan responden memilih jawapan. Borang soal selidik hanya akan diedarkan kepada 228 orang mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pengajian Peradaban Islam semester lima hingga lapan sesi II 2020/2021 Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor melalui *google forms*. Proses analisis data kajian ini akan dilakukan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) dan data-data yang terkumpul akan dijumlahkan serta dianalisis bagi mendapatkan hasil yang tepat.

### **Dapatan Kajian**

#### **Maklumat Responden**

**Jadual 1:** Kekerapan dan peratusan maklumat responden.

No. Item	Item		Kekerapan (F)	Peratus (%)
A1	Jantina	Lelaki	89	44.3
		Perempuan	112	55.7
A2	Umur	20 – 22 tahun	45	22.4
		23 – 25 tahun	120	59.7
		26 tahun dan ke atas	36	17.9
A3	Jabatan	Al-Quran dan Al-Sunnah	87	43.3
		Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat	57	28.4
		Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab	23	11.4
		Dakwah dan Usuluddin	34	16.9
A4	Semester Ijazah Sarjana Muda	5	33	16.4
		6	50	24.9
		7	32	15.9
		8	86	42.8

Berdasarkan jadual maklumat responden di atas, seramai 89 orang (44.3%) responden dari mahasiswa lelaki dan majoriti responden daripada mahasiswa perempuan sebanyak 112 orang (55.7%) yang menjawab soal selidik ini. Berdasarkan lingkungan umur mahasiswa semester 5 hingga 8, seramai 45 orang (22.4%) berumur dalam lingkungan 20-22 tahun, 120 orang (59.7%) berumur dalam lingkungan 23-25 tahun dan 36 orang (17.9%) berumur dalam lingkungan 26 tahun ke atas. Seterusnya, berdasarkan jabatan pengajian mahasiswa sebanyak 87 orang (43.3%) responden adalah dari jabatan al-Quran dan al-Sunnah, 57 orang (28.4%) dari jabatan tahfiz al-



Quran dan al-Qiraat, 23 orang (11.4%) responden dari pengajian bahasa dan linguistik arab dan seramai 34 orang (16.9%) dari jabatan dakwah dan usuluddin. Berdasarkan semester pula, seramai 33 orang (16.4%) responden dari semester 5, 50 orang (24.9%) dari semester 6, 32 orang (15.9%) mahasiswa dari semester 7 dan selebihnya mahasiswa semester 8 seramai 86 orang (42.8%).

### Amalan Istighfar dalam kalangan mahasiswa FPPI, KUIS

**Jadual 2:** Kekerapan, peratusan, min dan interpretasi amalan istighfar mahasiswa FPPI

No. Item	Penyataan	STS	TS	TP	S	SS	Min	Tahap
B1	Saya beristighfar pada waktu sebelum subuh.	2 (1.0%)	27 (13.4%)	32 (15.9%)	91 (45.3%)	49 (24.4%)	3.79	Tinggi
B2	Setiap hari saya memohon keampunan buat ibu bapa serta kaum muslimin dan muslimat.	-	1 (0.5%)	6 (3.3%)	79 (39.5%)	115 (56.2%)	4.53	Tinggi
B3	Saya membaca sayyidul istighfar ketika sulit belajar.	1 (0.5%)	19 (9.5%)	30 (14.9%)	83 (41.3%)	68 (33.8%)	3.99	Tinggi
B4	Saya beristighfar tiga kali selepas selesai solat fardu.	-	-	4 (2.0%)	82 (40.8%)	115 (57.2%)	4.55	Tinggi

B5	Saya beristighfar setelah menyedari tidak menutup aurat dengan sempurna.	1 (0.5%)	5 (2.5%)	22 (10.9%)	89 (44.3%)	84 (41.8%)	4.24	Tinggi
B6	Saya tidak akan beristighfar untuk kawan dan ahli keluarga yang kafir.	7 (3.5%)	13 (6.5%)	52 (25.9%)	69 (34.3%)	60 (29.9%)	3.81	Tinggi
B7	Saya beristighfar sebelum mula belajar.	-	13 (6.5%)	31 (15.4%)	82 (40.8%)	75 (37.3%)	4.09	Tinggi
B8	Saya beristighfar sebelum menduduki peperiksaan.	-	7 (3.5%)	12 (6.0%)	85 (42.3%)	97 (48.3%)	4.35	Tinggi
B9	Saya beristighfar agar Allah memberi kefahaman kepada pelajaran yang saya pelajari.	-	4 (2.0%)	7 (3.5%)	80 (39.8%)	110 (54.7%)	4.47	Tinggi
B10	Saya beristighfar saat sukar menerima nasihat							

daripada ibu bapa,  
guru dan kawan.

2	8	7	83	101	4.36	Tinggi
(1.0%)	(4.0%)	(3.5%)	(41.3%)	(50.2%)		

---

Jumlah 4.22 Tinggi  
Min:

---

Hasil dapatan kajian mengenai amalan istighfar dalam kalangan mahasiswa FPPI, KUIS membawa kepada jumlah min keseluruhan yang juga tinggi iaitu 4.22. Hal ini memperlihatkan majoriti responden mengamalkan istighfar dalam rutin harian mereka. Kenyataan pada item B1, B2, B3, B4, B5, B7, B8, B9 dan B10 menunjukkan jurang yang ketara dengan jawapan tidak bersetuju di mana responden secara keseluruhannya sangat bersetuju mengamalkan istighfar sebagai amalan mereka sehari-hari. Manakala item C6 masih lagi tinggi peratusan bersetuju untuk tidak memohon ampun bagi orang bukan Islam, namun kekerapan tidak pasti yang sedikit tinggi juga menjelaskan masih terdapat responden yang tidak mengetahui larangan memohon ampun untuk orang kafir.

### Rumusan

Istighfar memainkan peranan penting dalam memberi kesembuhan dan ketenangan pada jiwa manusia. Istighfar yang berkualiti mampu memberi kesan positif yang berpanjangan kepada diri dan orang lain. Amalan istighfar di kalangan mahasiswa perlu diteruskan tidak kira dalam apa jua keadaan. Normalisasikan istighfar dalam kehidupan seharian bukan sekadar memohon keampunan kepadaNya mahu pun merasakan tanpa usaha dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Namun istighfar adalah sebagai salah satu cara menjadi insan yang lebih bersyukur dan cakna dengan segala masalah diri yang memerlukan ubat kepada jiwa dan rohani.

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati responden memahami kehendak soalan yang dikemukakan di dalam borang soal selidik. Hasil kajian menunjukkan maklum balas yang diberikan oleh responden amat baik dan memuaskan. Penjelasan dalam kajian yang dibuat diharapkan dapat memberikan sumbangan ilmu berkaitan kelebihan mengamalkan istighfar serta kedekatan kita kepadaNya. Malah, kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada mahasiswa mahu pun masyarakat luar untuk terus memperkasakan istighfar. Akhir sekali, pengkaji melihat kesedaran dari pelbagai pihak perlu diwujudkan dalam membentuk generasi muda menjadi manusia yang mempunyai kekuatan jiwa dan rohani yang jitu. Ujian dan wabak Covid-19 seharusnya kita terus kuat dan perangi serta sama-sama mohon kepada Allah SWT agar mengangkatnya dari muka bumi ini.

### Rujukan

Abdul Rahman bin Naser al-Sa'di. (2002). *Taisir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan*. Riyadh: Maktabah Darussalam.

Abu Utsman Kharisman. (2011). *Sukses Dunia Akhirat dengan Istighfar dan Taubat*. Probolinggo: Pustaka Hudaya.

- Al-Baghawi, Abi Ahmad. (1989). *Tafsir al-Baghawi, Ma'alimu Tanzil*. Riyadh: Darul Taibah.
- Al-Ghazali, A. H. (1986). *At Taubah Ila Allah wa Muakaffirat Adz Dzunub*. Kaherah: Maktabah al-Quran.
- Al-Muqaddam, S. I. (2015). *Fikih Istighfar*. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar.
- Al-Qurthubi, Abi Bakr. (2006). *Al-Jami' Li Ahkamu Quran*. Beirut: Al-Resalah Publishers.
- Dawam, A. (2015). Istighfar dalam perspektif hadis. *Sosio-Religia*, 110-120.
- Ghafar, M. N. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Hammim, H. (2013). *Dasyatnya Terapi Istighfar*. Jakarta: Magfirah Pustaka.
- Ibnu Hajar al-'Asqalani. t.t. *Fathul Bari*. Riyadh: Maktabah Salfiyah.
- Iskandar, Mif Rohim Noyo sarkun. (2015). Pengaruh Zikrullah pada manusia menurut perspektif sains. *Sains Humanika*, 41-46.
- Jayanegara, A. (2005). *Istighfar*. Jakarta: Republika.
- Jalaludin Al-Mahalli & Jalaluddin As-Suyuthi. t.t. *Tafsir Jalalain*. Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir.
- Johari, et.al. (2019). Persepsi tekanan akademik dan kesejahteraan diri di dalam kalangan pelajar universiti di Serdang, Selangor. *EDUCATUM Journal of Social Sciences* 5(1), 24-36.
- Najati, M. U. (2002). *Jiwa Dalam Pandangan Para Filosof Muslim*. Bandung: Pustaka Hidayah.
- Nukhbah mina Ulama. 2013. *Tafsir Muyassar*. Madinah Munawwarah: Moswarat.com.
- Nur Adilah Adilah Omar, Wan Nasyrudin Wan Abdullah. (2018). Pengurusan stres melalui pendekatan Istighathah. *AL-BANJARI*, 279-296.
- Qardhawi, D. Y. (1998). *At Taubat Ila Allah*. Kairo: Muassasah al-Risalah.
- Rachman, M. F. (2013). *50 Ibadah Ringan Berpahala Besar*. Bandung: Mizania.
- Ramli, et.al. (2018). Academic stress and self-regulation among university students in Malaysia: Mediator role of mindfulness. *Behavioral Sciences* 8(12), 1-9.
- Salam, et.al. (2013). Stress among medical students in Malaysia: A systematic review of literatures. *International Medical Journal*, 649-655.
- Salleh, N. M. (2016). Konsep Kecerdasan Emosi dalam Islam. *IRSYAD2016*, 8.
- Sayyid Qutub. (2004). *Tafsir Fi Zhilalil Qur'an*. Indonesia: Robbani Press.
- Syahidin, M. (2018). *The Power of Istighfar for wonderful life with NLP*. Bandung: Mujahid Press.
- Ulama, N. M. (2013). *Tafsir Muyassar*. Madinah Munawwarah: Moswarat.com.
- Wachhonaltz dan Sambamoorthi. (2011). National Trends in Prayer Use as a Coping Mechanism for Health Concerns: Changes From 2002 to 2007. *Psychology of Religion and spirituality*, 67-77.
- Wulandari, N. (2014). Pengaruh Terapi Zikir terhadap kesejahteraan Psikologis pada Lansia. *Jurnal Intervensi Psikologi*, 235-250.
- Yasin, H. B. (1999). *Sabih al-Maisur min Tafsir bil-Mathbur*. Madinah: Darul Mathour.



## BAB 9

### KOMUNIKASI MASSA IBU BAPA TERHADAP ANAK-ANAK KETIKA PANDEMIK COVID 19

Safinah Binti Ismail<sup>1</sup>, Nursuhaila Idayu Binti Amran<sup>1</sup>, Wan Irfani Najwa Binti Wan Ismail<sup>1</sup>

Fatin Nur Adriana Binti Mohd Razali<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

#### Pengenalan

Komunikasi ibu bapa dengan anak-anak dalam sesebuah keluarga adalah proses menzahirkan rasa kasih sayang, kerjasama, penghargaan, kejujuran, kepercayaan dan keterbukaan antara satu sama lain (Fajar Pamukti Putra 2010). Komunikasi yang berlaku adalah tidak sama dalam sebuah keluarga dengan keluarga yang lain. Oleh yang demikian, setiap keluarga mempunyai cara komunikasi yang tersendiri (Siti Rahmah, 2019). Komunikasi juga menjadi penting bagi mengetahui dan memaklumkan tentang keberadaan anak-anak ataupun ibu bapa. Sama ada di rumah, tempat kerja, pasar dan sebagainya (Abdul Halik, et al., 2013). Ibu bapa merupakan individu penting dalam mempengaruhi mental dan kerohanian anak-anak (Arlin 2016; Islam & Islam 2011). Komunikasi yang berlaku antara ibu bapa dan anak-anak dapat mewujudkan hubungan yang bersifat dua arah, keterbukaan, empati, sokongan, perasaan positif dan mempengaruhi suasana dalam keluarga (Irham 2108; Yan & Ribut 2019). Komunikasi massa yang dilakukan oleh ibu bapa terhadap anak-anak semakin penting terutama ketika pandemik covid 19. Pandemik Covid 19 melanda seluruh dunia, masyarakat masih dalam fasa menyesuaikan diri dengan norma baharu kehidupan bagi memastikan kelangsungan dan kesejahteraan hidup.

Kesibukan ibu bapa dalam kerjaya secara atas talian dan menjadi barisan hadapan seperti doktor, jururawat, anggota polis, anggota askar, penunggang pembawa makanan (*GrabFood, Tapam, Food Panda*), pemandu teksi, penjual keperluan hospital juga kedai-kedai dan lain-lain menyebabkan anak-anak terabai kerana kurangnya komunikasi berlaku antara anak - anak dan ibu bapa (Siti Jamiaah Abdul Jalil, 2020). Terdapat ibu bapa membiarkan anak-anak bermain gajet sendirian tanpa pemantauan. Begitu juga kelekaan menaip dan menatap skrin di telefon pintar menjadi norma hingga mengambil alih komunikasi dua hala yang penting dalam membina perhubungan antara sesama manusia. Fenomena ini menjadi salah satu punca komunikasi terutama di antara remaja dengan ibu bapa terjejas (Naquiah Nahar, 2018). Di samping itu, terdapat pelbagai latar belakang keluarga dalam negara mahupun di luar negara. yang tidak dapat berjumpa dengan keluarga dalam jangka masa yang panjang, ada yang berjauhan sama ada dalam atau luar negara. Hal ini kerana, dalam Perintah Kawalan Pergerakan ini sempadan antara negeri telah dikawal ketat bahkan sempadan negara juga turut dikawal. Oleh yang demikian, anak-anak yang berjauhan dari keluarga tidak dapat berjumpa dengan ahli keluarga.

## Komunikasi Massa dan Pandemik Covid 19

Komunikasi massa didefinisikan sebagai proses komunikasi melalui media massa. Komunikasi massa merupakan komunikasi yang terdapat proses menggunakan suatu media dalam menyampaikan suatu pesan (Latif Syaipudin, 2020). Komunikasi massa juga dapat dijelaskan kepada dua sudut pandangan, iaitu bagaimana orang menghasilkan mesej dan menyampaikannya media kepada satu pihak dan bagaimana orang mencarinya juga gunakan mesej tersebut pada yang lain. Sebagai contoh, literasi pengembangan yang lebih besar pesat dalam bidang ekonomi, kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi, fenomena urbanisasi serta faktor iklan. Secara umumnya, penggunaan komunikasi massa selain menjalankan fungsi utamanya seperti memberi maklumat dan hiburan, ia juga digunakan untuk tujuan khas seperti medium berdakwah. Media massa mempunyai kelebihan tersendiri dalam penggunaannya media massa dapat dijadikan sarana yang efektif untuk menyampaikan dan menyebarkan ayat-ayat Allah dan sunnah Nabi Muhammad SAW sehingga umat Islam semakin menyedari akan peranan kitab Al-Qur'an sebagai sumber dari segala pengetahuan yang dipelajari manusia (Abdul Halik, et al., 2013). Firman Allah SWT :

وَيَوْمَ نَبْعَثُ فِي كُلِّ أُمَّةٍ شَهِيدًا عَلَيْهِمْ مِنْ أَنْفُسِهِمْ وَجِئْنَا بِكَ شَهِيدًا عَلَىٰ هَؤُلَاءِ ۗ  
وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ الْكِتَابَ لِكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَىٰ لِلْمُسْلِمِينَ

Maksudnya:

*(Dan ingatlah) akan hari (ketika) Kami bangkitkan pada tiap-tiap umat seorang saksi atas mereka dari mereka sendiri dan Kami datangkan kamu (Muhammad) menjadi saksi atas seluruh umat manusia. Dan Kami turunkan kepadamu Al Kitab (Al Quran) untuk menjelaskan segala sesuatu dan petunjuk serta rahmat dan kabar gembira bagi orang-orang yang berserah diri.*

(An-Nahl: 89)

Segala yang ada di dunia sudah tertulis dalam kitab Al-Qur'an. Manusalah yang kurang memiliki pemahaman dan tidak menyedari mengenai kandungan Al-Qur'an. Al-Qur'an adalah kitab suci yang paling lengkap dan sesuai untuk segala zaman. Al-Qur'an adalah kitab suci paling lengkap dan sesuai untuk semua masa. Kehidupan sosial ini termasuklah tindakan komunikasi antara orang juga telah digariskan dalam Al-Qur'an, dari segi format dan kandungan serta dari aspek etika. Melalui penggunaan media massa konvensional seperti surat khabar, radio, dan televisyen serta media dalam talian, mesej yang terdapat dalam kitab suci Al-Qur'an dapat disebarkan dengan lebih banyak lagi (Abdul Halik, et al., 2013).

Sementara itu, pandemik pula merupakan penularan sesebuah wabak penyakit yang baru di seluruh dunia, di mana orang ramai boleh dijangkiti dengan mudah dan penyakit tersebut dapat merebak tanpa halangan secara berterusan daripada seorang individu kepada individu yang lain di seluruh pelusuk dunia. Deklarasi pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia merujuk kepada penularan luas wabak penyakit. Virus Covid 19 adalah penyakit virus korona (COVID-19) penyakit yang berjangkit disebabkan oleh virus yang baru ditemui yang dikenali sebagai coronavirus 2 sindrom pernafasan yang teruk (SARS-CoV-2) penyakit seperti jangkitan selesema. Kes COVID-19 manusia pertama dikenal pasti di Bandar Wuhan, China pada Disember 2019. Virus korona adalah sekumpulan besar virus yang biasanya terdapat pada haiwan dan boleh menyebabkan penyakit pada haiwan atau manusia. Kadangkala, orang yang dijangkiti virus ini kemudian dapat menyebarkannya kepada orang lain. Pada manusia, beberapa virus korona diketahui menyebabkan jangkitan pernafasan bermula dari selesema hingga penyakit yang lebih teruk seperti *Middle East Respiratory Syndrome (MERS)* dan *Severe Acute Respiratory Syndrome (SARS)* (Ana Kuswanti, 2020).

Coronavirus (CoV) adalah sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan. Jangkitan Coronavirus boleh menyebabkan spektrum gejala daripada selesema biasa kepada radang paru-paru (*pneumonia*) yang teruk. COVID-19 adalah virus yang baru dan Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berhubung dengan pihak antarabangsa termasuk Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk mempelajari ciri-ciri dan perilaku virus ini. Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai pengalaman menangani virus lain dalam kumpulan ini seperti SARS dan MERS CoV (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020).

Oleh yang demikian, disebabkan penularan virus ini telah menjangkiti manusia dengan banyak dari semasa ke semasa, maka kementerian kesihatan telah mengeluarkan satu arahan agar semua rakyat untuk mematuhi peraturan baru yang dikenali sebagai *Standard Operating Procedure* (SOP). Melalui pematuhan SOP ini iaitu setiap orang mestilah memakai penutup muka setiap kali keluar, menjarakkan diri 1 meter antara satu sama lain, *memakai hand sanitizer*, kerap mencuci tangan dan sebagainya. Pematuhan SOP ini akan sentiasa dipantau oleh pihak berkuasa. Pematuhan SOP yang dibuat ini adalah untuk kebaikan bersama agar virus COVID-19 ini tidak tersebar kepada orang ramai lagi (Ana Kuswanti, 2020).

Di samping itu, kewujudan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mengehadkan aktiviti harian membuatkan masyarakat secara tidak langsung lebih banyak menghabiskan masa berkualiti dengan ahli keluarga, berbanding di luar rumah. Anak yang dahulu jarang berjumpa ibu bapa, kini menikmati lebih banyak masa bersama dan mengeratkan hubungan kekeluargaan. Corak perbelanjaan masyarakat juga berubah kepada penekanan terhadap pembelian bijak yang menumpukan pembelian terhadap keperluan berbanding kehendak, serta berfokuskan pembelian secara berhemat. Ia berlaku susulan ketidakpastian ekonomi yang sememangnya membimbangkan pembeli sehingga lebih memilih untuk berjimat dan menyimpan wang (Mohamad Saifudin Mohamad Saleh, 2020).

### **Metodologi kajian**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif berdasarkan penganalisan data tematik melalui analisis dokumen daripada jurnal, buku, prosiding dan sebagainya. Menurut Kamal Azmi et al. (2015) penyelidikan kualitatif melibatkan penggunaan kajian dan koleksi pelbagai bahan empirikal seperti pengalaman peribadi, kisah hidup, pensejarahan, kajian kes, interaksional dan teks visual yang menerangkan rutin dan detik-detik serta maksud permasalahan kehidupan seseorang. Oleh yang demikian, penyelidikan kualitatif menggunakan pelbagai metode yang berkaitan agar mendapat ketetapan yang lebih baik terhadap subjek yang ada. Pengkaji telah memilih kaedah analisis secara tematik iaitu dengan meletakkan tema yang sesuai ke atas data yang telah ditranskrip. Analisis tematik merupakan satu cara untuk mengenal pasti tema-tema yang terbentuk dalam sesuatu keadaan atau isu dan meneliti tema-tema penting yang muncul daripada dapatan tersebut (Noraini 2019). Analisis data melibatkan cantuman pelbagai data, pengkelasan data mengikut kategori atau tema yang sesuai dan tepat tentang apa sampel kata dan apa yang pengkaji lihat dan baca (Othman 2015).

### **Dapatan Kajian**



Hasil kajian mendapati komunikasi massa adalah penglibatan ibu bapa dalam membina komunikasi berkesan, komunikasi massa bersama anak-anak, penetapan masa dan lokasi penggunaan gajet, pemantauan berterusan dan ketegasan dalam mendidik anak-anak dapat menangani cabaran ketika pandemik covid 19.

#### 1. Membina komunikasi berkesan

Ibu bapa memfokuskan kepada membina komunikasi berkesan. Komunikasi berkesan yang dibina antara ibu bapa dan anak dalam budaya digital dapat dikukuhkan apabila ibu bapa mengenal pasti norma tingkah laku yang sesuai dalam penggunaan media sosial dan teknologi. Ibu bapa siber juga perlu memupuk hubungan saling mempercayai dan sentiasa berkomunikasi dengan anak-anak berkaitan peraturan dalam penggunaan media sosial dan teknologi. Ibu bapa yang bekerja dari rumah perlu mendalami cara penggunaan komunikasi massa dengan baik dan membimbing anak-anak menggunakan media massa (Nurhamizah Hashim & Asbah Razali, 2019).

Oleh itu, komunikasi keluarga yang positif merangkumi lisan (*verbal*) dan bukan lisan (*non-verbal*). Setiap ahli keluarga bertukar pandangan bagi menyatakan keperluan, kepercayaan, perasaan, penerimaan, keterbukaan dan keprihatinan (Branscome 2018). Menurut Abd Rahim, Sufean dan Jamaludin (2006), komunikasi keluarga boleh berlaku secara bersemuka, bukan lisan dan penggunaan perantaraan seperti telefon atau media sosial. Dengan adanya teknologi komunikasi, ia menjadi alat yang lebih efisien dalam berinteraksi. Komunikasi keluarga yang efektif adalah berdasarkan kepada kepuasan terhadap keluarga dan kurang konflik, khususnya apabila anak meningkat remaja. Komunikasi keluarga yang positif memberi impak kepada pembentukan mental, emosi dan sosial anak-anak serta kemampuan mereka untuk berhadapan dengan cabaran semasa (Che Hasniza & Fatimah 2011).

Oleh sebab itu, ibu bapa bertungkus lumus dalam memperbetulkan keadaan bagi mencapai kebahagiaan. Walaupun dengan menggunakan komunikasi massa, hal ini dapat memberikan kegembiraan dan kenangan buat anak-anak (Nurhamizah Hashim & Asbah Razali, 2019). Dalam situasi kehidupan norma baharu akibat pandemik COVID 19, ibu bapa sentiasa berhubung dengan anak-anak, begitu juga anak-anak perlulah bersikap positif. Masyarakat masih boleh berhubung menggunakan kemudahan komunikasi terutama yang berjauhan dengan ibu bapa. Secara tidak langsung ia dapat mengurangkan tekanan yang dihadapi. Ibu bapa yang bijak menggunakan kemudahan dapat menangani cabaran masa kini dalam berkomunikasi ketika pandemik COVID-19.

#### 2. Komunikasi Massa Bersama Anak-Anak

Kekuatan sesebuah keluarga terletak pada kebersamaan antara ahli keluarga seperti meluahkan perasaan, komunikasi dan meluangkan masa bersama anak-anak (Amran Hassan, Fatimah Yusoff & Khadijah Alavi 2014). Kebersamaan dalam segala aktiviti boleh mengukuhkan hubungan sesama ahli keluarga seperti kerja berpasukan. Hal ini menunjukkan bahawa kasih sayang dan memenuhi keperluan anak-anak dengan melaksanakan gotong-royong boleh meningkatkan harga diri dan membantu mengurangkan konflik dalam sesebuah keluarga. Hal yang demikian membuktikan bahawa mengadakan perhimpunan keluarga boleh menyelesaikan masalah secara bersemuka dan sebagainya (Bahrami, Hosseini & Zamiri 2017). Ketika pandemik ibu bapa sentiasa berhubung melalui peranti terkini seperti *video call*, *voice chat*, *chat* di *platform Whatsapps, Intagram, Telegram, Tik Tok* dan sebagainya. Perjumpaan keluarga dapat dilakukan melalui *Google meet, Webex, Zoom* dan pelbagai platform lain. Menurut Izzah Nur Aida dan Salasiah (2019), keperibadian utama bapa yang

diinginkan oleh anak-anak adalah untuk meluangkan masa bersama dengan makan angin dan bersiar-siar. Disebabkan pandemik tidak mengizinkan, cara boleh ditukar kepada meluangkan masa berbual dengan anak-anak melalui perbualan media massa. Hal yang demikian, perkara tersebut dapat mewujudkan suasana yang harmoni dan mengukuhkan ikatan kekeluargaan.

### 3. Menghadkan Tempoh Penggunaan Media Massa

Ibu bapa menghadkan tempoh masa penggunaan media massa seperti gajet, televisyen dan sebagainya. Menurut Prof. Dr Muhammad Muhsin iaitu Pakar Perunding Psikiatri dan Pensyarah Kanan Universiti Malaya, ibu bapa perlu memainkan peranan yang penting dari segi had masa dan pemantauan yang rapi. Hal ini penting bagi memastikan anak-anak tidak terlalu ghairah apabila menggunakan gajet atau media sosial yang lain. Katanya lagi, penggunaan gajet seharusnya tidak boleh melebihi 2 jam dan mereka perlu duduk sekali bersama anak-anak terutama anak-anak yang berusia bawah lima tahun bagi mengelakkan kebergantungan terhadap gajet (Khairunnisa 2016). Ibu bapa perlu menghadkan tempoh penggunaan gajet dan alat komunikasi massa yang lain kerana ketika pandemik anak-anak berada dirumah sepenuhnya dan sesi pembelajaran juga secara atas talian. Gajet dimanfaatkan secara optimum kerana anak-anak hidup dalam zaman teknologi, maka mereka bijak dalam penggunaan gajet, namun memerlukan kawalan daripada ibu bapa. Peranan ibu bapa terhadap pengawalan ini begitu penting bagi memastikan anak-anak menggunakan alat peranti masa kini dengan bijak (Siti Jamiaah Abdul Jalil, 2020).

Menurut Rajini Sarvanthan Pakar Perunding Perkembangan Kanak-Kanak, ibu bapa perlu tahu dan peka di mana anak-anak mereka menggunakan gajet sama ada di ruang tamu, ruang bilik, ruang makan dan sebagainya. Seharusnya, penggunaan gajet dilarang di meja makan serta di bilik tidur atau kawasan yang tersembunyi daripada pandangan ibu bapa. Oleh itu, ibu bapa mestilah bertanggungjawab memastikan gajet seperti *ipad*, *tablet* dan lain-lain diletakkan pada tempat yang umum supaya pemantauan secara tidak langsung dapat dijalankan dengan lebih efektif (Faizatul Farlin 2015). Apabila penggunaan gajet secara bebas menyebabkan anak-anak menjadi ‘antisocial’ dan tidak mahu untuk berkomunikasi dengan orang lain mahupun keluarga sendiri. Penggunaan gajet perlu ada had pada masa dan tempat. Pandemik yang berlaku mengakibatkan banyak perkara dilakukan secara atas talian termasuk bekerja mahupun sekolah.

Selain menetapkan lokasi bagi penggunaan gajet, memantau laman sesawang yang dilayari juga adalah satu langkah pengawalan ibu bapa terhadap komunikasi massa anak-anak. Menurut Hasanah (2020), ibu bapa perlu memantau laman sesawang yang dilayari oleh anak-anak. Ibu bapa perlu mengambil tahu dan mengenal pasti laman sesawang apa yang boleh menyebabkan anak-anak mereka leka dan menyebabkan perasaan mereka menjadi buruk apabila mereka tidak mengizinkan untuk melihatnya lagi (Naquiah Nahar, 2020). Tambahan pula, kanak-kanak sangat mudah terdedah kepada pelbagai jenis kandungan yang tidak sihat khususnya pornografi yang semakin berleluasa dan mudah didapati dalam internet. Oleh yang demikian, jelas di sini bahawa penggunaan gajet juga mempunyai batasan tertentu dan patuh syariah. Di samping itu, ibu bapa memantau penggunaan anak-anak menggunakan gajet, ibu bapa juga perlulah menghadkan penggunaan komunikasi massa itu juga kerana ibu bapa adalah *role model* bagi anak-anak (Siti Jamiaah Abdul Jalil, 2020).

### 4. Pemantauan berterusan

Pemantauan ibu bapa adalah pengetahuan ibu bapa berkaitan aktiviti anak-anak. Peningkatan umur yang berlaku pada golongan remaja memerlukan pemantauan ibu bapa tanpa mengira jantina kerana pemantauan ibu bapa yang kurang menyebabkan remaja lelaki atau perempuan untuk turut

terlibat dalam tingkah laku menyeleweng. Ini adalah kerana perkembangan mental, jasmani dan sosial anak-anak adalah di bawah pengawasan ibu bapa. Oleh itu, pemantauan adalah penting agar anak-anak lebih berhati-hati untuk melakukan sebarang tingkah laku negatif kerana anak-anak merasa ibu bapa sedang memantau pergerakan mereka (Azizi, Shahrin & Mascilla 2012). Menurut Syazwana et al. (2019), pemantauan ibu bapa memfokus kepada peringkat umur, pemantauan ibu bapa semakin berkurangan apabila anak-anak meningkat dewasa tanpa mengira jantina.

Apabila berlaku pandemik ini, ibu bapa boleh memantau aktiviti anak-anak dengan mudah dengan bantuan pelbagai medium dan ibu bapa boleh terlibat dengan aktiviti anak-anak. Ini membantu merapatkan hubungan antara ibu bapa dan anak-anak. Pada masa yang sama, ia dapat membentuk sebuah keluarga yang sejahtera. Remaja daripada keluarga di Asia, misalnya keluarga Cina, lebih banyak dipantau oleh ibu bapa demi kebaikan remaja tersebut pada masa hadapan. Begitu juga kaum Melayu di Malaysia seperti yang dinyatakan oleh Siti Hajar et al. (2018) bahawa ibu bapa memantau aktiviti anak-anak dan pada masa yang sama memberi penghargaan kepada anak-anak pada masa yang sepatutnya untuk menjaga hubungan sesama mereka.

Anak-anak memerlukan pemantauan daripada orang terdekat, sebagai contoh ahli keluarga terdekat atau jiran yang dipercayai dan lain-lain. Ini adalah untuk memastikan anak-anak sentiasa melakukan perkara yang baik dan terjamin untuk mencipta masa depan yang hebat. Maka, ibu bapa perlu meluangkan masa secara fleksibel untuk berkomunikasi masa dengan anak-anak. Hal ini juga memberikan cabaran kepada ibu bapa yang bekerja sama ada dari rumah atau perlu ke tempat kerja. Ia kerana memerlukan masa dan kaedah yang digunakan untuk menarik minat anak-anak untuk meluangkan masa bersama. Antara cara yang boleh disarankan adalah ibu bapa boleh mencuba untuk bergilir dalam meluangkan masa ini (Siti Jamiaah Abdul Jalil, 2020).

## 5. Ketegasan

Ketegasan ialah komunikasi yang berkesan dalam menyampaikan buah fikiran dan perasaan secara jelas dan hormat. Individu yang memiliki ketegasan dapat menangani masalah tanpa menyinggung dan mengabaikan orang lain (Hafied Cangara, 2002). Pada masa yang sama, Habibie et al. (2018) menekankan komunikasi antara ibu bapa dan anak-anak termasuklah mendengar dan memahami masalah anak-anak, membantu anak-anak dan menjelaskan dengan tegas apa yang betul dan apa yang salah. Ini menunjukkan bahawa pola komunikasi keluarga mementingkan ketegasan, kepatuhan dan disiplin diri yang tinggi terhadap anak-anak.

Aziyah, Che Hasniza dan Saodah (2012) menyatakan bahawa ibu bapa yang tegas dalam mendidik anak-anak mereka akan menegur tingkah laku anak-anak yang tidak baik. Bapa merupakan ketua keluarga dan individu yang berkuasa. Oleh yang demikian, anak-anak akan taat dan patuh kepada bapa mereka kerana bapa merupakan ketua keluarga yang memiliki nilai kekuasaan (Jamal, Jas Laile Suzana & Fei. 2012). Ini menyebabkan anak-anak berasa ibu bapa mereka yang berkuasa dalam mendisiplinkan diri mereka. Dengan disiplin yang tinggi, bahkan pada pandangan ibu bapa, hal tersebut dapat membantu anak-anak menjadi remaja yang bersahsiah dan bermoral tinggi. Menurut Che Hasniza dan Fatimah (2011), ibu bapa Melayu menekankan orientasi keakuran terhadap anak-anak dalam semua aspek kehidupan. Terdapat sesetengah ibu bapa yang berpendirian bahawa anak-anak hanya boleh berbincang perkara-perkara tertentu sahaja. Perbincangan hanya dilakukan apabila melibatkan perkara-perkara penting seperti hal-hal berkaitan kewangan dan keperluan persekolahan. Siti Rahmah (2019) berfikir bahawa ibu bapa menunjukkan ketegasan mereka dengan mendisiplinkan anak-anak mereka dan mengenakan pelbagai peraturan dan hukuman.

## Penutup

Komunikasi ibu bapa dengan anak-anak dalam sesebuah keluarga penting bagi membentuk kesejahteraan hidup. Komunikasi yang berlaku antara ibu bapa dan anak-anak dapat mewujudkan hubungan yang bersifat dua arah, keterbukaan, empati, sokongan, perasaan positif dan mempengaruhi suasana dalam keluarga. Komunikasi massa yang dilakukan oleh ibu bapa terhadap anak-anak semakin penting terutama ketika pandemik covid 19. Komunikasi yang dilakukan adalah penglibatan ibu bapa dalam membina komunikasi berkesan, komunikasi massa bersama anak-anak, penetapan masa dan lokasi penggunaan gajet, pemantauan berterusan dan ketegasan dalam mendidik anak-anak dapat menangani cabaran ketika pandemik covid 19.

## Rujukan

Ahmad Ridzuan, A. N. (4 Mei, 2020). *Musibah Covid-19 Tuntut Muhasabah Ekonomi*. Retrieved 15 Ogos, 2020, from Berita Harian Online: <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/05/684938/musibah-covid-19-tuntut-muhasabah-ekonomi>

Arlin Setrina Putri. (2016). Pola komunikasi single parent dalam mendidik anak (Studi Kasus di Desa Banglas Barat, Kecamatan Tebing Tinggi, Kabupaten Kepulauan Meranti). *Journal of Economics and Finance*, 3(1), 56. <https://doi.org/https://doi.org/10.3929/ethz-b-000238666>

Awani. (30 Mac, 2020). *Fahami Cara Covid-19 Beri Impak Kepada Rakyat dan Ekonomi*. Retrieved 15 August, 2020, from Astro Awani: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/fahami-cara-covid-19-beri-impak-kepada-rakyat-dan-ekonomi-235835>

Borhan, J. T. (2008). Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam. *Jurnal Usuluddin*, 93-107.

Branscome, R. E. (2018). *The relationship between substance use problems , family communication , forgiveness , and male childhood sexual abuse*. Tesis Dr.Fal , The University of North Carolina.

Fajar Pamukti Putra. (2010). *Komunikasi keluarga dalam membentuk disiplin anak remaja*. Universiti Lampung.

Habibie Ibrahim, Mazni Mustapha, Joki Perdani, Puteri Hayati Megat Ahmad, & Nurul Hudani Md Nawati. (2018). Peranan dan tanggungjawab ibu bapa dalam pengasuhan anak dan remaja. *Asian Social Work Journal*, 3(5), 18–24. Retrieved from [www.msosocialwork.com](http://www.msosocialwork.com)

Hafied Cangara. (2002). *Pengantar Ilmu Komunikasi*. Jakarta: Pt Raja Grafindo Persada.

Irham La Tarifu Joko. (2108). Pola komunikasi anak melalui media sosial whatsapp dengan orang tua di perantauan. *Jurnal Ilmu Komunikasi UHO*, 3(2), 1–32.

Islam, M. K., & Islam, R. (2011). Strengthening muslim family institution: a management perspective. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.*, 19(1), 81–98.

Izzah Nur Aida Zur Raffar dan Salasia Hanin Hamjah. (2019). Ciri-Ciri Personaliti Bapa Yang Diharapkan Oleh Anak-Anak Dalam Keluarga. *Al-Banjari : Jurnal Ilmiah Ilmu-Ilmu Keislaman*, 18(2),

313. <https://doi.org/10.18592/al-banjari.v18i2.2645>

Jamal Ismuni, Jas Laile Suzana Jaafar, & Yoo Fei. (2012). Hubungan antara perapatan keibubapaan dengan status identiti remaja Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 23(1), 1–17.

Mansur, K. (2020). Covid-19 Impak Kepada Ekonomi dan Peranan Institusi Waqaf (Endowment) Mendepani Kegawatan Sosio-ekonomi Ummah. *Research Gate*, 1-7.

Meerangani, K. A. (2017). Potensi Zakat Dalam Pembangunan Umat Islam di Malaysia. *Seminar Antarabangsa Pembangunan Islam 2017* (pp. 1-14). Melaka: Kolej Universiti Islam Melaka.

n.a. (8 Ogos, 2019). *Golongan Isi Rumah B40, M40 dan T20 di Malaysia Berdasarkan Pendapatan*. Retrieved 15 Ogos, 2020, from CompareHero.my: <https://www.comparehero.my/budgets-tax/articles/klasifikasi-pendapatan-di-malaysia-t20-m40-dan-b40>

Noraini Idris. 2010. *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Noraini Mohamad. (2019). *Pendekatan Pengajaran Berasaskan Manhaj al-Tadarruj Kepada Saudara Baharu di Malaysia*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Othman Lebar. 2015. *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Siti Hajar Abu Bakar Ah, N. O. S. B. M. A. & Z. A. (2018). Program pencegahan berasas keibubapaan untuk bertindakbalas dengan masalah hamil luar nikah dalam kalangan remaja. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 11(1), 1–28. <https://doi.org/10.22452/mjsa.vol11no1.1>

Siti Rahmah. (2019). Pola komunikasi keluarga dalam pembentukan kepribadian anak. *Alhadharah: Jurnal Ilmu Dakwah*, 17(33), 13. <https://doi.org/10.18592/alhadharah.v17i33.2369>

Syazwana Aziz, Salina Nen, Suzana Mohd Hoesni, & Jamiah Manap. (2019). Tingkah laku devian dalam kalangan remaja di Semenanjung. *Jurnal Sains Sosial*, 4(1), 93–101.

Yun Hin, Y. T. (15 May, 2020). *Kesan Covid-19 Terhadap Manusia dan Alam*. Retrieved from Tinta Minda: <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1842582>

Zainuddin, A. Z. (2 Jun, 2020). *Covid-19: Kerajaan Analisis Kesan ke atas Sektor Terjejas*. Retrieved Ogos, 2021, from Berita Harian Online: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/695534/covid-19-kerajaan-analisis-kesan-ke-atas-sektor-terjejas>

## BAB 10

### **BIDANG KUASA PENTADBIRAN MASJID DI NEGERI SELANGOR MENURUT UNDANG-UNDANG DAN HUBUNGANNYA DENGAN ISU BERKAITAN MASJID SEMASA PANDEMIK COVID-19**

Zanariah Dimon, Norita Kamaruddin, Sahlawati Abu Bakar  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

#### **Pengenalan**

Pandemik *Coronavirus disease* (Covid-19) telah memberikan impak yang sangat besar di seluruh dunia termasuk di Malaysia. Penyebaran virus berbahaya ini telah mencetuskan pelbagai polemik dan persoalan dalam kalangan masyarakat. Kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara berfasa mulai 18 Mac 2020 sehingga kini dalam usaha mengekang penularan wabak Covid-19 di negara ini. PKP yang telah dilaksanakan selama hampir dua tahun itu telah memberikan kesan bukan sahaja terhadap aktiviti sosial dan ekonomi malahan sektor keagamaan juga terkesan dengan pandemik ini. Ini kerana, PKP ini telah menyebabkan larangan menyeluruh telah diwartakan terhadap semua pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya. Justeru itu, bagi menguatkuasakan larangan ini, semua rumah ibadat dan premis perniagaan ditutup kecuali pasar raya, pasar awam, kedai runcit dan kedai serbaneka yang menjual barangan keperluan harian (Majlis Keselamatan Negara, 2020).

PKP yang dilaksanakan ini adalah selaras dengan langkah pencegahan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam kenyataan akhbar bertarikh 11 Mac 2020 menggesa agar semua perhimpunan yang melibatkan orang ramai (*mass gathering*) ditangguhkan bagi mencegah kemungkinan jangkitan COVID-19 berlaku; sekiranya mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan, dinasihatkan agar tidak menghadiri program yang melibatkan orang ramai atau tempat yang padat termasuk aktiviti keagamaan dan individu yang bergejala dinasihatkan agar menjarakkan diri (*social distancing*) sekurang-kurangnya satu meter bila berhadapan dengan individu lain). Maka, daripada gesaan dan saranan tersebut, Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas yang dianggotai oleh semua mufti negeri-negeri di Malaysia telah bersidang pada 15 Mac 2020 telah memutuskan semua aktiviti keagamaan di masjid dan surau termasuk solat berjemaah dan solat Jumaat ditangguhkan kerana melibatkan perhimpunan secara beramai-ramai dan tidak menjaga solat sosial (*social distancing*) (Rafidah Mat Ruzki, 2020).

Walau bagaimanapun, sebahagian masyarakat menganggap garis panduan dan rosedur operasi *standard* (SOP) membabitkan kegiatan agama sebagai menyusahkan dan tidak patut dilakukan kerana bertentangan dengan syariat Islam. Ramai juga melihat masjid dan surau seolah-olah dianaktirikan dengan SOP ketat, sebaliknya premis seperti pasar raya, pasar awam serta kedai makan dibenarkan beroperasi secara berbeza. Sebagai contoh, semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Lembah Klang, ibadat di masjid dan surau telah dihentikan

sedangkan premis dan aktiviti ekonomi terpilih dibenarkan. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) contohnya, menengguhkan solat Jumaat dan lima waktu berjemaah serta aktiviti pengimarahannya lain dalam tempoh PKPB. Solat berjemaah hanya boleh dilaksanakan dengan tidak melebihi 6 jemaah.

Larangan ini telah menimbulkan perasaan tidak puas hati kepada mereka yang terbiasa solat berjemaah dan menjadikan masjid tempat pertemuan dengan rakan sekaerah serta pusat aktiviti keilmuan. Di media sosial sendiri, banyak persoalan yang ditimbulkan mengenai isu penutupan masjid dan surausersebut sehingga menuntut Menteri Hal Ehwal Agama di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri untuk membuat keputusan dan membuka semula masjid dan membenarkan solat Jumaat dan berjemaah dilaksanakan di masjid-masjid negeri dan daerah dengan kepatuhan terhadap prosedur operasi *standard* (SOP) Covid-19. Walau bagaimanapun, Menteri Agama membuat kenyataan bahawa perkara tersebut adalah tertakluk kepada dasar dan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa agama negeri. Menteri Agama tidak mempunyai bidang kuasa tersebut. Ini kerana SOP dikeluarkan Majlis Agama Islam Negeri adalah untuk meminimumkan risiko jangkitan COVID-19. Ia diputuskan berdasarkan saranan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan (KKM).

Sehubungan itu, artikel ini akan membincangkan mengenai bidang kuasa pentadbiran masjid di negeri Selangor dan punca kuasa penetapan SOP yang telah dilakukan berkaitan kawalan semasa pandemik Covid-19. Metodologi kajian yang digunakan adalah melalui pendekatan kualitatif dengan mengumpulkan data menerusi analisis dokumen-dokumen seperti buku-buku, statut dan laporan kes.

### **Bidang Kuasa Masjid Di Malaysia Menurut Undang-Undang**

Masjid merupakan sebuah institusi yang sangat penting dalam Islam. Masjid dan surau sinonim sebagai tempat ibadat bagi orang Islam terutamanya sebagai tempat mengerjakan sembahyang fardu dan sunat secara berjemaah. Walau bagaimanapun, masjid bukan sekadar lambang dan syiar dalam kehidupan masyarakat Islam malahan lebih penting dari itu, masjid adalah nadi dan pusat kegiatan aktiviti umat Islam. Institusi masjid merupakan simbol syiar Islam yang menyatu padukan umat Islam dalam pelbagai bidang. Ia merupakan pusat pembangunan modal insan sama ada daripada aspek kerohanian, akhlak mahupun kehidupan bermasyarakat. Umumnya, ketika saat kegemilangan pemerintahan kerajaan Islam dahulu, masjid mempunyai pelbagai fungsi. Antara fungsinya adalah sebagai pusat rujukan penting melibatkan soal pengurusan dan pentadbiran negara, pusat perkembangan kewangan dan ekonomi, penyebaran dan perluasan bidang keagamaan, menegakkan keadilan dalam perundangan, pemupukan institusi sosial dan sebagainya (Mohd Yahya Mohd Husin, 2014)

Kepelbagaian fungsi masjid telah menjadikannya sebagai sebuah institusi yang paling dimuliakan di muka bumi ini. Selain solat secara berjemaah yang menjadi aktiviti utama masjid, terdapat pelbagai aktiviti yang berteraskan pendidikan, kemasyarakatan, pentadbiran, kesukanan mahupun keusahawanan yang boleh dikembangkan melalui institusi masjid. Oleh itu kehebatan sesebuah masjid bukanlah bergantung kepada senibinanya semata-mata tetapi juga kepada tahap pengimarahannya (Nor Azlina (2016).

Secara literal, masjid bermaksud bangunan khas untuk umat Islam melakukan solat jumaat dan ibadah-ibadah lain (Noresah, 2007). Manakala menurut undang-undang Islam di Malaysia,

masjid ditafsirkan dalam seksyen 2, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003 contohnya sebagai suatu bangunan:

- a. yang digunakan bagi sembahyang Jumaat dan sembahyang lain dan kegiatan-kegiatan yang disuruh, disyorkan, atau dibenarkan oleh agama Islam; dan
- b. yang penggunaannya sebagai yang sedemikian dibenarkan oleh Majlis di bawah seksyen 98, dan termasuklah mana-mana surau, madrasah atau bangunan lain yang ditetapkan oleh Majlis sebagai masjid di bawah seksyen itu.

Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan bahawa kuasa pentadbiran undang-undang Islam adalah terletak di bawah negeri-negeri dalam Persekutuan. Namun, kuasa ini bukanlah bersifat menyeluruh kerana hanya boleh dikuatkuasakan ke atas orang Islam, dalam lingkungan sempadan negeri dan hanya mencakupi bidang-bidang yang sempit iaitu undang-undang diri dan keluarga (Tajul Aris Ahmad Bustami. 2005). Kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan telah meletakkan kuasa raja-raja Melayu sebagai Ketua Agama Islam di negeri masing-masing. Tiada Ketua Agama Islam bagi Persekutuan Malaysia. Yang Di Pertuan Agong kekal sebagai Ketua Agama bagi negeri baginda dan juga menjadi Ketua Agama bagi negeri-negeri tidak beraja iaitu Wilayah-wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak (Zaini Nasohah. 2004). Oleh itu, kuasa mentadbir hal ehwal orang-orang Islam pada dasarnya adalah tertakluk di bawah bidang kuasa raja negeri berkenaan. Dari segi teorinya, raja boleh bertindak mengikut budi bicaranya dalam urusan agama. Namun hakikatnya, raja termasuk Yang Di Pertuan Agong sendiri adalah bertindak mengikut nasihat.

Oleh itu, kuasa perundangan yang berkaitan dengan hal ehwal undang-undang Islam merupakan tanggungjawab Badan Perundangan Negeri. Kuasa perundangan tersebut termasuk mengadakan suatu bentuk undang-undang khusus berhubung hal ehwal orang Islam. Namun demikian, undang-undang itu hendaklah tidak bertentangan dengan peruntukan undang-undang yang terdapat dalam undang-undang Persekutuan. (Zaini Nasohah. 2004). Sehubungan itu, tempat ibadat bagi orang Islam seperti masjid dan surau ini adalah menjadi urusan hal ehwal agama Islam di peringkat negeri iaitu di bawah kuasa dan tanggung jawab pihak berkuasa agama Islam negeri-negeri. Ini bermaksud pengurusan dan pentadbiran masjid di Malaysia adalah terletak di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri-negeri. Bidang kuasa negeri-negeri berhubung pengurusan dan pentadbiran masjid adalah berdasarkan peruntukan dalam Jadual 9 Senarai 2 Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan iaitu:

1)“Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuklah hukum syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahatarfan, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat; Wakaf Islam dan takrif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, pelantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat yang dijalankan kesemuanya sekali dalam Negeri; adat istiadat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, kecuali



mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, penyusunan dan acara bagi mahkamah-Mahkamah Syariah yang akan mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut agama Islam; menentukan perkara-perkara Hukum syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu.”

Berdasarkan peruntukan tersebut, jelas menunjukkan bahawa pihak berkuasa agama negeri mempunyai bidang kuasa dalam mengurus dan mengawal pentadbiran masjid dan surau di peringkat negeri. Pihak berkuasa utama dalam urusan hal ehwal agama Islam di negeri-negeri adalah Majlis Agama Islam selepas kedudukan Sultan sebagai Ketua Agama Islam. Oleh itu, dalam perkara berhubung masjid dan tempat ibadat orang Islam, Majlis Agama Islam Negeri-negeri diberi kuasa menjadi pemegang amanah bagi tiap-tiap masjid bersama dengan tanah yang didirikan masjid dan tanah yang berhubung dengan dan digunakan bagi maksud masjid. Sebagai contoh, seksyen 96, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan:

- (1) Walau apapun peruntukan yang berlawanan dalam mana-mana suratcara bertulis, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua masjid dan surau dalam Negeri Selangor
- (2) Tiap-tiap masjid dan surau, bersama dengan tapak masjid dan surau itu dan mana-mana tanah yang berhubung dengan dan digunakan bagi maksud-maksud masjid dan surau itu, termasuk tanah kerjaan atau tanah yang dirizab bagi maksud awam hendaklah, sebaik sahaja didaftarkan di bawah undang-undang bertulis yang berhubung dengan tanah, dan tanpa apa-apa pemindahan, penyerahakan, atau pemindah milikan, terletak hak pada Majlis bagi maksud-maksud Enakmen ini.

Oleh itu, sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua masjid dan surau di dalam negeri tersebut, Majlis Agama Islam mempunyai kuasa untuk mengurus pentadbiran dan kewangan masjid. Sebarang pembinaan masjid dan surau yang baru perlu mendapat kebenaran dari pihak Majlis Agama Islam. Begitu juga perkara-perkara yang melibatkan perubahan, renovasi, dan sebarang kegiatan masjid perlu mendapat kebenaran dari pihak Majlis Agama Islam negeri berkenaan (Zaini Nasohah. 2018).

### **Pentadbiran Masjid di Negeri Selangor Menurut Undang-undang**

Pentadbiran masjid dan tempat ibadat bagi orang Islam seperti surau dan *mushalla* adalah tertakluk kepada bidang kuasa pihak berkuasa agama di setiap negeri berdasarkan peruntukan undang-undang dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Islam negeri. Sehubungan itu, semua perkara berkaitan pengurusan dan pentadbiran masjid adalah di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam negeri-negeri sebagai pemegang amanah tunggal bagi masjid di setiap negeri. Di Selangor sebagai contoh, Majlis Agama Islam Selangor merupakan pemegang amanah bagi tiap-tiap masjid bersama dengan tanah yang didirikan masjid dan tanah yang berhubung dengan dan digunakan bagi masjid. Berdasarkan peruntukan seksyen 96, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (EPAIS, 2003), semua masjid dan tempat ibadah bagi orang Islam di negeri Selangor tidak boleh didirikan tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis. Larangan ini termasuk juga penggunaan mana-mana masjid atau menyebabkan apa-apa bangunan digunakan sebagai masjid. Mana-mana orang yang melanggar peraturan tersebut adalah melakukan suatu kesalahan.

Sekiranya disabitkan, pihak yang terlibat boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya (seksyen 98, EPAIS, 2003).

Menurut undang-undang pentadbiran agama Islam, Majlis Agama Islam pada bila-bila masa mempunyai kuasa untuk membenarkan sesuatu bangunan didirikan untuk digunakan sebagai masjid; membenarkan penggunaan mana-mana bangunan sebagai masjid; atau menetapkan mana-mana surau, madrasah atau bangunan lain menjadi masjid. Namun kebenaran hanya diberikan sekiranya tapak tanah yang didirikan bangunan sebagai masjid itu telah dijadikan tanah wakaf yang berkekalan. Majlis juga mempunyai kuasa untuk menentukan atau meminda sempadadan mana-mana kariah masjid (Zaini Nasohah, 2018).

Bidang kuasa tersebut menunjukkan kepentingan peranan Majlis Agama Islam dalam urusan pentadbiran setiap masjid, surau dan tempat ibadat orang Islam bagi negeri masing-masing. Begitu juga di Selangor, semua urusan berkaitan penubuhan masjid, penyelenggaraan dan pengurusan kewangan dan pengurusan pentadbiran masjid adalah terletak di bawah keizinan Majlis Agama Islam Selangor sebagai pemegang amanah tunggal masjid dan yang seumpama dengannya. Berdasarkan peruntukan dalam seksyen 99 EPAIS, 2003, semua urusan berkaitan masjid sama ada dari segi operasi pengurusan, operasi penyelenggaraan dan pemulihan masjid serta dana dan kewangan masjid mestilah mendapat dengan kebenaran Majlis Agama Islam.

Penyelenggaraan yang dimaksudkan menurut peruntukan undang-undang tersebut adalah termasuk pembaikan yang sepatutnya dan memebersihkan kawasan masjid. Sehubungan itu, Majlis boleh mendapatkan dan menggunakan atau membenarkan pendapatan dan penggunaan wang khas bagi maksud pembaikan dan penyelenggaraan masjid atau boleh membayar kos pembaikan dan penyelenggaraan itu daripada kumpulan wang masjid. Pemberitahuan mestilah dibuat kepada Majlis. Sebarang perubahan penting terhadap struktur masjid mestilah dengan kebenaran daripada Majlis.

Sementara itu, dari aspek pengurusan masjid, undang-undang di negeri Selangor telah menetapkan bahawa Majlis Agama Islam boleh mengarahkan pentadbir masjid untuk menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Jawatankuasa Kariah bagi mengurus dan mentadbir operasi masjid di negeri dan daerah atau mukim di negeri Selangor (seksyen 104, EPAIS, 2003). Pembahagian bidang tugas dan kuasa mentadbir adalah bergantung kepada kategori masjid. Jawatankuasa pengurusan ini dibantu oleh Pegawai Masjid yang dilantik oleh Majlis Agama Islam (seksyen 100, EPAIS, 2003). Jawatankuasa tersebut bertanggung jawab bagi mengelola masjid dan semua tanah perkuburan dalam kariah masjid, mengawal kelakuan anak kariah masjid berhubung dengan agama Islam dan memberikan maklumat wajar dan segera kepada Majlis mengenai perkara yang berbangkit dalam kariah masjid.

Manakala dalam mengurus dana dan kewangan masjid terutamanya pungutan khairat untuk kebajikan dan kemaslahatan ahli kariah, kebenaran diberi kepada pentadbir masjid tersebut untuk mengurus sendiri kewangan masjid dan berhak memungut pungutan khairat (seksyen 106, EPAIS, 2003). Sesungguhnya, pengurusan kewangan penting bukan sahaja kepada institusi berasaskan keuntungan malahan institusi bukan berasaskan keuntungan seperti masjid. Kebolehan mengurus kewangan dengan baik merupakan inti pati kejayaan sesebuah institusi kerana ianya dapat memberi kesan kepada perjalanan operasi sesebuah institusi. Begitu juga dengan sesebuah institusi masjid, sekiranya sesebuah masjid tersebut tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh, segala aktiviti-aktiviti yang direncanakan tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya khususnya dalam perkara yang berkaitan kebajikan ahli kariah lebih-lebih lagi semasa musim pandemik Covid-19 pada masa kini (Hydzulkifli Hashim et al., 2015).

### **Pengendalian Isu-Isu Semasa Berkaitan Masjid Semasa Pandemik Covid-19**

Pemimpin atau penguasa mempunyai kedudukan yang tinggi dan mulia dalam syariat Islam. Hal ini sesuai dengan tingginya tugas dan besarnya tanggung jawab serta beratnya beban yang mereka pikul, menjaga agama dan mengatur dunia sebagai pengganti tugas kenabian. Kedudukan dan darjat yang tinggi diberikan kepada mereka sebagai hikmah dan maslahat yang harus direalisasikan, sehingga tidak timbul kekacauan dan musibah-musibah yang menyebabkan hilangnya kebaikan dan timbulnya kerosakan terhadap agama dan dunia keseluruhannya.

Mentaati pemerintah merupakan salah satu perkara yang dituntut oleh syarak. Banyak nas baik dari Al-Quran mahupun Al-Sunnah yang jelas menunjukkan kepada perkara ini. Antaranya adalah firman Allah S.W.T dalam Surah al-Nisa ayat 59:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ

Maksudnya:

*Wahai orang yang beriman taatlah kamu kepada Allah, taatlah kamu kepada Rasul serta (taatlah kepada) ulil amri (para pemimpin) dari kalangan kamu.*

Sebahagian ulama tafsir dalam kupasan mereka terhadap ayat di atas ini menyatakan bahawa ketaatan kepada ulil amri hanyalah terikat dengan ketaatan mereka kepada Allah S.W.T serta Rasul-Nya SAW. Justeru, ketaatan kepada arahan para pemerintah adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang ma'ruf sahaja. Ini bertepatan dengan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Umar R.Anhuma beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda :

السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ حَقٌّ، مَا لَمْ يُؤْمَرْ بِالْمَعْصِيَةِ، فَإِذَا أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ ۝

Maksudnya:

*Dengar dan taat (kepada pemerintah) itu merupakan suatu perkara yang hak (kemestian), selama mana mereka tidak memerintahkan kepada maksiat. Apabila mereka (pemerintah) mengarahkan kepada maksiat maka tidak wajib dengar dan taat (pada arahan tersebut). Riwayat Al-Bukhari (2955)*

Oleh yang demikian, sekiranya sebarang arahan yang dikeluarkan oleh pemerintah itu merupakan suatu kema'rufan, kebaikan, serta mendatangkan masalah kepada rakyat, sama ada arahan tersebut disukai oleh kita atau tidak dan bukan dalam bentuk yang mendatangkan maksiat, maka wajib hukumnya arahan tersebut untuk dipatuhi.

### **Ketetapan Jemaah Solat Fardu Jumaat serta Solat Fardu Lima Di Selangor**

Semasa pandemik Covid-19, pelbagai arahan dan garis panduan telah dikeluarkan sepanjang fasa-fasa PKP di Malaysia sejak Mac 2020 dan kini melalui Pelan Pemulihan Negara (PPN) bagi mengekang penularan wabak Covid-19 dan sebagai *exit plan* ke arah melandaikan kes positif Covid-19 di Malaysia. Sehubungan itu, SOP Sektor Sosial (Aktiviti Masjid Dan Surau) telah dikeluarkan bagi semua masjid dan surau di peringkat negeri oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Arahan tetap ini berdasarkan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit 1988 (Akta 342) dan Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada peraturan kesihatan, peraturan pihak berkuasa tempatan dan arahan atau peraturan pihak berkuasa agama negeri. (MKN, 2020).

Penularan Covid 19 di Malaysia telah memasuki fasa lebih kritikal pada masa kini dengan wujudnya varian-varian baru yang lebih berbahaya dan statistik penularan kes yang semakin tinggi sehingga menjangka lima digit pada setiap hari. Negeri Selangor terus merekodkan penularan tertinggi sehingga melebihi 5,000 angka kes sehari berbanding negeri lain disebabkan faktor kepadatan penduduk dan program vaksinasi yang belum dapat dilaksanakan secara menyeluruh kepada penduduk negeri ini. Maka Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) membuat ketetapan baru bilangan jemaah Solat Fardu Jumaat dan Solat Fardu Lima waktu di masjid, surau dan *mushalla* negeri Selangor sebagaimana berikut:

Jadual 1: Ketetapan Bilangan Jemaah Solat Fardu Jumaat dan Solat Lima Waktu di Masjid dan Suarau Negeri Selangor.

<b>Institusi</b>	<b>Solat Fardhu Jumaat</b>	<b>Solat Fardhu Lima (5)Waktu</b>
Masjid Sultan Salahddin Abdul Aziz Shah	50 jemaah termasuk pentadbir	6 Jemaah (Pentadbir)
Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong	50 jemaah termasuk pentadbir	6 Jemaah (Pentadbir)

Masjid Raja Haji Sabilillah, Cyber Jaya	50 jemaah termasuk pentadbir	6 Jemaah (Pentadbir)
Masjid Pengurusan	50 jemaah termasuk pentadbir	6 Jemaah (Pentadbir)
Masjid Institusi	50 jemaah termasuk pentadbir	6 Jemaah (Pentadbir)
Masjid Kariah	50 jemaah termasuk pentadbir	6 Jemaah (Pentadbir)
Surau Kebenaran Solat Jumaat	40 jemaah termasuk pentadbir	6 Jemaah (Pentadbir)
Surau Kariah	Tiada	6 Jemaah (Pentadbir)
Musalla	Tiada	6 Jemaah (Pentadbir)

Sumber: Jabatan Agama Islam Selangor

Dalam melaksanakan ketetapan baru di atas dan usaha lanjutan dalam mengekang penularan Covid 19 semua Pentadbir Masjid, Surau dan *Mushalla* di Negeri Selangor telah mengambil langkah-langkah berikut dalam menentukan kehadiran jemaah semasa tempoh PPN iaitu:

Solat Fardu Jumaat

- a. Ahli kariah yang tinggal dalam kariah Masjid atau Surau Kebenaran Solat Jumaat sahaja dibenarkan untuk hadir menunaikan Solat Fardu Jumaat dan
- b. Telah menerima dua (2) dos suntikan vaksin.

Solat Fardu Lima Waktu

- a. Keutamaan diberikan kepada semua Pentadbir Masjid, Surau dan *Mushalla*; dan
- b. Pentadbir Masjid, Sura dan Musolla dibenarkan untuk memberi ruang dari ketetapan yang dibenarkan kepadanya bagi menempatkan jemaah lain yang terdiri dari ahli kariah (pemastautin) dengan syarat jemaah telah menerima dua dos suntikan vaksin.

Bagi memastikan SOP dipatuhi oleh semua jemaah yang hadir bagi mengekang penularan wabak Covid-19, pihak pentadbir masjid, surau dan musalla perlu memastikan semua jemaah yang hadir memakai pelitup mulut dan hidung (*face mask*), membawa sejadah saiz *standard*, berwuduk dari

rumah dan memastikan jemaah sihat serta tidak bergejala. Jemaah yang tidak sihat dan bergejala serta mempunyai bacaan suhu lebih 37.4C dilarang hadir ke masjid. Pihak masjid juga perlu memastikan penjarakan fizikal 1.5 meter semasa di dalam masjid dan ketika dalam saf solat, memastikan jemaah tidak berasak-asak semasa masuk dan keluar dari masjid, surau dan *mushalla* serta merekod kehadiran jemaah menggunakan aplikasi MySejahtera.

Walau bagaimanapun, peraturan yang ditetapkan bagi jemaah yang hendak menunaikan solat di masjid itu memberikan kesan kepada orang ramai yang telah biasa menghadiri masjid. Begitu juga peraturan seperti penjarakan saf semasa mendirikan solat berjemaah turut memberikan kesan kepada masjid yang tidak dapat menampung bilangan jemaah yang ramai dalam satu waktu. (Mahmuddin et al., 2020). Namun, kajian Fathin & Suyadi (2020) menjelaskan aktiviti ibadah yang tidak dapat dilakukan di masjid disebabkan SOP tersebut digalakkan dilakukan di rumah dan diberikan panduan dalam melaksanakannya seperti solat sunat Aidilfitri dan solat sunat terawih.

### **Pengimarahen Masjid dan Surau Semasa Tempoh PPN**

Sepanjang tempoh PPN, semua aktiviti pengimarahen termasuk kuliah, ceramah, tazkirah di semua masjid, surau dan *mushalla* di negeri Selangor masih lagi ditangguhkan. Walau bagaimanapun, aktiviti masjid, surau dan *mushalla* sebagai pusat ilmu Islam tetap diteruskan secara atas talian (*online*) dari kediaman penceramah dan pengkuliah masing-masing. Menyedari Pelan Pemulihan Negara yang mungkin akan dilaksanakan dalam tempoh yang agak panjang, pentadbir masjid, surau dan *mushalla* di negeri Selangor telah mengambil ketetapan mengenai perkara-perkara yang berkaitan kepentingan ahli kariah dan masyarakat setempat seperti pengurusan jenazah dan membuka ruang solat untuk para musafir bagi menjaga kebajikan semua pihak.

Sehubungan itu, bagi pengurusan jenazah bukan Covid, solat jenazah bukan Covid 19 adalah dibenarkan untuk dilakukan di masjid dan surau di negeri Selangor. Walau bagaimanapun, kehadiran jemaah atau kaum kerabat terdekat tidak melebihi 15 orang dan pentadbir atau pegawai yang menguruskan jenazah tidak melebihi enam orang. Pihak masjid dan surau juga menyediakan akses atau kemudahan ruang solat sepanjang tempoh pelaksanaan PPN kepada musafir, pemandu *e-hailing*, khidmat penghantar makanan (*rider*) dan pemandu kenderaan. Oleh itu, sebagai langkah pencegahan, Pentadbir Masjid, Surau dan *mushalla* telah membuat sanitasi setiap hari di ruang solat musafir berkenaan. Peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh masjid ini turut dijelaskan oleh Makmun (2020) selain menambah mengenai satu peraturan iaitu memendekkan tempoh zikir selepas solat bagi mengelakkan tempoh waktu berada di dalam masjid.

Peranan masjid sebagai pusat setempat bagi ahli kariah tetap tidak diabaikan walaupun dalam tempoh yang agak mencabar semasa pandemik covid-19 ini. Daripada Perintah Kawalan Pergerakan sehingga kini PPN telah menghadkan pergerakan dan aktiviti masyarakat setempat sehingga memberi kesan kepada sumber kewangan masyarakat setempat. Sehubungan dengan itu, melalui Program Keprihatinan Setempat, Masjid dan surau telah mengambil inisiatif dan bekerjasama dengan Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) masing-masing untuk mengenalpasti, membantu dan menyampaikan maklumat tentang mana-mana ahli kariah yang terkesan daripada pandemik Covid 19. Pelaksanaan program bantuan ini dilaksanakan dengan cara atau kaedah yang bersesuaian dengan situasi setempat dan mematuhi sepenuhnya SOP yang ditetapkan.

### **SOP Arahan Menangguhkan Solat Jumaat dan Digantikan dengan Zolat Zuhur di Kediaman**

Ketika dalam keadaan menularnya wabak COVID-19 seperti ini, mentaati arahan pemerintah adalah suatu perkara yang penting. Ini berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa' ayat 59:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil-Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu.”

Syeikh al-Maraghi menyebut, *ulil amri* (pemerintah) berkuasa di atas urusan kemaslahatan yang tidak terdapat nas di dalam agama. Mentaati mereka ini (*ulil amri*) hukumnya adalah wajib. (Ahmad Mustafa. 1965H). Dalam isu ini, keputusan yang dibuat adalah berdasarkan masalah yang telah dilihat jauh ke hadapan. Hal ini kerana pemerintah berhak mengadakan apa-apa polisi dan peraturan bagi menjaga kemaslahatan rakyat. Menurut al-Suyuti (1996) Kaedah Fiqh menyebut:

تَصَرَّفُ الْمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنُوطٌ بِالصَّلَاحَةِ

Maksudnya: “Polisi pemerintah itu hendaklah berasaskan masalah terhadap rakyat.

Jelas bahawa larangan terhadap sebarang aktiviti perhimpunan ramai (*mass gathering*) termasuk solat Jumaat sepanjang tempoh PKP adalah demi kemaslahatan rakyat iaitu mengekang atau membendung penularan wabak Covid-19. Justeru, arahan menanggungkan solat Jumaat dan digantikan dengan solat zuhur di kediaman masing-masing adalah wajib ditaati kerana mentaati pemerintah dalam perkara ini adalah wajib dan sesiapa yang mengingkarinya adalah berdosa. Ini kerana perbuatannya itu bukan sahaja mendedahkan dirinya kepada kemudaratan tetapi turut melibatkan kemaslahatan dan kesihatan orang lain. Larangan itu dikuatkuasakan ketika negara berada dalam keadaan darurat akibat penularan wabak Covid-19. Sesungguhnya, ia bukanlah larangan bagi umat Islam untuk beribadah, sebaliknya hanya dilarang dilakukan di masjid dan surau sepanjang pandemik Covid-19 melanda negara ini.

### **SOP Pemakaian Penutup hidung dan Mulut (Face Mask) di dalam Masjid**

SOP yang dikeluarkan berkaitan masjid dan surau juga telah menetapkan bahawa jemaah yang datang solat di masjid perlu memakai penutup hidung dan mulut (*face mask*) di dalam masjid dan ketika solat. Secara zahirnya, jika dilihat dari sudut hukum menutup mulut di dalam solat tanpa sebarang sebab adalah makruh. Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah R.A, katanya:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى إِلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنِ السَّدْلِ فِي الصَّلَاةِ وَأَنَّ يُعْطِيَ الرَّجُلُ فَاةَ

Maksudnya:

“Rasulullah SAW melarang meleretkan pakaian di dalam solat serta (melarang) seseorang lelaki itu menutup mulutnya (di dalam solat).” Riwayat Abu Daud (643)

Dalam memahami hadith di atas, al-Khatib al-Syirbini (2004) dalam kitabnya al-Iqna menyatakan bahawa dimakruhkan bagi seorang lelaki solat dalam keadaan menutup mulut antara sebab tegahan ini adalah kerana ia boleh menghalang kesempurnaan bacaan dalam solat serta menghalang kesempurnaan dalam sujud. Akan tetapi, sekiranya wujud hajat dan keperluan untuk melakukannya, maka hukum menutup mulut ketika solat tersebut adalah diharuskan (Ibn Qudamah, 1997). Ini kerana, dengan memakai pelitup muka, ia dapat menghalang air liur, kahak dan hingus si pemakai dari tersebar ke udara ketika batuk atau bersin, lalu mengelakkan daripada terjangkit kepada orang lain. Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah R.A, Nabi SAW bersabda:

لَا يُورَدَنَّ مُمْرِضٌ عَلَى مُصِحِّحٍ

Maksudnya:

“Pesakit yang berpenyakit berjangkit tidak boleh mendatangi orang yang sihat.” Riwayat al-Bukhari (5771)

Justeru, dalam suasana menularnya wabak COVID-19 ini, maka hukum solat dengan memakai penutup mulut dan hidung adalah diharuskan seperti yang diperintah oleh *ulil amri* disebabkan hajat dan keperluan, iaitu bagi mengekang penyebaran wabak daripada menular. Mentaati arahan pemerintah yang bersifat makruf adalah wajib. Arahan yang tidak wajib adalah sekiranya ia sesuatu yang haram. Justeru, mentaati *ulil amri* adalah kunci keberhasilan kerajaan dalam melawan mana-mana pandemik.

### Kesimpulan

Rumusan penulisan ini menunjukkan bahawa pentadbiran dan pengurusan masjid adalah tertakluk kepada bidang kuasa Majlis Agama Islam di setiap negeri sebagai pemegang amanah tunggal bagi masjid. Justeru semua perkara berkaitan penubuhan masjid, penyelenggaraan dan pengurusan kewangan adalah tertakluk kepada bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri termasuklah dalam pengendalian isu-isu semasa yang melibatkan kemaslahatan dan kesihatan umat Islam bagi negeri tersebut. Dalam isu mengekang penularan jangkitan wabak Covid-19 pada masa kini, Kerajaan Persekutuan melalui Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia hanya menyediakan dasar dan garis panduan umum untuk diterima pakai di negeri-negeri. Di Selangor khususnya, SOP mengenai tatacara dan pengendalian masjid dan surau semasa pandemik Covid-19 yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa agama negeri adalah bertujuan untuk menjaga rakyat daripada mudarat yang lebih besar agar semua jemaah khususnya dan ahli kariah umumnya terpelihara daripada penularan jangkitan wabak Covid-19. Mentaati *ulil amri* ataupun penguasa adalah rukun dalam penegakan masalah *siyasah*. Ini kerana, mustahil dapat diwujudkan satu kerajaan yang aman dan kuat dan melaksanakan kemaslahatan rakyat tanpa ketaatan daripada rakyat itu sendiri.



Oleh itu, diharapkan penulisan ini dapat memberi gambaran dan panduan jelas mengenai bidang kuasa pentadbiran masjid dan pengendalian isu-isu berhubung masjid di negeri Selangor khususnya semasa tempoh kritikal menangani pandemik Covid-19. Pada dasarnya kesemua negeri di Malaysia melalui pihak berkuasa agama negeri masing-masing telah mengambil kesepakatan berdasarkan keputusan Jawatankuasa Sidang Muzakarah pada 15 Mac 2020 berhubung SOP dan peraturan mengenai masjid dan surau sepanjang tempoh pandemik ini. Sesungguhnya, masjid dan surau tidak 'dianaktirikan' apabila solat fardu berjemaah serta solat Jumaat tetap dilarang sepanjang tempoh PKP dan PPN kini. Sebaliknya, larangan itu sebenarnya bertujuan melindungi umat Islam daripada dijangkiti Covid-19 selain mengelak agama Islam menjadi mangsa fitnah seandainya berlaku jangkitan baharu yang berpunca daripada aktiviti di surau atau masjid di negara ini.

### Rujukan

- al-Khatib al-Syirbini. (2004). *Al-Iqna fi Hal alfaḥḥi Abi Syuja'*. Dar al- Kutub Ilmiah : Beirut
- al-Maraghi*, Ahmad Mustafa. (1965). *Tafsir al-Maraghi*, Juz 3. Shirkah Maktabah wa Matba'ah Mustafa
- al-Suyuti, Al-Imam Jalal al-Din. (1996). *al-Ayyub wa al-Nazair*. Dar al-Fikr
- Fathin, M. H., & Suyadi. (2020). Pengaruh Covid-19 Dalam Fikih Ibadah Perspektif Distancing Di Masjid Sunan Kalijaga. *Nur El-Islam*, 7(2), 89–113.
- Hydzulkiflui, Hashim Omar, Mohd Yazid Isa, Noraini Yusuff. (2015). Pengurusan Kewangan Dana Masjid: Satu Kajian di Daerah Kubang Pasu, Kedah. *International Journal of Management Studies*. . v. 22, n. 2, Dis. 2015. 115-134.
- Ibn Qudamah, Abdullah bin Muhammad. (1997). *al-Mughni*. Dar Alam al- Kutub : Riyadh
- Majlis Keselamatan Negara. (2020) <https://www.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2020/05/NO.-28-SOP-Solat-Jumaat-Solat-Jemaah.pdf>. Pautan pada 29 Julai 2021.
- Majlis Keselamatan Negara. 18 Mac 2020. <https://www.pmo.gov.my/2020/03/kenyatan-media-mkn-18-mac-2020/> Pautan pada 28 Julai 2021.
- Makmun, M. (2020). Political Fiqh During The Covid-19 Covid Pandemic : Religiosity And Mosque Congregant Health In Jombang. *Islamuna: Jurnal Studi Islam*, 7(2), 125–142.
- Mahmuddin, R., Fadhlán, A., & Iskandar. (2020). Hukum Pelaksanaan Salat Jumat Dua Gelombang Pada Satu Masjid Di Masa Pandemi Covid-19. *BUSTANUL FUQAH: Jurnal Bidang Hukum Islam*, 1(3), 350–365.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid. (1997). *Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Mohamad Ali Roshidi Ahmad. (2014). Persepsi Masyarakat Terhadap Keupayaan Pengembangan Dana Masjid. *Sains Humanika*. Volume 2. Isu 1. 13–21

Nor Azlina Abd. Wahab, Norafifah Ab. Hamid, Norajila Che Man. (2016).Pemeriksaan Peranan Masjid Di Malaysia Era Kontemporari. *e-Academia Journal UiTMT*. Volume 5. Issue 2. 2016. 129-229

Rafidah Mat Ruzki. (2020, 15 Mac). Muzakarah khas bincang hukum berkaitan Covid. bharian online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/665632/muzakarah-khas-bincang-hukum-berkaitan-covid-19>. Pautan pada 1 Ogos 2021.

Tajul Aris Ahmad Bustami. (2005). Bidang Kuasa Mahkamah Syairah dalam Kes Pewarisan: Satu Analisis Kritikal ke Atas Kes Jumaaton Iwn. Raja Hizaruddin. dlm. Tajul Aris Ahmad Bustami, Mohd Hisham Mohd Kamal, et al. (Ed). *Kaedah Perundangan Bidang Kuasa dan Tatacara Mahkamah Syariah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Zaini Nasohah. (2004). *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia Sebelum dan Menjelang Merdeka*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Zaini Nasohah. (2018). *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia: Peruntukan Akta dan Enakmen*. Bangi: Jabatan Syariah, FPI, UKM

Rujukan statut:

Perlembagaan Persekutuan

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003

## **BAB 11**

### **PENGURUSAN REZEKI MENURUT ISLAM**

#### **SEMASA PANDEMIK COVID-19**

Aisyah Jamilah Mohsin<sup>1</sup> & Mohd Sufi Ibrahim<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

<sup>2</sup> Kolej Islam As Sofa (KIS)

#### **Pengenalan**

Islam adalah agama Rabbaniyah yang terkandung di dalamnya tauhid, syariat dan ihsan. Ketiga-tiga elemen ini memandu kehidupan manusia kearah kesejahteraan dan keamanan dalam pelbagai aspek seperti yang dijelaskan oleh Allah Taala dalam al-Quran. Walau bagaimanapun dalam persoalan rezeki, seseorang manusia tidak akan pernah lari dari memikirkannya. Rezeki adalah sesuatu yang dianugerahkan oleh Allah kepada semua makhluk-Nya termasuk manusia dan juga haiwan untuk diambil manfaat dari pemberian tersebut. Pemahaman yang benar berkaitan rezeki memberi impak yang positif kepada semua individu mahupun masyarakat. Impak positif yang wujud dalam bentuk tingkah laku seperti jujur dalam urusan jual beli, mencari keberkatan dari urusan rezeki serta meyakini bahawa mencari rezeki adalah sebahagian daripada ibadah kepada Allah. Adapun pemahaman yang salah terhadap terma rezeki akan memberikan kesan yang buruk kepada peribadi individu mahupun masyarakat. Hal ini mengakibatkan terjerumus ke jurang materialisme, kebimbangan kehabisan rezeki, tekanan yang melampau sehingga membunuh diri (Mahmud & Hamzah, 2015).

Mutakhir ini, penularan wabak Covid-19 ke serata dunia telah memberi kesan kepada masyarakat dalam pelbagai sektor seperti pendidikan, ekonomi, sosial dan sebagainya (M Khusnun Niam & Rahmad Tri Hadi, 2021). Covid-19 ialah wabak penyakit coronavirus 2019 yang melanda dunia pada masa ini yang berpunca daripada coronavirus sindrom pernafasan akut teruk (SARS-CoV-2). Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), telah mengisytiharkan wabak ini sebagai pandemik setelah ia merebak secara global dan melibatkan kebanyakan negara di seluruh dunia (Cucinotta & Venelli, 2020). Bagi mengekang penularan wabak ini dalam kalangan masyarakat, kerajaan Malaysia telah melaksanakan perintah kawalan pergerakan (PKP) bermula 18 Mac tahun lalu. Tindakan ini dilihat sebagai satu langkah yang berkesan dalam memerangi pandemik Covid-19 ini.

Malahan itu, pandemik Covid-19 telah menimbulkan pelbagai cabaran dalam kalangan rakyat termasuk dalam sektor pencarian rezeki. Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, pengangguran di Malaysia meningkat kepada 772,900 orang pada kadar 4.8 peratus pada Disember 2020 (Jabatan Perangkaan Negara, 2020). Akibat daripada ini telah timbul kebimbangan dalam masyarakat terhadap sumber pencarian rezeki. Satu kajian yang dilakukan di Itali selepas penularan wabak Covid-19 kepada sektor ekonomi, mendapati penularan wabak ini bukan sahaja menghalang dari keluar bekerja malah turut mendatangkan kebimbangan akibat terputus sumber pencarian rezeki terutama dalam kalangan peniaga (Abdul Aziz, A. R., Mohd Sukor, N., & Ab Razak, N.

H.,2020). Selain itu juga, menurut Dr Fauziah Mohd Saad Pakar Psikologi dan Kaunseling Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mengatakan ramai masyarakat mengalami tekanan kerana kemerosotan ekonomi disebabkan punca pencarian rezeki dan pendapatan ketika musim pandemik Covid-19. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak dapat menguruskan tekanan perasaan dengan baik akan bertindak di luar jangkauan (Ekhwan Fazlul Haque, 2020).

Islam yang bersifat *syumuliyah* dilihat dapat menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi masyarakat termasuk hal kebimbangan dalam rezeki. Menurut al-Ghazali, gangguan kebimbangan atau kecemasan merupakan penyakit yang dapat diatasi dengan penyembuhan secara kerohanian (Zarrina, 2001). Menurut Yono, Rusmana I. & Noviyanti H. (2020) dalam Nugrahati (2019) rawatan spiritual seperti solat taubat dan zikir dapat mengatasi masalah kebimbangan semasa penularan wabak Covid-19 terhadap individu. Rawatan spiritual dalam Islam merupakan salah satu usaha dan ikhtiar seperti yang digariskan dalam akidah Islam (Abd Rahman, M.R., 2020). Dalam konsep rezeki juga turut mengaitkan usaha dalam pencarian rezeki tidak tertakluk kepada usaha *lahiriyah* sahaja seperti bekerja malah perlu diseimbangkan dengan usaha *batiniyah* seperti bersyukur, bertawakal sebagai pembuka pintu rezeki (Nina Rahmi, 2018).

Sementelahan itu, dalam konsep rezeki penumpuan terhadap aspek fizikal sahaja seperti bekerja tanpa dikaitkan dengan kerohanian boleh menimbulkan pelbagai masalah rohani. Justeru itu, kealpaan dan kelalaian masyarakat terhadap aspek rohani mengundang pelbagai masalah rohani seperti lemah keimanan, kepincangan, keluh kesah, kebimbangan dan sebagainya (Safiah Abd Razak, Saa'ri, C.Z. & Syed Abdul Rahman, S.M.H., 2019). Maka terbuktilah pencarian rezeki yang disandarkan dengan usaha bekerja serta diikuti unsur kerohanian seperti bersyukur dan bertawakal kepada Allah menjadi sebab mendatangkan, memperluas dan menambah rezeki (Pasmadi A.K, 2015). Mahmud B. & Hamzah (2020) turut menyokong dengan mengatakan ketaqwaan kepada Allah adalah sebab diturunkan rezeki. Orang yang bertaqwa adalah orang yang mempunyai dimensi kerohanian yang baik dan dimensi sosial yang berjalan secara harmoni. Oleh itu keperluan kepada kerohanian dalam pengurusan rezeki adalah perkara yang mustahak perlu difahami oleh orang muslim dalam menjadikan pencarian rezekinya sebagai ibadah.

Justeru kajian ini akan menumpukan kepada konsep rezeki dalam Islam, pemahaman tentang ikhtiar dalam pencarian rezeki serta pengurusan rezeki dalam Islam semasa wabak Covid-19.

### **Konsep rezeki dalam Islam**

Kalimah rezeki merupakan kata serapan dari bahasa Arab '*rizqun*' dalam bentuk masdar. Ia dari kata kerja *razaqa-yarzuqu* yang bermaksud pemberian. Lafaz rezeki telah disebut di dalam al-Quran sebanyak 123 kali dalam 44 surah dalam al-Quran dengan pelbagai bentuk (al-Raghib al-Isfahani, 2010). Dari sudut bahasa, menurut Ibn Manzur (1997) kata *rizqu* bermaksud pemberian. Lafaz ini juga disifatkan kepada sebahagian dari sifat Allah Ar-Razzaq. Ini kerana rezeki adalah pemberian dari Allah kepada semua makhluk-Nya samada di dunia mahupun di akhirat. Ibn Faris (1994) juga dalam mendefinisikan rezeki adalah pemberian Allah yang dapat memberi manfaat. Sebagai contohnya, apabila seseorang makan maka dia akan memperolehi manfaat kenyang atau apabila mempelajari sesuatu maka ia memperoleh manfaat kefahaman dari ilmu tersebut. Al-Raghib (2010) juga berpendapat bahawa *rizq* menunjukkan segala pemberian yang bersifat duniawi mahupun ukhrawi. Rezeki tersebut diawali dengan usaha, ada yang sudah disediakan, kadang-kadang menunjukkan sesuatu yang sedang dimakan, adakalanya berupa harta, kedudukan, ilmu dan lain-lain.

Adapun rezeki dari istilah adalah sesuatu yang dapat dimanfaatkan oleh manusia baik dari sudut makanan ataupun pakaian. Dalam istilah lain, rezeki juga adalah dikurniakan anak, hujan, gaji

atau segala sesuatu yang didapatinya (Mukhlis Aliyudin & Enjang As, 2012). Imam Jurjani menjelaskan rezeki adalah sesuatu yang diberikan oleh Allah SWT kepada makhlukNya untuk dimanfaatkan samada halal atau haram. Ia turut disokong oleh Ahmad Kurniawan Pasmadi (2015) rezeki adalah sesuatu yang Allah sampaikan atau sesuatu yang disampaikan Allah kepada makhlukNya dan dapat dimanfaatkan. Sifat-sifat rezeki yang disebut dalam al-Quran adalah rezeki yang halal lagi baik, rezeki yang mulia dan rezeki yang datang dari arah yang tidak disangka-sangka. Rezeki juga boleh bertambah dengan ketaatan dan berkurang dengan kemaksiatan.

Menurut Ahli Sunnah wal Jamaah segala yang dimanfaatkan oleh manusia adalah rezeki, baik yang halal mahupun haram (Al-Tabari, 1988). Sekiranya perkara tersebut dibenarkan oleh syarak untuk dimanfaatkan maka hukumnya halal, dan sekiranya syarak larang pemanfaatannya, maka hukumnya haram (al-Qurthubi, 1998). Berbeza dengan pendapat golongan Muktazilah dalam menjelaskan tentang rezeki iaitu sesuatu yang halal sahaja dan yang haram itu tidak dinamakan rezeki untuk disandarkan kepada Allah (Al-Zamakhsyari, 2009). Adapun kelompok Syiah mengatakan rezeki adalah sesuatu yang halal sahaja kerana rezeki adalah yang dilimpahkan oleh Tuhan kepada makhlukNya dari segala yang baik. Kelompok ini juga berpendapat semua pemberian Tuhan adalah baik dan dapat dimanfaatkan oleh semua makhluk dalam kehidupannya.

Hujah yang digunakan oleh Ahli Sunnah wal Jamaah untuk menunjukkan rezeki dari Allah mencakupi yang halal mahupun haram adalah sekiranya yang haram itu tidak dinamakan rezeki maka bermaksud orang yang sepanjang hidupnya makan dari sumber yang haram, adakah tidak diberikan rezeki oleh Allah, padahal Allah telah mengatakan dalam surah Hud ayat 6:

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا

Maksudnya:

*Dan tidak ada satupun makhluk bergerak di bumi melainkan semuanya dijamin rezekinya oleh Allah.*

Orang yang sepanjang hidupnya makan dari hasil curian, tidak mungkin dikatakan bahawa sepanjang hidupnya Allah tidak memberikan rezeki kepadanya, padahal rezeki itu datangnya daripada Allah dan yang telah diberi jaminan olehNya. Selain itu juga, sekiranya rezeki hanya bersifat halal sahaja maka tidak ada manfaat Allah menjelaskan dalam al-Quran tentang sifat rezeki yang halal lagi baik. Adanya sifat halal maka menunjukkan adanya pula sifat haram. Seperti firman Allah dalam surah al-Maidah ayat 88:

وَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا

Maksudnya:

*Dan makanlah dari apa yang telah diberikan Allah kepadamu sebagai rezeki yang halal lagi baik.*

Rezeki yang diturunkan Allah kepada semua hambaNya merupakan salah satu bentuk kasih sayang Allah dengan diberikan pelbagai bentuk rezeki. Secara umumnya, rezeki dibahagikan kepada dua bentuk, rezeki umum dan rezeki khusus (Abu Syuraih, 2004). Rezeki umum adalah rezeki yang diberikan kepada semua makhluk tanpa terkecuali baik kepada mukmin mahupun kafir, golongan jin, manusia dan para malaikat. Bentuk rezeki ini juga meliputi rezeki yang halal dan haram dan ia bergantung kepada cara perolehannya sama ada dibenarkan syarak ataupun tidak. Bentuk yang kedua adalah rezeki khusus, iaitu rezeki hanya untuk orang mukmin sahaja dan manfaatnya mengalir di dunia dan akhirat. Maka ia mencakupi perihal hati atau jiwa manusia, seperti ilmu yang bermanfaat, hidayah dan petunjuk, taufik dalam berperilaku yang baik dan menjauhi perilaku buruk.

Menurut Ibn Manzur (1997), rezeki juga dibahagikan kepada rezeki lahiriah untuk keperluan jasmani seperti bahan makanan, minuman dan rezeki batin untuk keperluan hati dan jiwa seperti ilmu pengetahuan, kebahagiaan, kesabaran dan sebagainya. Dalam al-Quran juga ada menjelaskan lafaz rezeki mempunyai pelbagai makna seperti pemberian, makanan, hujan, nafkah, pahala, syurga, syukur dan buah-buahan (Umar Ahmad Mukhtar, 2002). Selain penggunaan lafaz rezeki, Allah SWT turut menyifatkan rezeki dengan menggunakan perkataan *rahmah*, *fadl*, *nikmah*, dan *mai'syah* (al-Qurthubi, 1998).

### Peranan ikhtiar dalam mencari rezeki

Meskipun Allah telah menjamin semua rezeki, namun manusia perlu melakukan ikhtiar untuk mendapatkannya. Tidak ada satu pihak yang berkuasa mengurniakan rezeki kepada manusia melainkan Allah. Dialah sebaik-baik yang mengurniakan rezeki dengan kehendak-Nya. Allah berfirman dalam surah al-Zariyat ayat 58:

إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّزَّاقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمَتِينُ

Maksudnya:

*Sesungguhnya Allah adalah Pemberi rezeki Yang Mempunyai Kekuatan lagi Sangat kukuh.*

Oleh itu, semua manusia diperintahkan agar berusaha dengan segala kemampuan dan kesanggupannya untuk meraih rezeki dengan memanfaatkan seluruh isi alam yang telah dianugerahkan Allah kerana ia adalah sebahagian dari ibadah. Allah menjelaskan dalam surah al-Mulk ayat 15:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذَلُولًا فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِن رِّزْقِهِ وَإِلَيْهِ النُّشُورُ

Maksudnya:

*Dialah yang menjadikan bumi untuk kamu yang mudah dijelajahi, maka jelajalah di segala penjurunya dan makanlah sebahagian dari rezeki-Nya. Dan hanya kepada-Nyalah kamu (kembali setelah) dibangkitkan.*

Ibn Kathir (2008) dalam menjelaskan ayat di atas bahawa Allah memerintahkan kepada hamba-Nya untuk berusaha mencari rezeki, walaupun usaha tersebut tidak mendatangkan hasil melainkan dengan keizinan daripada Allah. Usaha ini tidak menafikan konsep tawakkal atau pergantungan kepada Allah. Kebergantungan manusia terhadap rezeki kurniaan Allah membuktikan kehebatan-Nya sebagai Tuhan dan dalam masa sama menunjukkan lemahnya manusia sebagai makhluk. Ikhtiar dalam mendapatkan rezeki dibahagikan kepada dua iaitu ikhtiar *lahiriyah* dan ikhtiar *batiniyah*. Ikhtiar *lahiriyah* seperti bekerja mendapat wang, jual beli, sewa menyewa dan sebagainya. Sementara ikhtiar *batiniyah* adalah seperti meningkatkan ketakwaan, memperbanyak dzikir, bersedekah, mendirikan solat hajat dan lain-lain (Nasrudin Abdulrohim, 2017).

Namun begitu, sewaktu pandemik Covid-19 ini ikhtiar *lahiriyah* manusia dalam mencari rezeki terbatas disebabkan kerajaan telah mengetatkan kawalan pergerakan (PKP) kepada masyarakat untuk pergi bekerja. Oleh itu, sebagai orang yang beriman dengan jaminan Allah terhadap semua rezeki makhluk-Nya adalah pasti, maka usaha dari sudut *batiniyah* diperlukan bagi menjemput rezeki tersebut. Ikhtiar *batiniyah* ini berkait rapat dengan rohani atau spiritual manusia (Siti, 2010).

Rohani merupakan satu elemen yang wujud dalam diri manusia dan mempunyai posisi yang cukup tinggi dalam posisi manusia. Ia juga merupakan satu elemen yang halus dan tidak dapat dilihat oleh mata kasar tapi hakikatnya hanya diketahui oleh Allah (Wan Saleha et al, 2020). Dimensi rohani berfungsi dalam membentuk karakter dan peribadi seseorang manusia. Rohani yang baik mampu memberi kesan bukan sahaja kepada akhlak malah turut memberi kesan kepada kesejahteraan budaya kerja seseorang. Sebagai contohnya, Mubarak et. al (2015) dalam kajiannya mendapati aspek kerohanian memainkan peranan penting dalam motivasi dan pencapaian usahawan. Ini kerana kerohanian berkait rapat dengan unsur dalaman yang berasaskan keimanan kepada Allah dalam membentuk sikap positif yang mempengaruhi tindakan.

Justeru itu, kesepaduan ikhtiar dari sudut lahiriyah dan batiniyah adalah sangat dituntut dalam Islam kerana menghasilkan rezeki yang diberkati seterusnya menjadikan pekerjaan tersebut sebagai ibadah kepada Allah (Nina Rahmi, 2018).

### **Pengurusan rezeki dalam Islam semasa pandemik Covid-19**

Urusan rezeki sering menjadikan kekhawatiran dalam kalangan manusia. Al-Quran menjelaskan bahawa Allah telah menjamin rezeki setiap hamba-hamba-Nya tidak kira beriman mahupun kufur. Justeru itu, pengurusan rezeki dalam Islam sangat menekankan aspek lahiriyah dan juga batiniyah. Dalam menghadapi cabaran pandemik Covid-19, ikhtiar *batiniyah* banyak membantu dalam menguruskan rezeki sekaligus dapat mendekatkan diri kepada Allah. Antara ikhtiar *batiniyah* yang sepatutnya diamalkan oleh orang mukmin di kala pandemik Covid-19 ini ialah:

- a) Bertawakal dan redha kepada Allah

Tawakal adalah gambaran keteguhan hati manusia dalam pergantungan diri sepenuhnya kepada Allah. Imam al Ghazali (2003) mengatakan tawakal adalah bersandar kepada Allah ketika dalam keperluan, kesempitan, dan yakin kepada-Nya ketika ditimpa musibah. Imam al-Zubaidi (1997) pula mengatakan tawakal adalah percaya sepenuhnya kepada Allah dan memutuskan harapan yang berada di tangan manusia. Dalam Islam bertawakal kepada Allah tidak bermakna penyerahan bulat-bulat segala urusan kehidupan kepada Allah tanpa sebarang usaha atau ikhtiar. Malah tawakal tanpa terlebih dahulu berusaha dan bekerja keras memenuhi keperluan sebab-musabab sesuatu perkara adalah ditegah dan dicela (al-Ghazali, 2003). Ini kerana tawakal dan usaha keduanya adalah satu komponen yang tidak akan terpisah. Keduanya ini juga merupakan sebahagian dari keimanan kerana tawakal adalah menyerahkan hasil usaha kepada Allah, sedangkan usaha adalah syarat dari tawakal.

Menurut Ibn Qayyim hakikat tawakal tidak akan tercapai melainkan memenuhi konsep mengenal Allah dan sifat-Nya disamping meyakini pada sebab dan musababnya adalah aturan daripada Allah Taala (al-Ghazali, 2003). Perintah bertawakal kepada Allah dalam al-Quran cukup banyak sekali. Antaranya dalam surah Yunus ayat 84:

وَقَالَ مُوسَىٰ يُقَوْمُ إِن كُنْتُمْ آمِنْتُمْ بِاللَّهِ فَعَلَيْهِ تَوَكَّلُوا إِن كُنْتُمْ مُّسْلِمِينَ

Maksudnya:

*Dan Musa berkata, "Wahai kaumku! Apabila kamu beriman kepada Allah, maka bertawakallah kepada-Nya, jika kamu benar-benar orang Muslim (berserah diri)."*

Ibn Kathir (2008) dalam menjelaskan ayat ini sekiranya seseorang itu yakin dengan kekuasaan dan janji-janji Allah yang akan memenangkan, maka berserah atau bertawakallah kepada Allah. Keberhasilan dari tawakal akan mendatangkan keredhaan terhadap apa yang berlaku seterusnya mencapai ketenangan dan kebahagiaan hati (al-Ghazali, 2003). Keredhaan adalah kelapangan hati terhadap takdir yang berlaku. Dalam menghadapi situasi pandemik Covid-19 ini, sangat digalakkan kepada orang mukmin untuk bertawakal kepada Allah dan tidak hanya bergantung kepada ikhtiar *lahiriyah* sahaja. Tawakal dapat melahirkan energi yang luar biasa dalam membantu dalam meningkatkan sokongan rohani dan emosi. Sekiranya kita bersungguh-sungguh bertawakal kepada Allah dalam urusan rezeki ini maka Allah akan mencukupkan rezeki sepertimana burung yang terbang keluar di siang hari dalam keadaan lapar dan balik dalam keadaan kenyang (Wahbah al-Zuhaili, 2009).

Redha adalah hasil daripada tawakal dan hubungan keduanya sangat erat seperti yang dikatakan oleh Bisri al Hafī seorang tokoh sufi, jika seseorang bertawakal kepada Allah, maka hendaklah redha dengan apa yang dilakukan oleh Allah (Zakaria Stapa, 2016). Ibn ‘Ataillah al-Sakandari juga menjelaskan bahawa seseorang yang redha dengan hukum-hukum Allah dan tunduk menyerah kepada segala takdir Ilahi, pasti akan menyerahkan segala urusan dirinya kepada Allah.

#### b) Bersyukur

Lafaz syukur berasal dari perkataan *syakara* bermaksud membuka, menampakkan, menyingkap dan menunjukkan. Menurut al-Raghib al-Asfahani (2010), syukur adalah satu bentuk upaya dalam menjelaskan nikmat-nikmat yang diberikan Allah kerana lawan dari kata *kafara* yang bermaksud melupakan nikmat Allah dan menutupinya. Menurut Al-Qusyairi bahawa syukur boleh dilakukan dalam tiga perkara. Pertama, syukur dengan lisan iaitu dalam bentuk ucapan dengan mengakui kenikmatan yang telah diberikan oleh Allah dengan merendah diri. Kedua, syukur dengan badan iaitu dengan melakukan ibadah tidak kira ibadah khusus atau umum seperti melakukan amal kebaikan dengan memanfaatkan harta dan bersedekah. Ketiga, syukur dengan hati atau dikenali dengan syukur ahli makrifah yang sentiasa istiqamah dengan perkara kebaikan yang dilakukan (Al-Ghazali, 2003)

Oleh itu semasa pandemik ini, walaupun ditarik nikmat oleh Allah dalam menikmati peluang bekerja dan rezeki zahir yang lain, Allah tetap mengurniakan kepada semua hamba-Nya rezeki dalam bentuk batin seperti kesihatan, kekuatan tenaga, kebersamaan dengan ahli keluarga dan sebagainya.

#### c) Memperbanyakkan istighfar dan taubat

Kata istighfar berasal dari kata *gafara* yang bermaksud menutupi, memaafkan. Dari segi istilah bermaksud meminta maghfirah atau keampunan dari Allah agar dosanya ditutupi sekaligus dimaafkan oleh Allah (al-Raghib al-Asfahani, 2010). Imam al-Baghawi (2010) dalam tafsirnya ada menjelaskan berkaitan kehebatan istighfar seperti kisah dakwah Nabi Nuh yang banyak mengalami cabaran akibat kesombongan dan kederhakaan umatnya. Allah mendatangkan pelbagai ujian kepada mereka seperti musim kemarau yang berpanjangan, hilangnya harta benda, tanaman yang tandus serta para isteri umat Nabi Nuh a.s yang mengalami kemandulan lebih kurang 40 tahun lamanya. Maka Nabi Nuh menjadikan istighfar sebagai solusi kepada masalah yang dihadapi beliau, lalu Allah menurunkan rahmat kepada Nabi Nuh dan umatnya yang beriman seperti firman Allah dalam surah Nuh ayat 10-12:

فَقُلْتُ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ إِنَّهُ كَانَ غَفَّارًا (10) يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا (11) وَيُمْدِدْكُمْ بِأَمْوَالٍ وَبَنِينَ  
وَيَجْعَلْ لَكُمْ جَنَّاتٍ وَيَجْعَلْ لَكُمْ أَنْهَارًا (12)



Maksudnya:

*Maka aku berkata kepada mereka: Mohonlah ampunan kepada Tuhanmu, sungguh Dia adalah Maha Pengampun. Nescaya Dia menurunkan hujan yang lebat dari langit kepadamu. Dan Dia memperbanyakkan harta dan anak-anakmu dan mengadakan kebun-kebun untukmu dan mengadakan sungai-sungai untukmu.*

Istighfar dan rezeki mempunyai hubungan yang erat kerana orang yang sentiasa beristighfar hakikatnya menyedari kesalahan yang mengotori jiwanya (Basri Mahmud & Hamzah, 2020). Ketika ia memohon ampun dan bertaubat kepada Allah maka akan terhapuslah dosa di hatinya. Hati yang bersih akan dimudahkan dalam melakukan kebaikan termasuk mencari rezeki yang halal dan diturunkan keberkatan padanya. Dalam menghadapi pandemik Covid-19 yang melanda ketika ini, selaku orang yang beriman dengan qada' dan qadar Allah hendaklah mengakui bahawa wabak ini selain dari penyakit ia juga adalah ujian dari Allah kepada semua hamba-Nya. Bagi menghadapi ujian ini disarankan memperbanyakkan istighfar dan taubat kepada Allah. Menurut al-Kirmani (1981) ujian yang menimpa ke atas seorang muslim merupakan salah satu penyebab dihapuskan dosa oleh Allah. Istighfar juga dapat meluaskan lagi pintu rezeki *batimiyah* seperti ketenangan menghadapi ujian, kebahagiaan bersama keluarga dan sebagainya terutama semasa pandemik Covid-19 (Abdul Aziz, A.R et. al, 2020).

d) Solat dhuha

Solat dari sudut bahasa adalah doa, mahupun dari istilah adalah pengharapan hati kepada Allah dengan mendatangkan perasaan takut kepada-Nya serta disusuli perasaan dalam hati tentang keagungan, kebesaran, kesempurnaan dan kekuasaan-Nya (Al-Raghib, 2010 & Al-Qurthubi, 1998). Melalui solat kita dibimbing oleh malaikat yang menurunkan rezeki untuk menempuh jalan menjadi kaya. Solat sunat yang sangat dianjurkan bagi memberkati lagi rezeki adalah solat sunat dhuha.

Dalam satu hadith yang daripada Nu'aim bin Hammar bahawa ia berkata, "Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda; Allah SWT berfirman, 'Wahai anak Adam, janganlah kamu berasa lemah untuk beribadah kepada-Ku dengan cara mengerjakan solat empat rakaat di awal waktu siangmu, nescaya akan Aku cukupkan untukmu di akhir harimu.'" (Abu Daud, No Hadith 1289). Maksud hadith di atas adalah galakan menunaikan solat sunat dhuha sebanyak 4 rakaat kerana Allah SWT mengingatkan kita agar tidak meninggalkannya. Amalan solat sunat ini akan menyelamatkan kita daripada perkara-perkara yang tidak baik serta Allah SWT akan memelihara kita daripada melakukan dosa kepada-Nya (Al-Azim Abadi, 2004).

Menurut kajian Safiah Abdul Razak et. al (2019) solat yang dilakukan dalam keadaan khusyuk mampu menjadikan seorang hamba itu dapat mencapai matlamat dan tujuan solat serta dapat melahirkan insan yang bertaqwa, beriman, memiliki hati yang bersih serta menjauhi sifat nifaq dan syirik. Solat juga berperanan mengikiskan sifat keji seperti sombong, riak, takut miskin dan sebagainya. Berkata Ibn 'Atoillah al-Sakandari dalam hikamnya solat dapat mensucikan hati manusia dari kekotoran dan membuka pintu yang ghaib (K.H Muhibbin al-Waliy, 2000).

Oleh itu bagi membuka pintu rezeki terutama semasa pandemik Covid-19 adalah dengan mengamalkan solat dhuha bukan sahaja dapat mensucikan hati malah turut memberi banyak kelebihan diantaranya akan dimudahkan segala urusan, diluaskan pintu rezeki, ganjaran pahala yang berlipat ganda, diampunkan dosa oleh Allah dan pelbagai lagi (Al-Nawawi, 2010).

e) Tadabbur al-Quran

Al-Quran adalah cahaya, penyembuh dan penyuluh kehidupan manusia. Ia merupakan rahmat bagi sekalian alam. Tadabbur adalah memahami, mendalami dan menghayati isi kandungan al-Quran. Seseorang yang sering melazimi dan mentadabbur al-Quran akan peroleh ketenangan hati dan jasmani. Firman Allah dalam Yunus ayat 57:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءتُكُمْ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِّمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya:

*Wahai manusia! Sungguh, telah datang kepadamu pelajaran (Al-Qur'an) dari Tuhanmu, penyembuh bagi penyakit yang ada dalam dada dan petunjuk serta rahmat bagi orang yang beriman.*

Menurut Asmuni (2018) mentadabburi al-Quran akan memberi ketenangan kepada pentadabbur. Terdapat kajian empirikal menunjukkan tadabbur al-Quran memberi kesan positif terhadap kesejahteraan emosi dan fikiran. Kajian yang dilakukan oleh Ansyah (2019) terhadap mahasiswa mendapati dengan mentadabbur al-Quran dapat menurunkan stress akademik dan menjadikan mereka sentiasa positif dalam menguruskan pembelajaran di kampus. Selain itu juga, dengan selalu mentadabbur al-Quran berjaya membentuk pemikiran positif dalam kalangan ibu yang hamil (Dini A.P. Prapto, 2015).

Justeru itu, tekanan perasaan akibat kehilangan punca pencarian rezeki yang dihadapi dalam kalangan masyarakat Muslim khususnya harus dirawat dengan memperbanyakkan mentadabbur al-Quran semasa pandemik Covid-19. Al-Quran bukan sahaja memberi ketenangan kepada si pembaca malah memberi petunjuk dan jalan keluar dalam masalah rezeki (Al-Ghazali, 2003).

## Kesimpulan

Rezeki merupakan salah satu daripada rahmat Allah kepada hamba-Nya. Urusan rezeki adalah jaminan Allah kepada semua hamba-Nya tidak kira beriman atau kufur. Rezeki dapat dibahagikan kepada dua bentuk iaitu bersifat zahir seperti makanan, rumah, duit dan sebagainya serta bersifat batin seperti kefahaman, kebahagiaan, ketenangan dan sebagainya.

Walaupun rezeki adalah sesuatu yang telah dijamin oleh Allah, Islam tidak menafikan konsep usaha dan ikhtiar sebagai sebab perolehan rezeki. Adapun dalam Islam ikhtiar dibahagikan kepada dua iaitu ikhtiar lahiriyah antaranya bekerja, bertani dan ikhtiar batiniyah seperti bersyukur, berdoa, bertawakal dan sebagainya. Sehubungan itu dalam menghadapi suasana pandemik Covid-19, ikhtiar batiniyah ini berperanan dalam menghilangkan tekanan perasaan dan kegelisahan dalam kalangan masyarakat Muslim kesan daripada terhalangnya keluar mencari rezeki.

## Rujukan

- Abd Rahman, M. R. (2020). *Covid-19 Menurut Pandangan Akidah dan rawatan Islam: Satu Tinjauan Awal*.
- Abdul Aziz, A. R., Mohd Sukor, N., & Ab Razak, N. H. (2020). *Wabak Covid 19: Pengurusan Aspek Kesihatan Mental Semasa Norma Baharu*. International Journal of Social Science Research, 2(4).

- Abi Muhammad al-Husain ibn Mas'ud al-Baghawi. (2010). *Maalim al-Tanzil* (Jil 7). Dar al-Tayyibah.
- Abu Syuraih. (2004). *Mausu'ah Asmaillah Husna* (p. 116). Dar Shafa'.
- Al Thobari, M. bin J. (1988). *Jami' al bayan an Ta'wil Ayat al Quran* (Juz 1, p. 98). Dar al Fikr.
- Al-Zamkhasyari, Mahmud ibn Umar. (1998). *Tafsir al Kasyaf* (Jil 2). Dar al Fikr.
- Al-Ghazali. (2003). *Mukasyafatul Qulub, Bening Hati dengan Ilmu Tasawuf*. Penerbit Marja'.
- Ali Muhammad al-Jurjani. (1405). *At-Ta'rifat*. Dar al-Kitab al-Arabi.
- Al-Kirmani, M. Y. (1981). *Al-Kawakib Al-Darari Fi Sharh Sobih Bukhari*. Dar Ihya' al-Turath al-Islami.
- Al-Nawawi. (2008). *al-Minhaj Syarah Shabih Muslim lin Nawawi*. Darus Sunnah.
- Al-Qurthubi. (1998). *al-Jami' li Ahkam al-Quran* (Jil 1). Dar Kitab Ilmiah. Lubnan
- Al-Raghib al-Asfahani. (2010). *al-Mufradat fi Gharib al Quran*. Dar Ihya' Turath al-Arabi, Beirut
- Basri Mahmud, & Hamzah. (2020). Membuka Pintu Rezeki dalam Perspektif al-Quran. *Al-Quds Jurnal Studi al-Quran Dan Hadith*, 4(2).
- Ibn Kathir. (2008). *Tafsir Ibn Kathir*. Pustaka Imam Syafie, Indonesia
- Ibn Manzur. (1997). *Lisan al-Arab* (Jil 10). Dar Kitab al-Ilmiah
- K.H. Muhibbin al-Waliy. (2000). *Hakikat Hikmah Taubid dan Tasawuf*. Pustaka Nasional Pte Ltd.
- M Khusnun Niam, & Rahmad Tri Hadi. (2021). Internalisasi Tasawuf al-Ghazali Semasa Covid-19. *Tribakti: Jurnal Pemikiran Keislaman*, 32(1).
- Muhammad Asyraf, A.-A. A. (2004). *'Aun al Ma'bud 'ala Syarah Sunan Abi Daud* (Jil 4). Dar Ibn Hazm.
- Mukhlis Aliyudin, & Enjang As. (2012). *Mempercepatkan Datangnya Rezeki Dengan Ibadah Ringan*. Ruang Kata Imprint Kawan Pustaka.
- Nina Rahmi. (2018). *Korelasi Rezeki Dengan Usaha Dalam Perspektif al-Quran*.
- Pasmadi, A. K. (2015). Konsep Rezeki Dalam al-Quran. *Jurnal Didaktika Islamika*, 6(2).
- Safiah Abd Razak, Che Zarrina Sa'ari, & Syed Mohammad Helmi Syed Abdul Rahman. (2018). Relevansi Tasawuf dengan Pembangunan Rohani Insan: satu Sorotan Awal. *BITARA International Journal of Civilization Studies and Human Sciences*, 1(4).
- Safiah Abdul Razak, Saari, C. Z., & Syed Abdul Rahman, S. M. H. (2019). Adab Solat dan Puasa serta Hubungannya dengan Pembangunan Rohani: Analisis Pemikiran al-Sarraj(M.378H) dalam Karya al-Luma' fi tarikh Tasawuf al-Islami. *Al-Basirah*, 9(1).
- Umar Ahmad Mukhtar. (2002). *Al-Mu'jam al Mausuah li al-Faz al-Quran al-Karim* (Cet 1, p. 207).
- Wahbah al-Zuhaili. (2006). *Tafsir Munir*. Dar al Fikr.
- Yono, Rusmana, I., & Noviyanti, H. (2020b). Psikoterapi Spiritual dan Pendidikan Islam dalam

Mengatasi dan Menghadapi Gangguan Anxiety Disorder Di Saat Pasca Covid-19.  
*SALAM; Jurnal Sosial Dan Budaya Syar'i*, 7(7).

Zulfan Auria. (2020c). Rezeki dalam al-Quran. In *Ilmu Al-Quran dan Tafsir*. Universiti Islam Negeri Ar-Raniry.

## **BAB 12**

# **PENGURUSAN TEKANAN GOLONGAN B40 MENDEPANI CABARAN IMPLIKASI PANDEMIK COVID 19 DI NEGERI SELANGOR**

Mariam Abd Majid<sup>1</sup>, Muhammad Syahmi Farhan<sup>1</sup>, Norunnajjah Ahmat<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Selangor.

<sup>2</sup>Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Melaka

### **Pengenalan**

Penularan pandemik Covid 19 yang berlaku memberi cabaran dalam kehidupan seharian individu, keluarga, masyarakat dan negara pada hari ini. Pandemik COVID-19, juga dikenali sebagai pandemik koronavirus 2019–2020 ialah wabak penyakit koronavirus 2019 yang berterusan secara global berpunca daripada sindrom pernafasan akut teruk koronavirus 2 (SARS-CoV-2). Wabak ini pada mulanya dikesan di pertengahan Disember 2019 di bandaraya Wuhan, Hubei China, dan telah diiktiraf sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020. Semua lapisan masyarakat tidak mengira umur, bangsa, agama dan status pekerjaan terkesan dengan pandemik ini sehingga menuntut kepada perubahan mendadak dalam kehidupan dan pergerakan seharian. (Aziz, 2020). Penularan wabak Covid 19 ini meletakkan semua negara di dunia berdepan dengan cabaran kritikal ekoran implikasinya memberi impak terhadap nyawa individu dan survival negara. Keadaan ini menyebabkan para pemimpin negara terpaksa menumpukan perhatian serius untuk membendung penularan wabak ini dengan memperkukuhkan pengurusan kesihatan dan menguatkuasakan beberapa peraturan yang mesti dipatuhi oleh rakyat. Fenomena wabak Covid-19 yang semakin meruncing di dunia dan kesan penularannya turut dialami di Malaysia sehingga menimbulkan pelbagai keresahan dalam kalangan masyarakat dan kewaspadaan di pihak kerajaan. Keresahan atau kebimbangan melampau berkaitan penyakit ini mendatangkan kesan terhadap aspek mental dan fizikal yang serius bagi sesetengah individu. Tekanan yang tidak terkawal menyebabkan seseorang itu runsing, bimbang dan sebagainya (M. Iskandar & Mariam, 2015).

Survei Khas Kesan Covid-19 kepada Ekonomi dan Individu yang telah dilaksanakan secara atas talian oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tempoh 23 – 31 Mac 2020 terhadap seramai 168,182 responden yang berumur 15 tahun dan ke atas mendapati pandemik Covid 19 ini memberi kesan terhadap aspek ekonomi, pekerjaan dan pola perbelanjaan. Hasil survei menunjukkan terdapat kajian pengurangan pendapatan bagi mereka yang bekerja sendiri iaitu sebanyak 35.5% dan pihak majikan adalah sebanyak 28.3%. Pendapatan bulanan yang diterima berkurang sehingga pengurangannya melebihi 90 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Tahap pendapatan isi rumah yang rendah memberi tekanan terhadap sesebuah keluarga (Zarinah et al., 2018).

Penularan Covid 19 ini turut memberi kesan terhadap aspek psikologi. Laporan Aduan Talian Kasih telah di laksanakan oleh kerajaan bagi membantu orang ramai mendapatkan bantuan bermula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ekoran pandemik Covid 19 bermula dari 18/3/2020 sehingga 23/4/2020. Laporan mendapati jumlah aduan berkaitan keganasan rumah tangga yang melibatkan mental dan fizikal menunjukkan trend meningkat dari hari ke hari. Sebanyak 13 aduan keganasan rumah tangga berkaitan mental dan fizikal diterima menerusi Aduan Talian Kasih pada tarikh 24/4/20 iaitu merupakan rekod catatan jumlah tertinggi aduan dalam sehari yang dicatatkan sepanjang tempoh PKP ini (Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Luar Bandar, 2020).

Kajian turut mendapati bahawa wabak atau pandemik Covid 19 turut memberi impak terhadap aspek kesihatan mental. Laporan kajian diterbitkan oleh International Journal of Research and Public Health baru-baru ini melaporkan bahawa terdapat 53.8 peratus responden melaporkan impak psikologi yang sederhana sehingga teruk. Daripada jumlah ini, 16.5 peratus melaporkan gejala kemurungan, 28.8 peratus melaporkan gejala gemuruh (anxiety) dan 8.1 peratus melaporkan gejala stres. Kajian ini melibatkan 1,210 responden dari 194 bandar di China mengenai impak psikologi akibat wabak COVID-19. Kebanyakan responden mengatakan bahawa mereka tinggal di rumah selama 20 sehingga 24 jam setiap hari (84.7 peratus) serta risau tentang ahli keluarga lain mengalami wabak (75.2 peratus). Kekangan komunikasi sosial iaitu penjarakkan sosial (social distancing) adalah antara implikasi pandemik Covid 19 yang memberi cabaran kepada semua orang (Zhang et al., 2020).

Rakyat di Malaysia turut tidak terkecuali menerima cabaran dalam pelbagai aspek antaranya iaitu kesihatan, ekonomi, sosial, pendidikan dan kewangan ekoran pandemik Covid 19. Cabaran-cabaran dihadapi boleh memberi kesan terhadap tahap kesihatan mental. Apa yang lebih membimbangkan ialah kegagalan seseorang menangani kesihatan mental atau sering mengalami gangguan mental boleh mendedahkan individu kepada penyakit-penyakit mental lebih serius seperti kemurungan, kerisauan melampau, bipolar dan skizofrenia (Berita Harian, 2019).

Kajian Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN) pada 2004 mendapati, masalah kewangan adalah antara masalah utama yang memberi tekanan dan membimbangkan mereka di samping masalah-masalah lain dalam keluarga (KPKM, 2004). Kajian yang dilakukan berkaitan Kesan Inflasi Terhadap Institusi Keluarga pada 2008 mendapati majoriti responden iaitu 95% menghadapi kesukaran dalam keluarga mereka menangani dan berhadapan dengan kenaikan harga barangan. Hasil kajian ini melaporkan bahawa 44% responden mengatakan bahawa telah berlaku perselisihan faham dalam keluarga sejak berlakunya peningkatan harga barang mahupun makanan terutama sekali pada keluarga yang berpendapatan rendah. Sungguhpun kajian ini di laksanakan ketika negara dilanda inflasi yang tinggi, impak daripada senario tersebut turut dialami atau bakal dialami oleh sebilangan keluarga dalam pandemic Covid 19 ini (LPPKN, 2020).

Menurut Izzati et. al (2019), situasi, persekitaran, psikososial, perubahan dalaman dan luaran serta kecelaruan emosi merupakan faktor berlakunya keadaan stres dan keupayaan individu menanganinya menentukan implikasi negatif atau sebaliknya. Keadaan perubahan sosial pasca Covid 19 ini turut boleh menyumbang berlakunya peningkatan masalah kesihatan termasuk beberapa penyakit mental dan psikologi seperti penagihan alkohol, penyalahgunaan dadah, 'mental

breakdown', masalah rumah tangga dan juga masalah ibu atau bapa tunggal. Keadaan ini boleh menyebabkan tekanan mental, keadaan kemurungan (depression) dan juga kebimbangan (anxiety) dalam kalangan anggota masyarakat (Intan Ruhaila et.al,2011)

### **Pengurusan Tekanan**

Tekanan difahami dengan keadaan atau situasi yang mengancam atau dianggap mengganggu keadaan diri seseorang sehingga menyebabkan individu memerlukan keupayaan dan cara untuk menghadapinya. Ia juga merupakan suatu tindak balas reaksi terhadap ancaman, perubahan mahupun persaingan. Selain itu, ianya juga merupakan proses pengalaman manusia menyesuaikan diri dengan persekitaran (Siti Noorshafenas Safe & Ahmad Yunus Mohd Nor, 2016). Tekanan atau stres kebiasaannya dialami oleh semua manusia apabila berada dalam keadaan yang tidak menyenangkan. Dalam keadaan yang lebih serius dan berlanjutan, tekanan mampu merosakkan gaya hidup serta kesihatan seseorang individu (Maarof & Hazlinda, 2008). Menurut Hatta Sidi & Mohamed Hatta (2002), tekanan bukanlah suatu perkara yang asing dalam kalangan individu dan anggota masyarakat. Hans Selye (1993) mengemukakan Teori Sindrom Adaptasi Am (General Adaptation Syndrome Theory) menjelaskan keadaan tekanan atau stres ialah satu perubahan yang berlaku kepada diri seseorang sama ada ke atas fizikal atau mental yang disebabkan oleh sesuatu tekanan atau paksaan.

Tekanan menyebabkan seseorang mengalami kesan dari pelbagai aspek antaranya aspek psikologi dan fisiologi. Menurut Asmawati & Siva (2002) dari aspek psikologi, seseorang yang mengalami tekanan akan berada dalam kebimbangan, daya tumpuan rendah, bingung dan cepat marah manakala daripada segi fisiologi, individu akan mengalami ketegangan otot, sakit kepala, sakit belakang, insomnia, serangan jantung dan tekanan darah tinggi. Tekanan turut dipercayai menjadi penyebab utama penyakit jantung koronari, kanser, masalah paru-paru, kemalangan dan bunuh diri. Impak tekanan berlaku dari aspek mental dan fizikal seseorang. Tekanan yang dialami kadangkala mencabar fungsi hidup seseorang dalam kehidupan seharian. Terdapat individu lain yang tidak mampu untuk berhadapan dengan stres hingga mengakibatkan kesan negatif ke atas diri mereka. Stres juga dianggap sebagai tindak balas antara seseorang individu dengan sebarang rangsangan yang dianggap merbahaya dan boleh mengancam kehidupan individu tersebut (Sapora et al. 2013).

Menurut Setiausaha Persatuan Psikiatri Malaysia (MPA), Dr Firdaus Abdul Gani berkata, satu mekanisma yang baik diperlukan untuk menangani tekanan bagi mengelakkan kesan psikologi jangka panjang. (<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-ketakutan-kepada-penyakit-sebabkan-kesan-emosi-yang-teruk-236043>. Diakses 26/4/2020).

Tekanan atau stres adalah keadaan keadaan resah, cemas, tegang dan sebagainya akibat tekanan mental atau fizikal. Keadaan ini jika tidak diurus boleh mengakibatkan implikasi negatif. Portal MyHEALTH Kementerian Kesihatan Malaysia menyatakan kaedah mengurus stress adalah menerusi kaedah mengekalkan ketenangan (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020). Ketenangan setiap diri dalam institusi keluarga adalah indikator asas terhadap keupayaan menangani tekanan.

Wabak COVID-19 telah mencetuskan perasaan seperti takut, cemas, bimbang dan tertekan. (Jianbo Lai, 2020). Tekanan dialami turut memberikan kesan yang baik secara semula jadi.

Badan bertindak apabila menerima sesuatu tekanan. Kelenjar pituitari yang terletak dibawah otak bertindak balas terhadap tekanan yang diterima merembeskan hormone adrenocorticotropik. Hormon tekanan ini termasuk kortisol dan adrenalin membantu meningkatkan daya tumpuan, mempercepatkan tindakan dan meningkatkan kekuatan serta pergerakan seseorang. Keadaan sini menjadikan seseorang mampu bertindak lebih aktif dan membuat pertimbangan yang wajar. Ketiadaan tekanan menjadikan seseorang itu lambat bertindak kerana sentiasa berada dalam keadaan zon yang selesa (Hatta Sidi & Mohamed Hatta, 2002). Demikianlah, tekanan jika mampu dikawal berupaya memberi impak positif kepada seseorang. Sebaliknya tekanan yang tidak terkawal memberikan implikasi tidak baik kepada seseorang. Ini bermakna, tekanan bukan hanya memberikan impak yang negatif dalam kehidupan namun ianya berupaya menjadi sumber penggerak kepada tingkah laku yang lebih aktif dan produktif apabila unsur-unsur tekanan dapat diurus sebaiknya. Tekanan yang berjaya diurus memberikan kesan positif khususnya yang mendorong tingkah laku yang positif dikenali sebagai eustress (rangsangan), sebaliknya tekanan yang melampau sehingga tidak dapat diurus membawa kesan negatif yang dikenali sebagai distress (Salye, H. 1993; Maarof & Hazlinda, 2008).

Menurut Salye (1993), seseorang yang mengalami tekanan atau stres menggunakan pelbagai cara untuk mengurus atau mengurangkan tekanan yang sedang dialaminya. Antara usaha yang dilakukan ialah dengan melakukan aktiviti-aktiviti lasak seperti mendaki gunung, menyelam, meredah hutan dan sebagainya. Dalam Islam, tekanan atau stress merupakan antara bentuk penyakit jiwa. Ahli psikologi Islam antaranya al Farabi, Ibn Sina, Ibn Maskawayh, Al Ghazali yang awal lebih menumpukan kepada ilmu falsafah yang membicarakan tentang jiwa, mental, tingkah laku manusia dan hubungannya dengan konsep tazkiyyah al-nafs bagi mendekatkan diri dengan Allah (Izzati et.al, 2019). Seseorang yang mengalami keadaan tertekan atau stres memerlukan ketenangan hati dan kelapangan fikiran untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang sedang dialami (Mohd Taib & Hamdan 2006). Ianya boleh diatasi dengan memperbaiki hubungan dengan Allah SWT di samping menjaga hubungan baik sesama manusia (Izzati et al., 2019). Menurut Fariza (2016) pengharapan yang tinggi kepada Allah SWT berjaya menghilangkan segala kesedihan dan kesusahan yang dialami.

Sifat dalaman yang tenang dan kesabaran yang tinggi mampu untuk mengawal tekanan (Sapora, Khatijah & Othman, 2013). Dalam Islam, tekanan merupakan penyakit jiwa yang perlu diubati dengan pendekatan yang disebutkan dalam al-Quran dan hadis. Terdapat beberapa cara untuk menangani tekanan menurut pendekatan Islam (Nurmilyanti, 2016) antaranya menanamkan jiwa yang sabar, selalu mensyukuri nikmat Allah SWT, menumbuhkan jiwa yang optimis, selalu berdoa kepada Allah SWT. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman, mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan sabar dan (mengerjakan) solat, sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar.”*

(Surah al-Baqarah : 153)

Pada ayat-ayat tersebut telah di janjikan Allah SWT bahawa nikmat itu akan terus-menerus disempurnakan. Nikmat pertama dan utama ialah utusan-Nya iaitu Nabi Muhammad saw yang



dilantik menjadi Rasul. Baginda yang akan memimpin perjuangan seterusnya. Oleh sebab itu, tetaplah mengingati Allah SWT supaya Allah SWT pula ingat kepada kamu dan syukurilah nikmat-Nya, jangan kembali kepada kufur iaitu melupakan jasa dan tidak mengingat budi.

Disamping itu amalan berzikir merupakan kaedah yang sangat efektif untuk menangani tekanan kerana amalan berzikir seperti bertahmid, bertakbir dan bertasbih merupakan amalan yang mampu menenangkan jiwa sebagaimana jaminan Allah yang disebut dalam Al-Quran yang bermaksud:

*“ (Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan "zikerullah". Ketahuilah dengan "zikerullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia.”*

(Surah ar-Ra'd : 28)

Ayat ini menjelaskan kepada kita bahawa iman dan zikir adalah kaedah agar kita sentiasa ingat kepada Allah SWT. Ingatan kepada Allah SWT itu menimbulkan perasaan tenteram dan dengan sendirinya hilanglah segala kegelisahan, fikiran kusut, putus asa, ketakutan, kecemasan keraguan dan dukacita. Ketenteraman hati adalah pokok utama kesihatan rohani dan jasmani. Keraguan dan kegelisahan adalah punca segala penyakit. Hati yang ditumbuhi dengan penyakit dan tidak segera diubati dengan iman, iaitu iman yang menimbulkan zikir dan zikir yang menimbulkan ketenangan, maka kesusahan bakal menimpa individu. Hati yang sakit bertambah sakit dan puncak segala penyakit hati ialah kufur nikmat Allah (Hamka, 1992).

Berdasarkan pandangan Salye (1993) dan pandangan dari perspektif Islam, mengurus tekanan boleh dilaksanakan menerusi aktiviti yang diprogramkan dalam dua dimensi hubungan akrab secara vertikal dan horizontal. Dimensi hubungan akrab vertikal ialah hubungan dengan Allah SWT bagi golongan muslim dan hubungan dengan Tuhan bagi golongan non muslim. Manakala dimensi hubungan akrab horizontal ialah hubungan sesama manusia dan hubungan dengan alam sekeliling atau persekitaran yang melingkungi kehidupan seharian manusia. Akrab bermaksud keadaan hubungan erat, sangat mesra dan rapat atau kukuh meskipun menghadapi masalah dari masa ke semasa. Hubungan vertikal dan horizontal yang akrab ini menjadikan setiap individu berada dalam keadaan stabil mental dan fizikal.

Kestabilan mental dan fizikal diri penting bagi mendepani serta mengurus tekanan dalaman dan luaran yang dihadapi sebaliknya kelemahan aspek kestabilan mental dan fizikal diri berupaya menjurus berlakunya pelbagai masalah. Masalah boleh wujud dalam hubungan antara suami dan isteri, ibubapa dengan anak-anak serta sesama anak-anak. Keakraban hubungan vertikal dan horizontal mampu mengukuhkan kestabilan diri sekaligus berupaya untuk mengurus sebarang tekanan mental dan fizikal. Portal MyHEALTH Kementerian Kesihatan Malaysia menjelaskan mental sihat adalah satu keadaan yang sejahtera iaitu seseorang individu menyedari tentang keupayaan diri, dapat mengendalikan tekanan dengan baik, dapat bekerja secara produktif dan mampu menyumbang kepada masyarakat. Kesihatan mental adalah ekspresi emosi dan melambangkan keupayaan untuk menyesuaikan diri dalam pelbagai tekanan dan tuntutan hidup (<http://www.myhealth.gov.my/>.Diakses pada 26/4/2020). Ini bermaksud, kesihatan mental adalah asas kepada kesejahteraan individu dan kemampuan masyarakat berfungsi secara efektif.

Usaha meningkatkan keakraban vertikal dan horizontal ini melibatkan peranan semua pihak terutama ahli dalam institusi keluarga. Ini bertepatan dengan konsep keluarga sebagai sebuah unit asas dalam masyarakat iaitu setiap ahli keluarga menjalankan peranan dan tanggungjawab sendiri serta tanggungjawab bersama untuk mencapai kesejahteraan dan keharmonian keluarga (Dasar Keluarga Negara, 2020). Keluarga adalah nukleus dalam masyarakat dan negara. Keluarga yang sejahtera lahir daripada individu yang memiliki kekuatan diri adalah individu yang kuat memiliki hubungan yang erat secara vertikal dengan Allah SWT bagi muslim dan non muslim dengan tuhan dan hubungan horizontal sesama manusia (al Ghazali, 1991; Al-Najati, 1992).

Keadaan kedua hubungan dalam institusi keluarga ini mesti berada keadaan akrab iaitu erat kuat bagi mengupayakan institusi keluarga mendepani tekanan dalaman dan luaran. Usaha membendung penularan wabak ini memerlukan sokongan daripada semua pihak dalam pelbagai peringkat. Sokongan utama bagi setiap individu bermula daripada institusi keluarga (Zhang & Ma, 2020). Bantuan dan sokongan daripada setiap individu dalam keluarga dan rakan-rakan penting untuk mengurangkan tekanan atau stres yang dialami. Ini keranan keadaan mental yang sihat penting untuk mengupayakan diri untuk mengurus tekanan yang dihadapi. Kesan tekanan ini sangat serius dan perlu diuruskan bagi mengelakkan berlaku impak yang lebih serius. dalam kalangan anggota masyarakat terutama dalam pandemic Covid 19 ini.

Berdasarkan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi atau National Health and Morbidity Survey (NHMS, 2020), hampir setengah juta rakyat negara ini yang berada dalam kalangan kategori dewasa (2.3 peratus) didapati mengalami simptom tekanan atau depresi. Daripada jumlah ini, majoriti individu yang terkesan adalah individu dalam golongan B40 (2.7 peratus), diikuti oleh golongan M40 (1.7 peratus) dan T20 (0.5 peratus). Dalam masa yang sama, NHMS 2019 itu juga mendapati sebanyak 424,000 (7.9 peratus) kanak-kanak mengalami masalah tekanan. Separuh daripada masalah gangguan mental ini bermula seawal usia 14 tahun dan tiga per empat daripadanya berlaku pada pertengahan usia 20-an. (Parzi., 2020). Data laporan tahunan Kementerian Kesihatan (KKM) pada 2020 merekodkan 465 kes cubaan bunuh diri antara Januari sehingga Jun 2020. Amir & Haziq (2020) menyatakan bahawa terdapat 11,791 panggilan telefon yang diterima oleh Unit talian bantuan sokongan psikososial setakat Oktober 2020, di mana 50 peratus adalah berhadapan dengan tekanan emosi. Selain tekanan emosi, individu juga berasa bimbang dan marah disebabkan pelbagai faktor sosial seperti masalah pendapatan dan kewangan serta perselisihan dengan keluarga (Parzi., 2020). Kelas pendapatan isi rumah golongan B40 ialah isi rumah yang memperolehi pendapatan 40 peratus terendah, daripada jumlah keseluruhan pendapatan rakyat Malaysia. Golongan B40 adalah isi rumah berpendapatan RM4,360 dan ke bawah. (Chamhuri Siwar, 2019).

Artikel ini bertujuan mengenal pasti kaedah pengurusan tekanan dalam kalangan golongan B40 yang majoritinya menerima kesan ekoran pandemic Covid 19 yang berlaku pada hari ini. Pemilihan golongan B40 sebagai sampel kajian berdasarkan justifikasi golongan B40 berkecenderungan dan berisiko tinggi menghadapi masalah tekanan (Zarinah et al., 2018).

## **Metodologi**

Negeri Selangor dipilih sebagai sampel berdasarkan justifikasi lokasi kajian merupakan zon merah (red zone) dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan di Malaysia (New Straits Times,

2020) dan lokasi yang mencatatkan bilangan kes kumulatif tertinggi sehingga 23 Julai 2021 mengikut negeri ialah Negeri Selangor iaitu 7,672 kes (Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, 2021). Negeri Selangor juga adalah lokasi yang merekodkan penerimaan aduan kes tertinggi menerusi Saluran Talian Kasih yang dilaksanakan bermula pelaksanaan PKP iaitu 18/3/2020 sehingga 23 Julai 2021 (Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Luar Bandar, 2021).

Kajian ini kualitatif dengan reka bentuk kajian kes ini dilaksanakan menggunakan pendekatan semulajadi atau *natural approach* untuk memahami suatu fenomena dalam konteks yang khusus. Kajian kualitatif bersifat lapangan dilakukan bertujuan untuk menjelaskan fenomena secara mendalam dan lebih mengutamakan kualiti data dibandingkan dengan kuantiti data (Kriyantono, 2006). Kajian lapangan adalah strategi penyelidikan yang sesuai untuk meneroka bidang kajian. Tujuan dan strategi di sini untuk mengetahui secara mendalam keadaan sebenar kumpulan atau kejadian tertentu. Kajian lapangan dijalankan dalam keadaan semula jadi dan tertumpu pada konteks situasi tertentu (Sulaiman Masri, 2005).

Dapatan bagi kajian yang dilaporkan dalam penulisan artikel ini, diperolehi menerusi kaedah temubual separa struktur. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Kesemua informen kajian dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Data kajian diperolehi menerusi kaedah temubual separa struktur terhadap lima orang individu dalam kalangan golongan B40 di Negeri Selangor yang terkesan dengan penularan pandemik Covid 19. Kesemua informen kajian dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan seperti jadual 1 berikut:

Jadual 1. Pemilihan Infomen Secara Persampelan Bertujuan

Bilangan	Informen	Kriteria
P1	Pengurus	Terkesan dengan pandemik Covid 19
P2	Pegawai	Terkesan dengan pandemik Covid 19
P3-P5	Pekerja	Terkesan dengan pandemik Covid 19

Informan bagi kajian ini dipilih berdasarkan kriteria keperluan kajian. Bagi menjangkakan soalan-soalan yang dapat memberikan maklumat yang lebih baik, transkrip temu bual yang dirintiskan sebelum temu bual sebenar diambil kira. Pengkaji memilih dua orang informan yang mempunyai ciri yang sama dengan sampel kajian sebenar untuk ditemu bual bagi melihat kesesuaian soalan. Berdasarkan kajian rintis terdapat dua soalan dipermudahkan dan diperbaiki. Soalan yang diperbaiki digunakan dalam kajian sebenar. Sebaik sahaja proses temu bual dan pengumpulan data kajian sebenar dilakukan, pengkaji melengkapkan transkripsi dan mengembalikan semula transkripsi kepada informan untuk disahkan. Setelah transkripsi disemak, informan

menandatangani borang pengesahan temu bual bagi mengesahkan maklumat temu bual. Transkripsi temu bual yang disahkan dianalisis menggunakan tema dan sub tema. Tema dan sub tema tersebut kemudiannya disahkan oleh pakar melalui pengiraan Cohen Kappa. Seramai tiga orang pakar dilantik untuk membuat semakan tema dan sub tema dan sub tema dan sub tema. Jadual 2 di bawah merupakan senarai latar belakang pakar yang membuat persetujuan dalam pembinaan tema dan sub tema.

Jadual 2. Pakar dan Kepakaran Bagi Tahap Persetujuan Cohen Kappa

Bil	Nama	Kepakaran	Tahap Persetujuan (Cohen Kappa)
1	Pakar A	Psikologi	0.92
2	Pakar B	Kaunselor	0.94
3	Pakar C	Psikospiritual	0.92
Keseluruhan (Nilai pekali persetujuan Indeks Cohen Kappa)			0.93

Tahap keseluruhan persetujuan pakar terhadap tema dan sub tema dan sub tema dan sub tema berdasarkan pengiraan Cohen Kappa adalah 0.93 dan berdasarkan kepada Jadual 3 di bawah, nilai  $k = 0.92$  berada pada skala sangat tinggi.

Jadual 3. Skala persetujuan Cohen Kappa

Nilai Kappa	Skala Interpretasi
> 0.90	Sangat Tinggi
0.70 – 0.89	Tinggi
0.30 – 0.69	Sederhana
< 0.30	Rendah

Sumber: Jasmi, K. A. (2012)

### **Dapatan Kajian**

Tindakan-tindakan berikut dikemukakan oleh informan berkaitan pengurusan tekanan yang dialami dalam mendepani cabaran implikasi pandemik Covid 19. Dapatan kajian diperolehi menerusi temubual bersama lima orang informan menjelaskan bahawa pengurusan tekanan dilaksanakan menerusi dua pendekatan iaitu peningkatan hubungan dengan Allah SWT dan hubungan sesama manusia.

## Pendekatan Hubungan Dengan Allah SWT

Berikut adalah pelaksanaan pendekatan peningkatan hubungan dengan Allah SWT;

Terdapat dua kaedah secara spiritual yang dilakukan untuk mengatasi bisikan-bisikan perasaan negatif yang muncul ekoran tekanan yang dialami antaranya:

### i. Solat dan Berdoa

Solat dan berdoa merupakan salah satu usaha yang dilakukan oleh informan untuk mengurus tekanan yang dialami. Amalan solat dan berdoa ini menjadikan diri tenang dan. Ini dinyatakan oleh R3:

*“saya solat, saya baca Al-Quran.. lepas tu saya doa banyak-banyak lah. Kalau saya tekanan itulah rasanya.. saya mohon pada Allah selalu lah permudahkanlah segala urusan setiap hari dan jangan bebankan saya lah dengan apa yang saya tak mampu...”*

Puan Ainul menyatakan bahawa tidak semua perkara berlaku seperti yang diinginkan atau diharapkan. Kaedah terbaik untuk meluahkan segala yang terpendam adalah dengan usaha berdoa memohon kepada Allah agar sentiasa diberikan kekuatan dalam menempuh setiap apa yang terjadi perlu dilakukan. Jalan terbaik untuk mengurus tekanan dan menangani segala masalah yang terjadi adalah kembali kepada Allah SWT. Amalan ini turut dijelaskan oleh R5:

*“Ok sebagai orang Islam, kita tidak dapat lari. Segalanya Allah telah tentukan. Apa jua masalah kena kembali kepada Allah, sentiasa menunaikan solat hajat, mohon kepada Allah agar Allah mempermudah segala urusan saya..”*

Perasaan sentiasa ingat bahawa Allah SWT itu selalu ada bersama hamba-Nya merupakan antara pendekatan utama dalam mengurus tekanan yang dihadapi. Doa bermohon kepada Allah agar sentiasa diberi kekuatan untuk menghadapi segala masalah yang mendatang. Allah SWT merupakan sebaik-baik tempat untuk kita meminta dan meluahkan segala apa yang dirasai. Proses rmuhasabah diri menyakinkan diri bahawa setiap apa yang terjadi adalah bersebab. Allah SWT menyusun setiap perkara itu dengan cantik dan baik sekali namun ianya terpulang kepada individu itu bagaimana untuk mencorakkannya. Puan Fauziah menjelaskan berkaitannya:

*“Saya atasi masalah tu semua dengan tenang diri saya, muhasabah balik diri kita ni.. semua yang berlaku tu bersebab..”*

R5 menjelaskan bahawa setiap apa yang berlaku itu mempunyai sebab yang tersendiri. Cara yang terbaik untuk menanganinya adalah dengan muhasabah diri sebagai hamba kepada Allah SWT dan juga rehat yang mencukupi. Selepas bermuhasabah, jiwa pasti akan merasai ketenangan yang selama ini tidak terasa disebabkan oleh jiwa yang bercelaru. Pernyataan R5 seterusnya disokong oleh R4 yang menyatakan bahawa:

*“selalu ingat kepada Allah sebab apa-apa yang berlaku ni kan semua dari Allah. Jadi kena sentiasa ingat Allah.. baru hidup rasa aman.”*

Menyedari bahawa setiap apa yang berlaku adalah dari Allah SWT untuk menguji hambaNya, maka setiap orang yang menghadapi masalah harus kembali kepada Allah SWT dan muhasabah diri sendiri. Jiwa yang tenang adalah jiwa yang sering mendekati diri dengan Allah SWT. Ini menyedarkan bahawa setiap apa yang berlaku pasti mempunyai sebab dan hikmah yang tersembunyi. Keyakinan kepada Allah SWT merupakan jalan keluar daripada tekanan yang dihadapi bagi orang mukmin. Ini selari dengan dapatan kajian Rosni et al (2020) yang mendapati bahawa perkara utama yang mesti dilakukan untuk kesihatan rohani dan jiwa adalah amalan ibadah yang merangkumi solat, puasa, menunaikan zakat dan berzikir (Rosni, 2020).

ii. Baik Sangka Terhadap Allah SWT

Sifat baik sangka terhadap Allah SWT merupakan antara pendekatan dalam mengurus tekanan yang dinyatakan oleh informan. Seorang individu mesti mempunyai fikiran yang positif serta baik sangka terhadap Allah SWT. Fikiran yang positif menghasilkan tingkah laku yang positif. Pernyataan ini dinyatakan oleh R2:

*“saya suka fikir positif. Nak atasi rasa tertekan tu.. saya.. saya insan biasa. Kadang kita expect lepas tu tak dapat. Macam semalam tak dapat.. jadi saya sedih. Bila saya balik, saya muhasabah diri.. lepas tu saya cakap pada diri saya.. “fikir secara rasional. Awak kena be positive”.. So saya cuba fikir positif..”*

Berdasarkan pernyataan tersebut di atas, R2 berpandangan bahawa baik sangka dan berfikiran positif mampu untuk menghasilkan sikap yang positif dan segala cabaran yang berlaku dapat dihadapi. Selanjutnya informan R4 menyatakan bahawa:

*“selalu ingat kepada Allah sebab apa-apa yang berlaku ni kan semua dari Allah. Jadi kena sentiasa ingat Allah.. baru hidup rasa aman.”*

Menyedari bahawa setiap apa yang berlaku adalah dari Allah SWT untuk menguji hambaNya, maka setiap orang yang menghadapi masalah harus kembali kepada Allah SWT dan muhasabah diri sendiri. Jiwa yang tenang adalah jiwa yang sering mendekati diri dengan Allah SWT. Ini menyedarkan bahawa setiap apa yang berlaku pasti mempunyai sebab dan hikmah yang tersembunyi. Keyakinan kepada Allah SWT merupakan jalan keluar daripada tekanan yang dihadapi bagi orang mukmin.

### **Pendekatan Hubungan Dengan Sesama Manusia**

i. Komunikasi Keluarga

Komunikasi penting untuk menangani masalah kesihatan mental akibat tekanan yang dihadapi terutama ketika tempoh kawalan pergerakan berlangsung. Manusia secara fitrah perlu

berkomunikasi dan berinteraksi terutama ketika berada dalam keadaan tertekan. Apabila komunikasi dilakukan, keadaan tekanan yang dialami beransur menjadi tenang.. Komunikasi yang berkualiti adalah komunikasi yang berkesan terutama yang melibatkan dua pihak iaitu merujuk kepada gaya komunikasi dua hala. (Aziz, 2020)

*American Institute of Stress* (2019) mengemukakan bahawa pada satu tahap tertentu komunikasi dua hala mampu memberi manfaat kepada pembentukan psiko-emosi seseorang seperti bersikap terbuka, positif, kasih sayang dan rasa cinta membentuk rasa tenang dan lebih dihargai.

Ahli keluarga merupakan insan yang rapat dan selalu memberi dorongan. Menurut R1, “ emmm..pada suatu hari... aa emm perasaan kemurungan kakak serang kepada diri akak, dan yang datang menolong akak pada masa itu, adalah ayah akak sendiri” . Ini turut diakui oleh R3 yang menyatakan, “ *keluarga lah yang paling rapat dengan saya, em... mereka juga yang memberikan sokongan aaa emm moral kewangan dan lain-lain*”.

Institusi keluarga penting berperanan membantu setiap individu keluarganya dalam mendepani implikasi yang dialami. Kestabilan institusi keluarga adalah suatu aspek yang sangat penting diberi perhatian dalam menjamin kesejahteraan setiap anggota keluarga, sebaliknya kepincangan yang berlaku dalam institusi keluarga boleh menyumbang berlakunya tekanan atau stres yang mengakibatkan perlakuan gejala negatif seperti membunuh diri, pergaduhan, perceraian, penagihan dadah dan seumpamanya (Nor Ba'ayah et al., 2018).

Masa bersama keluarga merupakan masa terbaik yang boleh membuatkan seseorang lupa kepada masalah yang dihadapi. Keluarga merupakan kekuatan bagi seseorang dalam menghadapi sesuatu perkara. Oleh sebab itu, sewaktu berhadapan dengan tekanan, guru mengambil tindakan meluangkan masa mereka bersama keluarga agar tekanan yang dihadapi dapat dikurangkan. Kajian Aziz (2020) mengukuhkan bahawa komunikasi yang berkualiti adalah komunikasi yang berkesan terutama yang melibatkan dua pihak iaitu merujuk kepada gaya komunikasi dua hala.

Selain ahli keluarga rakan juga merupakan individu yang turut menyumbang sokongan kepada informan. Menurut R4, rakan-rakan karib sendiri memberikan sokongan dan nasihat kepada beliau, “ *..masalah yang saya hadapi sekarang ini emm saya akan kongsi kepada rakan karib saya.. aaa kerana mereka yang memahami masalah saya yang mana mereka juga mempunyai masalah yang sama seperti saya.*”

Usaha mengikuti khidmat nasihat daripada persatuan atau kumpulan pakar berkaitan tekanan atau stres dapat memberi panduan kepada informan dalam mengurusnya. Menurut daripada R2, “ *Buat masa ni, emm akak tidak pernah jumpa lagi, tapi akak hampir berjumpa dengan pihak berautoriti untuk mengatasi masalah ini. Buat masa ni akak mengambil cara dengan mengetahui dan mencari tentang penyakit kemurungan dan kebimbangan ini sendiri dengan cara memasuki persatuan tentang kesihatan mental ini*” Informen merasakan tidak ada masa lagi untuk berjumpa dengan doktor. Tapi dengan cara ini kita dapat lihat, bahawa ada pelbagai cara untuk mengatasi masalah ini.

Dapatan yang sama turut ditemui oleh Mohd Razali Othman dan Abang Mat Ali, dalam kajian mereka yang mengenalpasti strategi mengurus tekanan dengan membaca buku-buku yang

berkaitan tekanan dan menghadiri seminar yang berkaitan dengan tekanan. Selain itu, mereka bersetuju bahawa strategi yang paling baik adalah strategi yang berlandaskan agama (Mohd Razali Othman & Abang Mat Ali, 1998).

### **Pendekatan Hubungan Dengan Persekitaran**

Setiap orang mempunyai kaedah yang berlainan untuk mengurus tekanan. Tekanan yang dihadapi boleh ditangani dengan melakukan sesuatu hobi yang disukai. Hobi dinyatakan oleh informan sebagai salah satu kaedah yang dilakukan untuk menangani tekanan kerana melakukan sesuatu hobi membantu melupakan seketika masalah yang dihadapi. R1 menyatakan berkaitannya:

*“kadang-kadang saya lakukan aktiviti yang saya suka bagi mengurangkan sikit beban yang saya rasa. Saya akan buat lah apa sahaja aktiviti yang saya suka sebab masa tu saya dah lupa yang saya ni ada masalah ke apa ke.”*

Berdasarkan kenyataan R1, hobi dapat mengurangkan tekanan yang dihadapi. Hobi yang mendatangkan manfaat sangat baik dilakukan terutama ketika menghadapi tekanan. Membaca buku adalah antara hobi yang memberi manfaat kerana menerusi pembacaan, ilmu pengetahuan bertambah dan rasa tekanan yang sedang dihadapi berkurangan. Pernyataan ini diperakukan oleh R3:

*“saya akan lakukan hobi saya iaitu membaca buku. Tapi bukanlah buku yang tak berfaedah.. saya akan baca buku motivasi bagi diri saya lebih bersemangat.”*

Kenyataan R3 ini menjelaskan bahawa membaca buku yang berfaedah dapat menaikkan semula semangat yang semakin menurun akibat daripada tekanan. Demikianlah, pembacaan bukan sahaja dapat menaikkan semangat seseorang, malah ianya juga mampu untuk menambahkan ilmu pengetahuan mengenai sesuatu perkara. Sebahagian orang berfikir bahawa hobi merupakan perkara suka-suka yang tidak mendatangkan faedah. Namun hakikatnya, melakukan sesuatu hobi mampu membuatkan diri seseorang berasa tenang dengan apa yang dilakukan. Jika seseorang mempunyai hobi yang berfaedah, maka dirinya juga turut mendapat faedah daripada hobi tersebut. itu, hobi mampu menaikkan semangat dan memberikan ketenangan kepada seseorang.

Melakukan hobi yang disukai dapat merehatkan minda seketika sekaligus menahirkan rasa ketenangan. Hobi bermanfaat yang dilakukan mampu memberikan faedah khususnya kepada para guru seperti membaca buku bagi menghilangkan tekanan. Di samping itu, aktiviti membaca menambahkan ilmu pengetahuan serta dapat menyuntik semangat kepada guru. Aktiviti hobi lain seperti bermain bola sepak dan sebagainya turut dapat memberi tenaga dan menyihatkan badan.

Ini turut dinyatakan oleh R4, “ ..Akak emm membaca buku, disebabkan akak minat membaca buku, mendengar muzik, solat tahajud. Akak mencari sesuatu perkara yang menghalang diri akak daripada tekanan ini”. Secara tidak langsung, kita tidak akan 100 peratus untuk memikirkan masalah yang akan dihadapi. Selain itu, ia boleh menghalang fokus kita terhadap masalah yang dihadapi.

Menurut R5 pula, “ saya selalu,, emm ada buat sedikit senaman, selain itu, saya ada ikut pergi berkebun, untuk menghilangkan stres” Aktiviti bersama keluarga juga sedikit sebanyak



mampu untuk menghilangkan stress yang dialami. Selain itu, melihat tanam tanaman yang di tanam, melihat keindahan alam juga mampu menghilangkan stress juga. Perkara ini juga sama dilakukan oleh R3, informen yang ketiga.

Informan R2 menyatakan bahawa pendekatan mengurus tekanan dengan berkebun kebun. Perkara itu terasa menyeronokkan diri apabila dapat melihat kehijauan alam sekitar. Di samping itu, masa yang ada dapat dipenuhi dengan perkara yang baik dan bermanfaat. Pernyataan ini sebagaimana yang dinyatakan oleh R2:

*“untuk menghilangkan tekanan saya.. saya akan mengisi masa lapang saya dengan pergi ke kebun dan saya akan lepaskan segalanya dengan melihat kehijauan pokok-pokok..”.*

Menerusi tindakan melihat kehijauan pokok, dapat mengurangkan rasa tertekan yang ada dalam diri seseorang. Selain itu, mendekati diri dengan alam semulajadi membuatkan manusia sedar bahawa kebesaran Allah SWT itu tiada tandingnya jika mahu dibandingkan dengan sedikit masalah yang dihadapi dan tekanan itu merupakan sebahagian kecil ujian yang hadir bagi menguji keimanan kita kepada Allah.

Terdapat beberapa aspek daya tindak yang boleh diamalkan bagi mengawal tahap kesihatan mental semasa wabak Covid-19 ini. Antara pendekatan penting dalam menangani kesihatan mental sebagai daya tindak untuk mengekalkan kestabilan emosi dan psikologi sepanjang pandemik yang melanda negara dan seluruh dunia. Dapatan kajian mendapati cabaran tekanan yang dialami oleh golongan B40 diurus menerusi dua dimensi iaitu vertikal dan horizontal.

Antara kesan dari kesihatan mental yang dihadapi oleh individu yang dibebani akibat pandemic COVID-19 ialah tekanan. Tekanan ini juga boleh menjadi beban dari sudut psikologi, kognitif dan ketenteraman jiwa. Jika beban ini berlarutan, ia akan menjejaskan cara kehidupan seseorang yang mengalami tekanan itu.

Akhirnya, berlakulah sesuatu yang dipanggil sebagai tekanan psikologikal (*psychological distress*) yang mana secara umumnya ianya boleh digambarkan sebagai satu perasaan dan emosi yang tidak menyenangkan. Ianya akan mula mempengaruhi cara pemikiran, tingkahlaku, aktiviti harian dan kefungsi hidup seseorang individu. Tekanan psikologikal boleh mengakibatkan seseorang individu itu mempunyai pandangan negatif terhadap diri sendiri, orang lain atau pun persekitaran mereka. Kemurungan, kegelisahan, kegagalan memberikan tumpuan, kesukaran untuk tidur tidak selera makan, tidak berminat untuk melakukan aktiviti biasa yang sering dilakukan (dikenali sebagai anhedonia) dan dalam keadaan yang paling ekstrem sekali ialah keinginan membunuh diri adalah merupakan antara akibat dari tekanan psikologikal. (Hashim, 2020)

Tekanan merupakan tidak balas daripada ketidakupayaan seseorang dalam menangani sesuatu masalah yang sedang dihadapi. Sekiranya tekanan yang dihadapi seseorang tidak diurus dengan bijak, ia akan memudaratkan diri sama ada dari segi fizikal, mental, emosi dan sosial. Usaha mengurus tekanan merupakan satu agenda penting kerana tekanan yang tidak terkawal boleh menyumbang berlakunya kesan negatif. Bagi mendepani cabaran pandemic Covid 19 yang dialami, usaha-usaha pengurusan tekanan menerusi kaedah meningkatkan hubungan secara vertical dan horizontal dilihat efektif untuk diaplikasi.

## Kesimpulan

Kaedah hubungan vertikal yang dilakukan dengan solat, berdoa dan berfikiran baik sangka dan positif terhadap Allah SWT. Manakala kaedah hubungan horizontal bagi mengurus tekanan pula dilaksanakan dengan meluangkan masa bersama keluarga agar dapat mengubati perasaan tertekan dan melakukan hobi yang diminati untuk melepaskan perasaan tekanan yang wujud dalam diri. Dapatan yang dikemukakan dalam artikel ini dapat dijadikan panduan bagi anggota masyarakat mengukuhkan keakraban hubungan vertikal dan horizontal dalam kalangan ahli keluarga sekaligus mampu meningkatkan keupayaan diri mengurus tekanan dalam mendepani pandemik Covid 19 yang berlaku ini. Adalah diharapkan dapatan ini dapat dimanfaatkan bagi individu yang terkesan ekoran implikasi pandemik Covid 19 khususnya golongan B40 dan masyarakat umumnya.

## Rujukan

- Asmawati Desa & Siva a/l Subramaniam. (2002). Tekanan Kerja Di Kalangan Pensyarah: Satu Perbandingan Di Antara Universiti Awam Dan Universiti Swasta. Pasca Sidang Seminar Psikologi Psima 2 : 145 – 151.
- Aziz, A. R. (2020). Wabak Covid-19: Pengurusan Aspek Kesihatan. *International Journal of Social Science Research*, Vol. 2, No. 4, 156-174.
- Chamhuri Siwar, M. K. (2019). Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 40 Peratus Terendah (B40) Di Malaysia: Mengenal Pasti Trend, Ciri, Isu Dan Cabaran. Di akses dari file:///C:/Users/User/Downloads/TrendCiridanIsuB40.pdf. 23/7/21
- Dasar Keluarga Negara, 2020. [https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/dasar\\_keluarga\\_negara%20\(BM\).pdf](https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/dasar_keluarga_negara%20(BM).pdf). Diakses pada 28/4/2020.
- Fariza Md. Sham. 2016. Elemen Psikologi Islam Dalam Silibus Psikologi Moden: Satu Alternatif. *Global Journal al- Thaqaifah* 6(1): 75
- Hashim, P. M. (6, 2020). *Tekanan psikologikal sewaktu COVID-19: Emosi, usaha membendung dan konsep tawakal*. Retrieved from UTHM: <https://news.uthm.edu.my/ms/2020/06/tekanan-psikologikal-sewaktu-covid-19-emosi-usaha-membendung-dan-konsep-tawakal/>
- Hatta Sidi & Mohamed Hatta Shaharom. (2002). *Mengurus Stres : Pendekatan Yang Praktikal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- Hatta Sidi & Mohammed Hatta Shaharom (2002). *Mengurus Stres, Pendekatan yang Praktikal*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Intan Ruhaila Meor Safari, Norlija Kassim, Nur Falihin Iskandar, M. H. M. & M. Y. H. A. (2011). Tahap Pengetahuan Mengenai Kesihatan Mental dalam Kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA): Kajian Kes di UKM, Bangi. *Personalia Pelajar*, 14, 37–44.
- Izzati, Fariza, & A'dawiyah. (2019). Stres Menurut Sarjana Barat dan Islam Stress According to the Western And Muslim Scholars. 16, 85–97.
- Izzati, Fariza, & A'dawiyah. (2019). Stres Menurut Sarjana Barat dan Islam Stress. *International Journal of Islamic Thought ( IJIT )*, 16 . pp. 85-97.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). <http://www.rurallink.gov.my/wp-content/uploads/2015/05/1-DATA-ASAS-MALAYSIA1.pdf>. Diakses pada 30/4/2020
- Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jianbo Lai, S. M. (2020). Factors Associated With Mental Health Outcomes Among Health Care Workers Exposed to Corona Virus Dieseses 2019. *JAMA Netw Open*, 2020;3(3):e203976. doi:10.1001/jamanetworkopen.2020.3976.

- Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Luar Bandar, 2020). Statistik Laporan Aduan Talian Kasih.
- Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat. <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/index.php?r=portal/index&id=UEVHOGpiNHpvM2o0OVFvOXpRQ24vQT09>. Di akses 28/4/2020
- Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia. <https://kpkkesihatan.com/2020/04/28/kenyataan-akhbar-kpk-28-april-2020-situasi-semasa-jangkitan-penyakit-coronavirus-2019-covid-19-di-malaysia/>. Diakses pada 28/4/2020
- Koca Yarak, E. (2012). The Perception Of Parents And Well-Being Of Adolescents: Link With Basic Psychological Need Satisfaction. *Procedia Social And Behavioral Sciences*, 46, 3624-3628.
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara <https://www.lppkn.gov.my/index.php/perkhidmatan-pembangunan-keluarga/178-pk0012>. Di akses pada 26/4/2020
- M. Iskandar & Mariam M. Nor. (2005). *Kawal Emosi Elak Stres*. Selangor: Workplace-English Enterprise.
- Ma'arof Redzuan & Haslinda Abdullah. (2008). *Psikologi*. Mc Graw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd. Malaysia.
- Mohd Razali Othman & Abang Mat Ali. (1998). Strategi Menangani Tekanan Di Kalangan Guru-Guru Sekolah Menengah Zon A Di Bahagian Kuching/Samarahan, Sarawak. 1-24.
- Mohd Taib Dora & Hamdan Abd Kadir. 2006. *Mengurus Stres: Atasi Stres daripada Memudaratkan*. Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- News Strait Times. "Red Zone Areas Remain at 13". <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/587849/red-zone-areas-remain-13>. Diakses pada 28/4/20
- Nor Ba'yah, Diana, NurSaadah, Norhayati, & Hilwa. (2018). Kadar Prevalens Kemurungan dan Cubaan Bunuh Diri Dalam Kalangan Remaja di Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(4), 150–1658. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Norhayati Zulkefli Dan Zaidah Mustapha (2016), Remaja Daripada Ibu Bapa Yang Bercerai Di Malaysia: Suatu Penelitian Ekspresi Emosi, *Malaysian Journal Of Society And Space* 12 Issue 9 (150 - 160) 150, ISSN 2180-2491.
- Nurmilayanti. (2016). *Stres? Mengawal Cara Islam*. Selangor: Pustaka Ilmuwan Portal MyHEALTH Kementerian Kesihatan Malaysia. <http://www.myhealth.gov.my/en/stress-at-work/>, Diakses pada 26/4/2020.
- Rosni. (2020). Tuntutan Kesihatan Mental Menurut Maqasid Al-Sunnah. *e-Proceeding of The 2nd International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2020 (THIQAH 2020)*, 21-24 Februari
- Salye, H. 1993. History of Stress Concept. In. Goldberger & Breznitz (ed.). *Handbook of Stress: Theoretical And Clinical Aspects*. New York: The Free Press, A Division of Macmillan.
- Sapora Sipon, Khatijah Othman & Othman Abdul Rahman. (2013). *Stres, Punca, Teori dan Pengurusan Efektif*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sapora Sipon, Khatijah Othman & Othman Abdul Rahman. 2013. *Stres: Punca, Teori dan Pengurusan Efektif*. Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Siti Noorshafenas Safe, Ahmad Yunus Mohd Nor. 2016. Pengurusan Stress Menurut Al-Quran Dan Hadith. *Jurnal Al-Hikmah*. Vol.8. No. 1.
- Zarinah, Farah, & Zanariah. (2018). Keluarga B40: Tekanan dan Kekuatan B40 Family: Stress and Strength. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 10(1), 91–102.
- Zhang, Y., & Ma, Z. F. (2020). Impact of the COVID-19 Pandemic on Mental Health and Quality of Life among Local Residents in Liaoning Province, China: A Cross-Sectional Study.

- International Journal of Environmental Research and Public Health, 17(7), 2381.  
<https://doi.org/10.3390/ijerph17072381>
- Zhang, Y., Jiang, B., Yuan, J., & Tao, Y. (2020). The Impact Of Social Distancing And Epicenter Lockdown On The COVID-19 Epidemic In Mainland China: A Data-Driven SEIQR Model Study. *MedRxiv*, 2019(December 2019), 2020.03.04.20031187.  
<https://doi.org/10.1101/2020.03.04.20031187>
- [https://ms.wikipedia.org/wiki/Pandemik\\_COVID-19](https://ms.wikipedia.org/wiki/Pandemik_COVID-19). Diakses pada 28/4/2020.
- [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/covid-19/Analisis\\_Survei\\_Khas\\_Kesan\\_COVID-19\\_Kepada\\_Ekonomi\\_dan\\_Individu-Laporan\\_Penuh.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/covid-19/Analisis_Survei_Khas_Kesan_COVID-19_Kepada_Ekonomi_dan_Individu-Laporan_Penuh.pdf). 26/4/2020
- <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/index.php?r=portal/index&id=UEVHOGpiNHpvM2o0OVFvOXpRQ24vQT09>. Di akses 28 April 2020

## BAB 13

# STRATEGI PENGAJARAN MELALUI *SMALL* DALAM KALANGAN GURU BAHASA ARAB: CABARAN DAN KEPENTINGAN SEMASA COVID-19

Nor Azhan Norul'Azmi,<sup>1</sup> Noor Shamshinar Zakaria,<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

<sup>2</sup> Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

### Pengenalan

Media sosial dan rangkaian sosial bukan sahaja penting dalam sektor tertentu seperti komunikasi, hiburan, pengiklanan dan penyebaran maklumat, bahkan turut mempengaruhi sektor pendidikan masa kini. Kedua-duanya telah menjadi sebahagian daripada bahasa harian pelajar dan amalan mereka (Hamadeh, W., Bahous, R., Diab, R., & Nabhani, M., 2020). Menurut McLoughlin, C. dan Lee, M. (2010), media sosial adalah satu set alat berasaskan web atau perkhidmatan yang mempunyai banyak kegunaan berasaskan ideologi dan teknologi Web 2.0. Media sosial merupakan suatu medium untuk berkomunikasi dan mengenali ramai orang serta menjadi platform untuk bertukar pendapat selain mempunyai peranan dalam sektor pendidikan (Azmi, M., Rafiuddin, M., Kamalanathan, S., & Safar, J., 2019). Tambah Norazman, Hasan; Naganathan, Krishanth Kumar; Basiron, Bushrah (2019) pula, ia suatu platform bagi golongan masyarakat yang ingin berinteraksi antara satu sama lain di alam maya dan mempunyai suatu kelebihan berbanding dengan interaksi secara nyata (*real time*) yang mana pengguna tidak perlu risau untuk bersemuka dengan sesiapa apabila ingin berkongsi sesuatu dengan rangkaian sosial mereka.

Analisis daripada kajian Faizi, R., El Afia, A. dan Chiheb, R. (2014) menunjukkan bahawa semua pelajar yang ditinjau pendapat mereka dilaporkan aktif sekurang-kurangnya satu rangkaian sosial, iaitu Facebook; 81% pelajar ini menggunakan media sosial sebagai sumber untuk meningkatkan kemahiran bahasa asing mereka. Penggunaan media sosial bukan bermaksud untuk mengganti atau secara dasarnya merevolusi proses pembelajaran tradisional. Namun ia lebih kepada untuk menambah baik pedagogi sedia ada dan menangani masalah tertentu seiring dengan keperluan zaman. Antaranya keperluan untuk mengguna pakai media sosial sebagai platform baharu dunia pendidikan adalah kerana desakan pengajaran dan pembelajaran dari rumah (PdPR) akibat wabak penyakit seperti COVID-19, bencana alam seperti banjir dan pengurusan pembelajaran jarak jauh (PJJ).

Walaupun media sosial dianggap teknologi terkini dalam dunia pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) semasa, namun terdapat isu yang perlu dikhuatiri dan diambil serius oleh pengamal pendidikan. Isu tersebut kemungkinan berpunca daripada pihak tertentu seperti tenaga pengajar, pelajar ataupun medium ini sendiri. Demikian, kajian konseptual ini dilakukan untuk mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru dan pelajar semasa menggunakan media sosial. Sekali gus, meninjau kepentingan media sosial supaya teknologi maklumat ini dapat dimanfaatkan dengan mengambil kira faktor-faktor kelemahan, kegagalan atau cabaran yang timbul. Pada masa yang sama, golongan guru, pelajar atau pihak yang membuat dasar pendidikan

lebih peka tentang sebarang isu yang dihadapi dan mengambil pendekatan serta penambahbaikan yang sewajarnya untuk menjayakan PdPc melalui media sosial.

## **Sejarah Pemerolehan Bahasa Kedua (Second Language Acquisition) Berbantuan Teknologi**

### **Pembelajaran Bahasa berbantuan Komputer (CALL)**

Bermula dengan Pembelajaran Bahasa berbantuan Komputer atau *Computer Assisted Language Learning* (CALL) setelah penggunaan komputer diperluaskan ke sektor pendidikan, maka dunia pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru semakin mudah. CALL dilihat mampu memberi galakan kepada pelajar dan membantu untuk memperoleh kosa kata Arab (Gharawi, M.A., & Bidin, A., 2016). Kebanyakan guru menyatakan minat mereka untuk menggunakan CALL, terutamanya apabila mereka menyedari potensinya dalam membantu dan memberi galakan kepada pelajar, serta membantu dalam pengajaran dan pembelajaran perbendaharaan kata Arab. Namun, medium ini menunjukkan sifatnya yang tersendiri di mana ia memerlukan masa yang perlu diperuntukan oleh guru itu sendiri (Gharawi, M.A., & Bidin, A., 2016) untuk membina membina isi kandungan dan menerbitkan kandungan tersebut di mana-mana platform berkenaan.

Terdapat juga kekangan lain yang menyekat kesungguhan dan kreativiti guru untuk menggunakan CALL sebagai bahan bantu mengajar seperti perbezaan sistem Java dan huruf yang diguna pakai oleh sistem operasi (operating system) pada setiap komputer. Antaranya adalah kerana sistem ini tidak bergantung kepada penyusunan semula sistem operasi hos komputer dan membolehkan guru bahasa Arab menghasilkan bahan CALL secara interaktif mereka sendiri dalam bentuk yang mudah diakses oleh pelajar mereka (Cushion, S., & Hémard, D., 2002). Ada juga kelemahan lain seperti prasarana yang tidak mencukupi untuk tujuan PdPc ini terutamanya di sekolah dan IPT di pedalaman dan taraf sosio-ekonomi yang tidak begitu memuaskan menyebabkan pelajar ketinggalan dalam arus kemodenan teknologi. Walau bagaimanapun, cabaran dan isu ini lama-kelamaan ditangani dan diadaptasi dengan baik oleh guru-guru Bahasa Arab terutamanya bagi penambahbaikan pedagogi masing-masing. Ini bererti kesedaran dalam kalangan guru bertambah seiring dengan perkembangan dunia pendidikan dan teknologi maklumat yang memberi manfaat luar jangkauan sebelum ini berbanding kaedah tradisional.

### **Pembelajaran Bahasa berbantuan Web (WALL)**

Apabila pihak bertanggungjawab seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan sekolah sudah dapat menyalurkan infrastruktur yang mencukupi untuk keperluan guru dan pelajar menggunakan CALL, terdapat pula teknologi baharu yang disebut WALL mula mengambil tempat dan peranan CALL sedia ada. Sekaligus ia menambah baik sistem sedia ada kepada yang lebih maju. WALL tercetus dengan perkembangan dunia teknologi maklumat dari rangkaian internet yang dahulunya diperkenalkan dalam sektor ketenteraan dan ekonomi sahaja. Pembelajaran Bahasa berbantuan Web atau *Web Assisted Language Learning* (WALL) juga banyak membantu pelajar untuk mempelajari bahasa Arab terutamanya kosa kata baharu. Ini kerana, WALL mampu menyediakan elemen visual-audio seperti imej dan video supaya pelajar dapat mendengar sebutan yang betul bagi setiap perkataan, di samping ia dapat memudahkan pembelajaran dan merangsang minat mereka (Shehab, R., & Zeki, A. M., 2015). Selain itu, maklumat lain yang berkaitan sukatan pelajaran dapat dicapai dengan mudah untuk pengajaran guru (seperti mencari sumber maklumat tambahan) dan pelajar (seperti mencari maklumat dan menyiapkan tugas atau folio).

Web mempunyai penggunaan yang berbeza dalam pengajaran bahasa moden: (a) sebagai sumber material pengajaran, dalam masa yang sangat singkat, web telah menjadi sumber terbesar untuk pembelajaran bahasa asing; (b) sebagai jendela aplikasi multimedia (dengan cara ini CD-ROM digantikan oleh web sebagai cara utama penyimpanan aplikasi multimedia.); dan (c) sebagai platform e-pembelajaran (Ruiperez, G., 2002). Melalui peranan yang dimainkan oleh WALL, pengajaran guru menjadi lebih berkesan dan menimbulkan minat pelajar kerana bahan bantu mengajar (BBM) dapat dipelbagaikan. Hasil kajian oleh Jeong-Bae Son (2007) menunjukkan bahawa, web adalah alat yang berguna dan sumber tambahan untuk belajar bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (*English as A Second Language*) (ESL), manakala sikap mereka terhadap aktiviti yang diadakan didapati positif.

Bukan itu sahaja, WALL giat digunakan di luar bilik darjah dan kuliah. Antaranya, kajian oleh Ghani, M. T. A., dan Daud, W. A. A. W. (2018) yang mendapati bahawa majoriti pelajar mempunyai tindak balas positif terhadap pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan pelancongan melalui laman web. Ia didakwa meningkatkan keinginan dan motivasi pelajar untuk belajar bahasa Arab serta memberi mereka peluang untuk mempraktik pembelajaran sendiri. Oleh yang demikian, pengajaran menjadi mudah tanpa perlu kos yang tinggi untuk sebarang lawatan di luar institusi masing-masing, bahkan guru dan pelajar hanya bergantung kepada WALL untuk mencari maklumat, mengenali tempat dan negara orang lain, memahami sosio-budaya masyarakat luar dan ekonomi lainnya.

### **Pembelajaran Bahasa berbantuan Telefon Pintar (MALL)**

Sebaik sahaja kebanyakan penduduk serata dunia berpindah daripada menggunakan telefon selular kepada telefon pintar, maka satu lagi teknologi dalam dunia pendidikan maju setapak ke hadapan. Pembelajaran Bahasa berbantuan Telefon Pintar atau *Mobile Assisted Language Learning* (MALL) mendapat tempat kerana sifatnya yang mudah alih dan menjimatkan. Dengan menggunakan telefon pintar sama ada melalui data telekomunikasi atau Wi-Fi, guru dan pelajar dapat berkomunikasi dan menjalankan PdPc dengan mudah dan fleksibel. Bagi aktiviti pemerolehan bahasa, kajian oleh Süleyman Nihat Şad, Niyazi Özer, Ümit Yakar dan Fatih Öztürk (2020) menunjukkan bahawa peserta kajian mereka lebih kerap menggunakan telefon pintar untuk tujuan aktiviti pembelajaran bagi kemahiran mendengar dan bertutur berbanding aktiviti membaca dan menulis. Ini menunjukkan bahawa teknologi CALL dan WALL masih tidak ditinggalkan sepenuhnya oleh kalangan individu tersebut. Malah, ia digabung jalin bagi memberi impak maksima dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kukulska-Hulme, A. (2012) mengatakan bahawa aplikasi MALL tumbuh dengan pesat sekali dan ia boleh dikaitkan dengan pembelajaran bahasa dan konteks fizikal seseorang ketika bergerak, terutamanya untuk menyediakan akses kepada pembelajaran bahasa seperti membolehkan pelajar menggunakan bahasa dan berkongsi dengan orang lain. Pembelajaran mudah alih boleh dilakukan secara formal atau tidak formal, dan peranti mudah alih ini menjadi jambatan yang menghubungkan pembelajaran dalam dan luar kelas. Apabila pembelajaran berlaku di luar kelas, ia sering kali dilihat sebagai suatu medium tanpa kawalan dan pengawasan guru.

Melalui teori pembelajaran Sosio-budaya pula, Jonathan Wigglesworth (2019) mendapati bahawa pelajar berjaya menjalankan tugas dan menganggap telefon pintar berguna sebagai aktiviti pembelajaran bahasa dalam kelas pembelajaran bahasa asing. Hal ini menunjukkan bahawa peranan yang dimainkan oleh telefon pintar bukan tertakluk kepada tujuan untuk berkomunikasi dan menyalurkan maklumat melalui fungsi audio-visual yang ditawarkan sahaja, malah lebih jauh dari itu sehingga masuk ke dunia pendidikan bahasa dengan bantuan internet mudah alih. Walaupun

terdapat perbezaan pendapat antara rakan sebaya, para peserta sangat proaktif dalam membelanjakan wang untuk telefon pintar mereka demi membantu mereka melakukan tugas. Ini adalah antara kesan positif akibat kemajuan yang dibawa oleh teknologi seperti yang berlaku pada era MALL.

Walau bagaimanapun, didapati bahawa semakin banyak pelajar menghabiskan masa mereka dalam talian, semakin banyak mereka mengalami kesan buruk telefon pintar dari segi pembelajaran bahasa. Hasil kajian mengenai jantina pula menunjukkan bahawa pelajar perempuan menggunakan telefon pintar mereka lebih kerap berbanding rakan lelaki mereka untuk terlibat dalam aktiviti pembelajaran bahasa formal (Süleyman Nihat Şad, Niyazi Özer, Ümit Yakar & Fatih Öztürk, 2020). Dapatan kajian ini memberi gambaran jelas bahawa terdapat perbezaan dari segi jantina pelajar untuk memanfaatkan fungsi dan kecanggihan telefon pintar yang ada di tangan masing-masing. Kebijaksanaan perlu ada bagi menangani isu ini serta kesedaran dalam kalangan pelajar dituntut untuk memahami dengan jelas manfaat yang bakal diperoleh daripada peranti ini.

Hal yang sama disebut tentang sikap dan penerimaan pelajar dalam penggunaan MALL. Biasanya, peranti mudah alih ini menawarkan pelbagai cara untuk belajar, berkomunikasi dan bekerjasama, walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian khusus antaranya timbul kekecewaan dalam kalangan pengguna apabila terdapat kekurangan sokongan atau latihan institusi serta kesukaran untuk membezakan antara alat rangkaian sosial dan peranti mudah alih (Gikas, J., & Grant, M. M., 2013). Ini kerana peranti mudah alih seperti telefon pintar kerap kali digunakan oleh masyarakat terutama pelajar untuk tujuan seperti media dan sosial semata-mata tanpa melihat kepada peranan lainnya seperti pembelajaran dalam talian, mencari maklumat dengan cepat dan berkomunikasi dengan guru.

### **Pembelajaran Bahasa berbantuan Robot (RALL)**

Apabila ramai orang bergantung kepada teknologi seperti CALL, WALL dan MALL, maka RALL akan dianggap suatu keperluan semasa juga dalam kehidupan manusia. Robot tidak hanya mempunyai ciri-ciri CALL, WALL dan MALL, tetapi juga mampu melakukan pergerakan, pengecaman suara/visual dan interaksi persekitaran, komunikasi bukan lisan, kerjasama dengan penutur asli, mendiagnosis sebutan, persidangan video dengan penutur asli, bimbingan daripada penutur asli, kemampuan menyesuaikan diri, penginderaan, kebolehulangan, kepintaran, mobiliti dan penampilan manusia (Nader Assadi Aidinlou, Minoo Alemi, Fahime Farjami, Muhammad Makhdoumi, 2014). Walaupun dalam kajian Lee, S., Noh, H., Lee, J., Lee, K., dan Lee, G. G. (2010) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kemahiran mendengar semasa menggunakan RALL semasa pembelajaran bahasa asing, tetapi kemahiran bertutur para pelajar bertambah baik dengan teknologi tersebut.

Namun, penyelidikan secara konsisten menunjukkan bahawa robot memberikan kelebihan unik dalam meningkatkan motivasi belajar dan penglibatan dalam tugas, serta mengurangkan kegelisahan, walaupun faedah jangka panjang belum dikenal pasti (Randall, N., 2019). Teknologi ini masih baharu dan jarang diamalkan kecuali di beberapa negara maju sahaja seperti Amerika Syarikat, Jepun, Taiwan, China dan Korea. Walau bagaimanapun, RALL adalah pelengkap kepada medium yang lain. Terdapat beberapa cabaran yang perlu diselami antaranya ialah kajian tentang kerangka sistem yang digunakan, kajian terhadap latihan dan pendidikan guru serta kajian tentang isu moral dan teknologi membabitkan RALL (Han, J., 2012). Hasil kajian lain pula menunjukkan bahawa maklum balas yang diterima hanya mempengaruhi keuntungan dalam pembelajaran: pelajar belajar lebih banyak dengan hukuman, diikuti dengan ganjaran, berbanding dengan tiada langsung maklum balas (de Haas, M., & Conijn, R., 2020). Oleh itu, kajian ini



mencadangkan agar maklum balas tentang kepentingan RALL perlu diberi perhatian dalam penyelidikan akan datang.

### **Pembelajaran Bahasa berbantuan Media Sosial (SMALL)**

Kini peranti mudah alih seperti telefon pintar dan tablet menjadi alat telekomunikasi dan hiburan yang diperlukan oleh ramai pihak baik dalam urusan perniagaan, pendidikan, hiburan dan pentadbiran. Dalam bidang pendidikan, terdapat lima manfaat yang boleh diperolehi daripada media sosial yang bersifat mudah alih iaitu persekitaran yang memberikan motivasi, akses kepada sumber dan perkongsiannya, menawarkan penilaian dan maklum balas, pengurusan pembelajaran dan menjana kandungan (Sijia Xue & Daniel Churchill, 2020). Terdapat juga perbezaan yang signifikan antara pembelajaran bahasa secara formal dan tidak formal menggunakan telefon pintar dalam kalangan pelajar (Süleyman Nihat Şad, Niyazi Özer, Ümit Yakar & Fatih Öztürk, 2020). Namun, tidak ada perbezaan yang signifikan secara statistik antara pandangan pelajar mengenai penggunaan telefon pintar untuk pembelajaran bahasa mengikut jenis sambungan internet (Wi-Fi, data mudah alih, atau kedua-duanya) (Süleyman Nihat Şad, Niyazi Özer, Ümit Yakar & Fatih Öztürk, 2020).

Nordin, Nur Hidayu; Mohammad, Nur Syuhada; Mohamad dan Ahmad Marzuki (2019) mengatakan media sosial seperti penggunaan *Instagram* bukan sahaja untuk golongan muda, malah sesuai untuk semua peringkat umur sama ada muda atau tua. Justeru, guru dalam kalangan generasi X perlu meningkatkan kesedaran mereka terhadap pentingnya medium ini untuk tujuan pendidikan dan penyaluran maklumat. Ini akan merapatkan jurang digital antara mereka dan generasi Y dan Z yang kebanyakannya menjadi pengguna media sosial. Mereka perlu sentiasa menambah pengetahuan tentang dunia teknologi, komunikasi dan media ini dan mengemas kini teknik pengajaran supaya dapat memenuhi kehendak anak-anak muda.

Peranan SMALL turut disokong oleh Hamadeh, W., Bahous, R., Diab, R., dan Nabhani, M. (2020) dengan dakwaan mereka bahawa pemerolehan bahasa dapat dipermudahkan dengan bantuan media sosial untuk menggarap kemahiran bahasa, manakala pelaksanaan pedagogi berbantuan media sosial mendapat reaksi yang baik dalam kalangan guru dan pelajar. Ini memberi tanggapan dan menunjukkan senario yang positif terhadap amalan pedagogi berbantuan media sosial dalam apa jua mata pelajaran terutamanya pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Sari, R. R., & Hasibuan, A. A. (2019) turut melihat bahawa media sosial dapat digunakan sebagai alat untuk belajar bahasa Arab, meningkatkan kemahiran pelajar, dan membantu mereka berinteraksi dengan lebih baik dengan pensyarah dan rakan sekelas.

Kajian daripada Abdullahi, A., Rouyan, N., dan Noor, S.H. (2018) mencadangkan supaya pelajar yang mempelajari subjek Bahasa Arab sebagai bahasa asing di Malaysia terutamanya supaya menggunakan web 2.0 seperti *Blog*, *Edmodo*, *Facebook*, *Quizcreator Online*. Bagi generasi baharu, aplikasi *TikTok* turut mendapat sambutan apabila digunakan secara meluas dalam apa jua tujuan. Walaupun aplikasi *TikTok* ini cukup popular dengan trend semasa generasi muda yang menjadikannya sebagai satu medium untuk berhibur dengan menyanyi, menari dan membuat aksi parodi, namun ia tetap dimanfaatkan oleh pengguna yang bijak untuk menyalurkan maklumat dan memberi mesej yang berguna kepada masyarakat menerusi perkongsian mereka dalam bidang sosial, agama dan politik. Justeru, penggunaannya boleh dimanfaatkan juga dalam bidang pendidikan kerana ia bersifat didik hiburan (edutainment) apabila maklumat tadi boleh disusun atur dengan video, lagu dan gabung jalin aplikasi lainnya.

Selain itu, terdapat banyak lagi media sosial yang boleh dimanfaatkan seperti *WhatsApp, Telegram, Line, Viber, Tencent QQ, WeChat, Qzone, Tumblr, Instagram, Twitter, Snapchat, LinkedIn, Pinterest, Youtube* dan *Reddit*. Medium lain yang lebih popular dalam kalangan guru dan ahli akademik ialah seperti *Edmodo, TedEd, Google+, Facebook, Twitter, Instagram, Vimeo, Blog* dan *Content Communities*. Bagi kelompok pelajar pula, antara media sosial yang boleh dimanfaatkan adalah seperti *Twiducate, TweenTribune, 30hands Learning Network, Brainly, ClassHook, Classroom, Blackboard* dan *EDU2.0*. Oleh yang demikian, media sosial tidak hanya terbatas untuk hiburan yang dianggap melalaikan sahaja, bahkan perlu dikaji penggunaannya bagi manfaat yang optimum dalam kalangan guru dan pelajar. Penggunaan media sosial dalam bidang pendidikan juga amat tepat pada era digital dan komunikasi sekarang di mana ia menyalurkan kepada pelajar dengan kebolehannya untuk menerima maklumat yang berguna, berhubung dengan kelompok/kumpulan pembelajaran yang sama dan sistem pendidikan lainnya. Teknologi ini membantu merencanakan dunia pendidikan dan memudahkan pihak pelajar dan guru pada masa yang sama. Oleh itu, peranan media sosial adalah medium yang tepat jika diketengahkan dan diperluaskan penggunaan sehingga menjadi dasar e-pembelajaran bagi institusi pendidikan mendepani era Revolusi Industri 4.0.

## **Teori Pembelajaran Berasaskan Sosial dan Media**

Asas kepada pelaksanaan Pdp Bahasa Arab melalui SMALL boleh dikaitkan secara langsung dengan Teori Pembelajaran Sosial yang dicetuskan oleh Albert Bandura. Teori pembelajaran sosial bermula dengan usaha R. Sears dan yang lain untuk menggabungkan teori pembelajaran psikoanalitik dan rangsangan-tindak balas yang menjadi penjelasan menyeluruh mengenai tingkah laku manusia. Albert Bandura pula meninggalkan ciri psikoanalitik dan lebih memacu kepada aspek pendekatan, di mana beliau menekankan keupayaan kognitif dan pemprosesan maklumat yang menjadi perantara tingkah laku sosial (Grusec, J. E., 1994).

Teori Pembelajaran Sosial oleh Albert Bandura ini boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan penglibatan pelajar dan aktiviti pembelajaran melalui media sosial. Di mana setiap orang mempelajari sesuatu benda/perkara daripada orang lain melalui pemerhatian, peniruan dan pemodelan serta ia juga dianggap sebagai satu teori yang menghubungkan antara teori pembelajaran kognitif dan tingkah laku (behaviorist) kerana merangkumi perhatian, ingatan dan motivasi (Social Learning Theory, 2021). Di sini, proses pembelajaran berlaku dengan mudah, kandungan cepat untuk difahami dan pedagogi guru dibantu oleh sumber digital yang menggantikan bahan maujud (yang mana bahan maujud berfungsi dengan baik di kebanyakan PDP di dalam kelas).

## **Cabaran SMALL Semasa COVID-19**

Terdapat kajian yang mendapati bahawa tahap amalan bahasa Arab dari segi akademik dan media sosial dalam kalangan pelajar Malaysia berada pada tahap sederhana (Ismail, W., Zailani, M. A., Awad, Z. A. M., Hussin, Z., Faisal, M., & Saad, R., 2017). Ini jelas menunjukkan bahawa bahasa ibunda (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua) masih mendominasi kehidupan para pelajar. Persekitaran Arab masih belum diwujudkan sepenuhnya. Walaupun lambakan maklumat di media sosial dan juga internet dalam bahasa Arab, namun aspek akademik dan minat pelajar untuk berbahasa Arab tidak begitu memuaskan. Faktor utama adalah, mungkin para pelajar hanya berpandangan bahawa media sosial dan akademik merupakan dua entiti yang berbeza, dan peranan media sosial hanya terbatas kepada komunikasi sahaja tanpa melibatkan peranan lain terhadap pencapaian akademik mereka.

Norazman, Hasan; Naganathan, Krishanth Kumar dan Basiron, Bushrah (2019) dalam membincangkan hubungan media sosial dan perpustakaan mendakwa, kedua-dua platform ini menyalurkan khazanah ilmu yang sangat luas untuk ditimba. Mereka menambah lagi, namun demikian, isu kesahihan maklumat juga perlu diberi perhatian dalam membincangkan isu media sosial dan perpustakaan ini. Hal ini terjadi kemungkinan lambakan maklumat dan kebebasan menyalurkan maklumat dalam kalangan orang awam yang bukan tergolong daripada golongan pakar dalam sesuatu bidang cuba memberi pendapat dan membuat sesuatu hukum dengan tidak berlandaskan fakta dan ilmu yang sahih. Jika dilihat dari faktor ini, seseorang yang berlatarbelakang pengajian Islam contohnya belum pasti dapat memberikan fakta yang sahih apabila melibatkan soal-soal berkaitan tatabahasa Arab, walaupun mereka ini dianggap golongan yang bijak pandai dalam sesetengah hukum-hukum agama Islam. Begitu juga, perkara yang sama boleh dijelaskan bahawa tidak semua graduan atau pemastautin dari negara yang bertutur dengan bahasa Inggeris mahir dalam ilmu linguistik bahasa Inggeris jika tidak mendalaminya secara teliti.

Antara faktor lain yang menjadi kekusaran dalam kalangan pelajar dan juga guru sendiri adalah capaian internet. Hal ini merujuk kepada kos yang perlu ditanggung oleh mereka untuk melaksanakan PdP secara maya dan juga sistem internet yang tidak memuaskan walaupun berada di kawasan bandar. Secara am, kepelbagaian sosio-ekonomi menyebabkan ada antara pelajar yang tidak mampu untuk menikmati jaringan internet berkelajuan tinggi seperti Wi-Fi di rumah. Jadi mereka terpaksa menggunakan data daripada telefon bimbit untuk tujuan ini. Di Malaysia biasanya, hanya penduduk yang tinggal di bandar akan menikmati capaian internet yang baik, manakala penduduk di kawasan pedalaman akan mengalami gangguan. Rahimi, N. M., Azhan, N., Normeza, W., & Baharudin, H. (2015) mengulas bahawa isu ini kerap sekali terjadi terutama kepada pelajar yang berada di luar bandar dan tidak mendapat capaian internet yang baik.

Cabaran lain dalam penggunaan SMALL ialah kekaburan dan salah tanggapan dalam kalangan penggunanya. Kemungkinan berlaku kekeliruan atau salah faham terhadap teks dalam kalangan pengguna yang berkomunikasi dengan teks bahasa Arab termasuk pelajar apabila menggunakan SMALL untuk pembelajaran. Teks media sosial seperti catatan, komen, dan respons jauh berbeza dari teks Arab Modern Standard atau *Modern Standard Arabic (MSA)* dari segi kosa kata dan struktur tatabahasa (Nerabie, A. M., AlKhatib, M., Mathew, S. S., El Barachi, M., & Oroumchian, F., 2021). Isu ini menampakkan bahawa terdapat percanggahan dari dua aspek bahasa yang sama iaitu dari segi penggunaan dan pemahaman pelajar yang terkesan dengan pengaruh bahasa dialek masing-masing sehingga menyukarkan mereka untuk memahami bahasa standard yang digunakan oleh guru. Kadang-kadang, guru dan pelajar mencampur-adukkan bahasa standard dan dialek seperti dalam ruangan sembang (chatting) di media sosial. Hal ini merupakan budaya yang tidak baik untuk pemerolehan bahasa kedua pelajar.

Peluang yang dianggap sama rata apabila menggunakan e-pembelajaran turut menjejaskan nilai, emosi dan persekitaran antara guru dan pelajar. Peluang ini dibuka seluas-luasnya untuk setiap orang bagi berkongsi buah fikiran, pendapat atau ideanya secara bebas dan tanpa nama (freely and anonymously) secara nyata (real-time) (Azzi, S. A., & Zribi, C. B. O., 2020) di media sosial. Situasi lain yang mungkin memberi kesan kepada keberhasilan PdP melalui media sosial ialah perkongsian dari pelbagai pihak (terutama dari segi komen, respons dan lain-lain) jika tidak ditapis berkemungkinan akan memberi kesan negatif kepada proses PdP. Senario ini berlaku apabila penyaluran maklumat atau mata pelajaran terdedah kepada komen negatif atau reaksi yang tidak sopan apabila seseorang guru membuka tetapan (setting) untuk semua audiens tanpa tetapan khusus kepada pelajar sahaja. Ini juga mendorong pelajar untuk terdedah kepada gangguan dan hilang fokus semasa PdP dijalankan.

Dalam kalangan tenaga pengajar pula, satu kajian lain tentang penerimaan guru terhadap penggunaan media sosial untuk mengembangkan kemahiran bahasa Arab menunjukkan senario yang berbeza. Ia mendapati bahawa guru kebanyakannya menerima medium ini untuk PdP kemahiran membaca dan menulis dengan kadar yang tinggi, sementara bagi kemahiran bertutur dan mendengar ia masih berada pada tahap sederhana (Alanezi, S. D. M., 2021). Seperti yang kita tahu, empat kemahiran bahasa saling memerlukan antara satu sama lain, dan tidak boleh dipisahkan dalam PdP Bahasa Arab. Seseorang tidak dianggap mahir dalam berbahasa sekiranya empat kemahiran ini tidak dikuasai dengan sebaik-baiknya. Dapatan ini memberi suatu gambaran bahawa masih wujud sikap dalam kalangan guru yang bergantung kepada buku teks, kaedah nahu terjemah atau tradisional bagi pengajaran mereka. Sedangkan dunia telah mengubah sistem pendidikan untuk mengadaptasi teknologi maklumat bagi keberhasilan pelajar.

Selain cabaran yang telah disebut, reaksi tentang kegagalan interaksi yang baik juga menjadi perbincangan penting. Disebabkan oleh penggunaan media sosial bersifat pembelajaran secara dalam talian, maka Moghazy, M. A. (2020) melihat pembelajaran secara maya memberi cabaran kepada guru dan pelajar, antaranya ialah kemungkinan untuk mereka berinteraksi antara kedua-dua pihak adalah rendah, kebarangkalian pelajar untuk melibatkan diri dengan sebarang aktiviti PdP juga rendah, kesukaran untuk memantau keadaan pelajar dalam kelas, cabaran dalam mempelajari alat-alat teknikal, kekurangan latihan untuk guru mengelola kelas maya, masalah jalur internet dan kesukaran untuk menanda kehadiran pelajar. Cabaran-cabaran ini adalah sama dengan kelas bersemuka apabila melibatkan pedagogi, pemantauan kelas dan komunikasi antara guru dan pelajar. Guru yang sentiasa terbuka menerima pembaharuan dalam dunia pendidikan masa kini akan mudah mengadaptasi setiap perubahan tersebut dengan mudah. Namun, jika kedua-dua belah pihak tidak sanggup dan membataskan diri mereka dengan cara tradisional, maka keadaan menjadi sukar tanpa refleksi daripada guru itu sendiri yang sentiasa menjadi tunjang kepada PdP. Pelajar mungkin juga berasa sukar untuk berinteraksi sesama rakan sebaya dan guru jika terlalu bergantung sepenuhnya kepada media sosial.

Kebebasan pengguna untuk menyalurkan maklumat melalui media sosial tanpa kawalan dan kandungan yang sesuai mungkin menjadi punca kemudaran kepada reputasi sekolah dan universiti. Antara lain, kesan atau sudut kelemahan dari penggunaan media sosial ialah orang ramai berasa tidak tenteram dengan diri sendiri, buli siber (cyberbullying) dan pencerobohan akaun dan profil orang lain. Hal sama turut membabitkan plagiat dalam kalangan pelajar apabila dengan mudahnya menyalin dan meniru hasil kerja orang lain daripada internet dan jawapan rakan-rakan. Ini memperlihatkan kepada kelemahan PdP secara e-pembelajaran yang telah lama wujud. Namun, unsur negatif sentiasa timbul walaupun kita mengamalkan kaedah PdP secara tradisional.

Dapat disimpulkan di sini, walaupun terdapat banyak cabaran dan halangan yang perlu ditangani, namun, wawasan untuk menjadikan platform ini suatu perkara yang biasa dan amalan rutin perlu disemai dalam kalangan ahli akademik dan pelajar. Guru dan pelajar perlu kemahiran dan kesungguhan untuk mempelajari kemahiran digital baharu dan menjadi celik dengan perubahan semasa dunia pendidikan. Usaha untuk menangani perkara negatif yang muncul kesan daripada penggunaan media sosial dalam kalangan guru dan pelajar harus dibincangkan secara ilmiah melalui penyelidikan selanjutnya.

### **Kepentingan SMALL Semasa COVID-19**

Selain dari aspek kelemahan dan cabaran yang menjadi perkara utama dalam perbincangan tentang penggunaan SMALL dalam kalangan guru dan pelajar, kajian ini juga cuba mengulas

beberapa kepentingan dan keistimewaan yang boleh diperolehi daripadanya. Permulaannya, pelajar dapat memperoleh maklumat dengan mudah dan cepat sama seperti bersemuka dengan guru atau pensyarah. Melalui media sosial, pelbagai informasi dapat diperolehi dengan cepat dan mudah (Azmi, M., Rafiuddin, M., Kamalanathan, S., & Safar, J., 2019). Dunia global tanpa sempadan telah menjanjikan peluang kepada guru dan pelajar mereka untuk berinteraksi dan menerima maklumat dengan mudah dan cepat. Internet, telefon pintar, tablet, kafe siber dan jaringan telekomunikasi telah membantu golongan ini untuk memudahkan urusan PdP secara maya. Jika guru tidak dapat hadir ke bilik kuliah dengan alasan tertentu, maka Pdp masih lagi boleh dilaksanakan dengan e-pembelajaran. Begitu juga jika seseorang pelajar sakit atau mempunyai keuzuran tertentu untuk tidak boleh hadir dan melibatkan diri mereka dengan guru secara bersemuka, maka teknologi akan memainkan peranan menggantikan waktu dan tempat yang ditinggalkan.

Prasarana yang baik dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan dan syarikat telekomunikasi juga telah memberi laluan yang cukup baik kepada guru dan pelajar. Mereka yang tinggal di pedalaman turut berkongsi kemudahan yang sama dengan masyarakat di bandar. Oleh yang demikian, maklumat dapat diakses tanpa batasan masa dan tempat. Melalui jaringan internet, informasi dapat diakses oleh sesiapa sahaja tanpa sekatan ruang dan waktu, dan ia menjadi salah satu hak asasi manusia dalam negara yang mengamalkan demokrasi (Norazman, Hasan; Naganathan, Krishanth Kumar & Basiron, Bushrah, 2019). Kerajaan Malaysia umpamanya giat menyalurkan bantuan berbentuk peranti bagi golongan B40 yang memerlukan kemudahan ini untuk PdPR terutama sejak pandemik COVID-19 melanda dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terpaksa dikuatkuasakan. Ini merupakan contoh terbaik bagaimana kerajaan mengamalkan prinsip demokrasi dan memberi hak asasi manusia ketika pandemik berlaku.

Seterusnya, kegusaran pelajar untuk interaksi dengan rakan sekelas atau guru dapat dikurangkan. Kegusaran ini menjelaskan tentang ketakutan untuk berkomunikasi secara bersemuka secara psikologi dan sosiologi. Ini kerana, terdapat sebilangan pelajar dalam kelas yang aktif, dan ada pula yang pasif dengan beberapa keadaan sekeliling. Ini termasuk kegusaran pelajar dari tahap yang lemah dari segi akademik, latar belakang sosial dan lain-lain lagi. Menurut Norazman, Hasan; Naganathan, Krishanth Kumar dan Basiron, Bushrah (2019) pula, ia suatu platform bagi golongan masyarakat yang ingin berinteraksi antara satu sama lain di alam maya dan mempunyai suatu kelebihan berbanding dengan interaksi secara nyata (real time) yang mana pengguna tidak perlu risau untuk bersemuka dengan sesiapa apabila ingin berkongsi sesuatu dengan rangkaian sosial mereka.

Antara kepentingan lain ialah, komunikasi dan jaringan sosial menjadi lebih pantas dengan adanya media sosial. Mengikut Fitriani, Y. (2017), media sosial merupakan sarana atau wadah untuk berinteraksi, berkomunikasi, dan untuk membina jaringan melalui media komunikasi secara maya. Malahan, media sosial mendahului surat, telegram, surat khabar dan juga saluran berita di televisyen dan radio untuk berkongsi berita terkini. Ini kerana, rata-rata masyarakat terutama pelajar generasi Y dan Z mempunyai telefon bimbit dan ia kerap dibawa ke mana-mana sahaja mereka pergi. Komunikasi menjadi lebih mudah apabila peranti digital moden digunakan dengan mempunyai ciri-ciri yang membolehkan pengguna media sosial berhubung melalui kamera dan pesanan suara. Ini menjadikan kemudahan yang ada pada peranti pintar dan komputer tidak hanya terbatas kepada teks dan audio sahaja, malah elemen multimedia turut saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain seperti video, imej dan visual.

Kepentingan lain yang dapat dilihat ialah, pencapaian pelajar dalam akademik boleh ditingkatkan dengan kemajuan teknologi dan penggunaan media sosial. Ini ditegaskan oleh Deaton, S. (2015) bahawa faktor pembelajaran sosial boleh bertambah baik, dan akibatnya, pendidik

mungkin memberi kesan positif kepada pencapaian pelajar melalui penggunaan teknologi pendidikan moden. Keberhasilan pelajar daripada pembelajaran yang berteraskan elemen sosial ini telah membuktikan kesahihan Teori Pembelajaran Sosial Bandura dengan integrasi sosial dan teknologi digital. Walaupun PdP terpaksa dijalankan melalui media sosial demi menjaga penjarakan sosial dan menghalang wabak penyakit seperti COVID-19, namun interaksi dan komunikasi yang seakan sama tetap wujud antara guru dan pelajar.

Tambahan lagi, pembelajaran melalui media sosial juga mampu menyokong pembelajaran sepanjang hayat (PSH) dan *Open Distance Learning* (ODL). Terry Kind dan Yolanda Evans (2015) menjelaskan bahawa penggunaan media sosial dan platform rangkaian dalam talian adalah kaedah utama untuk terus belajar dalam masyarakat bagi perkongsian maklumat pada hari ini. Jika dahulunya, pengajian jarak jauh (PJJ) diamalkan dengan komunikasi melalui e-mel dan tele-sidang, akan tetapi perkembangan teknologi telah menambah baik sistem sedia ada dan membantu ramai pensyarah, pendidik, guru untuk terus menyumbang ilmu pengetahuan kepada pelajar dengan lebih mudah dan pelbagai cara daripada platform media sosial.

Hasil kajian lain turut membuktikan bahawa media sosial memberi pengaruh dan kepentingan dalam pendekatan yang dimainkan oleh guru semasa PdP dari aspek diri dan prestasi pelajar. Terdapat pengaruh yang signifikan dalam diri dan prestasi terhadap niat pelajar untuk menggunakan media sosial tanpa mengira gaya pembelajaran mereka (Balakrishnan, V., & Gan, C. L., 2016). Hal ini meyakinkan kita untuk terus menggunakan media sosial sebagai platform untuk PdP walaupun pendekatan pelajar dalam pembelajaran berbeza, baik secara partisipatif, kolaboratif mahupun bebas. Pendekatan baharu berbentuk teknologi dan komunikasi ini sangat perlu memandangkan pelajar akan berasa mudah dan seronok untuk mengikuti setiap perbincangan dan seterusnya memahami isi kandungan dengan baik jika kaedah pengajaran guru selari dengan minat dan kehendak pelajar generasi Y dan Z.

Media sosial kini telah diakui sebagai alat yang penting untuk tujuan pendidikan di era 4.0, di mana teknologi web 2.0 telah mengambil alih peranan yang dimainkan oleh web 1.0 suatu ketika dahulu. Ia semakin berkembang pesat kerana wabak Corona Virus 2019 yang menyebabkan guru terpaksa menggunakan media sosial untuk menjalankan PdP secara dalam talian. Demikian, alat teknologi dan media sosial berkembang untuk pelbagai tujuan seperti sosial, hiburan dan juga pendidikan (Abdullahi, A., Rouyan, N., & Noor, S.H., 2018) kini telah berubah secara drastik. Masyarakat di luar sana juga banyak bergantung kepada media sosial untuk tujuan pemasaran oleh kebanyakan syarikat dan individu yang berasaskan keuntungan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang menjadikan media sosial medium untuk mencari dana sumbangan bagi kegiatan mereka dan IPT yang mencanangkan program-program pengajian mereka.

Pelajar generasi baharu lebih cakna dan yakin untuk menggunakan media sosial kerana ini merupakan budaya digital generasi mereka. Hal ini boleh dimanfaatkan dalam bidang pendidikan sebagai alat dan medium yang berkesan bagi memperoleh hasil pembelajaran. Sekaligus, ia mampu menggalakkan dan merapatkan jurang sesama pelajar dengan baik. Kebersamaan antara pelajar dengan pelajar atau pelajar dengan guru dapat dipupuk dengan baik jika setiap pengguna media sosial mengamalkan budaya yang sihat dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Media sosial adalah simbol kepada inovasi dan kreativiti dalam PdP ke arah menyediakan pelajar yang dinamik dan berdaya saing serta membentuk akhlak yang baik seperti matlamat pendidikan negara Malaysia khasnya yang ingin melahirkan masyarakat yang bijak pandai, berakhlak mulia dan mempunyai sahsiah yang tinggi berlandaskan agama, adat dan kepercayaan masing-masing.

Berkongsi kepakaran adalah perkara yang virtual dalam kalangan ahli akademik. Media sosial adalah prasarana baharu dan moden bagi kalangan ini menyalur dan berkongsi idea serta kepakaran dalam ilmu masing-masing. Ia tidak boleh lagi dilihat sebagai platform yang menghubungkan orang ramai dengan pelanggan dalam dunia perniagaan dan komunikasi, bahkan jalinan hubungan akademik dapat ditingkatkan ke suatu tahap dan suasana yang lebih baik dan kondusif. Mendapatkan pandangan yang berbeza juga boleh dilakukan dengan mudah dengan menggunakan media sosial. Perkongsian maklumat yang muncul daripada pengucapan umum, forum atau sekadar lontaran pandangan peribadi dilaksanakan menerusi media sosial. Pengguna juga boleh mendapat maklum balas daripada perkongsian tersebut dengan mudah melalui ruangan komen dan sebagainya mengikut keistimewaan aplikasi media sosial tertentu. Pengguna boleh melakukan tinjauan pendapat dengan mudah kerana media sosial juga menyediakan aplikasi dan ciri-ciri untuk menyalurkan tinjauan dan menerimanya. Aplikasi telegram umpamanya adalah medium mudah untuk membuat tinjauan dan menguji kefahaman pelajar. Hanya dengan menggunakan telefon pintar, guru boleh mengajukan soalan dalam kelas tutorial mereka dan pelajar dapat melihat jawapan yang diberi sama ada betul atau salah, peratusan dan lain

Berdasarkan beberapa kepentingan yang dibincangkan di atas, dapat disimpulkan juga bahawa media sosial mempunyai peranan yang sangat penting terhadap institusi pendidikan. Antaranya ialah golongan berkenaan dapat mempelajari kemahiran digital baharu, meningkatkan kefahaman dan mengekalkan pengetahuan sedia ada, meningkatkan penglibatan dalam kelas dan minat pelajar, membina komuniti serta menghubungkan pelajar dengan masyarakat global lain, menjadikan orang ramai sebagai pengguna yang aktif dan efektif melalui komunikasi maya serta menambahbaik penulisan pelajar dan menggarap idea yang cemerlang melalui penulisan dan respons yang diterima. Demikian, penyelidikan susulan diperlukan, terutamanya kajian mendalam yang melangkaui kepuasan pelajar terhadap pengetahuan, perubahan tingkah laku, dan hasil pembelajaran (Terry Kind dan Yolanda Evans, 2015). Kajian juga tidak harus terbatas kepada penggunaan media sosial akan tetapi perlu seiring dengan pembangunan dari aspek penilaian yang berkesan melalui medium ini. Menggunakan media sosial dengan berkesan dan secara kolaboratif adalah aspek penting demi literasi pada abad ke-21, oleh itu, penting untuk bergerak menjangkau hasrat dan tujuan yang dinyatakan (keberkesanan media sosial dan pembelajaran kolaboratif) menilai penggunaan alatannya (Sylvia IV, J. J., 2014). Ini membawa maksud bahawa penggubal dasar pendidikan perlu menyedari alat untuk menilai tugas yang dihasilkan oleh pelajar juga selari dengan hasil tugas yang dilaksanakan melalui media sosial.

## **Penutup**

Media sosial yang dahulunya dilihat sebagai platform untuk berkomunikasi dan berhibur kini telah bertukar corak dan peranannya. Dunia pendidikan dan pengajaran bahasa kedua juga lebih mudah disalurkan kepada pengguna. Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab tidak terkecuali mendapat tempas daripada ledakan teknologi maklumat dan komunikasi seperti media sosial. Pelajar memperoleh kosa kata, tatabahasa, kemahiran dan ilmu linguistik bahasa kedua atau asing ini hanya dengan akses di hujung jari mereka. Walaupun pelbagai prasarana dan bantuan telah disediakan oleh pihak berwajib, namun, pelaksanaan dan pengagihan serta bantuan kepada golongan yang memerlukan perlu diperhalusi setiap masa. Ini akan mengukuhkan institusi pendidikan di Malaysia terutamanya untuk memacu ke arah kelestarian pendidikan seiring negara maju yang lain. Penggunaan media sosial akan menjadi salah satu saluran untuk PdP pada masa akan datang, dan bukannya berperanan menggantikan kelas bersemuka semasa keadaan darurat seperti penutupan sekolah dan IPT kerana musibah alam dan wabak penyakit. Justeru, segala cabaran dan kepentingan media sosial yang ditonjolkan dalam artikel ini diharap dapat

dibincangkan dan diperhalusi lagi pada masa akan datang menerusi kajian lanjut dan perbincangan dalam kalangan penggubal dasar pendidikan dan pengamalannya.

## Rujukan

Abdullahi, A., Rouyan, N., & Noor, S.H. (2018). *The use of web 2.0 technologies to determine receptive skills among malay learners of arabic language*. International journal of Asian social science, 8, 651-659.

Alanezi, S. D. M. (2021). *The extent to which Arabic language teachers accept the use of social media to develop Arabic language skills, writing, reading, conversation, and listening to fourth grade students in Kuwait*. Advances in Educational Technology and Psychology, 5(1), 27-36.

Azzi, S. A., & Zribi, C. B. O. (2020). *From machine learning to deep learning for detecting abusive messages in arabic social media: survey and challenges*. In International Conference on Intelligent Systems Design and Applications (pp. 411-424). Springer, Cham.

Balakrishnan, V., & Gan, C. L. (2016). *Students' learning styles and their effects on the use of social media technology for learning*. Telematics and Informatics, 33(3), 808-821.

Cushion, S., & Hémar, D. (2002). *Applying new technological developments to CALL for arabic*. Computer Assisted Language Learning, 15(5), 501-508.

de Haas, M., & Conijn, R. (2020). *Carrot or Stick: The Effect of Reward and Punishment in Robot Assisted Language Learning*. In Companion of the 2020 ACM/IEEE International Conference on Human-Robot Interaction (pp. 177-179).

Deaton, S. (2015). *Social Learning Theory in the Age of Social Media: Implications for Educational Practitioners*. Journal of Educational Technology, 12(1), 1-6.

Faizi, R., El Afia, A. & Chiheb, R. (2014). *Social media: An optimal virtual environment for learning foreign languages*. International Journal of Emerging Technologies in Learning, 9(5), 64-66. doi: 10.3991/ijet.v9i5.3911.

Fitriani, Y. (2017). *Analisis pemanfaatan berbagai media sosial sebagai sarana penyebaran informasi bagi masyarakat*. Paradigma-Jurnal Komputer dan Informatika, 19(2), 148-152.

Ghani, M. T. A., & Daud, W. A. A. W. (2018). *Arabic for tourism purpose via web-based learning*. International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics, 1(1), 6-10.

Gharawi, M.A., & Bidin, A. (2016). *Computer assisted language learning for learning arabic as a second language in malaysia: teacher perceptions*. International Journal of Information and Education Technology, 6, 633-637.

Gikas, J., & Grant, M. M. (2013). *Mobile computing devices in higher education: Student perspectives on learning with cellphones, smartphones & social media*. The Internet and Higher Education, 19, 18-26.

Grusec, J. E. (1994). *Social learning theory and developmental psychology: The legacies of Robert R. Sears and Albert Bandura*. In R. D. Parke, P. A. Ornstein, J. J. Rieser, & C. Zahn-Waxler (Eds.), A century of developmental psychology (p. 473-497). American Psychological Association. <https://doi.org/10.1037/10155-016>.



- Hamadeh, W., Bahous, R., Diab, R., & Nabhani, M. (2020). *Using social media to enhance second language learning*. *Computer-Assisted Language Learning Electronic Journal*, 21(2), 132-149.
- Han, J. (2012). *Robot assisted language learning*. *Language Learning & Technology*, 16(3), 1-9.
- Ismail, W., Zailani, M. A., Awad, Z. A. M., Hussin, Z., Faisal, M., & Saad, R. (2017). *Academic and Social Media Practices of Arabic Language among Malaysian Students*. *Turkish Online Journal of Educational Technology-TOJET*, 16(3), 1-10.
- Jeong-Bae Son. (2007). *Learner experiences in web-based language learning*, *Computer Assisted Language Learning*, 20:1, 21-36, DOI: 10.1080/09588220601118495.
- Jonathan Wrigglesworth. (2019). *Using smartphones to extend interaction beyond the EFL classroom*. *Computer Assisted Language Learning*. <https://doi.org/10.1080/09588221.2019.1569067>.
- Kukulska-Hulme, A. (2012). *Mobile-Assisted language learning*. *The Encyclopedia Of Applied Linguistics*, 1-9.
- Lee, S., Noh, H., Lee, J., Lee, K., & Lee, G. G. (2010). *Cognitive effects of robot-assisted language learning on oral skills*. In *Second Language Studies: Acquisition, Learning, Education and Technology*.
- McLoughlin, C. & Lee, M. (2010). *Personalised and self-regulated learning in the Web 2.0 era: International exemplars of innovative pedagogy using social software*. *Australasian Journal of Educational Technology*, 26(1), 28-43. doi: 10.14742/ajet.1100.
- Moghazy, M. A. (2020). *Teaching and learning arabic as a second language online: a case study of dubai during COVID-19 pandemic*. (Doctoral dissertation, University of Illinois at Urbana-Champaign).
- Mohd Azmi, Mohamad Rafiuddin; Kamalanathan, Sasikumar; Safar, Ajmain @ Jimaain (2019). "Media Sosial dan Generasi Muda Menurut Islam" in Jasmi, Kamarul Azmi (Ed.), *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)* pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM, p. 87-100.
- Nader Assadi Aidinlou, Mino Alemi, Fahime Farjami, Muhammad Makhdoumi. (2014). *Applications of Robot Assisted Language Learning (RALL) in Language Learning and Teaching*. *International Journal of Language and Linguistics*. Special Issue: Foreign Language Teaching and Learning (Models and Beliefs). Vol. 2, No. 3-1, 2014, pp. 12-20. doi: 10.11648/j.ijll.s.2014020301.12.
- Nerabie, A. M., AlKhatib, M., Mathew, S. S., El Barachi, M., & Oroumchian, F. (2021). *The Impact of Arabic Part of Speech Tagging on Sentiment Analysis: A New Corpus and Deep Learning Approach*. *Procedia Computer Science*, 184, 148-155.
- Norazman, Hasan; Naganathan, Krishanth Kumar; Basiron, Bushrah (2019). "Media Sosial dan Perpustakaan Menurut Islam" in Jasmi, Kamarul Azmi (Ed.), *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)* pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM, p. 241-256. ISBN: 978-967-2296-55-3.

Nordin, Nur Hidayu; Mohammad, Nur Syuhada; Mohamad, Ahmad Marzuki (2019). "Media Sosial dan Instagram Menurut Islam" in Jasmi, Kamarul Azmi (Ed.), Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM19) pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM, p. 277-296. ISBN: 978-967-2296-55-3.

Rahimi, N. M., Azhan, N., Normeza, W., & Baharudin, H. (2015). *Students' Feedback towards Using Facebook in Learning Arabic Language*. *Asian Social Science*, 11(28), 170.

Randall, N. (2019). *A survey of robot-assisted language learning (RALL)*. *ACM Transactions on Human-Robot Interaction (THRI)*, 9(1), 1-36.

Ruiperez, G. (2002). *Web assisted language learning (WALL) and learning management systems (LMS) in virtual centres for foreign languages*. *International Journal of English Studies*, 2(1), 81-96. Retrieved from <https://revistas.um.es/ijes/article/view/48471>.

Sari, R. R., & Hasibuan, A. A. (2019). *Students' perception toward social media assisted language learning (small) for arabic learning*. *Izdihar: Journal of Arabic Language Teaching, Linguistics, and Literature*, 2(2), 101-114. DOI: <https://doi.org/10.22219/jiz.v2i2.9911>.

Shehab, R., & Zeki, A. M. (2015). *Web assisted language learning system for enhancing arabic language learning using cognates*. *Jurnal Teknologi*, 77(19).

Sijia Xue & Daniel Churchill. (2020). *Educational affordances of mobile social media for language teaching and learning: a chinese teacher's perspective*. *Computer Assisted Language Learning*. DOI: 10.1080/09588221.2020.1765811.

Social Learning Theory. (2021). Akses daripada <http://www.learning-theories.com/social-learning-theorybandura.html>.

Süleyman Nihat Şad, Niyazi Özer, Ümit Yakar & Fatih Öztürk. (2020). *Mobile or hostile? Using smartphones in learning English as a foreign language* *Computer Assisted Language Learning*. <https://doi.org/10.1080/09588221.2020.1770292>.

Sylvia IV, J. J. (2014). *Using Bloom's Taxonomy to assess social media assignments*. *Journal of Interdisciplinary Studies in Education*, 3(1), 50.

Terry Kind & Yolanda Evans. (2015). *Social media for lifelong learning*. *International Review of Psychiatry*, 27:2, 124-132, DOI: 10.3109/09540261.2014.990421.

## BAB 14

### MENJADIKAN MASJID SEBAGAI PUSAT PEMBERIAN VAKSIN

Zubair bin Amir Nur Rashid,<sup>1</sup> Nur Mardia binti Mazri<sup>2</sup>, Muhammad Ikhlas Rosele<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Calon Phd, Universiti Malaya (UM)

<sup>2</sup> Calon Phd, Universiti Malaya (UM)

## Pendahuluan

Pandemik Covid-19 memberi impak yang besar kepada dunia. Umum mengetahui bahawa fiqh adalah terbina atas dasar anjal dan sesuai sepanjang zaman dan situasi. Dalam situasi ini, umat Islam telah melihat pelbagai ijtihad baru khususnya berkaitan masjid yang merupakan rumah ibadat umat Islam serta mempunyai hukum-hakam tertentu dalam kitab fiqh. Ijtihad semasa melibatkan perihal solat berjemaah, solat jumaat, menghadkan kapasiti jemaah, penjarakan saf ketika solat, serta menjadikan masjid sebagai Pusat Pemberian Vaksin berlaku di seluruh dunia Islam. Dalam hal ini, sebahagian ilmuan lebih terbuka kepada ijtihad ini manakala sebahagian lain tidak bersetuju dengan berpegang kepada prinsip asal menurut para ulama yang menentukan fungsi-fungsi khusus untuk masjid. Masing-masing berijtihad dan berbahas bagi memelihara kesucian rumah ibadat ini menurut persektif mereka. Allah SWT menjelaskan golongan yang layak memakmurkan masjid-masjid ini berdasarkan firman-Nya dalam surah al-Taubah ayat 18:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَمِمَّا يَخْشَى اللَّهَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَن يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

Maksudnya:

*Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk."*

## Kedudukan Masjid Dalam Islam

Masjid berasal daripada *ism makan* daripada perkataan *sajada* yang bererti tempat sujud. Selain itu, masjid juga merupakan tempat suci dan turut dinamakan sebagai rumah Allah. Sujud adalah merupakan sebahagian daripada rukun *fi'li* dalam solat, berkata Imam Badr al-Din al-Zarkasyi : "Tatkala sujud adalah merupakan perbuatan solat yang paling mulia, kerana dekatnya seorang hamba dengan Tuhannya ketika itu, diambil ism makan daripada perbuatan sujud tersebut, lalu dipanggil masjid, dan tidak disebut marka' (tempat rukuk), dan dari segi adat pula masjid dikhususkan kepada tempat yang disediakan untuk solat lima waktu..." (al-Zarkasyi, t.t.).

Umat Nabi Muhammad SAW juga diberikan kemuliaan iaitu setiap permukaan bumi ini boleh dijadikan tempat solat atau masjid sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Jabir RA:

وَجُعِلَتْ لِي الْأَرْضُ مَسْجِدًا وَطَهُورًا، وَإِنَّمَا رَجُلٌ مِنْ أُمَّتِي أَدْرَكَتُهُ الصَّلَاةُ فَلْيُصَلِّ

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Salat, Bāb Qawl al-Nabī...*, no hadis 438]

Maksudnya:

*"...Dan dijadikan bumi untukku itu kesemuanya sebagai masjid (tempat sujud) dan suci, justeru umatku dapat melaksanakan solat dimana sahaja dan bila-bila waktu..."*

Kedudukan masjid sangat istimewa sehinggakan para ulama membahaskan hukum-hakamnya secara terperinci secara khusus pada bab wakaf. Hal ini kerana, wakaf dan masjid adalah dua perkara yang berkaitan memandangkan masjid ialah tanah yang diwakafkan. Pembinaan masjid atas tanah wakaf bererti berpindah pemilikannya secara abadi kepada Allah SWT. Apabila diniatkan tanah wakaf ini untuk masjid, sabitlah hukum-hakam masjid yang pelbagai seperti haramnya wanita haid menetap padanya, pengharaman jimak padanya, boleh beriktikaf dan sebagainya. Justeru, ijtihad mengenai penggunaan masjid atau apa-apa perkara berkaitannya adalah tertakluk kepada hukum-hakam tersebut yang telah ditetapkan oleh syarak dan diperjelaskan oleh para ulama. Masjid tidak wajar disamakan dengan mana-mana tanah lain di dunia ini kerana kemuliannya disisi Allah SWT.

Pandemik Covid-19 memperlihatkan pelbagai ijtihad semasa berkaitan masjid berlaku dan tidak kurang juga para ilmuwan yang tidak bersetuju dengan sebahagian ijtihad ini. Pemerintah mestilah bertindak bagi memelihara nyawa rakyat selari dengan kaedah fiqh yang bermaksud “*Tindak tanduk pemerintah terhadap rakyatnya adalah terikat dengan maslahat*”. Dalam tulisan ini, penulis akan mengetengahkan beberapa isu penting serta hujah-hujah bagi membincangkan kemungkinan menjadikan masjid sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) serta syarat-syarat yang mesti dipatuhi oleh pihak pengurusan.

### **Program Imunisasi Kebangsaan (PICK)**

Kerajaan Malaysia telah melancarkan Program Imunisasi Kebangsaan Covid-19 (PICK) pada 10 Mac 2021 yang dirasmikan Perdana Menteri Malaysia, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin. Perjalanan PICK adalah berdasarkan kepada 3 fasa berdasarkan kepada kumpulan sasaran yang ditetapkan oleh kerajaan bagi pemberian vaksin. Fasa 1 dimulai dengan pemberian vaksin kepada petugas barisan hadapan merangkumi petugas kesihatan kerajaan dan swasta. Fasa 2 pula menasarkan golongan warga emas berumur 60 tahun keatas dan golongan berisiko tinggi mengalami penyakit kronik seperti penyakit jantung, obesiti dan sebagainya. Seterusnya Fasa 3 adalah disasarkan kepada semua rakyat Malaysia dalam lingkungan umur yang boleh mengambil vaksin (Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19, 2021).

Kerajaan mula melibatkan hospital dan klinik swasta antaranya melalui ProtectHealth Corporation Sdn Bhd. yang merupakan sebuah anak syarikat dibawah Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai pelaksana penyertaan pengamal perubatan swasta dan NGO kesihatan sebagai Pusat Pemberian Vaksin (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021). Selain itu, penglibatan pelbagai kementerian dan agensi turut membantu mempercepatkan pemberian vaksin. Sehingga kini sasaran kerajaan bagi membuat 300,000 suntikan vaksin sehari menjelang Julai 2021 telah berjaya dicapai. Perkara ini adalah hasil kerjasama pelbagai pihak termasuk sukarelawan yang bersedia memberikan khidmat kepada rakyat Malaysia bagi memastikan negara mencapai imuniti kelompok (*herd immunity*) secepat mungkin.

Pihak kerajaan telah menggunakan semaksima mungkin fasiliti awam yang ada seperti dewan orang ramai, termasuk pelbagai kaedah dijalankan seperti turun ke pedalaman, vaksinisasi rumah ke rumah dan sebagainya. Malah, masjid juga turut dicadangkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri sebagai Pusat Pemberian Vaksin kepada masyarakat setempat. Namun timbul pelbagai bantahan terhadap pelaksanaannya memandangkan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), masjid dan surau dihadkan bilangan Jemaah oleh pihak berkuasa menimbulkan tanda tanya kepada masyarakat akan kewajaran menjadikan rumah ibadat itu sebagai PPV.

## Masjid Sebagai Pusat Pemberian Vaksin

Masjid merupakan antara tempat yang dicadangkan untuk dijadikan PPV antaranya dilakukan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Terengganu dan juga negeri-negeri lain bersama dengan Pihak Berkuasa Agama Negeri. Tambahan pula, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama, Senator Datuk Dr Zulkufli Mohamad al-Bakri turut menyokong dan memuji usaha mereka dalam menjadikan masjid sebagai Pusat Pemberian Vaksin. Menurut mereka, masjid sesuai dijadikan PPV kerana halamannya yang luas, mempunyai kemudahan yang bersesuaian, tempat yang dikenali oleh masyarakat, serta masjid dan surau juga sudah dijadikan sebagai pusat penyampaian bantuan kepada orang ramai. Namun, tidak kurang juga beberapa ilmunan yang tidak bersetuju dengan merujuk kepada beberapa isu yang memerlukan penjelasan hukum syarak khususnya dalam keadaan sekarang ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dimana masjid dan surau dihadkan jumlah jemaah untuk solat fardu dan jumaat.

Sejak zaman Rasulullah SAW, selain tempat beribadat masjid turut berfungsi sebagai pusat kegiatan masyarakat seperti kegiatan keilmuan, kemasyarakatan, dan kebajikan. Majlis-majlis ilmu hidup dengan keberadaan para ulama yang mengajarkan ilmu syarak kepada masyarakat tanpa lelah. Dalam bahasa arab, masjid turut dipanggil sebagai *jami'* yang bererti tempat yang menghimpunkan. Tambahan pula, telah tertulis dalam lipatan sejarah bahawa masjid turut digunakan untuk kegiatan sosial sebagaimana yang dinyatakan diatas. Secara umumnya, adalah tidak menjadi masalah dalam menjadikan masjid sebagai pusat kegiatan lain yang dibenarkan syarak selama mana tidak mengganggu fungsinya sebagai rumah ibadat atau tempat solat berjemaah dilakukan.

Masjid adalah suatu tempat yang mesti dihormati dan mempunyai tempat yang tinggi dalam Islam. Diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَحَبُّ الْبِلَادِ إِلَى اللَّهِ مَسَاجِدُهَا وَأَبْغَضُ الْبِلَادِ إِلَى اللَّهِ أَسْوَاقُهَا

[Muslim *Ṣaḥīḥ al-Muslim, Kitāb al-Masajid wa Mawāḍi' al-Salat, Bāb Aḥab al-Bilād ila Allah...*, no hadis 671]

Maksudnya:

“Tempat yang paling disukai oleh Allah ialah masjid-Nya, dan tempat yang paling dibenci oleh Allah ialah pasar”

## Perbincangan Isu Menurut Perspektif Hukum Syarak

Sekiranya masjid dijadikan sebagai Pusat Pemberian Vaksin, antara isu yang perlu dijelaskan ialah adakah orang bukan Islam boleh memasuki masjid? Bagaimanakah adab-adab dalam masjid itu dijaga oleh pihak pengurusan PPV? Serta kenapakah masjid boleh dijadikan tempat berkumpul sedangkan pihak berkuasa telah menghadkan bilangan jemaah yang dibenarkan untuk solat Jemaah atau solat Jumaat?. Pihak berkuasa perlu menjaga sensitiviti umat Islam serta kesucian masjid dari dicemari dengan perhimpunan orang ramai dalam keadaan tidak memelihara adab-adabnya.

Disebut dalam kitab *Fiqh al-Masajid*, adab-adab di dalam masjid antaranya ialah tidak meninggikan suara, menghormati masjid, tidak mendengarkan syair yang melalaikan, tidak boleh berjual beli, memakai pakaian yang sopan, berjalan dengan perlahan dan tenang, dan sebagainya (Hassani, 2017).

Adapun mengenai isu orang bukan Islam (kafir) yang memasuki masjid, para ulamak berselisih pandangan mengenainya. Menurut pandangan yang lebih sahih (*asob*), diharuskan kepada orang kafir memasuki masjid sekalipun dia berada dalam keadaan junub. Hal ini kerana mereka tidak beriktikad bahawa masjid adalah tempat yang suci yakni tidak boleh dimasuki oleh orang junub (Kamal al-Din al-Maqdisi, t.t). Ia berdasarkan riwayat bahawa Nabi SAW pernah mengikat Thumamah bin Uthal pada perkarangan masjid, dan Baginda SAW tidak memeriksa tentang keadaannya sama ada dalam junub atau tidak, bahkan secara zahirnya tentulah dia berada dalam keadaan junub (Kamal al-Din al-Maqdisi, t.t.). Sebahagian ulama pula mensyaratkan orang kafir tersebut mestilah mendapat izin daripada seorang muslim yang dipercayai. Kesimpulannya, orang bukan Islam dibolehkan masuk ke dalam masjid namun mereka mestilah memelihara adab-adabnya seperti berpakaian sopan, berperilaku baik dan sebagainya.

Dalam masalah ini, Masjidil Haram adalah dikecualikan daripada keharusan ini berdasarkan kepada Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat 28:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْمُشْرِكُونَ نَجَسٌ فَلَا يَقْرَبُوا الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ بَعْدَ عَامِهِمْ هَذَا

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya (kepercayaan) orang-orang kafir musyrik itu najis, oleh itu janganlah mereka menghampiri Masjid Al-Haram sesudah tahun ini...”

Selain itu, terdapat juga fatwa-fatwa semasa dalam era pandemik Covid-19 ini, mengenai isu-isu masjid daripada badan-badan fatwa berautoriti dunia seperti Hai'ah Kibar Ulama al-Azhar al-Syarif, Majlis Fatwa United Arab Emirates (UAE), Fatwa al-Lajnah al-Da'imah Arab Saudi, Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah al-Azhar, al-Majlis al-Islami li al-Ifta' Palestin, Kesatuan Ulama Islam Sedunia serta termasuk Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia sendiri. Antara yang ingin diketengahkan ialah kenyataan Kesatuan Ulama Sedunia melalui setiausahanya Syeikh Ali Muhyiddin Qurrah Daghi, beliau ada menyentuh mengenai isu masjid ini. Mereka berfatwa bahawa harus menjadikan masjid sebagai pusat rawatan pesakit Covid-19 jika tempat-tempat awam seperti hospital awam, dewan orang ramai, padang dan lain-lain tempat telah dipenuhi oleh pesakit Covid-19 (Kesatuan Ulama Sedunia).

Fatwa tersebut adalah berdasarkan kepada riwayat Imam Bukhari dalam kitabnya *al-Adab al-Mufrad* dengan sanad yang sahih bahawa Nabi SAW menyediakan sebuah khemah dalam kawasan masjid, dan Saidatina Rufaidah merawat Saad yang cedera dalam peperangan Khandak. Hadis ini menunjukkan bahawa sebahagian daripada kawasan Masjid Nabawi pernah dijadikan tempat untuk merawat pesakit. Riwayat ini juga turut disebut oleh Imam Ibnu Hajar al-Asqalani, Ibn Athir, Ibnu Hisham dan lain-lain dalam kitab mereka. Keharusan menjadikan masjid sebagai pusat rawatan Covid-19 ini adalah terikat dengan syarat iaitu sekiranya tempat lain telah penuh dan tidak mampu digunakan. Menjadikan masjid sebagai PPV boleh dikiasakan dengan masalah ini memandangkan tujuan keduanya adalah sebagai tempat berubat dan memelihara nyawa manusia daripada wabak penyakit berbahaya.

Kenapa masjid dan surau boleh dijadikan tempat berhimpun sedangkan kehadiran solat fardu secara berjemaah dan solat Jumaat dihadkan bilangannya? Menjawab isu ini, perlu difahami terlebih dahulu hukum melaksanakan solat fardu secara berjemaah dan kewajipan solat Jumaat bagi lelaki dewasa yang mencukupi syarat.

Solat fardu secara berjemaah adalah fardu kifayah menurut pandangan muktamad dalam mazhab Syafie. Jemaah di masjid ini diperintahkan kepada orang lelaki yang mencukupi syarat-syaratnya dalam masa yang sama tidak menghalang jemaah wanita untuk turut hadir. Namun, dalam keadaan wabak yang telah terbukti bahayanya kepada nyawa manusia, memelihara nyawa adalah lebih diutamakan. Hal ini bertepatan dengan kaedah yang bermaksud “Semua hukum sesuatu itu berlegar bersama *‘illahnya*, sama ada ia wujud atau tidak”. Dalam hukum fekah, tuntutan solat fardu secara berjemaah boleh gugur disebabkan perkara-perkara tertentu seperti hujan, sakit dan lain-lain. Maka, Covid-19 yang boleh mengancam nyawa manusia tentunya lebih utama daripada sebab-sebab tersebut.

Selain itu, manusia tidak dituntut untuk beribadah atau melakukan ketaatan sehingga memudaratkan diri sendiri. Bahkan kita dituntut untuk melakukan ketaatan mengikut kemampuannya sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Taghabun ayat 16:

فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ

Maksudnya:

“Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah sedaya supaya kamu...”

Menurut Syeikh ‘Abd Rahman al-Sa’di “Ayat ini menunjukkan bahawa semua kewajipan syarak yang tidak mampu ditanggung oleh hamba, maka akan gugur jika dia tidak mampu.” Dalam kitab *Baṣṣat al-Ma’ūn Fi Fadḥ al-Taum* juga bahawa Imam Ibnu Hajar al-‘Asqalani turut mengkritik mereka yang mengadakan perhimpunan untuk berdoa secara beramai-ramai ketika wabak sedang melanda kawasan tersebut. Kesan daripada perbuatan tersebut, jumlah kematian disebabkan wabak yang berlaku di Kaherah ketika itu terus meningkat. Menurut beliau, mereka menganjurkan doa secara beramai-ramai kerana merujuk kepada dalil umum berkenaan kelebihan berdoa, sedangkan dalam situasi wabak, tidak diriwayatkan daripada fuqaha’ salaf bahawa mereka melakukan perbuatan sedemikian (Ibnu Hajar, t.t.).

Mengenai isu solat Jumaat, disana terdapat juga kelonggaran yang diberikan syarak dalam keadaan-keadaan tertentu. Ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

مَنْ سَمِعَ الْمُنَادِيَ فَلَمْ يَمْنَعْهُ مِنْ اتِّبَاعِهِ غُدْرٌ قَالُوا: وَمَا الْغُدْرُ؟ قَالَ: خَوْفٌ أَوْ مَرَضٌ

[Abu Daud, *Sunan Abi Daud, Kitāb al-Salat, Bāb Fi al-Tasydīd Fi Tark al-Jamā’ah*, no hadis 551]

Maksudnya:

“Sesiapa yang mendengar orang yang melaungkan azan maka tidaklah yang keuzuran menghalangnya dari mengikutinya (hadir solat berjemaah)”. Para sahabat bertanya : “Apa maksud uzur ?”. Jawab Rasulullah SAW: “Ketakutan atau sakit.”

Menurut Syeikh Muhammad al-Zuhaili, setiap keuzuran yang sama tahap kesusahannya dengan kesusahan akibat sakit dianggap juga sebagai uzur yang dikiaskan dengan sakit yang dinaskan ke atasnya. Justeru, tidak wajib Jumaat ke atas orang yang berasa takut ke atas dirinya atau hartanya (al-Zuhaili, t.t.). Di Malaysia, jabatan mufti negeri-negeri turut bersepakat mengenai keharusan meninggalkan solat Jumaat disebabkan Covid-19 berdasarkan kepada kaedah fiqh “Darurat mengharuskan perkara yang dilarang”. Keadaan Covid-19 yang telah diisytiharkan sebagai pandemik dan boleh mengancam nyawa adalah dikategorikan sebagai darurat sekiranya kadar penularan virus adalah tinggi dan membimbangkan. Namun, sekiranya keadaan penularan virus berada pada tahap rendah dan terkawal, keadaan tersebut bukan lagi dianggap sebagai darurat dan solat Jumaat perlu diteruskan sebagaimana hukum yang asal. Di Malaysia, *ijtihad* pihak pemerintah dengan menghadkan bilangan jemaah untuk solat Jumaat kepada 6 orang, 12 orang, atau 40 orang adalah bagi memastikan keabsahan ibadah fardu tersebut pada kadar minima berdasarkan bilangan minima menurut mazhab-mazhab fekah. Bagi mereka yang tidak mendapat tempat untuk solat Jumaat, gugurlah tuntutan fardu Jumaat keatas mereka dan digantikan dengan solat zohor. Jelas disini bahawa, *ijtihad* pihak berkuasa agama mengenai solat jemaah dan solat Jumaat adalah bersandarkan kepada dalil-dalil syarak serta dibuat oleh para ilmunan secara kolektif.

Pelaksanaan pemberian vaksin kepada masyarakat tidak boleh dikiaskan dengan masalah ini. Bermakna sekiranya solat berjemaah dihadkan bilangannya, tidak bererti bahawa Pusat Pemberian Vaksin juga perlu menghadkan bilangannya sebagaimana masalah tersebut. Pemberian vaksin yang merupakan satu-satunya cara untuk mengelakkan wabak selain penjarakan sosial adalah termasuk dalam perbuatan berubat. Hal ini selari dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Berubatlah kalian”. Selain itu, ia turut menepati kaedah fiqh “*al-Dararu Yuzaal*” yang bermaksud “Kemudaratan mestilah dihilangkan”.

Perbuatan membandingkan antara kebenaran berhimpun disebabkan vaksinasi dan solat berjemaah adalah tidak tepat kerana keduanya bukanlah berada dalam sektor yang sama. Ketika penularan kes Covid-19 berada pada tahap yang kritikal, pihak pemerintah mengeluarkan ketetapan agar pergerakan diminimakan semampu yang mungkin kecuali perkhidmatan perlu (*essential service*) sahaja. Sektor kesihatan awam yang merangkumi proses vaksinasi adalah termasuk dalam perkhidmatan perlu dan mesti diteruskan dengan kadar segera bagi menjayakan hasrat kerajaan mencapai imuniti kelompok. Hal ini berbeza dengan kegiatan sosial keagamaan seperti solat berjemaah, solat Jumaat yang turut mendapat keringanan dari sudut syarak. Islam sebagai agama fitrah dan sesuai dengan norma alam (*sunnatullah*) meraikan situasi seperti ini sepertimana yang dijelaskan oleh Nabi Muhammad SAW melalui hadis-hadisnya.

Setelah dinyatakan keharusan menggunakan masjid sebagai PPV, adakah semua kawasan masjid tersebut boleh digunakan? Tiada khilaf dalam kalangan fuqaha’ bahawa dewan solat utama masjid ialah kawasan yang terhormat dan jatuh padanya hukum-hakam berkaitan masjid seperti yang dijelaskan sebelum ini. Sebagai tambahan, penulis ingin membawakan definisi beberapa istilah dalam hukum-hakam masjid seperti *rabbah*, *harim* dan . *Rabbah* ialah kawasan yang mengelilingi masjid yang bersambung dengan pintu masjid (Hassani, 2017), manakala *harim* pula ialah kawasan yang mengelilingi masjid dan digunakan sebagai kawasan laluan orang ramai serta turut digunakan untuk membuang kotoran daripada dalam masjid (Hassan al-Kaf, t.t.). *Harim* adalah tidak tertakluk kepada hukum-hakam masjid, manakala *rabbah* adalah sebahagian daripada masjid menurut mazhab Syafie. Kebanyakan reka bentuk masjid zaman ini, mereka membuat tempat khusus di kawasan berasingan sebagai dewan kuliah, serta tempat berhimpun orang ramai bagi memastikan keharusan wanita yang dalam haid, serta mengharuskan perkara-perkara lain. Dalam situasi masjid sebagai PPV, tentunya melibatkan kemasukan orang ramai serta turut melibatkan orang bukan Islam. Justeru, penulis berpendapat dewan solat utama tidak boleh dijadikan sebagai kawasan PPV.



Mereka boleh menggunakan dewan kuliah, dewan orang ramai serta kawasan parkir bagi memastikan kehormatan masjid terus dipelihara. Ini tentunya hanya melibatkan masjid yang besar serta mempunyai fasiliti yang bersesuaian sahaja. Hal ini bersesuaian dengan saranan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Ahmad Amzad Hashim bahawa “SOP penting yang perlu dipatuhi di PPV masjid ialah tidak menggunakan ruang solat.” (9 Julai 2021).

Penulis berpandangan bahawa masjid dan surau boleh dijadikan sebagai Pusat Pemberian Vaksin dengan mematuhi beberapa syarat bagi menghormati rumah ibadat umat Islam ini. Antaranya, tempat awam lain seperti hospital, dewan orang ramai, sekolah dan tempat-tempat yang berkemungkinan dijadikan PPV telah digunakan. Selain itu, kawasan solat utama tidak boleh dijadikan sebagai PPV kerana ia tertakluk kepada hukum-hakam tertentu menurut syarak seperti yang telah disebutkan. Keadaan PPV yang sesak dengan orang ramai tanpa mengira lelaki atau perempuan, muslim atau tidak menyukarkan pihak berwajib mengawal kelakuan orang ramai bagi menghormati masjid dan surau. Adapun perkarangan masjid yang luas serta dewan-dewan kuliah yang ada boleh digunakan tanpa mengganggu dewan solat utama sebagai tempat solat.

## Kesimpulan

Tuntasnya, *ijtihad* pihak berkuasa agama terhadap hal ehwal berkaitan masjid dan surau seperti menghadkan bilangan Jemaah untuk solat fardu dan solat Jumaat adalah berdasarkan kepada dalil syarak. Ijtihad tersebut turut disokong oleh majoriti institusi-institusi agama seluruh dunia serta boleh dikategorikan sebagai ijtihad secara kolektif (jama’ie). Dalam hal ini, berdasarkan mafhum sabda Rasulullah SAW, Baginda telah memberikan jaminan bahawa umatNya tidak akan berhimpun dalam perkara yang sesat. Keadaan masjid sebagai Pusat Pemberian Vaksin tidak boleh dikiasikan dan disamakan hukumnya dengan situasi tersebut. Masjid sebagai rumah ibadat turut berfungsi sebagai pusat kegiatan sosial umat Islam menunjukkan bahawa ia boleh digunakan selain daripada tujuan ibadah semata-mata. Dalam masa yang sama kehormatan masjid mestilah terus dipelihara peranannya yang utama iaitu sebagai tempat ibadat umat Islam untuk didirikan solat berjemaah dan sebagainya. Namun, perkara itu tidak menghalang kegiatan lain sekiranya adab-adab dalam masjid dapat dijaga dengan baik.

Masjid boleh dijadikan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) sekiranya tidak ada tempat lain yang bersesuaian untuk tujuan tersebut. Kegunaan masjid untuk tujuan tersebut mestilah tidak menggunakan dewan solat utama dan hanya menggunakan perkarangan masjid seperti dewan kuliah, kawasan parking dan lain-lain.

## Rujukan

- Ali Qurrah Daghi, Fatwa Harus Menjadikan Perkarangan Masjid Sebagai Pusat Rawatan Sementara Pesakit Covid-19. Diakses daripada <https://www.iumsonline.org/ar/ContentDetails.aspx?ID=11299>.
- Dar al-Ifta’ al-Masriyyah. *Penjarakan Saf Semasa Solat Berjemaah*. Diakses daripada <https://bit.ly/2UAVWMu>.
- Hassan bin Ahmad bin Muhammad al-Kaf, *Taqrirat al-Sadidah Fi Masail al-Mufidah*, (t.t.) Dar al-Mirath al-Nabawiyah.
- Hassani Muhammad Nur, (2017). *Fiqh al-Masajid Fi al-Syari’ah al-Islamiyyah*. (Kaherah: Dār al-Salām).

- International Union For Muslims Scholars, diakses daripada <https://iumsonline.org/en/Sections.aspx?ID=4>
- Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19, (2021). *Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan*. 10 Mac 2021.
- Kamal al-Din al-Maqdisi al-Syafie, *Tashil al-Maqasid Li Zuwar al-Masajid*, (t.t.)
- Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, (2020). *Al-Bayan Isu Penjarakan Fizikal Semasa Solat Berjemaah Di Masjid dan Surau* (Siri 6).
- Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, (2020). *Al-Bayan Pengambilan Vaksin Covid-19: Hukum dan Pelaksanaannya* (Siri 7).
- PPV masjid: Ruang solat tidak boleh jadi tempat suntik vaksin, diakses daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ppv-masjid-ruang-solat-tidak-boleh-jadi-tempat-suntik-vaksin-305503> pada 28 Jun 2021.
- Tidak perlu pertikai kegunaan masjid sebagai PPV. Diakses daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tidak-perlu-pertikai-kegunaan-masjid-sebagai-ppv-305546> pada 28 Jun 2021.

## BAB 15

### PEMBERIAN ZAKAT KEPADA PETUGAS BARISAN HADAPAN MENURUT PERSPEKTIF SYARAK

Nur Mardia binti Mazri,<sup>1</sup> Zubair bin Amir Nur Rashid<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Universiti Malaya (UM)

<sup>2</sup> Universiti Malaya (UM)

#### Pendahuluan

Zakat ialah satu kewajipan dan ketentuan daripada Allah SWT ke atas setiap individu muslim. Kewajibannya selalu disebut seiring dengan kewajipan solat berdasarkan firman-Nya dalam surah al-Taubah ayat 103:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا

Maksudnya:

*“Ambillah sebahagian harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan mensucikan mereka (daripada akhlak yang buruk)...”*

Hal ini disebabkan solat boleh membersihkan jiwa ataupun roh manakala zakat dapat membersihkan harta (Wahbah al-Zuhaili, 1997). Kedua-duanya perlu dijaga oleh umat Islam demi melahirkan masyarakat yang beriman kepada Allah dan cakna tentang nasib kaum muslimin yang lain. Selain itu, zakat menjadi instrumen penting untuk menjaga ekonomi umat Islam. Antara hikmah pensyariatan zakat ialah membela nasib golongan yang kurang berkemampuan, merapatkan jurang sosioekonomi dan memastikan harta tidak bertompok pada golongan kaya sahaja. Pengabaian kepada ibadah zakat akan menjadikan umat Islam mundur, membantutkan pertumbuhan ekonomi dan seterusnya memberi kesan kepada kestabilan sosial dan politik. Walau bagaimanapun, Islam telah menggariskan hanya asnaf tertentu yang layak diberikan zakat. Hal tersebut adalah perkara *tawqifi* yang telah disebut dengan jelas di dalam al-Quran. Oleh yang demikian, pembahagian zakat kepada golongan tersebut mestilah berpandukan neraca syarak dan diuruskan mengikut landasan yang sebenar.

#### Pengenalan Zakat Dan Pembahagian Asnaf Zakat

Zakat ialah satu ibadah dalam bentuk harta dan ia adalah bantuan kewangan kepada mereka yang memerlukan. Dalam perbahasan fiqah, golongan yang memerlukan ini disebut sebagai asnaf. Asnaf ialah mereka yang layak menerima zakat. Golongan ini telah dihadkan oleh nas al-Quran kepada lapan golongan sahaja iaitu berdasarkan firman-Nya dalam surah al-Taubah ayat 60:

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ  
فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

Maksudnya:

“Sesungguhnya sedekah (zakat) itu, banyalah untuk fakir, miskin, dan amil-amil yang menguruskannya, dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang bendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk dibelanjakan pada jalan Allah (perang) dan orang-orang musafir yang terputus bekalan di dalam perjalanan, ketetapan hukum yang demikian itu adalah sebagai suatu yang datangnya dari Allah dan ingatlah Allah amat mengetahui lagi amat bijaksana”.

Berdasarkan ayat tersebut, para ulama mengatakan asnaf zakat terbahagi kepada lapan iaitu seperti berikut:

- 1) Faqir
- 2) Miskin
- 3) Amil
- 4) Mualaf
- 5) Hamba Mukatab
- 6) Orang yang berhutang
- 7) Orang yang berperang pada jalan Allah
- 8) Ibnu Sabil

Berdasarkan ayat di atas, ada disebutkan lafaz ‘*in-nama*’ yang membawa maksud ‘*al-basr*’ iaitu sekatan. Oleh yang demikian, hal ini menunjukkan bahawa hanya golongan yang disebut sahaja yang boleh menerima zakat. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam Fakhruddin al-Razi: “Sesungguhnya kalimah ‘*innama*’ merupakan gabungan kalimah ‘*inna*’ dan ‘*ma*’. Kalimah ‘*inna*’ menunjukkan makna sabit iaitu tetap manakala kalimah ‘*ma*’ menunjukkan maksud penafian. Justeru apabila digabungkan antara dua kalimah tersebut maka wajib untuk kita mengekalkannya mengikut kefahaman yang asal iaitu suatu hukum tersebut hanya berkaitan atau memberi faedah kepada perkara yang telah dinyatakan sahaja dan tidak boleh memberi faedah kepada perkara yang selain daripadanya” (Fakhruddin al-Razi, 2000).

Oleh yang demikian, zakat hanya boleh diagihkan kepada asnaf yang telah disebutkan sahaja. Ia tidak boleh sama sekali dibayar kepada golongan yang selain daripada asnaf yang telah dinyatakan. Sekiranya ia tetap dibayar atau diagihkan kepada mereka yang bukan terdiri daripada asnaf maka pembayaran tersebut tidak sah dan tidak terangkat kewajipan zakat daripada seseorang individu atau wakil yang ditugaskan untuk membayar zakat.

Di samping itu, pengagihan zakat kepada golongan asnaf ini hendaklah mengikut keutamaan iaitu mengikut tertib asnaf mana yang perlu didahulukan. Dalam meletakkan keutamaan pembahagian zakat ini, para ulama membahagikan golongan asnaf kepada dua kelompok berdasarkan turutannya ‘*li*’ dan ‘*fi*’ di dalam ayat, iaitu:

1. *Asnaf Muqaddam* (yang terawal dan didahulukan): Asnaf fakir, miskin, amil dan muallaf.

2. *Asnaf Muakkebar* (terakhir dan dikemudiankan): *Asnaf al-riqab, al-gharimin, fī sabīlillah* dan *ibn sabil* (Zakariyya al-Ansari, 2000).

Nabi SAW bersabda:

إِنَّ رَجُلًا يَتَخَوَّضُونَ فِي مَالِ اللَّهِ بِغَيْرِ حَقٍّ، فَلَهُمُ النَّارُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

[Bukhari, *Sahih al-Bukhari, Kitab Fard al-Khams, Bab Qaulillahi Taala: Faanna Lillahi Khumusahu*, no hadis 3118]

Maksudnya:

“*Sesungguhnya seseorang yang membayar zakat dengan harta Allah Taala bukan dengan jalan yang baik maka nerakalah tempatnya di hari akhirat nanti.*”

Berdasarkan hadis di atas, dapatlah difahami bahawa sesiapa yang mengambil zakat sedangkan dia bukanlah daripada golongan yang berhak untuk mendapatkannya, maka disebutkan balasannya adalah ditempatkan di neraka di akhirat kelak. Begitu juga halnya seseorang yang memakan harta waqaf dengan cara yang zalim iaitu melalui jalan yang tidak dibenarkan oleh syarak maka tempatnya juga adalah di dalam neraka.

Selain itu, para ulama menegaskan barangsiapa yang mengambil wang zakat sedangkan dia bukanlah orang yang layak ke atasnya maka hendaklah dia mengembalikan wang tersebut atau bersedekah dengannya. Hal yang demikian ialah kerana wang zakat tersebut adalah haram ke atasnya. Begitu juga halnya seorang yang dipertanggungjawabkan untuk membayar atau mengagihkan zakat maka hendaklah dia berijtihad dalam menentukan penerima zakat yang benar-benar layak. Sekiranya petugas zakat itu memberikan zakat kepada seseorang tetapi ternyata dia bukanlah seorang yang layak mendapat zakat maka pengagihan zakat tersebut tidak sah (Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait, 2006).

Justeru, kaedah untuk menentukan seseorang itu berhak untuk menerima zakat atau tidak hendaklah ditimbang dengan neraca hukum syarak. Kita memahami melalui nas al-Quran bahawa mereka yang tergolong dalam asnaf yang lapan itu sahaja yang berhak untuk menerima zakat.

## Kategori Asnaf Bagi Petugas Barisan Hadapan

Petugas barisan hadapan ialah golongan yang ditugaskan secara langsung dalam pengurusan serta pembendungan Covid-19 di negara kita. Mereka terbahagi kepada petugas barisan hadapan sektor kesihatan seperti doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terbabit secara langsung. Manakala terdapat juga petugas barisan hadapan bukan sektor kesihatan seperti anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA yang terbabit secara langsung melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Sejak pandemik Covid-19 melanda negara kita, petugas barisan hadapan terutamanya kakitangan kesihatan telah banyak bertungkus lumus memerangi wabak tersebut. Mereka adalah golongan yang bertanggung jawab menyediakan rawatan buat pesakit di hospital dan pusat penempatan sementara, mengendalikan urusan pengambilan ujian calitan Covid-19, menjalankan ujikaji sampel darah, menjayakan program vaksinasi dan sebagainya. Tambahan pula, angka individu yang dijangkiti Covid-19 semakin bertambah hari demi hari, begitu juga dengan angka

kematian akibat jangkitan Covid-19. Tentunya, proses pengendalian penyakit ini bukanlah suatu perkara yang mudah apatah lagi apabila petugas tersebut berhadapan dengan risiko yang tinggi untuk dijangkiti wabak berkenaan. Di samping itu, selaras dengan situasi semasa yang genting ini, kebanyakan mereka terpaksa bekerja lebih masa dan terpaksa dibekukan cuti.

Justeru, pihak kerajaan telah mewujudkan inisiatif iaitu pemberian *one-off* sebanyak RM 500 kepada semua petugas barisan hadapan kesihatan dan RM 300 kepada petugas barisan hadapan yang lain. Malah mereka juga memperoleh elaun bulanan tambahan sebanyak RM 600 kepada petugas barisan hadapan sektor kesihatan dan RM 200 kepada petugas barisan hadapan bukan kesihatan yang akan dibayar sehinggalah pandemik Covid-19 berakhir. Peruntukan ini merupakan pengiktirafan berterusan kepada jasa dan sumbangan petugas barisan hadapan. (Muhyiddin Yassin, 2020). Begitu juga pelbagai pihak baik individu, institusi kerajaan atau badan bukan kerajaan turut tampil menyalurkan bantuan khususnya sumbangan berupa kewangan dan bakul makanan untuk para petugas kesihatan.

Selain itu, dalam masa yang sama, timbul cadangan daripada sesetengah pihak untuk menyalurkan zakat kepada petugas barisan hadapan ini. Justeru timbul persoalan adakah petugas barisan hadapan ini layak diberikan zakat? Oleh yang demikian, perkara ini perlu diteliti menurut pertimbangan syarak kerana pemberian zakat hanya boleh diserahkan kepada asnaf yang layak sahaja.

Kita mengetahui bahawa asnaf zakat terbahagi kepada lapan kategori. Kategori ini adalah bersifat *tamqif* kerana telah sabit dengan nas yang *qat'ie* (tetap) iaitu berdasarkan ayat al-quran yang telah disebutkan sebelum ini. Walau bagaimanapun *dilalah* (tafsiran) daripada nas itu adalah bersifat *z'bonni* (sangkaan yang kuat) yang memungkinkan berlaku penafsiran yang pelbagai daripada para ulama. Oleh yang demikian, perbincangan berkenaan asnaf ini sentiasa terbuka yang mana ia juga merupakan antara hikmah Allah SWT membiarkannya terdedah kepada pelbagai tafsiran agar ia sesuai dengan ijtihad semasa. Justeru, kita dapat melihat para ulama kontemporari menggembleng tenaga berijtihad dengan meluaskan maksud tafsiran asnaf yang lapan ni sesuai dengan konteks semasa.

Justeru, dalam masalah petugas barisan hadapan, penulis melihat secara umumnya mereka boleh diberikan wang zakat melalui asnaf fakir dan miskin, *al-gharimin* atau *fisabilillah*. Manakala asnaf yang lain adalah tidak berkaitan dalam masalah ini. Walau bagaimanapun, kita hendaklah mengetahui dengan mendalam penafsiran para ulama mengenai maksud ketiga-tiga maksud asnaf ini bagi menentukan sama ada mereka tergolong dalam asnaf ini ataupun tidak.

#### 1. Fakir Miskin

Fakir ialah orang Islam yang tiada harta atau pendapatan, atau ada harta atau pendapatan tetapi tidak mencapai 50 peratus daripada had kifayah dirinya dan tanggungannya. Manakala miskin pula adalah orang Islam yang mempunyai harta atau pendapatan yang hanya boleh menampung lebih 50 peratus keperluan dirinya dan tanggungannya tetapi masih belum mencukupi had kifayah. (Zakat Selangor, 2021)

#### 2. Al-Gharimin

Gharimin ialah orang Islam yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas diri dan tanggungannya atau kepentingan masyarakat dan tiada keupayaan untuk membayarnya. Orang Islam yang berhutang untuk memenuhi keperluan asasi bagi permasalahan diri atau keluarga

tanggungannya atau orang yang berhutang untuk menyelesaikan masalah masyarakat dan memerlukan:

- Orang yang berhutang itu tidak mampu menjelaskan hutangnya.
- Hutang itu hendaklah dalam perkara taat yang diharuskan syarak.
- Hutang telah sampai tempoh untuk dijelaskan (Zakat Selangor, 2021).

### 3. Fisabilillah

Para ulama empat mazhab bersepakat bahawa yang dimaksudkan dengan *fisabilillah* ialah berjihad pada jalan Allah SWT semata-mata dan segala perkara yang berkaitan dengannya seperti menyediakan kelengkapan perang seperti angkatan ketenteraan dan peralatan perang. Pandangan ini adalah pandangan majoriti ulama yang terdiri daripada Mazhab Hanafi, Syafie Maliki dan Hambali dan Zahiri serta sebahagian besar para fuqaha. Hal ini adalah berdasarkan hadis Nabi SAW:

مَنْ قَاتَلَ لِتَكُونَ كَلِمَةُ اللَّهِ هِيَ الْعُلْيَا فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

[Bukhari, *Sahih al-Bukhari, Kitab al-‘Ilm, Bab Qaulillahi Taala: Faanna Lillahi Khumusahu*, no hadis 3118, Muslim, *Sahih Muslim, Kitab al-Imarah, Bab Man Qatala Litakuna Kalimatullahi Hiya al-‘Ulya Fabuwa Fi Sabilillah*, no hadis 1904]

Maksudnya:

“Barang siapa yang berperang, berjuang dan berjihad untuk memastikan kalimah Allah itu adalah yang tertinggi maka itulah yang dimaksudkan *fisabilillah*”.

Manakala menurut Imam ar-Razi lafaz *fisabilillah* dalam ayat 60 Surah al-Taubah tidak wajar dikhususkan kepada maksud orang yang berperang di jalan Allah semata-mata. Beliau menukikan satu pandangan daripada Imam Qaffal di dalam tafsir beliau mengenai pandangan beberapa fuqaha yang mengatakan *fisabilillah* juga boleh ditafsirkan dengan segala perkara yang dilakukan untuk tujuan kebaikan, termasuk menyempurnakan jenazah, membina benteng atau kubu pertahanan dan membina masjid (Fakhrudin al-Razi, 2000).

Pandangan ini juga turut disokong oleh ulama kontemporari iaitu mereka meluaskan tafsiran makna *fisabilillah* kepada segala perkara kebaikan yang dilakukan untuk kemaslahatan umat Islam. Mereka yang berpandangan sebegini antaranya ialah Rasyid Redha, Syeikh Sayyid Syaltut, Jamaluddin al-Qasimi, Hasanain Makhluaf, Yusuf al-Qardhawi dan lain-lain. Malah, pandangan ini telah dipilih oleh Majma’ al-Fiqh al-Islami pada persidangan ke-8 di Mekah al-Mukarramah pada tahun 1405 Hijrah bersamaan 1983 Masihi (Nooh bin Gadut, 2009).

Di samping itu, Pusat Zakat di Malaysia turut mengambil tafsiran ini sebagai asas pertimbangan dalam menentukan pengagihan zakat kepada asnaf yang dikategorikan di bawah *fisabilillah* (Nooh bin Gadut, 2009). Sebagai contoh, Lembaga Zakat Selangor mentakrifkan asnaf *fisabilillah* sebagai perjuangan, usaha dan aktiviti yang bertujuan untuk menegakkan dan mempertahankan agama Allah (Zakat Selangor, 2021). Manakala Majlis Agama Islam Wilayah

Persekutuan mentakrifkan asnaf *fisabilillah* sebagai mana-mana orang atau pihak yang melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau aktiviti untuk menegak, mempertahankan dan mendakwahkan agama Islam serta kebajikannya (Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2021).

## Analisis Hukum Pemberian Zakat Kepada Petugas Barisan Hadapan

Justeru, jelas bahawa zakat hanya boleh diberikan kepada asnaf yang layak. Dalam isu petugas barisan penulis melihat petugas barisan hadapan tidak sesuai dikategorikan di bawah asnaf *fisabilillah* atas sebab-sebab berikut:

i. Para ulama menjelaskan asnaf *fisabilillah* hanya layak diberikan wang zakat sekiranya mereka tidak dibayar gaji oleh kerajaan. Manakala sekiranya mereka telah mendapat gaji tetap daripada kerajaan maka telah memadai dengan gaji tersebut dan menggugurkan hak mereka untuk mendapatkan wang zakat (Wahbah al-Zuhaili, 2014).

Dalam isu ini, kita melihat petugas barisan hadapan kebiasannya bekerja di sektor awam atau swasta yang mana telah dibayar gajinya oleh pihak kerajaan atau majikan masing-masing. Justeru mereka tidak lagi berhak untuk menerima wang zakat kerana telah mendapat gaji tetap setiap bulan. Tambahan pula, mereka mendapat peruntukan khas secara *one-off* daripada pihak kerajaan serta dibayar elaun tambahan bulanan khas pada musim pandemik ini.

ii. Antara maqasid pemberian wang zakat adalah untuk meraikan keperluan umat Islam yang berkaitan dengan keperluan *daruriyyat* dan *hajiyyat*. Hal ini adalah berdasarkan pertimbangan pemerintah iaitu dengan melihat kepada uruf setempat dan perbelanjaan semasa (Wahbah al-Zuhaili, 2014). Oleh yang demikian, kebiasaannya wang tambahan yang diberikan kepada petugas barisan hadapan adalah bertujuan untuk meningkatkan motivasi dan menyuntik semangat mereka agar terus semangat bekerja. Justeru, tujuan tersebut adalah termasuk dalam tujuan *tahsiniiyyat* yang mana tidak bersesuaian untuk disalurkan wang zakat.

iii. Asnaf *fisabilillah* termasuk dalam kategori *asnaf muakbbhar* (terkemudian untuk diserahkan wang zakat) (Zakariyya al-Ansari, 2000). Pada musim pandemik ini, lebih ramai masyarakat di luar sana yang lebih teruk terkesan seperti kehilangan pekerjaan, pengurangan gaji, kehilangan ketua keluarga yang mana merupakan punca pencarian rezeki. Justeru, penyaluran zakat kepada golongan sebegini lebih utama didahulukan dan diperluaskan berbanding dengan zakat kepada petugas barisan hadapan yang sudah berkemampuan dari sudut kewangan. Hal yang demikian adalah disebabkan mereka berhajat kepada kewangan untuk meneruskan hidup. Ketidakkukupan dalam kewangan boleh menjejaskan kehidupan, kesihatan dan seterusnya melibatkan nyawa.

iv. Sebaiknya bantuan khas kepada petugas barisan hadapan diambil daripada dana lain seperti bantuan kerajaan, sumbangan orang ramai, sumbangan badan bukan kerajaan (NGO) dan sebagainya iaitu dalam bentuk sedekah dan bukannya zakat.

Namun, petugas barisan hadapan masih layak mendapatkan wang zakat namun ia lebih sesuai diberikan melalui asnaf fakir dan miskin atau *al-gharimin*. Hal ini disebabkan sesetengah petugas barisan juga terkesan dengan suasana pandemik Covid-19 khususnya petugas barisan



hadapan yang mempunyai gaji yang agak sederhana seperti Kumpulan Perkhidmatan Sokongan iaitu pegawai yang menyandang Gred 29 ke bawah. Mereka berhak menerima zakat dalam asnaf tersebut sebagaimana masyarakat awam yang lain. Namun, permohonan tersebut mestilah mengikut syarat-syaratnya dan merujuk kepada Pusat Zakat di setiap negeri.

## Kesimpulan

Tuntasnya, zakat adalah suatu kewajipan bagi umat Islam. Pembahagiannya kepada mana-mana asnaf mestilah diteliti dengan baik oleh pihak pengurusan zakat kerana asnafnya telah ditentukan oleh Allah SWT. Petugas barisan hadapan memainkan peranan yang amat penting dalam perjuangan memerangi pandemik Covid-19 dan pengorbanan mereka sewajarnya dihargai. Inisiatif-inisiatif tambahan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan adalah suatu langkah yang amat terpuji bagi meningkatkan motivasi mereka. Namun, pemberian insentif tambahan melalui zakat memerlukan kepada penelitian hukum syarak.

Hasil kajian mendapati bahawa pemberian zakat kepada petugas barisan hadapan boleh diberikan sekiranya mereka tergolong dalam salah satu asnaf yang layak iaitu asnaf fakir dan miskin atau asnaf *al-gharimin* memandangkan sebahagian daripada mereka mempunyai gaji yang agak rendah dan turut terkesan di musim pandemik ini. Namun, perkara tersebut hendaklah merujuk kepada terma dan syarat-syarat yang telah diputuskan oleh Pusat Zakat di setiap negeri. Namun, mereka tidak sesuai dikategorikan secara khusus di bawah asnaf *fisabilillah* atas sebab-sebab yang telah dinyatakan. Hal ini adalah merupakan langkah yang lebih *ihthiyat* (berhati-hati) dan selamat bagi memelihara wang zakat agar tidak bermudah-mudah dalam pembahagiannya serta bagi mengelakkan lambakan pihak yang menerima zakat di bawah asnaf *fisabilillah*.

## Rujukan

Hassani Muhammad Nur, (2017). *Fiqh al-Masajid Fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*. (Kaherah: Dār al-Salām).

Al-Zuhaylī, Wahbah, (1997). *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Syari'ah wa al-Manhaj*. (Dimasyq, Dār al-Fikr al-Muā'sir).

Al-Rāzī, Fakhrudīn, (2000). *Al-Tafsir al-Kabir Wa Mafatih al-Ghaib*. (Beirut: Dār al-Kutūb al-'Ilmiyah).

Zakariyya al-Ansari, (2000). *Asna al-Matolib fi Syarh Raud al-Talib*. (Beirut: Dār al-Kutūb al-'Ilmiyah).

Nooh bin Gadut (2009). *Konsep Asnaf Fi Sabilillah Mengikut Hukum Syarak*. Seminar Pengagihan Zakat Mengikut Sinf Fi Sabilillah.

Elaun Petugas Barisan Hadapan, diakses daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/834354/lebih-rm790-juta-bayar-elaun-petugas-barisan-hadapan> pada 15 Julai 2021.

Lembaga Zakat Selangor, diakses daripada <https://www.zakatselangor.com.my/agihan-zakat/penerima-kriteria-penerimaan-zakat/> pada 20 Julai 2021.

Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi & Rakyat Malaysia (PERMAI), Kementerian Kewangan Malaysia, diakses daripada <http://belanjawan2021.treasury.gov.my/permai/> pada 22 Julai 2021.

Muhyidin Yassin, Petugas Barisan Hadapan KKM Perolehi Elaun Khas RM600 Sebulan – Belanjawan 2021, diakses daripada <https://rnggt.com/tag/petugas-barisan-hadapan-kkm-perolehi-elaun-khas-rm600-sebulan-belanjawan-2021/> pada 22 Julai 2021.

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, diakses daripada <https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/2015-11-20-07-49-26/takrif-asnaf> pada 20 Julai 2021.

## **BAB 16**

### **REALITI DAN CABARAN TENAGA PENGAJAR TAHFIZ FASA PANDEMIK COVID-19: PENGALAMAN DI UNIVERSITI TENAGA NASIONAL (UNITEN)**

Amaluddin Arshad,<sup>1</sup> Muhammad Hafizan Abd Hamid,<sup>1</sup> Siti Salma Mohamad Shokri<sup>1</sup> Syafawati Salihan,<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Universiti Tenaga Nasional

#### **Pendahuluan**

Sejarah pembelajaran al-Quran bermula dengan zaman Rasulullah SAW dan zaman para sahabat supaya ia dapat berbekas dalam diri kita bagaimana usaha mereka mempelajari, membaca dan menghafal al-Quran. Sebagaimana yang kita tahu, al-Quran diturunkan kepada Rasulullah SAW ketika Baginda berumur 40 tahun di mana Baginda SAW sedang beribadat di Gua Hira' dan Allah SWT memerintahkan Jibril AS untuk mengajarkan al-Quran kepada Baginda SAW (Zulkifli, 2015). Proses menghafaz al-Quran telah bermula seawal zaman kenabian lagi. Kesenambungan proses pengekalan hafazan al-Quran berterusan dari zaman ke zaman dan meluas ke seluruh pelusuk dunia. Perkembangan bidang hafazan ini sangat memberi impak positif kepada masyarakat khususnya dalam usaha penerapan nilai al-Quran dalam kehidupan masyarakat.

Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) adalah antara institusi terawal aliran sains di Malaysia yang menawarkan program pengajian tahfiz yang disepadukan dengan beberapa bidang profesional. Program yang dikenali dengan Huffaz Profesional UNITEN ini telah mula dijalankan pada tahun 2012. Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UNITEN ini merupakan program bersepadu akademik dan tahfiz dengan menggabungkan program tahfiz dengan Kejuruteraan, Sains Komputer, Perakaunan ataupun Pentadbiran Perniagaan. Melihat kepada perkembangan dan sambutan yang sangat menggalakkan, UNITEN mengambil langkah proaktif pada tahun 2017 dengan memperkenalkan program Diploma Pengurusan Korporat Tahfiz yang diurus sepenuhnya oleh pihak UNITEN (Muhammad Hafizan, Siti Salma, Syafawati, 2020). Program ini adalah program yang mempunyai keunikan tersendiri kerana pelajar akan mengikuti sesi pembelajaran secara serentak iaitu di antara pengajian tahfiz dan pengajian akademik dalam bidang profesional.

#### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan metodologi pemerhatian dan analisis dokumen. Bahan-bahan kajian diperolehi daripada pemerhatian terhadap pelaksanaan PdP bagi subjek-subjek hafazan al-Quran melalui program Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM-UNITEN dan Diploma Korporat Management Tahfiz di UNITEN sepanjang berlangsungnya pembelajaran al-Quran secara atas talian dalam tempoh fasa PKP. Di samping itu, penelitian juga dibuat terhadap bahan yang diperolehi daripada buletin yang dikeluarkan oleh pihak *Teaching and Learning Centre* UNITEN (TLC), serta bahan-bahan daripada kursus-kursus yang pernah dianjurkan oleh pihak TLC, di mana bahan-bahan tersebut menyentuh tentang kaedah penggunaan teknologi digital dalam pengajaran Blended Learning. Beberapa laman sesawang yang berkaitan dengan penggunaan teknologi digital ini juga menjadi rujukan data bagi penulisan ini di samping melihat data daripada dapatan teaching evaluation setiap semester mengenai respon positif daripada para pelajar.

## Realiti Dan Cabaran Tenaga Pengajar Hafazan Al-Quran Fasa Pandemik Covid-19 Serta Solusinya

Pandemik COVID-19 adalah situasi di luar jangka dan tidak pernah berlaku dalam lipatan sejarah dunia. Kesan daripada pandemik ini bukan hanya dari aspek kesihatan, tetapi berkait dengan semua urusan dan kehidupan manusia. Keseluruhan masyarakat perlu menjalani kehidupan norma baru yang bersesuaian dengan keadaan semasa ini. Tidak terkecuali akibat pandemik ini, aspek pendidikan juga sangat terkesan sama ada di peringkat rendah, menengah mahupun pengajian tinggi. Menurut sumber *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)*, pandemik COVID-19 memberi kesan kepada 1.5 bilion pelajar daripada lebih 165 buah negara di seluruh dunia (Wan Ya Shin, 2020). Justeru, langkah proaktif perlu diambil bagi memastikan kelangsungan proses pengajian dapat terus berjalan.

Pengajaran dan pembelajaran bagi program tahfiz di UNITEN khususnya tetap berlangsung selepas pengistiharan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh Kerajaan Malaysia. Pihak UNITEN mengambil langkah proaktif dengan merangka dan menyusun beberapa inisiatif pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian. TLC bertindak bagi menyelaraskan medium pengajaran dan pembelajaran antaranya melalui aplikasi *Microsoft Teams* sebagai aplikasi rasmi termasuklah kelas hafazan (Muhammad Hafizan, Siti Salma, Syafawati, 2020). Namun begitu, para pensyarah juga ada menggunakan pelbagai aplikasi lain antaranya *Zoom*, *WebeX*, *Whatsapp Video Call*, *Google Meet* sebagai alternatif dengan hasrat memudahkan dan memastikan proses pengajian tetap berjalan. Tradisi pengajian tahfiz adalah melalui proses tasmi' secara bersemuka antara pelajar dan guru. Namun, ianya mengalami perubahan pendekatan apabila perlu dilaksanakan secara atas talian. Bagi tenaga pengajar di IPT, pembelajaran teradun (*blended learning*) sememangnya lama dipraktikkan memandangkan pelajar agak matang dan boleh berdikari. Namun tidak semua ilmu yang disampaikan melalui atas talian berkesan (Zetty, 2020).

Justeru, beberapa cabaran baharu yang perlu dihadapi terutamanya bagi tenaga pengajar tahfiz dan ianya dilihat berdasarkan pengalaman mengendalikan kelas hafazan setiap hari di UNITEN. Antaranya:

### **Pelaksanaan dan kawalan kelas**

Kelas hafazan di UNITEN dilaksanakan pada setiap hari bermula jam 8.00 pagi sehingga 11.00 pagi. Semasa PKP ini, tiada perubahan waktu dan tempoh kelas hafazan rasmi seperti yang dijadualkan. Antara cabaran semasa pelaksanaan dan kawalan kelas hafazan adalah komitmen kehadiran pelajar, waktu masuk kelas atas talian, memastikan pelajar tetap ada sepanjang waktu kelas, memastikan tempoh keluar pelajar sama ada ke tandas atau sebab lain, kesahan proses tasmi' dan bacaan ulangan (*muraja'ah*) serta kesungguhan pelajar semasa kelas hafazan. Beberapa solusi diambil bagi memastikan perlaksanaan kelas berjalan dan terkawal. Pada awal semester, para pensyarah akan menjadualkan di kalendar *Microsoft Teams* setiap pelajar kelas masing-masing. Namun begitu, para pensyarah lebih terbuka kepada pelajar dan memberi kelonggaran untuk tasmi' di luar waktu rasmi kelas hafazan memandangkan kekangan semasa. Bagi pelajar yang tidak masuk ke kelas pada waktu rasmi, mereka akan dihubungi melalui panggilan *Microsoft Teams* sehinggalah pelajar masuk dan diambil rekod kehadiran. Pelajar diwajibkan mengaktifkan kamera sepanjang waktu kelas agar pantauan keberadaan pelajar dapat dilihat oleh pensyarah. Sekiranya ada pelajar yang keluar sebentar atas beberapa sebab, mereka perlu memaklumkan di ruangan komen terlebih dahulu. Selain itu, bagi memastikan kesahan sewaktu pelajar tasmi' mahupun ulangan hafazan, mereka diminta untuk menggunakan penutup mata dengan kedudukan jarak yang sesuai.

## Kualiti bacaan dan hafazan

Proses penjagaan hafazan bermula sejak pelajar memulakan hafazan al-Quran lagi. Tenaga pengajar memainkan peranan penting dalam mengawal selia hafazan pelajar semasa proses tasmī' berlangsung (Khairul Anuar, 2016). Menurut Ashraf, Khazri dan Nurul Huda (2020), melaksanakan tasmī' hafazan kepada pelajar secara atas talian bukanlah sesuatu yang mudah. Cabaran terbesar yang dihadapi dalam situasi pandemik ini adalah kualiti suara yang kurang jelas ketika proses tasmī' berlangsung. Ia terkait dengan masalah capaian internet serta kesesuaian spesifikasi alat sama ada telefon pintar atau komputer riba yang digunakan oleh pensyarah mahupun pelajar. Namun begitu, para pensyarah tidak boleh mengalah dan mengeneipkan aspek kualiti bacaan dan hafazan pelajar kerana itulah asas dan teras utama yang perlu dijaga. Justeru, antara cara yang dilaksanakan dalam pengajian tahfiz di UNITEN ialah pelajar mendengar dan menyemak bacaan pada setiap muka surat terlebih dahulu menerusi laman web terpilih antaranya *tanzil.net*. Perisian ini memudahkan pelajar mendengar bacaan dari para Qari terkemuka sekaligus menyemak muka surat hafazan mereka. Namun begitu, ia hanyalah alternatif dan tidak dapat mengatasi kelebihan *talaqqi* dan *musyafahah* di hadapan guru. Selain itu, pensyarah juga akan menandakan setiap kesalahan semasa tasmī' sama ada hukum tajwid, kesalahan ayat atau perkataan melalui tangkapan skrin (*screenshot*) muka surat yang ditasmī' oleh pelajar. Mereka boleh menyemak semula kesalahan yang dilakukan dan perlu memperbaikinya semula.

## Pengendalian ujian dan peperiksaan

Bagi subjek hafazan di UNITEN, terdapat dua ujian yang perlu dihadapi oleh para pelajar iaitu lisan (*syafawi*) dan bertulis (*tabriri*). Cabaran pengendalian bagi ujian lisan sama seperti proses tasmī' berlangsung. Tetapi ia sedikit unik untuk pengendalian ujian bertulis kerana jika pelaksanaan secara bersemuka, pantauan dan kawalan ketika peperiksaan berlangsung dapat dilakukan dengan lebih teliti dan menjaga integriti pelajar. Namun, ketika fasa pandemik ini, semua ujian perlu dilaksanakan secara dalam talian yang menyebabkan pantauan terhadap integriti pelajar ketika menjawab peperiksaan menjadi sukar. Solusi bagi masalah ini, UNITEN mengaktifkan penggunaan *Safe Exam Browser* bagi pensyarah yang menjalankan peperiksaan menggunakan medium *Moodle*. *Moodle* adalah satu platform pengurusan pembelajaran yang direka untuk menyediakan pendidik, pentadbir dan pelajar dengan satu sistem yang kuat, selamat dan bersepadu. Pihak UNITEN mengambil inisiatif untuk menjadikan *Moodle* sebagai platform rasmi bagi kemudahan pengurusan pembelajaran kepada pensyarah dan juga pelajar UNITEN (Siti Salma, Syafawati, Muhammad Hafizan, 2020). Selain *Moodle*, para pensyarah juga boleh menggunakan aplikasi dalam talian yang lain untuk pelaksanaan peperiksaan bertulis seperti *Microsoft Teams*, *Google Meet*, dan lain-lain. Para pelajar akan dibekalkan dengan panduan menjawab peperiksaan dalam talian dan pensyarah akan memastikan para pelajar mengikuti panduan yang telah diberikan sebelum peperiksaan bermula.



## Rajah 1: Panduan Menjawab Peperiksaan Dalam Talian

### Suasana bekerja dari rumah

Arahan bekerja dari rumah (BDR) bermula ketika fasa perintah kawalan pergerakan fasa pertama. Ketika semua sektor di tutup, arahan BDR telah dikuatkuasakan kepada semua pekerja. Secara umumnya BDR memberi masa bekerja yang lebih fleksibel kepada para pekerja dalam menyelesaikan sesuatu tugas. BDR mempunyai kelebihan dan kelemahan yang tersendiri. Antara kelebihan BDR ialah mempunyai pelbagai kelebihan seperti masa yang fleksibel, persekitaran ruang tempat kerja yang tenang, keseimbangan lebih baik antara rumah dengan pejabat serta tidak perlu terbabit dalam kesesakan lalu lintas. Namun, berdasarkan kajian yang dibuat, hanya sebahagian kecil pekerja di Malaysia merasakan produktif ketika bekerja di rumah. Sebahagian besar yang lain menghadapi kesukaran bekerja dari rumah disebabkan tidak mempunyai ruang yang sesuai, sukar mencari keseimbangan kerja, gangguan daripada ahli keluarga yang berada di rumah, sukar menjejaki perkembangan rakan sekerja, dan menerima panggilan mesyuarat dan persidangan dalam talian yang berlebihan (Nornadia, 2020). Justeru itu, antara inisiatif yang di ambil oleh UNITEN bagi mengurangkan tekanan BDR ialah:

Menganjurkan sesi doa dan ceramah motivasi secara berkala

Antara program yang dilaksanakan secara berkala ialah doa setiap pagi sebelum memulakan tugas. Doa ini akan di bimbing oleh Ustaz Rusli, Pensyarah UNITEN sebelum disusuli dengan ucapan ringkas daripada Naib Canselor melalui *Microsoft Teams*. Selain itu, Pusat Islam UNITEN turut menganjurkan tazkirah dalam talian yang dijalankan setiap minggu pada hari Rabu. Tazkirah ini akan diisi oleh tenaga pensyarah UNITEN atau jemputan luar bermula dari jam 12 tengah hari hingga 1 petang. Di samping itu juga, Pusat Kemajuan Kualiti UNITEN (QAC) tidak ketinggalan melaksanakan program *Quality Moment* dengan memfokuskan perbincangan kepada pengurusan stress. Bacaan Yasin secara dalam talian juga dilaksanakan pada setiap hari Khamis malam Jumaat. Selain daripada unit bisnes di atas, Persatuan Kakitangan Universiti Tenaga Nasional (PAKAT), Kelab Kilat UNITY dan Kaunselor UNITEN juga giat menganjurkan pengisian bagi membantu para pekerja mengurangkan tekanan bekerja dari rumah di samping membantu mereka menyeimbangkan kehidupan dalam mengurus tekanan emosi, mental dan pengurusan masa melalui ceramah yang diadakan secara berkala.

**Tazkirah @UNITEN**  
SECARA ONLINE JULAI 2021

PLATFORM: MICROSOFT TEAMS  
MASA: 12:00 TENGAHARI - 1:00 PETANG

TARIKH: RABU | 28 JULAI 2021  
TAJUK: WASIAT BAGINDA SAW  
PENYAMPAI: KHAIRUZAMAN BIN KADIR

TERBUKA KEPADA SEMUA ANGGOTA KERJA UNITEN

www.uniten.edu.my

**Yassin Time @UNITEN**  
Secara Online  
<https://bit.ly/2VEGvDD>

Assalamualaikum,  
Sahabat-sahabat yang dikasihi sekalian,  
Kelab Kilat UNITY dengan Kerjasama Pusat Islam UNITEN menjemput semua warga kerja di UNITEN, TNBR dan YTN untuk menghadiri Program Bacaan Yassin secara Online. Maklumat adalah seperti dibawah.

Setiap Khamis (Selepas solat fardu Maghrib)  
8.00 malam - 9.00 mlm  
di ikuti dengan Bacaan Doa Elak Wabak

Marilah bersama kita merebut peluang beramal ini.  
Semoga dengan kehadiran Sahabat dapat memeriahkan lagi majlis ilmu kita.

Sekian, Terima Kasih

## Rajah 2: Aktiviti Berkala Seperti Tazkirah dan Bacaan Yasin

Menganjurkan pertandingan keceriaan ruang bekerja di rumah

Persatuan Kakitangan Universiti Tenaga Nasional (PAKAT) telah menganjurkan pertandingan mencipta ruang kerja yang kondusif ketika pelaksanaan BDR. Pertandingan ini terbuka kepada semua warga kerja dan perlu meletakkan gambar sebelum dan selepas bagi penilaian pihak juri. Selain itu, Kelab Kilat UNITY iaitu terdiri daripada UNITEN, YTN dan TNBR telah melaksanakan Pertandingan Piala Presiden 2021 dan Data Jumlah Langkah (*steps*) bermula dari Januari 2021. Ini bagi membantu warga kerja untuk terus kekal aktif walaupun ketika berada di rumah.



Rajah 3: Poster Pertandingan Deko anjuran PAKAT

Pantauan berkala daripada pengurusan tertinggi

Semua warga kerja di UNITEN perlu mengemaskini kehadiran ke pejabat ketika BDR melalui sistem khas yang telah dibina oleh pihak *Information Technology and Multimedia Services (ITMS)*. Sistem ini tidak sekadar merakam kehadiran warga kerja, malah pengurusan tertinggi boleh memantau kerja atau tugas yang telah dibuat selepas warga kerja mengemaskini aktiviti harian yang telah mereka laksanakan.

## Kesimpulan

Fenomena COVID-19 memberi peringatan awal kepada tenaga pengajar tentang kepentingan meneroka kaedah pengajaran yang baharu. Pengajaran secara konvensional semakin kelihatan tidak lagi relevan pada masa pandemik ini. Para guru dan pensyarah perlu bersedia meningkatkan kompetensi dan kemahiran baharu yang sesuai dengan keperluan guru di era Revolusi 4.0. Tenaga pengajar mestilah bersedia dengan sebarang kemungkinan yang akan berlaku di samping perlu berfikir di luar kotak dalam menyampaikan segala maklumat pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar. Tenaga pengajar perlu lebih kreatif dalam sesi pengajaran norma baharu serta bersedia

menerima hakikat dan perubahan bahawa mereka adalah harapan kepada masyarakat dalam melahirkan generasi terdidik dan berwawasan tanpa mengira apa jenis cabaran serta kekangan yang bakal dihadapi, ia perlu diatasi dengan cermat dan bijaksana.

## Rujukan

- Ashraf Ismail, Khazri Osman dan Nurul Huda binti Hassan. 2020. *Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran Tasmik Hafazan Al-Quran Secara Atas Talian Sewaktu Pandemik COVID-19*, Bicara Dakwah Kali Ke 21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Khairul Anuar Mohamad .2016. *Sistem Kawalan Kualiti Huffaz*, Dlm. Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff, Nordin Ahmad, Ahmad Yussuf, Muhamad Alihanafiah Norasid, Selamat Amir, Adama Bamba, Mohd Zainuddin Wan Yusoff, Sukhairu Sulaiman, Shahrulkarnain Mohd Nazir (pnyt.). *Memperkasa Generasi Al-Quran*, Kuala Kuala Lumpur: Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia & Centre of Quranic Research, University of Malaya. *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*, Darul Quran JAKIM & Centre of Quranic Research (CQR), Selangor.
- Muhammad Hafizan Abd Hamid, Siti Salma Mohamad Shokri, Syafawati Salihan. 2020. *Pelaksanaan Kelas Hifz Al-Quran Fasa Perintah Kawalan Pergerakan Di Uniten: Satu Pemerhatian*. Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat. Penerbit FPPI KUIS. Bangi.
- Nornadia Omar. 2020. *Perintah Kawalan Pergerakan (PKP): Kesedaran dan Kesiediaan Penjawat Awam Bekerja Secara Dalam Talian*. Varia Ranah: Sorotan Ilmiah Perkhidmatan Awam. Putrajaya. 525-541. Retrieve from: [https://docs.jpa.gov.my/docs/flipbook/Varia\\_Ranah\\_-\\_Sorotan\\_Ilmiah\\_Perkhidmatan\\_Awam/2/](https://docs.jpa.gov.my/docs/flipbook/Varia_Ranah_-_Sorotan_Ilmiah_Perkhidmatan_Awam/2/)
- Siti Salma Mohamad Shokri, Syafawati Salihan, Muhammad Hafizan Abd Hamid. 2020. *Inovasi Digital Dalam Pengajaran & Pembelajaran Program Tahfiz Di Universiti Tenaga Nasional Melalui Metode Blended Learning*, Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat. Penerbit FPPI KUIS. Bangi.
- Wan Ya Shin. 2020. *Pendidikan Sepanjang Krisis COVID-19*. 8 April 2020. Retrieved from Institute For Democracy and Economic Affairs (IDEAS): <https://www.ideas.org.my/pendidikan-sepanjang-krisis-covid-19/>. Dimuat turun pada 12 Mei 2021.
- Zetty Raihan Mohd Yassin. 2020. *Menangani Cabaran Norma Baharu Pembelajaran dan Pengajaran Era COVID-19*. Ulasan Pakar UTM mengenai Isu Semasa COVID-19.
- Zulkifli Mohammad al-Bakri. 2015. *Tips Hafazan al-Quran*. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd.

## BAB 17



# **PENDEKATAN DAKWAH DALAM PENGURUSAN TINGKAH LAKU TANTRUM ANAK MENGALAMI AUTISME KETIKA PANDEMIK COVID-19**

Salmihah Che Mud<sup>1</sup>, Fariza Md Sham<sup>1</sup> & Manisah Mohd Ali<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

## **Pengenalan**

Pandemik *corona virus disease* pada penghujung tahun 2019 atau dikenali dengan COVID-19 telah membawa perubahan besar bukan sahaja kepada Malaysia tetapi turut melibatkan seluruh dunia. Pandemik ini yang dikenali sebagai koronavirus atau virus korona ialah sekumpulan virus berkaitan yang merupakan penyebab bagi penyakit dalam kalangan haiwan mamalia dan burung. Virus ini turut berupaya menjangkiti manusia bermula dengan simptom-simptom saluran pernafasan yang ringan seperti selesema biasa (majoriti disebabkan oleh rhinovirus), sehingga boleh membawa kepada maut sepertimana SARS, MERS dan COVID-19 (Anon 2020). Pandemik ini dikatakan merebak ke Malaysia pada 25 Januari 2020 juga turut mencatatkan peningkatan kes yang tinggi dari masa ke semasa (Anon 2020).

Kemunculan pandemik ini yang pertama kali berlaku di dunia termasuk di Malaysia memberi kejutan besar kepada masyarakat. Peningkatan kes dari sehari ke sehari mendatangkan kebimbangan bukan sahaja kepada masyarakat tetapi yang lebih utama ialah pihak kerajaan. Oleh itu, pada 16 Mac 2020, Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan bahawa tindakan yang diambil untuk mengekang berlakunya penyebaran COVID-19 ini dengan mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Melalui PKP ini beberapa peraturan (Pejabat Perdana Menteri 2020) perlu dipatuhi oleh rakyat Malaysia keseluruhannya iaitu antaranya:

1. Larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya. Semua rumah ibadat dan premis perniagaan kecuali pasar raya, pasar awam, kedai runcit dan kedai serbaneka yang menjual barangan keperluan harian. Manakala, bagi umat Islam semua aktiviti keagamaan di masjid dan surau termasuk solat Jumaat dibatalkan;
2. Sekatan menyeluruh semua perjalanan rakyat Malaysia ke luar negara dengan mereka yang baru pulang dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan dan melakukan kuarantin secara sukarela selama 14 hari;
3. Sekatan kemasukan semua pelancong dan pelawat asing ke dalam negara;
4. Penutupan semua taska, sekolah kerajaan dan swasta termasuk sekolah harian, sekolah berasrama penuh, sekolah antarabangsa, pusat tahfiz dan lain-lain institusi pendidikan rendah, menengah dan pra-universiti;
5. Penutupan semua institut pendidikan tinggi awam dan swasta serta institut latihan kemahiran di seluruh negara;

6. Penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara iaitu air, elektrik, tenaga, telekomunikasi, pos, pengangkutan, pengairan, minyak, gas, bahan api, pelincir, penyiaran, kewangan, perbankan, kesihatan, farmasi, bomba, penjara, pelabuhan, lapangan terbang, keselamatan, pertahanan, pembersihan, peruncitan dan bekalan makanan.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini pada fasa awalnya bermula pada 18 Mac hingga 31 Mac 2020. Namun disebabkan masih terdapat peningkatan mendadak, tempoh PKP ini dilanjutkan sehingga ke beberapa fasa iaitu fasa kedua pada 31 Mac hingga 14 April, fasa ketiga 15 April hingga 28 April, fasa keempat 29 April hingga 12 Mei dan fasa kelima 13 Mei hingga 9 Jun. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini dibahagikan kepada beberapa jenis, iaitu pertama Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). PKPD ini difokuskan bagi kawasan yang terjejas teruk dengan COVID-19 yang mana mencatatkan kes yang tinggi dan kawasan tersebut diperketatkan dengan pengawalan dalam urusan keluar masuk. Malah, penduduk bagi kawasan diperketatkan tidak dibenarkan keluar walaupun hanya untuk berada di beranda atau persekitaran rumah. Setiap bekalan makanan akan dihantar terus ke kediaman masing-masing oleh petugas kesihatan dan keselamatan.

Kedua adalah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) iaitu bermula pada pertengahan fasa keempat iaitu pada 4 Mei 2020 yang mana rakyat sudah dibenarkan untuk keluar bagi tujuan yang dibenarkan sahaja. Rakyat sudah boleh kembali bekerja bagi sektor-sektor yang dibenarkan dan beberapa lagi kelonggaran diberikan oleh pihak kerajaan agar rakyat dapat melaksanakan tugas-tugas seharian namun masih terikat dengan kawalan keselamatan yang ditetapkan. Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) akhirnya digantikan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang bermula pada 10 Jun hingga 31 Ogos 2020. Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) menyaksikan rakyat sudah bebas melakukan perjalanan rentas negeri kecuali melibatkan kawasan PKPD (Majlis Keselamatan Negara 2020). Malah, semua aktiviti sosial, pendidikan, keagamaan dan sektor ekonomi mula beroperasi semula secara berperingkat-peringkat. Setiap aktiviti pelancongan domestik dibenarkan semula namun pusat-pusat hiburan, refleksologi, taman tema, kenduri, rumah terbuka dan aktiviti yang melibatkan orang ramai masih tidak dibenarkan (COVID-19 Malaysia 2020).

Berkurung di rumah selama tiga bulan bukan suatu tempoh yang singkat dan mudah untuk dihadapi. Ianya merupakan satu bentuk tekanan yang terpaksa dilalui oleh semua lapisan masyarakat apatah lagi tidak dapat keluar melakukan aktiviti yang disukai, ke sekolah untuk belajar mahupun ke tempat kerja untuk bekerja juga tidak dibenarkan. Keadaan yang pertama kali berlaku ini bukan hanya menyebabkan Malaysia berkurung tetapi seluruh dunia juga terkesan sehingga sektor ekonomi lumpuh dalam jangka masa yang agak lama. Keadaan ini memaksa rakyat bekerja dari rumah (*work from home*) dan melakukan aktiviti di dalam rumah sahaja.

Wabak koronavirus yang berlaku sedikit sebanyak merencatkan segala aktiviti seharian rakyat Malaysia. Wabak ini boleh membawa maut sehingga akhirnya memaksa pihak kerajaan melakukan suatu tindakan drastik dalam memastikan keselamatan dan nyawa rakyat terselamat. Rakyat terpaksa berada di rumah dan tidak dibenarkan keluar bagi memastikan virus ini dapat dipatahkan dan bebas daripadanya. Keadaan ini yang pertama kali berlaku bukan sahaja memberi

kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara tetapi juga melibatkan emosi rakyat. Emosi rakyat terbeban dan tertekan apabila terpaksa berada di rumah dalam tempoh yang lama. Antara yang tertekan dengan keadaan ini ialah anak mengalami autisme.

Anak mengalami autisme adalah individu yang tertekan apabila PKP ini dilaksanakan sehingga memberi cabaran besar kepada ibu bapa dalam mengawal mereka. Hal ini kerana, antara satu ciri klasik autisme ialah akur pada rutin yang sama. Namun, apabila PKP ini dilaksanakan rutin ini tidak dapat dilakukan sehingga membawa mereka hilang fokus, tantrum dan mempamerkan masalah tingkah laku yang ketara. Ibu bapa turut mempunyai masalah dalam menerangkan tentang bahaya COVID-19 ini kepada anak mengalami autisme dan pada masa yang sama anak mengalami autisme juga tidak memahami tentang apa yang berlaku ketika itu.

## Jenis-Jenis Tingkah Laku Tantrum

Kesukaran dalam berkomunikasi secara lisan (*verbal*) dan bukan lisan (*non verbal*) adalah salah satu penyebab berlakunya masalah tantrum dalam diri anak mengalami autisme (Autism Society of America 2006). Apabila anak mengalami autisme tidak mempunyai kemahiran lisan dan perbendaharaan kata yang mencukupi, mereka akan memilih alternatif lain untuk menyatakan keinginan hati iaitu dengan menunjukkannya dalam bentuk tingkah laku. Ini kerana, perbuatan tingkah laku seperti menjerit, memukul diri sendiri, merosakkan objek di sekeliling, berlari, melompat, menghempaskan badan dan mencederakan orang lain adalah salah satu cara anak berkomunikasi iaitu melalui komunikasi bukan lisan (*non verbal*) (Colleen 2003; Rahmah 2020; Rubina & Kripa 2011). Jadi, tidak hairan apabila anak mengalami autisme menunjukkan rasa marah dan mengamuk apabila sesuatu keinginan yang diingini tidak dipenuhi.

Anak mengalami autisme yang mempamerkan tingkah laku tantrum dikatakan juga sebagai mempunyai *mindblindness* (Wright & William's 2007) yang mana mereka tidak memahami reaksi tidak bersetuju orang lain terhadap mereka. Daripada situ, mereka akan melakukan sesuatu perkara yang ingin dilakukan tanpa menghiraukan orang lain. Mereka akan melakukan apa sahaja yang disukai dan mahu dilakukan oleh mereka walaupun sudah dilarang. Akibat daripada larangan tersebut menyebabkan anak mengalami autisme akan menunjukkan tingkah laku tantrum. Terdapat dua jenis tantrum yang dekat dengan anak mengalami autisme iaitu sebagaimana berikut:

### 1. *Temper tantrum*

*Temper tantrum* adalah satu bentuk luahan perasaan apabila berada dalam keadaan tertekan ketika berada dalam sesuatu keadaan yang tertentu. Ledakan emosi ini berlaku kerana anak-anak menterjemahkannya dalam perbuatan sama ada melalui cara menjerit, berguling-guling, menangis, jatuh ke lantai, menendang-nendang, melempar barang, menghempas-hempas mahupun menahan nafas disebabkan menahan marah (Davidson 2006; McCurdy et al. 2006). Perkara ini berlaku kerana keinginan mereka yang tidak dipenuhi sehingga membawa kepada melepaskan tingkah laku tantrumnya.

Tingkah laku *temper tantrum* ini juga boleh terjadi dalam keadaan yang bersifat ekstrem dan teruk dan kadang-kadang ianya berlaku dalam keadaan ringan. Kebiasaanya *temper tantrum* yang bersifat ringan ialah merengek, mempamerkan riak muka yang sedih, memukul kepala dan menahan nafas sehingga hilang kesedaran dalam tempoh yang singkat (Mills & Woodring 2012).

Namun begitu, apabila dikatakan anak mengalami *temper tantrum*, mereka kebiasaannya akan mempamerkan tingkah laku yang biasa dilakukan oleh semua orang seperti menangis, menjerit, memukul lengan dan kaki, memukul orang lain, menghentak kaki di lantai atau dinding, melemparkan objek dan menggigit anggota badan orang lain (Davidson 2006). Tingkah laku yang ditunjukkan oleh mereka sebenarnya adalah untuk menyatakan keinginan hati mereka agar dipenuhi oleh orang sekeliling mereka. Namun begitu, ketidakfahaman orang sekeliling mereka memahaminya menyebabkan keadaan menjadi tidak terkawal.

*Temper tantrum* juga dikatakan sebagai suatu tanda perkembangan normal bagi anak-anak. Ianya dapat membantu mendidik anak-anak dalam mengawal emosi dan kebiasaannya tingkah laku ini berlaku paling kerap berlaku kepada anak-anak di antara usia 2 dan 3 tahun tetapi kadangkala dilihat seawal usia 12 bulan ataupun selewat-lewatnya 4 tahun (American Academy of Pediatrics 2008). Ini kerana, pada peringkat usia ini, anak-anak menunjukkan *temper tantrum* untuk mendapatkan perhatian ibu bapa, mendapatkan apa yang diinginkan atau mengelakkan daripada melakukan sesuatu yang tidak diinginkan oleh anak-anak (McCurdy et al. 2006). *Temper tantrum* anak-anak seawal usia 12 bulan ini tidak dianggap serius pada awalnya kerana hanya melibatkan emosi dan tingkah laku bersifat letih, sakit atau lapar sahaja (Kyle 2008). Mereka juga ketika itu masih belum belajar cara untuk mengawal kemarahan ataupun kekecewaan (Schonbeck 2006).

Namun, apabila mereka sudah melepasi umur 5 tahun dan masih menunjukkan *temper tantrum* ianya merupakan satu bentuk tindakan yang perlu dilihat secara serius. Ketika itu anak yang menunjukkan *temper tantrum* bukan sahaja mendatangkan bahaya kepada diri mereka bahkan boleh mencederakan orang lain dan harta benda yang terdapat di sekeliling (Elizabeth et al 2012). Ibu bapa perlu mengawal tingkah laku *temper tantrum* anak mereka dengan tenang, mengelakkan mereka daripada tantrum dan mengabaikan mereka sekiranya perlu. Ini adalah untuk memastikan agar anak tersebut dapat mengawal diri mereka daripada menunjukkan tingkah laku *temper tantrum* yang boleh mencederakan diri mereka dan juga orang lain.

## 2. *Sensory meltdown*

*Sensory meltdown* adalah satu bentuk ledakan emosi seorang anak yang sangat tertekan dengan keadaan yang dihadapi oleh mereka. Anak yang mengalami *sensory meltdown* menunjukkan tingkah laku mengamuk kerana mempunyai masalah dalam sensori (Ulvi Kholipah 2019). Keadaan ini berlaku kerana rangsangan sensori yang banyak memasuki panca indera sehingga anak tersebut keliru dengan apa yang berlaku kepada diri mereka. Ini yang membawa kepada anak tersebut dikatakan sebagai *sensory meltdown*. Namun begitu, masyarakat sering menggambarkan anak yang *sensory meltdown* sebagai *temper tantrum* sedangkan ianya berbeza sama sekali.

Sekalipun telah dipujuk, ditanya tentang masalah dan diberikan nasihat, namun anak yang mempunyai tingkah laku *sensory meltdown* tidak akan berhenti menangis dan mengamuk. Walaupun sudah diberikan apa yang mereka mahukan, namun anak yang mengalami *sensory meltdown* tidak akan berhenti mengamuk kerana mereka juga tidak tahu apa yang diinginkan oleh mereka sendiri (Christine 2016). Berikutan itu, anak menunjukkan emosi yang dilalui oleh mereka sedangkan masa yang sama orang sekeliling tidak memahami masalah yang dihadapi dan menganggap bahawa anak

tersebut mengalami *temper tantrum*. Ini kerana *sensory meltdown* akan lebih bersifat agresif dan adakalanya pasif seperti menekup muka, melarikan diri dan mendiamkan diri. *Sensory meltdown* juga lebih menjurus kepada sensitiviti mereka terhadap bunyi bising, cahaya, kawasan orang ramai dan sentuhan yang mana boleh mendatangkan perasaan keliru dan takut.

Tingkah laku *sensory meltdown* hadir dalam keadaan yang tidak dapat disedari oleh anak. Anak yang menunjukkan tingkah laku *sensory meltdown* bertindak berdasarkan tindak balas biologi yang mana mereka tiada pilihan untuk mengelakkan daripada berlaku kepada mereka (Sensory Processing Explained 2019). Ini berbeza dengan *temper tantrum* yang mana tingkah laku yang ditunjukkan oleh mereka adalah bertujuan mendapat perhatian agar keinginan mereka dipenuhi. *Sensory meltdown* mempunyai masalah dalam menterjemahkannya kepada orang lain dan dalam masa yang sama mereka juga tidak tahu apa keinginan yang diinginkan oleh mereka sendiri. Tindakan yang dilakukan oleh mereka seperti mengamuk, menjerit dan menangis adalah kerana ketidaktahuan perasaan yang ingin dizahirkan oleh mereka. Anak ini bukan mengamuk kerana keinginannya tidak dipenuhi tetapi berlaku secara drastik yang melibatkan emosi dan biologi yang berlaku tanpa dapat dikawal dengan sebaik mungkin.

### **Anak Mengalami Autisme dan COVID-19**

Anak mengalami autisme bukan sahaja tidak sama dari sudut tingkah laku tetapi berbeza sifat, ciri dan perwatakan dengan anak kelainan upaya yang lain. Anak kelainan upaya yang cacat penglihatan boleh dilihat pada ketidakupayaan matanya, anak kelainan upaya fizikal boleh dilihat pada ketidakupayaan anggota badannya namun anak kelainan upaya autisme sukar untuk diperhati dan dikenali melalui raut muka semata-mata. Ini kerana mereka mempunyai raut muka yang sama dengan anak tipikal tetapi dari sudut keupayaan perkembangan neurologinya yang membezakan antara anak mengalami autisme dengan anak tipikal. Oleh sebab itu, anak mengalami autisme mempunyai perwatakan yang unik dan misteri bagi sesetengah orang yang jarang atau tidak pernah langsung bergaul dengan mereka. Tingkah laku yang berbeza dengan anak tipikal menyebabkan masyarakat sukar mendekati anak mengalami autisme dalam kehidupan seharian.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Malaysia telah mengkategorikan anak yang mengalami autisme dalam kategori masalah pembelajaran. Hal ini kerana, anak mengalami autisme mengalami masalah dalam aktiviti pembelajaran baik pembelajaran bersifat langsung mahupun tidak langsung. Autisme boleh berlaku kepada sesiapa sahaja tanpa mengira warna kulit dan bangsa. Autisme adalah ketidakupayaan dalam perkembangan mental (Tilton 2014) sehingga memberi kesan kepada penggunaan bahasa dan komunikasi, interaksi sosial serta minat, kecenderungan tingkah laku dan fokus yang melampau (Carrona et al 2008 & Levy et al 2009). Autisme dari sudut perubatan pula dikenali sebagai kecelaruan neurologikal (*neurological disorder*) iaitu melibatkan kecelaruan dalam fungsi urat saraf otak (Wendy & Isabelle 2010; Shafali 2011). Gangguan di dalam otak anak mengalami autisme boleh membawa kepada kesukaran dalam menguasai kefahaman, emosi dan komunikasi sama ada secara langsung mahupun tidak langsung (Zasmani 2000). Malah, gangguan ini juga membawa kepada ketidakseimbangan dan ketidaksempurnaan dalam perkembangan otak yang mana boleh berlaku tanpa mengira bangsa, keturunan dan latar belakang sosial keluarga (Mohd Zuri et al 2014).

Ini juga berdasarkan kepada Manual *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders Fourth Edition* (2000) yang mana telah menemui tiga ciri utama autisme iaitu ketidakupayaan komunikasi, ketidakupayaan interaksi sosial dan ketidakupayaan tingkah laku. Malah, kajian yang dijalankan oleh Carol & Jennifer (2010), Tilton (2014), Norfishah (2015) dan Salmihah (2016) juga menjelaskan bahawa ciri autisme ialah terdiri daripada masalah dalam komunikasi dan bahasa, interaksi sosial dan tingkah laku. Namun begitu, ciri autisme ini telah dikecilkan apabila manual *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders Fifth Edition* (2013) menyenaraikan bahawa terdapat dua ciri utama autisme iaitu tidak atau kurang mampu dari segi kemahiran sosial dan interaksi sosial dalam pelbagai keadaan dan mempunyai tingkah laku, minat dan aktiviti yang terhad serta melakukan perbuatan berulang-ulang. Walaupun daripada tiga (3) ciri utama autisme dikecilkan kepada dua (2) ciri utama autisme, ianya tetap berkait rapat tentang komunikasi, interaksi sosial dan juga tingkah laku.

Ini adalah panduan yang digunakan dalam mengenalpasti anak tersebut autisme mahupun sebaliknya. Oleh sebab itu, anak mengalami autisme tidak sama dengan anak tipikal yang lain. Sifat dan perwatakan mereka yang sukar dijangka boleh menimbulkan salah faham dalam memahami kehendak yang diinginkan oleh mereka. Virus koronavirus telah menyebabkan anak mengalami autisme berada di rumah dan tidak dapat melakukan aktiviti rutinnya seperti biasa. Tempoh berada di rumah dalam jangka masa yang panjang kerana COVID-19 adalah tempoh yang mencabar bagi anak mengalami autisme. Mereka tidak dibenarkan untuk ke sekolah mahupun ke mana-mana sahaja tempat yang selalu dikunjungi mereka. Ini yang menyebabkan anak mengalami autisme mudah tantrum dan menunjukkan tingkah laku di luar kawalan sehingga ibu bapa tidak dapat mengawal mereka.

Ini merupakan salah satu cabaran dan tekanan kepada ibu bapa yang mempunyai anak mengalami autisme dalam mengawal emosi tantrum mereka ketika musim PKP. Ibu bapa mempunyai kesukaran dalam mengawal anak mengalami autisme kerana tidak dapat membawa mereka keluar dan seandainya dibenarkan, ibu bapa risau tentang kesihatan dan keselamatan anak mengalami autisme ketika berada di luar rumah. Jadi, ketika tempoh PKP berlangsung, terdapat anak mengalami autisme yang sering gelisah, mengamuk, memukul-mukul badan tanpa sebab (Anon 2020), marah kerana tidak dapat pergi kes sekolah serta menangis kerana tidak dapat menikmati makanan kegemaran di luar rumah (Kamaliza 2020). Terdapat juga ibu bapa yang terpaksa mengikat perut dan mengharapkan bantuan orang ramai (Roselan 2020) kerana tempoh PKP yang tidak mengizinkan untuk mereka keluar bekerja. Perbelanjaan untuk menguruskan anak mengalami autisme memerlukan kepada perbelanjaan yang besar (Becerra et al. 2017) kerana bukan sahaja melibatkan makanan dan pakaian tetapi lebih daripada apa yang sepatutnya. Hal ini kerana, anak mengalami autisme memerlukan penjagaan tambahan bagi melengkapkan rutin harian serta perkhidmatan perubatan khas yang memerlukan pengaliran kewangan yang banyak (Wong 2015). Perbelanjaan yang diperlukan oleh ibu bapa dalam menguruskan anak mengalami autisme juga memberi kesan berikutan tempoh PKP yang lama yang mana telah menghadkan pergerakan mereka untuk bekerja. Keadaan ini juga menyebabkan ibu bapa tertekan dalam menyediakan keperluan yang terbaik untuk anak mengalami autisme.

Kesukaran ini juga telah membawa kepada emosi tantrum yang berlaku kepada anak mengalami autisme kerana mereka hanya mampu menunjukkan tingkah laku di luar kawalan tanpa

dapat meluahkan keinginan hati mereka sendiri (Che Ann 2020). Ibu bapa juga tidak dapat memahami kehendak yang diinginkan oleh anak mengalami autisme dan akhirnya mereka membiarkan sahaja anak tersebut melampiaskan keinginannya dengan cara mereka sendiri. Anak mengalami autisme pula akan mempamerkan tingkah laku tantrum untuk menarik perhatian ibu bapa agar menunaikan keinginan hati mereka.

Oleh itu, ibu bapa akan cuba melakukan pelbagai aktiviti bersama anak mengalami autisme dalam tempoh PKP ini. Antaranya adalah dengan mengalihkan perhatian anak mengalami autisme dengan melakukan kerja rumah bersama-sama dan bermain badminton di kawasan persekitaran rumah sahaja (Georgie 2020). Ini bertujuan untuk mengurangkan perasaan tantrum anak mengalami autisme berikutan lama terperap di rumah sahaja. Malah, kerajaan juga telah memberi kelonggaran pada PKP tahap kedua yang mana ibu bapa yang mempunyai anak mengalami autisme dibenarkan untuk keluar beriadah dan melakukan aktiviti sosial (Majlis Keselamatan Negara 2020). Namun begitu, terdapat syarat yang perlu dipatuhi oleh ibu bapa iaitu hanya seorang sahaja waris yang dibenarkan menemani anak ketika beriadah sama ada ibu atau bapa. Masa yang ditetapkan pula ialah antara jam 7.00 pagi hingga 9.00 pagi dan 5.00 petang hingga 6.00 petang. Kesempatan yang diberikan ini dapat digunakan oleh ibu bapa untuk membawa anak mengalami autisme keluar beriadah atau bersosial agar dapat membantu mengurangkan tingkah laku tantrum mereka. Namun, terdapat juga ibu bapa yang memilih untuk tetap berada di rumah kerana risaukan tentang keselamatan dan kesihatan anak mereka. Kelonggaran yang diberikan oleh kerajaan adalah satu pilihan yang boleh digunakan oleh ibu bapa kepada anak mengalami autisme dalam memastikan mereka menggunakan kebebasan untuk keluar melakukan aktiviti yang digemari oleh mereka. Ini kerana ianya adalah untuk membantu mengawal anak mengalami autisme daripada mempamerkan tingkah laku tantrum berikutan tempoh masa yang lama berada di rumah.

### **Pendekatan Dakwah dalam Pengurusan Tingkah Laku Tantrum Anak Mengalami Autisme**

Ibu bapa perlu menguruskan emosi tantrum anak mengalami autisme dengan sebaik mungkin. Anak mengalami autisme akan bertindak secara agresif seperti menggigit, memukul dan menendang orang lain atau diri mereka sendiri kerana mengalami tingkah laku antisosial (Suhaily & Siti Syuhada 2017). Ini kerana, anak mengalami autisme tidak dapat membezakan situasi berbahaya yang boleh mendatangkan kerisauan kepada ibu bapa mereka (Wong 2015). Bagi mereka, apa yang dilakukan oleh mereka adalah untuk menzahirkan keinginan hati kerana tidak dapat dinyatakan melalui komunikasi secara lisan. Tingkah laku tantrum yang dipamerkan adalah untuk menarik perhatian ibu bapa mereka. Namun begitu, tindakan yang dilakukan oleh anak mengalami autisme seringkali dilakukan dengan cara yang salah sehingga mereka perlu mendapatkan rawatan kerana pergerakan berulang-ulang dan kecenderungan tingkah laku mereka membawa kepada risiko untuk mencederakan diri sendiri dan juga orang lain.

Anak mengalami autisme juga sering menangis tanpa sebab yang jelas (Norfishah 2015). Perkara ini sekiranya tidak ditangani sebaik mungkin akan menjadi tekanan dan bebanan yang besar untuk ibu bapa mereka (Muhammad Haziq & Nurul Akma 2019). Anak mengalami autisme tidak dapat menyatakan dengan jelas keinginan hati mereka kerana mengalami kesukaran dalam menterjemahkannya dalam bentuk komunikasi. Ibu bapa pula tidak dapat memahami keinginan

hati anak mengalami autisme sehingga ibu bapa akhirnya memilih untuk membiarkan sahaja anak mereka mengamuk dan mempamerkan tingkah laku tantrum. Oleh itu, ibu bapa perlu membantu anak mengalami autisme dalam mengawal dan menguruskan emosi tantrum daripada berlarutan memberi tekanan kepada anak tersebut.

Anak mengalami autisme tidak sama antara satu sama lain. Mereka juga memiliki pemikiran yang berbeza yang mana setiap satunya mempunyai kelebihan dan kekurangan tersendiri. Sebagaimana Temple Grandin dalam bukunya "*Thinking In Pictures*" (2006) mengklasifikasikan anak mengalami autisme kepada 4 jenis gaya pemikiran (*Type of Thinking*) iaitu (1) *Photo Realistic Visual Thinkers* yang menggambarkan pemikiran dalam bentuk gambar yang mana mereka melihat dunia dalam bentuk cerita (*movie*) dan gambar-gambar akan menerangkan tentang apa sahaja memori atau emosi. Manakala (2) *Pattern Thinkers* yang menjadikan muzik dan matematik sebagai kekuatan utama, (3) *Verbal Mind* pula tidak hanya fokus kepada anak mengalami autisme semata kerana individu tipikal juga mempunyai pemikiran ini iaitu berkenaan minat pada data yang berbentuk perkataan, label, kod dan seumpamanya. Dan, pemikiran (4) ialah *Auditory Thinkers* yang banyak memproses stimuli bunyi-bunyian dan banyak belajar dengan cara mendengar. Pemikiran (4) ini yang dikatakan sangat banyak berlaku kepada anak mengalami autisme yang mana mereka suka mengulang-ulang sesuatu perkara sehingga dapat memahami setiap informasi itu dengan betul.

Oleh sebab gaya pemikiran anak mengalami autisme ini juga tidak sama, maka cara untuk menekankan pendekatan dakwah dalam pengurusan tingkah laku tantrum anak mengalami autisme ketika PKP juga perlu disesuaikan dengan gaya pemikiran anak mengalami autisme. Antara cara yang dapat digunakan untuk pendekatan dakwah dalam pengurusan tingkah laku tantrum anak mengalami autisme adalah sebagaimana berikut:

1. Penggunaan teknik cerita sosial (*social story*)

Anak mengalami autisme yang menunjukkan tingkah laku tantrum akan bertindak secara berbahaya sekiranya tidak ditangani dengan cara yang tepat. Ibu bapa perlu membantu anak mengalami autisme dengan menggunakan pelbagai cara dan strategi agar dapat dikawal tantrum yang dialami oleh mereka. Antara cara yang boleh dilakukan ialah melalui penggunaan teknik cerita sosial (Noriah & Mohd Mokhtar 2017). Teknik cerita sosial atau lebih popular dalam kalangan ibu bapa yang mempunyai anak mengalami autisme sebagai *social story*. Ianya adalah berkisar tentang kaedah rawatan yang mana telah dikembangkan oleh Carol Gray pada tahun 1991 bagi meningkatkan kemampuan interaksi sosial anak mengalami autisme (Edelson 2008).

Teknik *social story* ini sesuai untuk diterapkan kepada anak mengalami autisme kerana pengkisahannya berkaitan kesedaran anak mengalami autisme dalam melihat dari sudut perspektif orang lain (*theory mind*). Ianya juga bertindak sebagai petunjuk sosial (*tunnel vision, stimulus over selectivity and social interaction deficits*) (Heffner 2002). Teknik *social story* ini juga boleh bertindak sebagai terapi kognitif kepada anak mengalami autisme yang mana ianya boleh merubah diri anak mengalami autisme daripada kesan yang negatif kepada yang lebih positif. Iaitu dengan cara membantu anak mengalami autisme berfikir, imaginasi dan tanggapan yang baik (Safaria 2004).

Teknik ini sebenarnya lebih memberi kekuatan kepada anak mengalami autisme dalam membantu mereka meningkatkan kemahiran berinteraksi sosial terutamanya dalam berkomunikasi



dan bersosial (Sunitha & Aliza 2017; Norazilla et al 2016). Selain dapat mengubah daripada keadaan negatif kepada positif, kaedah ini juga berupaya mengubah tanggapan orang awam terhadap anak mengalami autisme yang seringkali disalaherti mempunyai masalah sosial kerana mempamerkan tingkah laku agresif dan tantrum. Penggunaan kaedah *sosial story* ini juga boleh diinovasikan dalam bentuk animasi agar dapat menarik dan memudahkan anak mengalami autisme memahaminya dengan baik.

Pelbagai pengetahuan dan kemahiran perlu diketengahkan agar dapat membantu anak mengalami autisme ke arah perkembangan yang lebih baik selain bertindak membantu mereka dalam berkomunikasi dan berinteraksi sosial dengan baik. Teknik ini boleh diaplikasikan ketika berada dalam tempoh PKP dengan memfokuskan berkenaan bahaya COVID-19, tatacara menjaga kebersihan dan membasuh tangan serta kepentingan menjaga diri dan keluarga ketika musim COVID-19. Teknik ini boleh dilaksanakan oleh ibu bapa dengan menceritakan tentang apa yang boleh dilakukan dan tidak boleh dilakukan agar anak mengalami autisme dapat memahaminya dalam bentuk yang mudah.

## 2. Melakukan aktiviti bersama-sama

Anak mengalami autisme selain mempunyai masalah dalam berkomunikasi, mereka juga mempunyai masalah sosial iaitu ketidapayaan berinteraksi dengan masyarakat sekelilingnya. Mereka gemar duduk bersendirian (Norfishah 2017). Bagi mengelakkan anak mengalami autisme untuk duduk bersendirian atau berada dalam dunianya sendiri, aktiviti bersama-sama antara ibu bapa ataupun masyarakat patut dijalankan. Ini bertujuan untuk membina kemahiran komunikasi dan interaksi dengan baik serta meletakkan keberadaan mereka diterima serta dihargai oleh masyarakat sekelilingnya.

Norakhyairee (2015) menjelaskan bahawa anak mengalami autisme perlu mendapat lebih perhatian bukan sahaja daripada ibu bapa sendiri tetapi juga masyarakat sekelilingnya. Hal ini kerana, ibu bapa memainkan peranan penting dalam pembentukan peribadi anak. Didikan awal ibu bapa yang bermula di rumah mampu menjamin kejayaan anak-anak di masa hadapan selain dapat mengelakkan anak daripada terjebak dengan perkara atau perbuatan yang bercanggahan dengan syariat Islam (Salmihah et al 2018). Apabila ibu bapa dan masyarakat sekeliling mengenali dan memahami masalah yang dihadapi berkenaan anak mengalami autisme, maka sudah pasti tidak timbul isu yang tidak sepatutnya seperti salah sangka, mengambil kesempatan terhadap kelemahan atau berlaku isu tantrum dan seksualiti ke atas anak tersebut.

Ibu bapa juga perlu membantu anak mengalami autisme dengan mencari rakan yang mempunyai masalah berbeza bagi membantunya menyesuaikan diri dalam pergaulan. Sekiranya anak mengalami autisme adalah seorang yang aktif, perlu untuk ibu bapa mencari rakan yang lebih aktif agar lebih rapat dengannya (Wan Nasrudin & Hisham 2013). Rakan sebaya memainkan peranan penting dalam pembentukan peribadi seseorang. Oleh itu, anak mengalami autisme perlu sentiasa didedahkan dan dibawa ke tempat yang terbuka agar mereka dapat mencipta komunikasi dan interaksi dengan orang sekeliling mereka. Pandemik COVID-19 yang berlaku menyebabkan anak mengalami autisme juga tidak dibenarkan untuk keluar tetapi ibu bapa boleh memanfaatkan teknologi seperti *Whatsapp*, *Video Call* dan *Facebook* untuk menghubungi rakan-rakan anak mereka

agar dapat komunikasi yang baik. Ini secara tidak langsung dapat mengawal tingkah laku tantrum anak mengalami autisme yang tidak dapat melakukan rutin yang sentiasa dilakukan mereka.

Anak mengalami autisme sinonim dengan melakukan aktiviti pengulangan (*repetition*), generalisasi (*generalization*) dan aplikasi (*application*) untuk mereka lebih mendalami apa yang dipelajari di sekolah ataupun pusat pendidikan khas. Namun, apabila COVID-19 melanda Malaysia, rutin seharian mereka turut berubah sehingga membawa kepada tingkah laku tantrum dalam diri anak mengalami autisme. Ibu bapa perlu menggunakan kesempatan tempoh berada di rumah yang lama dengan sentiasa meluangkan masa dengan anak mengalami autisme dengan melakukan aktiviti bersama-sama seperti menonton *YouTube*, menonton berita-berita di kaca televisyen, bercerita tentang COVID-19 dan menunjukkan gambar-gambar lakaran COVID-19 untuk memahamkan kepada anak mengalami autisme berkenaan virus yang berbahaya ini (Che Ann 2020). Ini adalah untuk anak mengalami autisme disibukkan dengan melakukan aktiviti-aktiviti bersama yang mana ianya dapat membantu mereka daripada menunjukkan tingkah laku tantrum akibat tidak dapat melakukan aktiviti rutinnya.

### 3. Penekanan pendidikan *Qurani*

Pendidikan *Qurani* bukan sahaja penting kepada anak mengalami autisme tetapi juga penting kepada ibu bapa mereka dan ahli masyarakat seluruhnya. Hal ini kerana, ketidakupayaan yang dialami oleh orang kelainan upaya bukan suatu penghalang tetapi satu keistimewaan yang perlu diraikan. Malah, terdapat ramai tokoh-tokoh besar dalam negara bahkan yang telah berjaya dalam membangunkan ummah ialah mereka yang mempunyai masalah kelainan upaya. Ini juga sebagai benteng penting dalam mempelajari agama kerana ianya bertindak sebagai Fardu kifayah kepada masyarakat sekeliling agar dapat membantu orang kelainan upaya mendapat hak yang sama seperti orang lain (Zulkifli 2016).

Pendidikan *Qurani* dapat membantu perkembangan psikologi anak mengalami autisme dalam mengawal tingkah laku tantrum melalui terapi al-Quran. Ini juga berdasarkan kepada pandangan Evi & Meilan (2017) yang mana terdapat pengaruh positif apabila diperdengarkan dan dibacakan al-Quran kepada anak mengalami autisme. Mereka mampu tenang dan bahagia ketika proses pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung. Ini kerana penekanan pendidikan *Qurani* yang diterapkan kepada anak mengalami autisme dapat membiasakan mereka dengan ayat-ayat yang baik sekaligus menjadi pencetus positif meningkatkan emosi dan pertuturan anak autisme ke arah yang lebih baik.

Syar Meeze et al. (2014) dalam kajian yang dijalankan pula menjelaskan bahawa orang kelainan upaya perlu diajar Pendidikan al-Quran dan Fardhu Ain (PAFA) dengan menggunakan kaedah bahasa isyarat (BIM) sebagai proses untuk memahami setiap pengajaran dengan baik. Namun begitu, dalam masa yang sama, guru juga perlu mempunyai minat untuk mendidik anak mengalami autisme dengan baik. Sekiranya, guru tidak mempunyai minat, kasih dan sayang dalam mendidik anak mengalami autisme, maka proses penyampaian ilmu itu tidak berjaya dan berkesan (Noornajihan et al. 2014). Ini menunjukkan bahawa sekalipun terdapat kekurangan sama ada dari sudut fizikal mahupun perkembangan mentalnya, pendidikan *Qurani* perlu diterapkan dalam diri setiap anak. Ini bagi memastikan anak tersebut mendapat keperluan beragama sama seperti anak tipikal yang lain.

Selain itu juga, pendidikan *Qurani* diajar kepada anak mengalami autisme kerana ianya berkesan bukan sahaja untuk diri mereka bahkan dapat membantu mereka belajar al-Quran dengan baik. Sebagaimana Mohd Amzari et al. (2013) menjelaskan bahawa terapi bunyi seperti muzik dapat menangani pelbagai masalah kesihatan dan mental, maka al-Quran juga boleh digunakan sebagai alternatif dalam membantu anak mengalami autisme. Ianya dapat memberi kesan positif terhadap hubungan pertuturan, pembelajaran dan interpersonal. Siti Patonah et al. (2013) dan Evi & Meilan (2017) berpandangan sama yang mana mereka menjelaskan bahawa terapi bunyi terutamanya yang melibatkan bacaan al-Quran boleh menjadi pengaruh positif dan medium untuk membantu anak mengalami autisme menstabilkan emosi dan meningkatkan kemahiran bertutur.

Pendidikan *Qurani* ini juga dapat meningkatkan kestabilan emosi dan mengawal daripada terlibat dengan masalah seksualiti (Fariza et al. 2017). Ini kerana, melalui pendidikan *Qurani* dapat mendekatkan anak mengalami autisme dengan al-Quran dan dalam masa yang sama memberi kekuatan kerana al-Quran adalah penawar (*syifa'*) kepada seluruh manusia. Komitmen ibu bapa dalam memberi fokus kepada anak mengalami autisme dengan menekankan kepada mereka berkenaan pendidikan *Qurani* dapat mengawal tingkah laku tantrum. Ibu bapa perlu mengawal dan membantu anak mengalami autisme dengan bersama-sama menunaikan solat berjemaah dan berzikir agar dapat membantu mereka tenang dan tidak mudah menunjukkan tingkah laku mengamuk dan tantrum.

#### 4. Kaedah Pembelajaran Mediatif

Tempoh PKP kerana COVID-19 telah menyebabkan anak mengalami autisme tidak dapat ke sekolah dan pusat pengajian mereka seperti biasa. Keadaan ini menyebabkan anak mengalami autisme tidak dapat belajar dan mengikuti rutin harian mereka yang mana membawa kepada masalah tingkah laku tantrum berlaku kepadanya. Oleh itu, ketika tempoh PKP ini adalah masa sesuai untuk ibu bapa memainkan peranan dalam memberi pendidikan kepada anak mengalami autisme di rumah. Kaedah pembelajaran di rumah sebenarnya sudah lama dipraktikkan di negara Amerika, Australia, Kanada, Perancis, Hungary, Jepun, Kenya, Rusia, Mexico, Korea Selatan, Thailand dan United Kingdom (Ray 2015).

Pendidikan untuk anak mengalami autisme tidak hanya terletak di bahu guru tetapi lebih utama adalah ibu bapa itu sendiri. Namun, mendidik anak mengalami autisme ini tidak semudah yang disangka. Mereka mudah hilang tumpuan dan sangat sukar menarik perhatian mereka untuk belajar. Oleh itu, satu kaedah boleh dipraktikkan lebih-lebih lagi dalam tempoh PKP iaitu kaedah pembelajaran mediatif. Ini kerana kaedah ini adalah menggunakan simbol-simbol grafik yang menarik dalam membantu mengingat dan memberi kefahaman yang baik. Simbol grafik yang menarik boleh memberi tarikan dalam proses pembelajaran kepada anak mengalami autisme sebagaimana yang dinyatakan oleh *The National Autistic Society* (2013) iaitu:

*“Many people with an autism spectrum disorder (ASD) are thought to be visual learners, so presenting information in a visual way can help to encourage and support people’s communication, language development and ability to process information. It can also promote independence, build confidence and raise self-esteem.”*

Kaedah pembelajaran mediatif ialah kaedah di mana murid belajar melalui interaksi yang dirancang oleh guru untuk menolong murid dengan bantuan ibu bapa di rumah yang bertindak sebagai mediator (Siti Izani et al. 2017). Kaedah pembelajaran mediatif ini menggunakan beberapa peringkat yang mana pertama mengaplikasikan pengetahuan untuk menyelesaikan masalah; kedua, membuat keputusan; ketiga, mengenalpasti andaian dan keempat, menilai kebenaran andaian, keputusan dan hipotesis. Kaedah ini menggunakan gambar rajah dan gambar-gambar yang berorientasikan visual dan meminimumkan penggunaan teks. Ini menarik perhatian anak mengalami autisme untuk memahaminya dengan lebih mendalam.

Kaedah pembelajaran mediatif yang disesuaikan dengan teknologi semasa yang terdapat pada hari ini dapat memberi satu bentuk penyampaian yang ringkas, menarik, menghiburkan dan dapat mendatangkan satu pembaharuan dalam dunia pembelajaran hari ini. Pembelajaran yang lebih bersifat multidisiplin ini dengan menonjolkan aplikasi-aplikasi yang mudah diakses sudah tentu dapat membantu proses pembelajaran anak mengalami autisme di rumah. Apatah lagi dengan tempoh PKP yang lama kerana COVID-19 boleh membantu ibu bapa menyediakan pembelajaran kepada anak mengalami autisme dengan menggunakan kaedah pembelajaran mediatif yang sudah ada aplikasinya iaitu CD interaktif komunikasi visual untuk penderita autis dan CD interaktif cleverland (Siti Izani et al. 2017). Aplikasi ini boleh dimanfaatkan sebaik mungkin oleh ibu bapa yang mempunyai anak mengalami autisme dalam membantu mereka dapat mengikuti pembelajaran walaupun hanya dari rumah. Ianya boleh dijadikan sebagai rutin harian mereka agar anak mengalami autisme ini tidak mudah mengamuk dan tantrum berada dalam tempoh PKP yang lama.

### **Kesimpulan**

Semua pihak memainkan peranan dalam menekankan pendekatan dakwah dalam pengurusan tingkah laku tantrum anak yang mengalami autisme. Sebagaimana yang dilakukan oleh *Autism Speaks*, *Autism Society* dan *National Autism Society* yang telah memuat naik pelbagai tips untuk dijadikan sebagai panduan kepada ibu bapa yang mempunyai anak mengalami autisme ketika musim PKP. Antaranya ialah dengan ibu bapa meneruskan jadual pelajaran sepertimana jadual mereka di sekolah, meningkatkan aktiviti fizikal, melatih aktiviti kemahiran hidup, membaca dan menulis berkaitan COVID-19 dan PKP, memperbanyakkan aktiviti bersama keluarga dan menyediakan sendiri jadual aktiviti untuk seminggu serta mengulanginya kembali yang mana dijadikan sebagai rutin harian anak mengalami autisme. Keadaan ini sudah tentu dapat membantu mengawal tingkah laku tantrum anak mengalami autisme yang tidak dapat keluar bebas ke sekolah, ke pasar atau ke mana-mana sahaja tempat yang selalu dituju mereka. Anak mengalami autisme ini juga perlu diajarkan menjaga kebersihan seperti memakaikan mereka pelitup muka, membasuh tangan menggunakan sabun dan air atau *hand sanitizer* bagi memastikan mereka dapat mengaplikasikannya sendiri apabila sudah dapat kembali ke sekolah selepas berakhirnya tempoh PKP ini.

Tempoh yang lama berada di rumah bukan satu perkara mudah untuk anak mengalami autisme. Keadaan mereka yang mempunyai rutin hariannya yang perlu dipatuhi dan sekiranya tidak dijalani rutinnnya membawa kepada masalah tingkah laku tantrum yang bukan sahaja boleh mendatangkan mudharat kepada diri sendiri tetapi juga kepada orang lain. Namun, PKP yang dijalankan oleh pihak kerajaan ini bukan untuk menghukum rakyat tetapi untuk membantu

mengawal merebaknya pandemik COVID-19 yang menyerang negara. Oleh itu, ibu bapa, guru dan masyarakat masing-masing memainkan peranan dalam memastikan pandemik ini dapat dikawal dengan sebaik mungkin. Keadaan ini juga menggusarkan hati anak mengalami autisme dan ibu bapa terutamanya perlu memainkan peranan dalam memastikan mereka dapat meneruskan pembelajaran seperti biasa dan dalam masa yang sama dapat mengawal daripada berlakunya masalah tingkah laku tantrum anak mengalami autisme.

## **Penghargaan**

Setinggi penghargaan kepada kumpulan Penyelidikan FRGS/1/2014/SSI03/UKM/02/1 yang bertajuk 'Garis Panduan Syariah untuk Ibu Bapa dalam Menangani Perilaku Seksual Remaja Autisme'.

## **Rujukan**

- American Academy of Pediatrics. (2008). Temper tantrum a normal part of growing up. Retrieved from <http://www.nfaap.org>.
- Anon. (2020). Koronavirus. Retrieved from <http://ms.wikipedia.org/>. [14 Julai 2021].
- Anon. (2020). Pandemik COVID-19. Retrieved from <http://ms.wikipedia.org/>.
- Anon. (2020). Rutin harian terganggu kerana PKP. *MStar*. 4 April. Retrieved from <http://www.mstar.com.my>.
- Autism Society of America. (2006). Defining autism. Retrieved from <http://www.autismsociety.org>.
- Becerra, T. A., Massolo, M.L., Yau, V.M., Owen-Smith, A. A., Lynch, F.L., Crawford, P.M. (2017). A survey of parents with children on the autism spectrum: experience with services and treatments. *The Permanente Journal*, 21.
- Che Ann Abdul Ghani. (2020). Cabaran menghadapi covid-19 bersama anak autisme. *Sinar Harian*. 1 April. Retrieved from <http://www.sinarharian.com.my>.
- Christine, A. Chambers. (2016). Managing meltdowns. Retrieved from <http://www.connectingforkids.org>. Slide. 1-25.
- COVID-19 Malaysia 2020. (2020). SOP PKP pemulihan (Bermula 10 Jun 2020). Retrieved from <http://covid-19.moh.gov.my>.
- Davidson, T. (2006). *Temper Tantrum*. In K. Krapp & J. Wilson (Ed). *Gale Encyclopedia of Children's Health Through Adolescence*. Detroit: Gale. 1803-1804.
- Edelson, M.G. (2008). Social stories. Retrieved from <http://www.autisme.com>.
- Elizabeth Daniels, Barbara Mandelco & Karlen E.Luthy. (2012). Assessment, management and prevention of childhood temper tantrums. *Journal of the American Academy of Nurse Practitioners* 24, 569-573.

- Evi Chamalah & Meilan Arsanti. (2017). Al-Quran speech therapy for children with autism. *Jurnal Pendidikan Humaniora*. 5(2), 58-63.
- Fariza Md Sham, Salmihah Che Mud, Manisah Mohd Ali, Zuliza Mohd Kusrin, Rosmawati Mohamad Rasit & Siti Norlina Muhamad. (2017). Panduan syariah untuk ibu bapa menangani perilaku seksual remaja autisme. *Jurnal Hadhari Edisi Kbas*, 169 – 182.
- Georgie Joseph. (2020). Cabaran Zarina bersama anak autisme sepanjang PKP. *Harian Metro*. 16 April. Retrieved from <http://www.hmetro.com.my>.
- Heffner, G. J. (2002). Social stories: An introduction. Retrieved from <http://www.bbbautism.com>.
- Kamaliza Kamaruddin. (2020). PKP: tempoh mencabar untuk petugas barisan hadapan dengan anak autisme. *Bernama*. 4 April. Retrieved from <http://www.bernama.com>.
- Kyle, T. (2008). *Growth and Development of the Toddler*. In T. Kyle (Eds.) *Essentials of Pediatric Nursing*. New York: Lippincott Williams & Wilkins.
- Majlis Keselamatan Negara. (2020). *Perintah Kawalan Pergerakan (Movement Control Order)*. Retrieved from <http://mkn.gov.my>.
- Majlis Keselamatan Negara. (2020). Pelaksanaan aktiviti-aktiviti dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Tahap 2 1 April – 14 April 2020. *Bernama*. Retrieved from <http://www.bernama.com>.
- McCurdy, M., Kunz, G.M. & Sheridan, S.M. (2006). *Temper Tantrum*. In G. G. Bear & K.M. Minke (Eds.). *Children's Needs III: Development, Prevention and Intervention*. Washington, DC: National Association of School Psychologists.
- Mills, D. & Woodring, B. (2012). *Growth and Development of the Toddler*. In N.L. Potts & B.L. Mandleco (Eds.). *Pediatric Nursing: Caring for Children and Their Families*. Washington, DC: National Association of School Psychologists.
- Mohd Amzari Tumiran, Siti Patonah Mohamad, Rohaida Mohd Saat, Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff, Noor Naemah Abdul Rahman & Durriyyah Sharifah Hasan Adli. (2013). Addressing sleep disorder of autistic children with Qur'anic sound therapy. *Health*. 5(8A2), 73-79.
- Muhammad Haziq Mohd Sharif & Nurul Akma Jamil. (2019). Cabaran ibu bapa bersama kanak-kanak Kecelaruhan Spektrum Autisme (ASD): Tinjauan literatur. *Malaysian Journal of Social Science*. 4(1), 33-43.
- Noornajihan Jaafar, Norakhyairee Md Raus, Nurul Asiah Fasehah Muhammad, Norzulali Mohd Ghazalid, Robiatul Adawiyah Mohd @ Amat, Syed Najihuddin Syed Hassan, Mahyuddin Hashim, Ab. Halim Tamuri, Norshidah Mohamed Salleh & Mohd Isa Hamzah. (2014). Quran education for special children: teacher as murabbi. *Creative Education 2014*, 5, 435-444.
- Norakhyairee Md Raus. (2015). Pengenalan dan sejarah persatuan autisme Malaysia. *Perbincangan Meja Bulat Garis Panduan Dalam Menangani Perilaku Seksual Remaja Autisme*, 23 Mac.

- Norazilla Abdullah, Mohd Hanafi Mohd Yasin & Mohd Mokhtar Tahar. (2016). Social Story Mengawal Tantrum. Kertas Kerja Seminar Modifikasi Tingkah Laku Murid Pendidikan Khas (Bermasalah Pembelajaran) Peringkat Negeri Johor. Johor.
- Noriah Sha'arani & Mohd Mokhtar Tahar. (2017). Tantrum behaviour modification for autistic student at secondary school using social stories technique. *Journal of ICSAR*, 1(2), 140-144.
- Pejabat Perdana Menteri. (2020). Perutusan khas Perdana Menteri. 16 Mac 2020. Retrieved from <http://pmo.gov.my>.
- Rahmah. (2010). Strategi pembelajaran untuk mengatasi perilaku tantrum pada anak autistik. *Jurnal Ilmiah Ilmu Pendidikan*, 1(2), 20-31.
- Ray, B.D. (2015). Research Facts on Homeschooling. USA National Home Education Research Institute (NHERI).
- Roselan Ab Malek. (2020). Suami isteri mempunyai dua anak autisme terkesan sejak PKP. *Berita Harian*. 22 April. Retrieved from <http://www.bharian.com.my>.
- Rubina, L. & Kripa, G. (2011). Children with autism spectrum disorders social stories and self management of behaviour. *British Journal of Education Research*, 1(1), 36-48.
- Safaria Triantoro. (2004). *Terapi Kognitif Perilaku untuk Anak*. Indonesia: Penerbit Graha Ilmu.
- Salmihah Che Mud, Fariza Md Sham, Manisah Mohd Ali & Zuliza Mohd Kusrin. (2018). Kepentingan pengajaran al-Quran untuk perkembangan psikologi anak-anak autisme. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled* 4, 24-31.
- Schonbeck, J. (2006). *Acting Out*. In K. Krapp & J. Wilson (Ed). Gale Encyclopedia of Children's Health Through Adolescence. Detroit: Gale. 13-17.
- Sensory Processing Explained. (2019). Sensory meltdowns vs tantrums. Retrieved from <http://www.sensoryprocessingexplained.com>.
- Siti Izani Idris, Sathya Manoharan & Anis Safinaz Ramli. (2017). Pembangunan perisian aplikasi bagi kanak-kanak autistik: pendekatan pembelajaran di rumah. *Advanced Journal of Technical and Ocational Education*, 1(1). 230-239.
- Siti Patonah Mohamad, Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff & Durriyah Sharifah Hasan Adli. (2013). Terapi bunyi melalui bacaan al-Quran bagi masalah emosi dan kemahiran motor pertuturan kanak-kanak autistik. *QURANIKA, International Journal of Quranic Research*. 5, (2), 53-72.
- Suhaily M.S & Siti Syuhada, A.R. (2017). Public awareness on the characteristics of children with autism in Selangor. *Malaysia Online Journal of Education*, 1(2), 73-85.
- Sunitha Balakrishnan & Aliza Alias. (2017). Usage of social stories in encouraging social interaction of children with autism spectrum disorder. *Journal of ICSAR*. 1(2), 91-97.

- Syar Meeze Mohd Rashid, Norlidah Alias, Nazean Jomhari, Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff & Zahiah. (2014). Kepentingan bahasa isyarat (BIM) dalam pengajaran perkara asas fardhu ain (PAFA) terhadap komuniti pekak. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 2(4), 27-33.
- Temple Grandin. (2006). *Thinking In Pictures: And Other Reports from My Life with Autism*. New York: A Division of Random House, Inc.
- The National Autistic Society. (2013). Visual supports. Retrieved from <http://www.autism.org>.
- Ulvi Kholipah Alfazri. (2019). Identifikasi perilaku tantrum dan sensory meltdown anak autisme berdasarkan behavioral assessment di SLB autisme dian amanah. *Jurnal Widia Ortodidaktika*. 8(9), 971-982.
- Wan Nasyrudin Wan Abdullah & Hisham Ahmad. (2013). *Aku Bersyukur Anakku Autisme*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn.Bhd.
- Wong, Y.S. (2015). *Factors associated with stress of parents with children suffering from autistic spectrum disorders*. Doctoral Dissertation. The Chinese University of Hong Kong.
- Wright, B. & William's, C. (2007). *Intervention and Support for Parents of Children and Young People on the Autism Spectrum: A Resource for Trainers*. London: Jessica Kingsley Publishers.
- Zulkifli Muhamad Al-Bakri. 2016. Hak OKU dalam mendapatkan pendidikan agama. Seminar Al-Quran Bagi Anak Istimewa. Bangi: Institut Latihan Islam Malaysia.



## BAB 18

### PENGURUSAN COVID 19 DI MALAYSIA MENURUT PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH

Mohd Izzuddin Mohd Noor, Fatimah Nadirah Mohd Noor,<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Kolej Universiti Islam Melaka

#### Pengenalan

Islam merupakan agama yang menuntut penganutnya supaya mentadbir dan menguruskan dunia ini dengan sebaik-baiknya. Hal ini sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Allah SWT di dalam Al-Quran pada Surah Al-Baqarah ayat 30:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً ۗ قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَن يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ  
الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ ۗ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya:

*“Dan ingatlah ketika tuhan engkau berfirman kepada malaikat: “Sesungguhnya aku ingin menjadikan manusia khalifah di bumi”. Lantas para malaikat menjawab:”Adakah Engkau ingin menjadikan padanya golongan yang memusnahkan bumi dan menumpahkan darah sedangkan kami bertasbih memuji dan menyucikan Engkau. Allah menjawab:” Sesungguhnya aku mengetahui apa yang tidak kamu semua ketahui”*

Khalifah di sini pada pandangan Ibnu Mas’ud dan Ibnu Abbas serta kebanyakan ulama tafsir ialah nabi Adam AS. Baginda merupakan khalifah Allah SWT dalam melaksanakan hukum-hukumNya dan perintah-perintahNya (Al-Qurtubi, 1964). Rasulullah SAW telah bersabda dalam:

كَانَتْ بَنُو إِسْرَائِيلَ تَسُوسُهُمُ الْأَنْبِيَاءُ

[al-Bukhari, *Ṣaḥīḥ al-Bukhari, Kitāb al-Aḥādīth al-Anbiyā’*, Bab Ma Zukira ‘An Bani Israel, no hadis 3455]

Maksudnya:

*“Sesungguhnya Bani Israel, pemimpin politik mereka ialah di kalangan nabi-nabi”*

Menurut Al-Nawawi (1971), nabi-nabi memimpin urusan kaum Bani Israel sebagaimana apa yang dilakukan pemerintah dan pemimpin ke atas rakyat.

Walaupun khalifah dalam ayat Al-Quran sebelum ini dimaksudkan secara langsung kepada nabi Adam AS, dan hadis Rasulullah SAW riwayat Al-Bukhari tersebut, menunjukkan bahawa nabi-nabi merupakan pemimpin politik kepada kaum Bani Israel, namun secara asasnya manusia merupakan khalifah Allah SWT yang mewarisi apa yang telah ditinggalkan oleh nabi Adam AS dan

nabi-nabi yang lain. Hal ini adalah kerana menurut Al-Mawardi (t.t), khilafah ialah menggantikan kenabian dalam memelihara agama dan politik urusan keduniaan.

Manakala menurut Ibnu Khaldun(1988), khalifah ialah pengganti kepada pemilik syariat (Allah SWT) dalam urusan menjaga agama dan mentadbir dunia dengan agama. Ini membawa maksud manusia berkewajipan meneruskan agenda perjuangan mentadbir dan menguruskan urusan kehidupan di dunia ini yang telah dimulakan oleh para rasul utusan Allah SWT. Selain daripada itu, manusia juga berperanan untuk memakmurkan bumi milik Allah SWT ini sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Al-Quran Surah Hud ayat 61:

هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا

Maksudnya:

*“Dia yang menghidupkan kamu daripada bumi dan menyuruh kamu memakmurkan bumi tersebut”*

Menurut Al-Zuhaili(1997), melalui ayat ini Allah menjadikan manusia sebagai pemakmur bumi dan memanfaatkan bumi dengan aktiviti pertanian, perkilangan, pembinaan, dan perlombongan. Suruhan Allah SWT di dalam ayat ini terangkum kepada dua perkara; yang pertama mengekalkan perkara sedia ada yang telah baik dan meningkatkan kualiti kebaikan sesuatu perkara. (Al-Sya’rawi, 1997).

Maka berdasarkan kepada nas-nas syarak ini, jelaslah bahawa kewajipan untuk mentadbir dan menguruskan kehidupan dunia ini amat dititik beratkan oleh Islam. Bahkan Al-Quran telah menerangkan kesanggupan manusia untuk memikul kewajipan amanah tersebut sebagaimana yang dinyatakan dalam Surah Al-Ahzab ayat 72:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا

Maksudnya:

*“Sesungguhnya Kami telah membentangkan amanah ke atas langit, bumi, gunung-ganang, kesemuanya tidak sanggup memikul amanah tersebut dan bimbang tidak dapat melaksanakannya. Namun manusia telah sanggup memikul amanah tersebut. Sesungguhnya, manusia bersifat zalim dan tidak mengetahui apa-apa”.*

Menurut Al-Sabuni(1997), amanah di sini bermaksud kewajipan dan tuntutan hukum syarak. Sesuatu yang tidak dapat disangkalkan lagi bahawa kewajipan mentadbir dan menguruskan kehidupan dunia termasuk dalam tuntutan hukum syarak yang utama. Ini dapat dilihat ketika berlakunya kewafatan Rasulullah SAW, para sahabat telah bergegas melakukan bai’ah melantik Abu Bakar sebagai pemimpin dan pada setiap zaman selepas itu, perlantikan pemimpin dilakukan dengan segera untuk menunjukkan kewajipan kepimpinan telah menjadi ijmak di kalangan Umat Islam (Ibnu Khaldun, 1988).

Pada hari ini dunia telah dilanda dengan ujian yang sangat sukar apabila tersebar virus yang sangat bahaya iaitu Covid 19. Ianya berasal dan bermula pada bulan November 2019 di Wilayah Hubei China apabila sembilan kes pertama telah dilaporkan (Sinar Harian, 2020). Daripada kes yang pertama ini, ianya telah merebak dan berjangkit sehingga ke serata dunia. Menurut World Health Organization (WHO), setakat penulisan ini dicatatkan, bilangan kes Covid 19 ialah sebanyak 188,655,968 yang telah dibahagikan kepada enam kawasan iaitu, Amerika, Asia Tenggara, Eropah, Timur Mediterranean, Afrika dan Barat Pasifik. Jumlah kematian pula ialah seramai 4,067,517 (WHO, 2021). Di Malaysia pula, jumlah kes positif Covid 19 keseluruhan yang dicatatkan ialah

916,561 dengan 7019 jumlah kematian. Manakala kes yang aktif pula ialah sebanyak 124,593 (KKM COVID, 2021).

Dari sudut ekonomi pula kerugian yang terhasil akibat wabak Covid 19 ini sangat besar. Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan Asia (ADB), ekonomi global dijangka mencatat kerugian antara AS\$5.8 trilion dan AS\$8.8 trilion, bersamaan dengan 6.4 peratus hingga 9.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global (Awani, 2020). Manakala di Malaysia pula, dalam tempoh 2 bulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020, telah menyebabkan kerajaan menanggung kerugian sebanyak 63 bilion iaitu 2.4 bilion sehari (Berita Harian, 2020). Hal ini disebabkan aktiviti ekonomi dan perniagaan diarahkan untuk ditutup dan dihentikan operasi serta merta selaras dengan pelaksanaan PKP. Kehidupan dan pergerakan orang awam pula terbatas apabila pergerakan merentas negeri dan daerah tidak dibenarkan sama sekali sepanjang tempoh PKP berjalan termasuklah untuk tujuan perayaan yang besar seperti Hari Raya Aidilfitri. Kawalan pintu sempadan negara juga diperketatkan bagi mengelakkan sebarang pencerobohan pendatang asing yang boleh memungkinkan penularan virus Covid 19 berlaku.

Hal ini secara langsung telah mempengaruhi dan mengubah suasana kehidupan masyarakat apabila gaya baharu kehidupan diperkenalkan kepada masyarakat. Pemakaian pelitup hidung dan muka, penjarakan fizikal yang sebelum ini dikenali sebagai penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter, penggunaan *hand sanitizer*, budaya kerap mencuci tangan, larangan bersalaman dan bersentuhan, tidak berada di tempat yang sesak dengan orang ramai merupakan normal baharu yang diketengahkan supaya diamalkan dalam saat-saat kritikal negara menghadapi serangan Covid 19. Manakala mereka yang pulang daripada luar negara, perlu menjalani kuarantin wajib selama 10, 14, dan 21 hari mengikut destinasi asal di pusat-pusat kuarantin yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Pelanggaran kepada semua *Standard Operating Procedure (SOP)* pula dikira satu kesalahan dan boleh didakwa ke mahkamah serta jika didapati bersalah boleh dijatuhkan hukuman.

### Siyasah Syariyyah

Ianya merupakan istilah yang membawa maksud politik yang berteraskan syarak. Maka dalam tajuk penulisan ini, terma pengurusan mewakili istilah *siyasah syariyyah*. *Siyasah syariyyah* ialah istilah gabungan antara dua perkataan yang juga berlainan makna asalnya. Perkataan *Siyasah* berasal daripada kata akar *سَاسَ يَسُوسُ، سُنَّ، سِيَاسَةً* yang membawa maksud dilantik memimpin dan menguruskan urusan manusia serta memperlakukkan sesuatu perkara (Ahmad Mukhtar, 2008). Manakala perkataan *Syariyyah* pula berasal daripada *شَرَعٌ* yang membawa maksud sama dengan *Syariah*. *Syariah* dari sudut bahasa membawa maksud sumber air minuman yang diteroka oleh manusia, maka manusia akan minum daripada tempat tersebut (Ibnu Manzur, 1992). Selain itu, ianya ialah sumber air yang mengalir untuk unta, dan sumber air yang diambil tanpa bayaran (Sa'di, 1988). Manakala dari sudut istilah pula *Syariah* ialah jalan yang jelas membawa kepada kejayaan iaitu apa sahaja yang disyariatkan Allah kepada hambaNya dalam urusan agama (Al-Qurtubi, 1964). Ianya merupakan segala suruhan, larangan Allah SWT berkaitan hukum amalan dalam kehidupan manusia (Al-Najar, 2008). Menurut Ibnu Taimiyyah (1995), manusia tidak dapat mengeluarkan dirinya daripada *Syariah* kerana setiap perkara yang memberikan manfaat kepadanya yang terdiri daripada perkara usul, *furu'*, keadaan tertentu, amalan tertentu, politik, muamalat semuanya terdapat di dalam *Syariah*.

Maka pengertian *siyasah syariyyah* ialah apa sahaja tindakan yang membawa manusia dekat kepada kebaikan, dan menjauhkan manusia daripada keburukan walaupun tidak dilakukan nabi SAW atau tiada wahyu yang diturunkan berkaitan dengannya (Al-Qadhi, 1989). Menurut Al-Sawi (1998), *Siyasah Syariyyah* ialah pentadbiran urusan negara Islam yang tidak terdapat dalil jelas berkaitan hukumnya, atau dalam perkara yang berubah-ubah mengikut kemaslahatan umat bertepatan dengan hukum syarak dan usul agama yang umum. Oleh kerana, Covid 19 merupakan ancaman penyakit yang baru pada waktu sekarang, maka segala tindakan dan langkah pengurusan kerajaan dalam membendung wabak ini termasuk dalam erti kata *siyasah syariyyah*. Bahkan kerajaan wajib melaksanakan langkah yang terbaik dalam menangani wabak ini kerana ianya melibatkan urusan nyawa rakyat.

### Maqasid Syariah

*Maqasid syariah* merupakan satu daripada cabang ilmu *syariah* yang berperanan mengeluarkan panduan hukum dalam perkara-perkara yang tidak mempunyai nas-nas yang jelas. Ianya merupakan satu intrumen yang boleh diguna pakai dalam mengistinbatkan hukum-hukum bagi mengeluarkan fatwa-fatwa semasa pada hari ini. Kebanyakan isu baru yang tidak mempunyai dalil yang jelas akan dilihat dari sudut pandang *Maqasid Syariah*. Bahkan boleh dikatakan bahawa *Maqasid Syariah* bertindak sebagai parameter untuk diaplikasikan dalam penentuan isu-isu baru tersebut. Sehubungan dengan itu, pada pandangan pengkaji, *Maqasid Syariah* juga mampu memberikan pencerahan berkenaan isu Covid 19 terutamanya dari sudut pengurusan pihak pemerintah dalam mengekang penularan virus ini daripada terus merebak dan tersebar.

*Maqasid syariah* merupakan istilah menggabungkan dua perkataan berlainan maknanya yang asal iaitu *maqasid* dan *syariah*. Perkataan *maqasid* dalam bahasa Arab merupakan perkataan jamak yang berasal daripada perkataan **قصد** (Abdul Kadir, 2008), dengan membawa maksud jalan yang lurus (Al-Asfahani, 1991). Ianya juga membawa maksud berterusan dalam sesuatu perjalanan, keadilan keseimbangan, pergantungan, dan melakukan sesuatu (Ibnu Manzur, 1992). Selain daripada itu, ia juga bermaksud pertengahan tidak melampaui batas, dan mudah (Al-Fayumi, t.t). Manakala pengertian *Syariah* dari sudut bahasa dan istilah telah diterangkan sebelum ini dalam definisi *siyasah syariyyah*.

Berkenaan dengan *maqasid syariah*, sebenarnya tiada definisi yang jelas daripada ulama *Usul Fiqh* dan *Fiqh* terdahulu berkenaan dengan makna *maqasid syariah*. Imam Syatibi merupakan ulama terawal yang menulis khusus tentang *maqasid syariah*. Namun beliau tidak memberikan pengertian *maqasid syariah* dalam kitabnya *Al-Muwafaqat* (Nukman, 2014). Kewujudan ilmu *maqasid syariah* secara khususnya bermula pada kurun kelima hijrah dan berkembang sehingga kurun kelapan hijrah. Ulama yang mempelopori perkara ini terutamanya ialah Imam Syatibi, termasuklah Imam Al-Juwaini, Imam Al-Ghazali, Imam Al-Izz Ibnu Salam, Imam Al-Qarafi, dan Imam Ibnu Qayyim (Jaser Audah, 2011). Walaupun sebenarnya ulama-ulama silam ini tidak memberikan pengertian yang jelas berkenaan dengan maksud *maqasid syariah* itu sendiri, namun ungkapan dan penjelasan yang diberikan oleh ulama-ulama silam ini memberikan petunjuk bahawa itulah yang dimaksudkan mereka dengan ilmu *maqasid syariah*. Hal ini berbeza dengan ulama moden zaman sekarang yang memberikan perincian yang jelas akan maksud sebenar *maqasid syariah*. Jika digabungkan perkataan *maqasid syariah*, ianya membawa kepada beberapa pengertian di kalangan ulama-ulama silam seperti Imam Al-Ghazali, Imam Al-Amidi, dan Imam Syatibi, mahupun ulama' zaman sekarang seperti Syekh Ibnu Asyur, Dr Ahmad Raisuni, dan Dr Wahbah Zuhaili.

*Maqasid syariah* difahami daripada kata-kata Imam Al-Ghazali iaitu “Maksud Syarak daripada Allah yang lima iaitu penjagaan ke atas agama mereka, nyawa mereka, akal mereka,

keturunan mereka, dan harta mereka.”(Al-Ghazali, 1993). Imam Al-Amidi pula mengatakan “Maksud daripada penetapan hukum syarak ialah memberikan kemaslahatan kebaikan atau menjauhkan kemudaratan atau kedua-duanya sekali” (Al-Amidi, t.t). Manakala Imam Syatibi mengatakan: “Sesungguhnya Allah menginginkan daripada penetapan hukum Syariat itu menegakkan masalah kebaikan akhirat dan dunia”(Al-Syatibi, 1997).

Menurut Ibnu Asyur, *Maqasid Syariah* ialah “Maksud pensyariatian secara umum itu ialah ialah maksud-maksud dan hikmah-hikmah yang disertakan oleh Allah Taala pada kesemua keadaan pensyariatian sesuatu hukum atau kebanyakan daripadanya” (Ibnu Asyur, 2004). Dr Ahmad Raisuni mendefinisikan *Maqasid Syariah* sebagai “tujuan-tujuan yang diletakkan oleh Syariat untuk mencapainya bagi kemaslahatan hamba Allah” (Raisuni, 1992). Dan menurut Dr Wahbah Zuhaili, *Maqasid Syariah* ialah “Makna-makna dan tujuan-tujuan yang disertakan oleh syarak dalam keseluruhan hukum atau kebanyakannya ataupun ianya ialah objektif daripada *Syariah* dan rahsia-rahsia yang diletakkan oleh Allah SWT pada setiap hukum-hakam”(Al-Zuhaili, 1986). Berdasarkan kepada pengertian yang dikemukakan oleh ulama-ulama ini, maka secara mudahnya *maqasid syariah* ialah tujuan yang diinginkan oleh Allah SWT dalam penetapan sesuatu hukum yang mungkin boleh diketahui secara jelas oleh manusia dan mungkin juga tidak boleh diketahui secara jelas oleh manusia. Sama ada diketahui mahupun tidak diketahui, manusia wajib beriman bahawa semua hukum syarak yang ditetapkan oleh Allah SWT akan memberikan kebaikan kepada manusia dan menjauhkan keburukan daripada manusia.

Walaupun *Maqasid Syariah* merupakan ilmu yang penting, namun penggunaannya boleh diselewengkan atas nama masalah, maka disebabkan itulah penggunaannya mestilah memenuhi syarat iaitu tidak mengabaikan nas-nas yang thabit qat'ie. Ramai juga pada hari ini memperalatkan *maqasid syariah* atas dasar atau slogan kebaikan sehingga menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal. Ini semuanya berpunca daripada kejahilan tentang syariah, bercakap di luar bidang pengetahuan, dan terikut-ikut dengan ajaran barat (Al-Qaradawi, 2008).

Di samping itu, *maqasid syariah* juga merupakan ilmu yang luas mencakupi aspek-aspek *daruriyyat*, *hajiyat*, *tahsiniiyyat*. *Daruriyyat* ialah sesuatu yang diperlukan untuk menegakkan kebaikan di dunia dan akhirat iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta benda. *Hajiyat* pula ialah sesuatu yang diperlukan untuk mengelakkan kesempitan, kesusahan, manakala *Tahsiniiyyat* ialah sesuatu yang berkaitan dengan adat-adat yang bagus, dan akhlak-akhlak yang mulia (Al-Khadimi, 2001). Penggunaan istilah *maqasid syariah* di dalam penulisan ini, secara khususnya akan merujuk kepada *daruriyyat al-khams* sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Imam Al-Ghazali ketika membicarakan soal pengertian *maqasid syariah* sebelum ini. Hal ini adalah kerana ianya merupakan teras penting kepada ilmu *maqasid syariah*.

## Menjaga Agama

Agama yang dimaksudkan di sini ialah wahyu ilahi yang diturunkan ke atas rasulNya, Iman kepada Allah, RasulNya, dan hari akhirat, serta hukum hakam syarak yang mengawasi perbuatan zahir yang dilakukan oleh manusia(Al-'Alim, 1994). Maka dapat difahami di sini bahawa penjagaan agama melibatkan tiga perkara yang besar iaitu Al-Quran, akidah dan syariah. Apabila disebutkan tentang Al-Quran dan akidah, maka pertama sekali, apabila kita diuji oleh Allah SWT dengan penularan Covid 19 di persekitaran kita, maka kita mestilah mengembalikan urusan ini kepada Allah SWT dengan percaya dan yakin akan ketentuanNya dan kebesaran kekuasaanNya. Ini sebagaimana yang disebutkan oleh Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah ayat 156:

الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

Maksudnya:

*“Dan mereka yang diuji dengan sesuatu ujian mereka akan berkata: Sesungguhnya daripada Allah kita datang dan kepada Allah kita akan dikembalikan”*

Kuasa Allah sememangnya mengatasi kuasa makhlukNya, dengan kewujudan virus yang tidak kelihatan pada mata ini, kehidupan manusia sudah semestinya terganggu dan tergugat. Walaupun dari satu sudut, wabak Covid 19 ini merupakan suatu perkara yang buruk kesannya sebagaimana yang disebutkan dalam pendahuluan sebelum ini, tetapi akidah kepada Allah SWT membawa agar beriman akan pesanan Allah SWT di dalam Surah Al-Baqarah ayat 216:

وَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَعَسَىٰ أَنْ تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya:

*“Dan boleh jadi apa yang kamu benci itu terhadap sesuatu perkara yang menimpa kamu itu, ianya adalah baik untuk kamu, dan boleh jadi apa yang kamu suka terhadap sesuatu perkara yang menimpa kamu itu tidak baik untuk kamu, dan Allah Maha mengetahui dan kamu tidak mengetahuinya”*

Dan Allah juga menjanjikan di sebalik kesusahan itu akan adanya kemudahan yang diberikan sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Surah Al-Sharh ayat 5 dan 6:

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا

Maksudnya:

*“Maka sesungguhnya di sebalik kesusahan itu akan disertai dengan kemudahan. Sungguh, bersama kesusahan itu kemudahan”*

Sesungguhnya bersama kesusahan itu adanya kemudahan, walaupun dirasakan tiada jalan untuk mencapai sesuatu perkara itu, namun pasti akan adanya jalan penyelesaian jika sekiranya seseorang individu itu sabar bertawakal kepada Allah SWT (Al-Maraghi, 1946). Jalan penyelesaian itu diberikan formulanya daripada Al-Quran dalam Surah Al-Baqarah ayat 46:

وَاسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى الْخَاشِعِينَ

Maksudnya:

*“Dan mintalah tolong dengan cara sabar dan solat, dan sesungguhnya ianya adalah berat kecuali kepada mereka yang khusyuk”*

Solat merupakan satu bentuk pertolongan yang sangat besar untuk kekal teguh dalam sesuatu urusan (Ibnu Kathir, 1999) dan antara maksud solat di sini juga ialah doa (Al-Qurtubi, 1964). Maka sabar itu ialah menahan diri daripada perkara yang dibenci dengan berpaling daripada

sebab-sebab yang menyebabkan manusia jauh daripada *Syariah* iaitu dengan mengikut hawa nafsu, menikmati apa yang disukai oleh diri sendiri (Muhammad Rashid Redha, 1990). Dalam konteks *Covid 19*, apabila normal baharu diperkenalkan dan diarahkan untuk dipatuhi rakyat oleh kerajaan, rakyat sepatutnya mengambil sikap bersabar walaupun sebahagian daripada rakyat tidak gemar dan tidak selesa dengan peraturan tersebut. Bahkan, kerajaan pada awalnya, telah mengingatkan rakyat agar bersabar dan redha akan ketentuan dan takdir Allah SWT di sebalik penularan wabak yang berbahaya ini.

Dari sudut *syariah* pula, pelaksanaan ibadah terutamanya ibadah khusus solat tetap perlu dilaksanakan dan tidak gugur kewajibannya walaupun berlaku pandemik *Covid 19* ini kecuali ibadah haji yang telah ditangguhkan pelaksanaannya oleh orang di luar daripada Arab Saudi. Apatah lagi sebelum ini telah dinyatakan bahawa Allah SWT menyuruh kita memohon pertolongan dengan menunaikan solat. Maka sudah semestinya solat tidak boleh ditinggalkan sama sekali.

Ketika awal pelaksanaan PKP, hasil daripada Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang diadakan pada 15 Mac 2020, semua aktiviti masjid dan surau termasuk solat berjemaah dan solat Jumaat ditangguhkan selama 10 hari memandangkan kes jangkitan Covid 19 pada waktu itu tinggi (Mufti Wilayah, 2020). Maka solat berjemaah dilakukan hanya di rumah, manakala Solat Jumaat digantikan dengan Solat Zohor. Walaupun isu penutupan masjid ini mendapat kecaman daripada sebahagian masyarakat terutamanya di alam maya, namun ianya dibuat atas dasar untuk kebaikan semua dan bagi mengelakkan tuduhan jahat iaitu masjid menjadi punca membiaknya virus Covid 19 sebagaimana yang telah terjadi kepada Masjid Sri Petaling dalam isu kluster tabligh. Polisi ini sebenarnya telah diambil oleh pihak kerajaan mengikut suasana keadaan kes jangkitan Covid 19.

Bahkan di sebalik kecaman ini, pihak berwajib seperti Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Kemajuan Agama Islam (JAKIM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) juga telah mengeluarkan garis panduan melakukan ibadah bagi petugas dan pesakit Covid 19 dan juga garis panduan pengurusan jenazah Orang Islam (Covid 19) (Berita Harian, 2020). Walaupun suasana di sekeliling masih lagi diselubungi dengan Covid 19, urusan perkahwinan yang merupakan salah satu daripada ibadah mesti dan tetap diteruskan bagi mengelakkan daripada sebarang perbuatan yang boleh menjatuhkan maruah dan peribadi bakal pengantin yang telah mengikat tali pertunangan sebelum tempoh PKP dilaksanakan lagi. Atas sebab itulah pernikahan dijalankan atas talian yang telah mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa agama negeri-negeri.

Dalam masa yang sama, tidak dinafikan bahawa cara pelaksanaan ibadah ini telah berubah sesuai dengan situasi semasa sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini. Ini dapat dilihat apabila pihak Majlis Keselamatan Negara juga telah membenarkan aktiviti di masjid surau dan telah mengeluarkan SOP aktiviti masjid dan surau antara lainnya menyebutkan: tentang jumlah bilangan jemaah maksimum ialah 1/3 daripada kapasiti dewan solat utama dengan penjarakan sosial dan saf dijarakkan dalam lingkungan 1 meter, juga SOP ibadah korban antara lainnya menyatakan jumlah kehadiran tidak melebihi 30 orang petugas bagi sekumpulan/seekor haiwan dan mengelakkan 3S bersesak, ruang sempit (JAKIM, 2020). SOP majlis perkahwinan yang terletak di bawah pelaksanaan majlis sosial pula telah menghadkan jumlah bilangan tetamu maksimum seramai 250 orang mengikut saiz ruang dan penjarakan sosial (KKM, 2020). Secara umumnya, apabila jumlah trend kes kelihatan stabil dan berkurangan, maka masjid dibuka semula untuk aktiviti solat berjemaah dan keagamaan dengan pengamalan SOP yang ketat. Begitu juga apabila kes bertambah secara mendadak, maka masjid ditutup dan sebarang aktiviti solat berjemaah dan keagamaan tidak dibenarkan. Ini juga turut dilaksanakan dalam urusan perkahwinan dan pernikahan. Di samping itu

juga, kerajaan juga telah menggalakkan rakyat untuk memperbanyakkan doa tanpa mengira waktu dan berdoa juga khusus ketika solat agar musibah Covid 19 akan berakhir juga nanti dengan izin dan kuasa Allah SWT. Ini tidak lain, tidak bukan sebagai usaha bagi mengekang penularan virus Covid 19. Bahkan kita dapat melihat di kaca televisyen dan media sosial, kerap kali dipaparkan, disebarkan bacaan doa untuk mengelakkan penyebaran Covid 19 ini dengan ungkapan doa yang diajarkan oleh Rasulullah SAW:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ

[Abu Daud, *Sunan Abu Daud, Bab Fi al-Isti'azab*, no hadis 1554]

Maksudnya:

*“Ya Allah, aku berlindung dengan Mu daripada ditimpa penyakit sopak, gila, kusta dan penyakit-penyakit berbahaya yang lain”*

Dari sudut yang berlainan, kesemua ini menunjukkan bahawa usaha untuk mengekang Covid 19 perlu dilakukan secara bersungguh-sungguh supaya pelaksanaan ibadah solat terutamanya dan ibadah-ibadah yang lain dapat dilakukan seperti sedia kala sebelum wujudnya Covid 19 dengan tiada lagi penjarakan saf-saf solat dan masjid dibuka seluas-luasnya kepada masyarakat awam, perkahwinan dapat dilakukan dengan kehadiran jumlah jemputan yang ramai. Dan inilah sebenarnya naratif maksud penjagaan agama mengikut neraca Maqasid Syariah bagi mengekang penularan Covid 19. Ia sebenarnya memberikan momentum dan motivasi yang kuat kepada kerajaan dan rakyat agar bekerjasama dan saling membantu antara satu sama lain dalam memerangi Covid 19. Hal ini bagi membolehkan pelaksanaan ibadah dapat dilakukan seperti sedia kala sebagaimana sebelum tersebarnya Covid 19.

### Menjaga Nyawa

Nyawa merupakan perkara yang sangat penting dan sangat tinggi nilainya dalam Islam. Antara bukti yang menunjukkan bahawa Islam amat mengambil berat soal penjagaan nyawa (Muhammad Abdul ‘Ati, t.t) ialah:

-Mengharamkan pembunuhan tanpa sebab yang dibenarkan; Ini sebagaimana yang dinyatakan Allah SWT dalam Al-Quran Surah Al-Anaam ayat 151

وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ

Maksudnya:

*“Dan janganlah kamu membunuh nyawa yang diharamkan oleh Allah kecuali atas sebab-sebab yang benar”*

-Mengharamkan bunuh diri sendiri; dalam Surah Al-Nisa’ ayat 29

وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ

Maksudnya:

*“Dan janganlah kamu membunuh diri kamu sendiri”*

-Mengharamkan mendedahkan diri kepada perkara yang boleh meragut nyawa; dalam Surah Al-Baqarah ayat 195



وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ

Maksudnya:

“Dan janganlah kamu mencampakkan diri kamu ke lembah kebinasaan”

-Menghalang daripada merebaknya wabak penyakit; ini sebagaimana yang telah dinyatakan oleh hadith Nabi SAW:

إِذَا سَمِعْتُمْ بِالطَّاعُونِ بِأَرْضٍ فَلَا تَدْخُلُوهَا، وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا مِنْهَا

[al-Bukhari, *Ṣaḥīḥ al-Bukhari*, Kitab al-Tib, Bab Ma Yuḏkira Fi al-Taun, no hadis 5728]

Maksudnya:

“Apabila kamu mendengar penyakit taun melanda sesuatu tempat, maka jangan kamu masuk ke tempat tersebut. Dan apabila penyakit taun melanda sesuatu tempat dan kamu berada di situ, maka jangan kamu keluar daripada tempat tersebut”

Berdasarkan kepada bukti-bukti yang dinyatakan di atas beserta dengan penegasan daripada Al-Quran dan Hadith, maka tidak dapat disangkalkan lagi bahawa Islam sangat menitik beratkan soal penjagaan nyawa. Maka apa sahaja yang dilakukan oleh kerajaan untuk mengekang penularan Covid 19 sama ada berbentuk SOP garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan melibatkan soal pelaksanaan ibadah, aktiviti sosial, ekonomi, sekolah, institusi pengajian tinggi, pejabat, pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), penguatkuasaan tempoh kuarantin dan normal baharu, sangat bertepatan dengan aspek penjagaan nyawa dalam *Maqasid Syariah*.

Mereka yang terdiri daripada *frontliners* iaitu doktor, jururawat, dan kakitangan hospital dan klinik kesihatan merupakan individu yang telah banyak mengorbankan masa, tenaga, keringat bagi merealisasikan makna sebenar penjagaan nyawa ini. Malah ada yang sanggup berpisah dengan keluarga dalam tempoh berbulan-bulan lamanya, bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pesakit-pesakit yang positif Covid 19 di samping ingin mengelakkan risiko jangkitan Covid 19 ini kepada ahli keluarga yang terdekat. Ini belum lagi dikira apa yang telah dilakukan oleh *frontliners* anggota keselamatan polis, tentera yang mengawal dan mengadakan sekatan jalan raya bagi menghentikan rantaian penyakit Covid 19. Sesungguhnya pengorbanan kesemua mereka yang terlibat di barisan hadapan ini tidak boleh dinilai dengan wang ringgit dan merupakan sumbangan yang akan kekal dalam lipatan sejarah tanah air. Merekalah wira-wira negara di saat negara menghadapi musibah yang begitu mencabar ini.

Selain daripada itu, setiap individu juga perlu bertanggungjawab dan menjalankan peranan masing-masing dengan mengikut arahan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan. Jika terdapat individu yang merupakan kontak rapat kepada pesakit yang positif Covid 19, atau mempunyai gejala seperti demam, selsema, batuk, sakit tekak, dan sesak nafas perlulah mendapatkan rawatan yang segera atau menjalani ujian saringan Covid 19 bagi mengelakkan sebarang kemudaratan kepada diri sendiri mahupun orang lain. Slogan kita jaga kita haruslah tersemat kukuh dalam minda dan jiwa setiap orang dalam negara ini kerana kita belum menang

dalam menghadapi ancaman Covid 19 yang tidak diketahui bilakah kita akan bebas daripada cengkaman virus ini.

Sebagaimana yang telah diketahui bahawa, vaksin Covid 19 yang pertama telah tiba pada 21 Februari 2021 (Berita Harian, 2021). Ianya merupakan tarikh yang bersejarah bagi negara dan rakyat apabila setelah sekian lama menunggu, akhirnya vaksin jenama *Pfizer* telah sampai di Malaysia. Untuk mengelakkan kekeliruan dan salah faham di kalangan masyarakat berkaitan dengan isu pengambilan vaksin ini, kerajaan melalui mesyuarat khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam yang bersidang pada 3 Disember lalu telah mengambil ketetapan bahawa hukum penggunaan vaksin Covid 19 adalah harus dan ia wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan kerajaan (Sinar Harian, 2021). Kerajaan juga telah melancarkan Program Imunisasi Covid 19 kebangsaan pada 24 Februari 2021, dengan Perdana Menteri YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin telah menjadi individu pertama yang mengambil vaksin Covid 19 (Awani, 2021). Bahkan fasa pengambilan vaksin Covid 19 ini mempunyai beberapa peringkat, bermula dengan 500000 frontliners, fasa kedua bagi kumpulan berisiko tinggi dijangkiti Covid 19 di kalangan warga emas, dan yang terakhir ialah golongan dewasa berumur 18 tahun ke atas. Kerajaan menyasarkan sebanyak 80 peratus populasi negara iaitu 26.5 juta individu (Berita Harian, 2021). Setakat penulisan ini dicatatkan, jumlah vaksinasi di Malaysia menyaksikan seramai 9.6 juta telah mendapat dos yang pertama, manakala seramai 4.4 juta telah mendapat dos yang kedua. Jumlah pemberian dos pertama dan kedua ialah sebanyak 14002324 (KKM COVID, 2021). Dalam masa yang sama juga, kerajaan terpaksa berhadapan dengan golongan *antivaksin*. Kelompok ini yang banyak mempengaruhi masyarakat dengan menimbulkan keraguan akan kebaikan dan keberkesanan vaksin Covid 19, maka kerajaan telah mengatur strategi menanganinya di peringkat kebangsaan dan juga negeri. Ianya dilakukan secara komprehensif termasuk kenyataan media, penerbitan, tv dan radio serta media sosial selain mengadakan lebih banyak seminar kesihatan, sambutan Hari Imunisasi Sedunia, dan Minggu Imunisasi Sedunia (Bernama, 2020).

### Menjaga Akal

Akal merupakan anugerah istimewa Allah SWT kepada manusia yang membezakan manusia dengan makhluk-makhluk Allah SWT yang lain. Dengannya manusia boleh berfikir secara waras, membezakan antara perkara yang baik dan buruk. Ianya juga berkait rapat dengan cara-cara untuk mendapatkan ilmu dan pengetahuan. Antara maksud penjagaan akal menurut *maqasid syariah* ialah pembelajaran atau pendidikan (Al-Alami, 1994).

Allah SWT telah memerintahkan kita agar tidak mengikuti dan mengamalkan sesuatu perkara yang tidak diketahui akan kesahihan dan kebenarannya. Allah berfirman di dalam Surah Al-Isra ayat 36:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ

Maksudnya:

“Dan janganlah kamu mengikut apa yang kamu tiada pengetahuan berkaitan dengannya”

Bahkan Allah SWT menyuruh kita menyemak dan meneliti sesuatu khabar berita yang sampai kepada kita terlebih dahulu sebelum menerima dan mempercayainya. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Hujurat ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ ۚ فَتُصِبْحُوا  
عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ

Maksudnya:

*“Wahai orang yang beriman, apabila datang kepada kamu seorang fasiq yang membawa khabar berita, maka hendaklah kamu selidik terlebih dahulu supaya kamu tidak menimpa sangkaan yang tidak baik terhadap sesuatu kaum disebabkan kejabilan, maka dengan sebab itu kamu akan menyesali perbuatan kamu”*

Akal perlulah digunakan bagi menapis segala maklumat dan info yang sampai kepada kita terutamanya pada zaman ini yang penuh dengan fitnah dan pendustaan.

Rasulullah SAW juga pernah bersabda dalam hadith yang diriwayatkan Muslim iaitu:

كَفَى بِالْمَرْءِ كَذِبًا أَنْ يُحَدِّثَ بِكُلِّ مَا سَمِعَ

[al-Muslim , Şahih al-Muslim, Muqaddimah, Bab al-Nahy ‘An al-Hadith Bikulli Ma Sama’, no hadis 4]

Maksudnya:

*“Cukuplah bagi seseorang itu dikira berdusta, apabila bercakap menyebarkan berita apa sahaja yang didengari”*

Dusta di sini membawa dua maksud keadaan: pertama: melaporkan sesuatu yang telah diketahui bohong tetapi tidak menerangkan bahawa perkara tersebut adalah bohong, kedua: sememangnya individu tersebut berdusta kerana tidak semua perkara yang didengari itu benar. Maka berbicaralah dengan manusia bersesuaian untuk diterima oleh logik akal manusia (Ibnu Jauzi, t.t)

Dalam suasana negara sedang bertarung dengan Covid 19, sesuatu perkara yang tidak dapat dinafikan, bahawa wujudnya cerita-cerita dan maklumat-maklumat palsu berkaitan Covid 19 yang menjadi bahan perbualan dalam masyarakat. Ianya pantas tersebar melalui aplikasi media sosial pada hari ini seperti *Whatsapp, Facebook, Twitter, Youtube* dan lain-lain lagi. Hal ini telah memaksa kerajaan untuk bertindak dengan membuat penafian berita palsu tersebut dalam sidang media Menteri Kanan Keselamatan (Berita Harian, 2020). Bahkan lebih dahsyat daripada itu, pada bulan April 2020 telah dilaporkan bahawa Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui pasukan respon pantas telah menafikan berita palsu sebanyak 167 (Harian Metro, 2020). Penyebaran cerita dan maklumat palsu sebegini boleh mengundang keresahan kepada masyarakat dan boleh menambahkan lagi kekacauan dalam minda dan perasaan masyarakat. Masyarakat perlu bijak dengan menyemak terlebih dahulu akan kesahihan sesuatu maklumat dan bukannya menerima secara bulat-bulat segala berita yang sampai ke pengetahuan mereka. Ini adalah kerana ramai juga bersemangat menyebarkan berita sebegini bertujuan mensensasikan sesuatu maklumat untuk kelihatan juara isu semasa mendahului orang lain, walaupun pada hakikatnya apa yang disebarkan sememangnya adalah salah dan palsu. Selain itu, amalan taqlid mengikut kata dan percakapan orang lain secara membuta tuli tanpa sebarang bantahan dan bangkangan bercanggah dengan ketinggian fungsi akal manusia. Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Baqarah ayat 170:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ اتَّبِعُوا مَا أَنْزَلَ اللَّهُ قَالُوا بَلْ نَتَّبِعُ مَا أَلْفَيْنَا عَلَيْهِ ءِآبَاءَنَا أَوْ لَوْ كَانَ ءِآبَاؤُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ شَيْئًا  
وَلَا يَهْتَدُونَ

Maksudnya:

*“Dan apabila dikatakan kepada mereka :Ikutlah kamu akan apa yang telah diturunkan oleh Allah SWT. Mereka berkata: Bahkan kami hanya akan mengikut apa sahaja yang datuk nenek kami lakukan. Adakah patut mereka mengikut datuk nenek mereka yang tidak mengetahui itu dan mereka pula tidak mendapat petunjuk”*

Di samping itu, sebagaimana yang telah diperkatakan sebelum ini, aspek pembelajaran dan pendidikan ini merupakan antara aspek yang besar maknanya dalam usaha mengekang penularan *Covid 19*. Rakyat perlu dididik, diberikan pengetahuan yang cukup dan tepat untuk membiasakan diri masing-masing bagi menjalani kehidupan dalam bentuk normal baharu. Kempen-kempen yang menggalakkan pemakaian pelitup muka hidung, penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter, elakkan daripada bersalaman, pengambilan vaksin *Covid 19* dan lain-lain lagi perlu diperkasakan dan diperhebatkan melalui media sosial mahupun media massa arus perdana kepada segenap lapisan masyarakat sama ada di bandar apatah lagi di luar bandar. Bahan bacaan berbentuk buku-buku, poster-poster, majalah-majalah mengenai *Covid 19* haruslah dicetak dan diedarkan kepada orang awam.

Para ibu bapa di rumah, dan para guru di sekolah pula, perlulah memberikan bimbingan dan kesedaran kepada anak dan para pelajar akan bahaya dan betapa seriusnya kesan *Covid 19* dalam kehidupan seharian. Pada peringkat institusi pengajian tinggi pula, para pensyarah dan ahli akademik menyumbangkan idea dan pemikiran mereka menghasilkan penulisan ilmiah berkaitan *Covid 19* dalam pelbagai bidang sama ada kesihatan, keagamaan, sosial, ekonomi, dan sebagainya. Para saintis dan penyelidik di negara ini pula bekerjasama dengan saintis dan penyelidik di peringkat antarabangsa menjalankan kajian dalam menghasilkan vaksin *Covid 19*. Ini sekaligus membawa maksud kesemua peringkat lapisan masyarakat berganding bahu menjalankan peranan dalam komposisi tradisi ilmu dan pendidikan masing-masing selaras dengan tuntutan penjagaan akal dalam *maqasid syariah* bagi mengekang penularan *Covid 19*.

### Menjaga Keturunan

Anak-anak merupakan aset yang paling berharga dalam sesebuah institusi keluarga. Ia menjadi penyebab kepada penerusan generasi dan keturunan di dunia ini. Menjaga keturunan di sini dengan membawa maksud menjamin kelangsungan dan pengekalan zuriat keturunan (Al-Yubi, 1998). Ianya bermula sejak daripada berada dalam kandungan ibu lagi, diteruskan selepas daripada kelahiran, sehingga anak-anak ini mempunyai kekuatan untuk menjalani kehidupan sendiri (Muhammad Abdul 'Ati, t.t). Atas sebab itulah menjaga keturunan ini adalah sama dan mempunyai kaitan rapat dengan menjaga nyawa (Al-Yubi, 1998) kerana ianya lebih tertumpu kepada aspek kesihatan dan dijauhi daripada sebarang penyakit di kalangan kanak-kanak, remaja dan belia. 3 peringkat umur inilah yang akan menjadi pemimpin pada masa hadapan, menyambung legasi daripada golongan tua dan penerus keturunan manusia di dalam negara ini. Maka tidak dapat dinafikan lagi bahawa mereka termasuk dalam golongan yang dimaksudkan dengan elemen menjaga keturunan *maqasid syariah*.

Pada peringkat awal pelaksanaan PKP Bulan Mac tahun 2020, boleh dikatakan semua institusi pendidikan seperti taska, tadika, sekolah rendah, sekolah menengah, institusi pengajian tinggi yang menjadi tempat di mana anak-anak ini banyak menghabiskan masa mereka di situ sepanjang hari ataupun sepanjang masa telah ditutup. Segala aktiviti pembelajaran diarahkan untuk dilakukan atas talian di rumah masing-masing. Bahkan peperiksaan UPSR bagi murid darjah 6 dan PT3 bagi tingkatan 3 telah dibatalkan serta merta (Mstar, 2020). Manakala peperiksaan SPM, STAM 2020 pula ditangguhkan hingga ke 22 Februari 2021, dan STPM pada 8 Mac 2021 (Sinar Harian, 2020).

Selepas daripada itu, apabila kes jangkitan *Covid 19* dalam keadaan terkawal, maka taska, tadika, dan pra sekolah telah dibuka secara rasminya pada 1 Julai 2020 selepas 3 bulan ditutup dengan penekanan diberikan kepada aspek pematuhan SOP yang telah dikeluarkan (Bernama, 2020). Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat telah

mengeluarkan panduan pencegahan penularan Covid 19 pasca Perintah Kawalan Pergerakan bagi keselamatan warga taman asuhan kanak-kanak (TASKA) (JKM, 2020). Panduan yang berhalaman sebanyak 42 muka surat ini mengandungi 8 bab dimulakan dengan peranan pengusaha, pengasuh, dan ibu bapa selain memuatkan isi kandungan penting yang berkaitan peraturan semasa menghantar ke taska, semasa berada di taska, dan semasa menjemput kanak-kanak. Ianya turut memberikan panduan langkah yang perlu diambil jika sekiranya terdapat warga taska yang disahkan positif Covid 19. Manakala sesi persekolahan pula mula dibuka secara berperingkat-peringkat dengan dimulakan dengan pelajar tingkatan 1 hingga 4, dan kelas peralihan, serta murid tahun 5 dan 6 pada 15 Julai 2020, dan diikuti dengan murid tahun 1 hingga 4 sekolah rendah pada 22 Julai 2020 (Berita Harian, 2020). Namun selepas daripada itu berlaku penutupan sesi persekolahan disebabkan kenaikan kes Covid 19 di dalam negara. Kemudian sekolah secara umumnya telah dibuka pada 1 Mac 2021 untuk Pra Sekolah, tahun 1, tahun 2, dan 8 Mac 2021 untuk tahun 3, 4,5,6. Sekolah Menengah pula dibuka pada 4 Mac dan 5 Mac 2021.(KPM, 2021). Selepas daripada itu, akibat peningkatan kes jangkitan Covid 19, semua sekolah ditutup selepas Raya Aidilfitri pada tahun 2021 sehinggalah sekarang.

Bagi institusi pengajian tinggi (IPT) pula, mahasiswa telah dibenarkan untuk kembali pulang ke kampus secara berperingkat-peringkat mulai Julai 2020 dan pembukaan sepenuhnya universiti pada bulan Oktober 2020 (Berita Harian, 2020). Namun, pada 2 Oktober 2020, Kementerian Pengajian Tinggi meminta supaya dilakukan penangguhan kemasukan pelajar lama dan baru ke kampus masing-masing (Utusan Malaysia, 2021). Pada tahun 2021, pelajar tertentu sahaja yang akan kembali ke kampus masing-masing pada 1 Mac 2021 sebagaimana yang telah diarahkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (Berita Harian, 2021). Apa yang boleh dinyatakan di sini ialah semua penangguhan pembukaan sekolah dan juga IPT ini adalah banyak disebabkan kerana kenaikan kes *Covid 19* naik mendadak pada waktu berkenaan pasca pilihan raya negeri Sabah yang telah diadakan pada 26 September 2020.

Dalam urusan kelahiran bayi baru pula di hospital, sepanjang tempoh PKP dan PKPB dilaksanakan, suami tidak dibenarkan untuk menemani isteri dewan bersalin. Namun ianya dilonggarkan selepas daripada itu dengan bergantung kepada dasar hospital dan keadaan ruang dewan bersalin tersebut sama ada luas ataupun sempit (Berita Harian, 2020). Malah bagi urusan pendaftaran kelahiran baru dan kematian pula telah dilanjutkan sehingga 90 hari selepas PKP, permohonan Mykad bagi kanak-kanak berusia 12 tahun dan urusan perkahwinan di kaunter Jabatan Pendaftaran Negara perlulah melalui proses temujanji terlebih dahulu(Berita Harian, 2020).

Dengan melihat kepada peraturan dan SOP yang melibatkan kanak-kanak, pelajar sekolah rendah, pelajar sekolah menengah, mahasiswa, dan golongan dewasa ini, bagi mengurangkan risiko jangkitan tidak syak lagi bahawa apa yang dilakukan ini oleh kerajaan semuanya bertepatan sekali dengan prinsip penjagaan keturunan dari sudut pandang *Maqasid Syariah*. Dan polisi yang telah digariskan ini merupakan aplikasi sebenar kepada aspek penjagaan keturunan dalam *maqasid syariah*.

### **Menjaga Harta Benda**

Harta merupakan faktor terpenting dalam membina kekuatan bagi sesebuah negara yang berdaulat. Tanpanya ekonomi sesebuah negara akan runtuh dan tidak akan membangun serta berisiko untuk dijajah dan dikuasai oleh negara asing. Harta bukanlah segala-galanya, namun tanpa harta segala-galanya akan tinggal angan-angan sahaja. Maka aspek penjagaan harta dalam *maqasid syariah* bermula dengan galakan dan saranan untuk bekerja bagi mendapatkan harta dengan cara yang dibenarkan oleh Syarak(Al-Yubi, 1998), dilarang untuk hanya bertawakal dan malas untuk bekerja(Muhammad Abdul ‘Ati, t.t). Namun realiti yang menyedihkan disebabkan wabak Covid 19 ini, kita dapat menyaksikan jumlah mereka yang menganggur kehilangan kerja sangatlah besar.

Kadar pengangguran di negara ini telah meningkat kepada lima peratus iaitu sebanyak 778800. Hal ini disebabkan oleh penutupan operasi bagi sebahagian besar perniagaan semasa PKP(Awani, 2020). Terkini, kadar pengangguran di Malaysia pada Mei 2021 merekodkan lebih 728,000 orang bersamaan 4.5 peratus, lapor Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Berbanding pada Mei tahun lalu, negara merekodkan kadar pengangguran bulanan tertinggi iaitu sebanyak 5.3 peratus dengan lebih 826,000 orang penganggur (Awani, 2021).

Dari sudut yang berbeza pula, pandemik Covid 19 telah menyuburkan industri normal baharu iaitu penjualan atas talian dan perkhidmatan pesanan atas talian yang telah melonjak naik secara mendadak. Ibarat patah tumbuh hilang berganti ianya telah menjadi lubang pekerjaan baru bagi rakyat Malaysia di sebalik hambatan kehilangan pekerjaan pasca Covid 19. Ini ditambah lagi dengan saranan pihak kerajaan ke arah perkara tersebut dalam usaha mengekang penularan wabak Covid 19. Maka nama-nama syarikat penghantaran makanan seperti *Grabfood*, *Foodpanda* telah mendapat sambutan yang hangat daripada orang ramai. Malah terdapat juga *runner* yang menawarkan perkhidmatan membeli barangan keperluan asas di pasaraya dan menghantarnya terus ke rumah. Selain daripada menjimatkan masa, tenaga dengan tidak perlu keluar dan bersesak beratur panjang membeli makanan, ianya juga serampang dua mata yang boleh menghalang sebaran virus Covid 19.

Selain daripada itu, menurut Al-Yubi (1998), termasuk cara penjagaan harta menurut Maqasid Syariah ialah jaminan ganti rugi terhadap harta yang hilang dan berkurangan. Kerajaan telah mengambil langkah yang bertepatan dengan perkara ini, apabila memperkenalkan insentif bantuan PRIHATIN yang diberikan kepada rakyat seperti pelaksanaan moratorium bayaran pinjaman institusi perbankan berjumlah RM100 bilion, kemudahan i-Lestari iaitu pengeluaran Akaun 2 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berjumlah RM40 bilion, subsidi upah yang dilaksanakan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sebanyak RM13.8 bilion dan pengurangan kadar minimum caruman pekerja KWSP (RM10 bilion)(Berita Harian, 2020). Malah Perdana Menteri telah mengumumkan langkah PRIHATIN TAMBAHAN pada 6 April 2021 melibatkan peruntukan sebanyak RM10 bilion untuk perusahaan kecil dan sederhana. Malah kerajaan telah berjaya menyelamatkan lebih 2.75 juta pekerjaan dan 800,000 perniagaan termasuk perniagaan mikro dan perusahaan kecil dan sederhana (PMO, 2020). Terkini, kerajaan telah mengumumkan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulihan) dengan memberikan moratorium selama enam bulan melalui kerjasama pihak bank kepada semua peminjam individu, sama ada dari golongan B40, M40 atau T20, dan usahawan mikro tanpa sebarang syarat dan tanpa sebarang dokumentasi yang diperlukan(Harian Metro, 2021). Semua ini bagi memastikan rakyat dapat menampung kos sara hidup dalam mendepani cabaran dari sudut ekonomi pasca Covid 19 dan perkara ini selari dengan aspek penjagaan harta benda menurut perspektif Maqasid Syariah.

## KESIMPULAN

Secara umumnya, pengurusan covid 19 di malaysia menurut perspektif maqasid syariah boleh disimpulkan seperti berikut:

Dari sudut penjagaan agama, menerima ketentuan Allah ini dengan hati yang penuh keimanan dan terus melaksanakan ibadah seperti biasa bersesuaian dengan kemampuan diri serta memperbanyakkan doa memohon pertolongan Allah SWT dalam berhadapan dengan wabak Covid 19 ini. Kerajaan berusaha menyedarkan rakyat akan hakikat ini dan berusaha memastikan segala aktiviti ibadah dan keagamaan dapat berjalan sebaiknya sesuai dengan keadaan persekitaran rakyat.

Manakala dari sudut penjagaan nyawa pula, apa yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri melalui barisan hadapan dalam

bidang kesihatan dan keselamatan sangat bertepatan dengan maqasid penjagaan nyawa. Usaha ini sepatutnya diteruskan oleh semua individu yang lain bagi menjaga diri dengan mengamalkan SOP yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Selain daripada itu, penjagaan akal pula boleh dilihat daripada aspek memberikan ilmu dan maklumat kepada orang ramai akan bahayanya penularan wabak Covid 19 ini. Dan semua pihak terutamanya dalam bidang pendidikan dan ilmu pengetahuan menjalankan peranan masing-masing untuk memberikan sumbangan ilmu dan kajian dalam usaha membanteras Covid 19.

Aspek penjagaan keturunan berlaku dengan penutupan institusi pendidikan daripada pusat asuhan kanak-kanak, sekolah-sekolah, sehinggalah institusi pengajian tinggi. Dan yang terakhir, di sebalik kadar pengangguran yang meningkat, penjagaan harta telah berlaku dengan munculnya jenis-jenis pekerjaan dalam bentuk yang baru, dan juga bantuan pakej rangsangan ekonomi yang telah diperkenalkan oleh kerajaan melalui rancangan PRIHATIN dan PEMULIH.

## RUJUKAN

- Abdul Kadir bin Hazr Allah. (2008). *Dawabit P'tibar Al-Maqasid*. Riyadh: Maktabah Al-Rushd.
- Ahmad Mukhtar Abdul Hamid Umar. (2008). *Mu'jam Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Muasarab*. t.t: Alim Al-Kutub.
- Al-Amidi, Ali bin Abu Ali. (t.t). *Al-Ihkam Fi Usul Al-Abkam*. t.t: Al-Maktab Al-Islami.
- Al-Asfahani, Al-Husin bin Muhammad. (1991). *Al-Mufradat Fi Gharib Al-Quran*. Damsyik: Dar Al-Qalam.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (2000). *Sahih Bukhari*. t.t: Dar Thuq Al-Najah.
- Al-Fayumi, Ahmad bin Muhammad. (t.t). *Al-Misbah Al-Munir Fi Gharib Al-Syarb Al-Kabir*. Beirut: Al-Maktabah Al-Ilmiah.
- Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad. (1993). *Al-Mustasfa*. t.t: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
- Al-Khadimi, Nuruddin bin Mukhtar. (2001). *Ilmu Al-Maqasid Syariah*. t.t.: Maktabah Al-'Abikan.
- Al-Maraghi, Ahmad bin Mustafa. (1946). *Tafsir Al-Maraghi*. t.t: Syarikah Maktabah Wa Matbaah Mustafa Al-Bab Al-Halabi.
- Al-Mawardi, Ali bin Muhammad. (t.t). *Al-Abkam Al-Sultaniyyah*. Kaherah: Dar Al-Hadith.
- Al-Najar, Abdul Majid. (2008). *Maqasid Al-Syariah Biabaad Jadidab*. Beirut: Dar Al-Garb Al-Islami.
- Al-Nawawi, Yahya bin Sharaf. (1971). *Al-Minhaj Syarb Sahib Muslim*. Beirut: Dar Ihya' Al-Turath Al-'Arabi.
- Al-Qadhi, Abdullah Muhammad. (1989). *Al-Siyasah Al-Syariyyah Masdar littaqnin*. Tanta: Dar Al-Kutub Al-Jamiyyah Al-Hadithah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2008). *Dirasah Fi Fiqh Al-Maqasid Al-Syariah*. Kaherah: Dar Al-Syuruq.
- Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad. (1964). *Al-Jami' Li Abkam Al-Quran*. Kaherah: Dar Al-Kutub Al-Misriyyah.
- Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad. (1964). *Al-Jami' Li Abkam Al-Quran*. Kaherah: Dar Al-Kutub Al-Misriyyah.
- Al-Raisuni, Ahmad. (1992). *Nazariyyah Al-Maqasid 'Inda Al-Imam Al-Syatibi*. t.t: Al-Dar Al-'Alamiyyah li Al-Kitab Al- Islami.
- Al-Sawi, Mahmud. (1998). Mesir: Dar Al-Hidayah.
- Al-Sijistani, Sulaiman bin Al-Ashat. (t.t). *Sunan Abu Daud*. Beirut: Al-Maktabah Al-Asriyyah.
- Al-Sya'rawi, Muhammad Mutawalli. (1997). *Tafsir Al-Sya'rawi*. t.t: Matabi' Akhbar Al-Yaum.
- Al-Syatibi, Ibrahim bin Musa. (1997). *Al-Muwafaqat*. t.t: Dar Ibnu Affan.
- Al-Yubi, Muhammad Saad bin Ahmad. (1998). *Maqasid Al-Syariah Wa Alaqtuba Bi Adillab Al-Syariah*. Riyadh: Dar Al-Hijrah.
- Al-Zuhaili, Wahbah bin Mustafa. (1997). *Al-Tafsir Al-Munir Fi Al-Aqidah Wa Al-Syariah Wa Al-Manhaj*. Damsyik: Dar Al-Fikr Al-Muasir.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (1986). *Usul Fiqh Al-Islami*. Damsyik: Dar Al-Fikr.

- Ibnu Asyur, Muhammad bin Tahir. (2004). *Maqasid Al-Syariah Al-Islamiyyah*. Qatar: Wizarah Al-Awqaf Wa Syu'un Al-Islamiyyah.
- Ibnu Jauzi, Abdul Rahman bin Ali. (t.t). *Kashful Musykil Min Hadith Al-Shabihain*. Riyadh: Dar Al-Watan.
- Ibnu Kathir, Ismail bin Umar. (1999). *Tafsir Al-Quran Al-'Azim*. t.t: Dar Thooyibah.
- Ibnu Khaldun, Abdul Rahman bin Muhammad. (1988). *Tarikh Ibnu Khaldun*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Ibnu Manzur, Muhammad bin Mukarram. (1992). *Lisan Al-Arab*. Beirut: Dar Al-Sadir.
- Ibnu Taimiyyah, Ahmad bin Abdul Halim. (1995). *Majmu' Al-Fatawa*. Madinah: Majma Al-Malik Fahad.
- Jaser Audah. (2011). *Maqasid Al-Syariah Dalil Lil Muhtadiin*. London: Maahad Al-'Alami Lil Fikri Al-Islami.
- Muhammad Abdul 'Ati. (t.t). *Al-Maqasid Al-Syariah Wa Atharuba Fi Al-Fiqh Al-Islami*. Kaherah: Dar Al-Hadith.
- Muhammad Rashid Redha. (1990). *Tafsir Al-Manar*. t.t: Al-Haiyah Al-Misriyyah Al-Ammah lil Kitab.
- Muslim bin Hajjaj. (t.t). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya Al-Turath Al-Arabi.
- Nukman Jughaim. (2014). *Turuq Al-Kashfi 'An Maqasid Al-Syari'*. Jordan: Dar Al-Nafais.
- Sa'di Abu Habib. (1988). *Al-Kamus Al-Fiqhi*. Damsyik: Dar Al-Fikr.
- [https://www.sinarharian.com.my/article/73668/KHAS/Koronavirus/Kes-pertama-Covid-19-didaftarkan-di-China-pada-November-bukan-Disember\(Diakses pada 18 Julai 2021\)](https://www.sinarharian.com.my/article/73668/KHAS/Koronavirus/Kes-pertama-Covid-19-didaftarkan-di-China-pada-November-bukan-Disember(Diakses pada 18 Julai 2021))
- [https://www.astroawani.com/berita-bisnes/ekonomi-global-dijangka-catat-kerugian-as88-trilion-berikutan-impak-covid19-adb-243174\(Diakses pada 18 Julai 2021\)](https://www.astroawani.com/berita-bisnes/ekonomi-global-dijangka-catat-kerugian-as88-trilion-berikutan-impak-covid19-adb-243174(Diakses pada 18 Julai 2021))
- [https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/683813/negara-rugi-rm24-bilion-sehari-sepanjang-pkp\(Diakses pada 18 Julai 2021\)](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/683813/negara-rugi-rm24-bilion-sehari-sepanjang-pkp(Diakses pada 18 Julai 2021))
- [https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/689104/covid-10-garis-panduan-ibadah-dikeluarkan\(Diakses pada 18 Julai 2021\)](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/689104/covid-10-garis-panduan-ibadah-dikeluarkan(Diakses pada 18 Julai 2021))
- [https://muftiwp.gov.my/images/photo/pengumuman/GP\\_Ibadah\\_bagi\\_petugas\\_dan\\_pesakit\\_COVID19\\_compress.pdf\(Diakses pada 18 Julai 2021\)](https://muftiwp.gov.my/images/photo/pengumuman/GP_Ibadah_bagi_petugas_dan_pesakit_COVID19_compress.pdf(Diakses pada 18 Julai 2021))
- [http://covid-19.moh.gov.my/faqsop/sop-perintah-kawalan-pergerakan-pkp/JAKIM-PKP-SOP-Aktiviti-Masjid-dan-Surau-Kemaskini-pada-31-Mei-2021.pdf \(Diakses pada 18 Julai 2021\)](http://covid-19.moh.gov.my/faqsop/sop-perintah-kawalan-pergerakan-pkp/JAKIM-PKP-SOP-Aktiviti-Masjid-dan-Surau-Kemaskini-pada-31-Mei-2021.pdf (Diakses pada 18 Julai 2021))
- [https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/GP-PENGURUSAN-JENAZAH-ISLAM-COVID-19.pdf \(Diakses pada 18 Julai 2021\)](https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/GP-PENGURUSAN-JENAZAH-ISLAM-COVID-19.pdf (Diakses pada 18 Julai 2021))
- [https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/4338-bayan-linnas-siri-ke-225-covid-19-fatwa-fatwa-terkini-berkaitan-penangguhan-solat-jumaat-dan-solat-berjemaah\(Diakses pada 18 Julai 2021\)](https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/4338-bayan-linnas-siri-ke-225-covid-19-fatwa-fatwa-terkini-berkaitan-penangguhan-solat-jumaat-dan-solat-berjemaah(Diakses pada 18 Julai 2021))
- [https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/686949/ismail-sabri-pun-jadi-mangsa-berita-palsu\(Diakses pada 18 Julai 2021\)](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/686949/ismail-sabri-pun-jadi-mangsa-berita-palsu(Diakses pada 18 Julai 2021))
- [http://api.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/566370/kkmm-nafi-167-berita-palsu\(Diakses pada 18 Julai 2021\)](http://api.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/566370/kkmm-nafi-167-berita-palsu(Diakses pada 18 Julai 2021))
- [https://almunajjid.com/courses/lessons/235\(Diakses pada 18 Julai 2021\)](https://almunajjid.com/courses/lessons/235(Diakses pada 18 Julai 2021))
- [http://covid-19.moh.gov.my/faqsop/sop-pkp-pemulihan/SOP-Majlis-Sosial\\_-25-JUN-2020.pdf\(Diakses pada 18 Julai 2021\)](http://covid-19.moh.gov.my/faqsop/sop-pkp-pemulihan/SOP-Majlis-Sosial_-25-JUN-2020.pdf(Diakses pada 18 Julai 2021))
- [http://covid-19.moh.gov.my/faqsop/sop-pkp-pemulihan/SOP-Majlis-Sosial\\_-25-JUN-2020.pdf\(Diakses pada 18 Julai 2021\)](http://covid-19.moh.gov.my/faqsop/sop-pkp-pemulihan/SOP-Majlis-Sosial_-25-JUN-2020.pdf(Diakses pada 18 Julai 2021))
- [https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/705044/spm-mula-6-januari-depan\(Diakses pada 18 Julai 2021\)](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/705044/spm-mula-6-januari-depan(Diakses pada 18 Julai 2021))
- [https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2020/04/15/upsr-pt3-batal\(Diakses pada 17 Julai 2021\)](https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2020/04/15/upsr-pt3-batal(Diakses pada 17 Julai 2021))
- [http://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/Bahagian%20KK/Geran%20TASKA/GP%20PAS CA%20PKP%20TASKA\\_v3%20\(1\\_6\\_2020\).pdf\(Diakses pada 18 Julai 2021\)](http://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/Bahagian%20KK/Geran%20TASKA/GP%20PAS CA%20PKP%20TASKA_v3%20(1_6_2020).pdf(Diakses pada 18 Julai 2021))



[https://www.bernama.com/bm/am/news\\_covid-19.php?id=1856209](https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1856209)(Diakses pada 18 Julai 2021)

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/706158/sekolah-dibuka-mulai-15-julai>(Diakses pada 18 Julai 2021)

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/708642/pelajar-ipt-dibenarkan-kembali-ke-kampus-berperingkat-mulai-julai>(Diakses pada 18 Julai 2021)

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/697979/covid-19-kebenaran-untuk-teman-isteri-di-dewan-bersalin-bergantung>(Diakses pada 18 Julai 2021)

<http://covid-19.moh.gov.my/garis-panduan/garis-panduan-kkm>(Diakses pada 18 Julai 2021)

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/686849/operasi-jpn-hanya-secara-temujanji>(Diakses pada 18 Julai 2021)

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/679054/daftar-kelahiran-kematian-dilanjut-sehingga-90-hari-selepas-pkp>(Diakses pada 18 Julai 2021)

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penganggur-cecah-778800-orang-pada-april-peningkatan-488-peratus-jabatan-statistik-247183>(Diakses pada 18 Julai 2021)

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/557138/covid-19-pembelian-online-melonjak>(Diakses pada 18 Julai 2021)

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/788421/vaksin-covid-19-pertama-untuk-malaysia-tiba-pagi-ini>(Diakses pada 18 Julai 2021).

<https://www.sinarharian.com.my/article/116040/BERITA/Nasional/Hukum-ambil-vaksin-Covid-19-harus>(Diakses pada 18 Julai 2021).

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pm-disuntik-vaksin-program-imunisasi-covid19-kebangsaan-bermula-284469>(Diakses pada 18 Julai 2021).

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/782984/3-fasa-program-imunisasi-mulai-akhir-bulan-ini>(Diakses pada 18 Julai 2021).

[https://www.bernama.com/bm/am/news\\_covid-19.php?id=1906290](https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1906290)(diakses pada 18 Julai 2021).

<https://www.sinarharian.com.my/article/109122/BERITA/Nasional/SPM-STPM-dipinda-ke-Februari-Mac-2021>(Diakses pada 18 Julai 2021).

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/677024/enam-langkah-utama-pakej-prihatin-telah-dilaksana>(Diakses pada 18 Julai 2021).

<https://www.pmo.gov.my/ms/2020/04/pm-umum-pakej-tambahan-khusus-pks-bernilai-rm10-bilion>(Diakses pada 18 Julai 2021).

<https://www.pmo.gov.my/ms/2020/07/pakej-rangsangan-ekonomi-selamatkan-2-75-juta-pekerjaan-pm-muhyiddin>(Diakses pada 18 Julai 2021).

<http://covid-19.moh.gov.my/terkini>(Diakses pada 19 Julai 2021).

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/781661/6-kategori-pelajar-dibenarkan-kembali-ke-kampus-1-mac>(Diakses pada 19 Julai 2021).

<https://www.utusan.com.my/gaya/kampus/2020/10/kemasukan-pelajar-ke-ipt-ditangguh>(Diakses pada 19 Julai 2021).

<https://www.astroawani.com/berita-bisnes/kadar-pengangguran-meningkat-ini-cadangan-polisi-oleh-wef-ilo-309063>(Diakses pada 19 Julai 2021).

## BAB 19


### ANALISIS AKTIVITI KEAGAMAAN DI MALAYSIA SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BERDASARKAN PRINSIP AL-DARURAH

Muhammad Safwan Harun<sup>1\*</sup>, Abdul Karim Ali<sup>1</sup> & Norhidayah Pauzi<sup>1</sup>

Universiti Malaya

#### Pengenalan

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama kali dilaksanakan di Malaysia adalah pada 18 Mac 2020 dengan melibatkan empat fasa dan ditamatkan pada 3 Mei 2020. Setelah beberapa ketika, penularan COVID-19 di Malaysia kembali mencatatkan peningkatan kes yang ketara iaitu antara 3000-6000 kes jangkitan harian pada April 2021- Mei 2021. Ini bermaksud, perkembangan kes harian di Malaysia menunjukkan corak yang tidak sihat. Hal ini menyebabkan perlaksanaan semula PKP atau diistilahkan dengan “total lock down” yang berkuatkuasa bermula 12 Mei 2021 dilaksanakan. Hal yang membimbangkan ialah angka jangkitan terus meningkat hingga mencecah 12528 kes pada 17 Julai 2021 yang lalu dan menjadikannya kes tertinggi di Malaysia setakat ini.



Rajah 1.0: Graf Kes Harian antara 1 April 2021 hingga 24 Jun 2021 (KKM, 2021)

Berdasarkan rajah 1.0 di atas, keputusan pelaksanaan PKP 3.0 hakikatnya mengambilkira pelbagai faktor utama seperti kadar kebolehjangkitan, kapasiti kesihatan setiap negeri dan cadangan tindakan bagi mengawal penularan jangkitan COVID-19 (Pejabat Perdana Menteri, 2021). Oleh kerana itu, sepatutnya SOP dalam tempoh PKP ini dipatuhi sepenuhnya sekalipun ia mengundang bebanan pada kehidupan masyarakat amnya.

Asasnya, masyarakat perlu mematuhi SOP yang diperuntukkan oleh pihak kerajaan sebagai langkah pencegahan penularan wabak ke arah lebih serius dalam tempoh PKP dan zaman wabak

umumnya. Tindakan ini bertepatan dengan kaedah *tasarruf al-imam manut bi al-maslahah*. Dalam keadaan wabak sebegini, SOP tersebut jelas tiada bercampur dengan sebarang kepentingan selain bertujuan mewujudkan persekitaran yang selamat untuk kehidupan masyarakat. Merujuk nas al-Quran mahupun al-sunnah, pelaksanaan SOP tempoh ini memiliki petunjuk yang jelas dari kedua-dua sumber tersebut. Antaranya, Allah SWT menegaskan dalam al-Quran melalui firmanNya ayat 195 surah al-Baqarah:

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ

Terjemahan: *Janganlah kamu mencampakkan dirimu ke dalam kebinasaan*

(Surah al-Baqarah: 195)

Mesej yang sama juga dapat difahami melalui sabda Baginda SAW yang bermaksud:

إِذَا سَمِعْتُمْ بِالطَّاعُونَ بِأَرْضٍ فَلَا تَدْخُلُوهَا، وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا مِنْهَا

Terjemahan: *“Sekiranya kamu mendengar penyakit taun di sesebuah negara, maka janganlah kamu masuk ke negara tersebut, dan sekiranya penyakit ini melanda sesebuah negara di mana kamu berada di dalamnya, maka janganlah kamu keluar daripadanya”*.

Berdasarkan firman Allah SWT dan hadis yang dinyatakan tersebut, boleh dirumuskan bahawa penguatkuasaan SOP yang dilaksanakan dalam tempoh PKP adalah bertujuan mengekang mudarat terhadap diri dan pihak lain. Ini bermaksud, pematuhan terhadap SOP mampu mencegah bahaya daripada menimpa diri dan menghindari bahaya kepada pihak lain sekiranya kita menjadi pembawa. Keadaan ini pada hakikatnya bertepatan dengan kaedah *fiqh la darar wa la dirar*.

Namun begitu, antara SOP yang terpaksa dipatuhi oleh masyarakat Islam sewaktu tempoh PKP ialah larangan ibadah solat Jumaat akibat penutupan masjid dan surau. Tidak dinafikan, penutupan sektor ini mendapat komentar yang pelbagai daripada masyarakat seperti disiplin yang tinggi dalam kalangan jemaah terhadap SOP, tiada kluster di masjid dan surau serta perbandingan SOP masjid surau dengan selainnya (Latifah Arifin, 2021).

Dalam konteks agama, SOP ini menimbulkan persoalan dari sudut asasnya kerana dilihat tidak bersandarkan kepada bilangan kes di sesuatu kawasan. Sebaliknya diaplikasikan secara rawak dan pukal mengikut kenegaraan dan kenegerian. Dalam erti kata lain, pelaksanaan SOP dalam sektor ini tidak mempunyai sandaran yang jelas. Sepatutnya, sektor ibadah perlu ditangani dengan memperhalusi tahap mudarat wabak di sesuatu kawasan di mana akan lebih selari dengan konsep al-darurah dalam syariat Islam. Hal ini kerana, ibadah solat Jumaat yang bersifat fardu tidak dapat ditinggalkan dengan sewenangnyanya melainkan wujudnya keadaan al-darurah. Menurut kajian Muhammad Safwan et al., sungguhpun perlaksanaan SOP dalam sektor ini menepati prinsip syariah, namun dicadangkan perlaksanaannya yang lebih sistematik dengan memperincikan SOP mengikut zon (Muhammad Safwan et al., 2020). Hal ini bertujuan memastikan pelaksanaan ibadah dalam tempoh ini selari dengan syariat Islam ketika mudarat wabak. Justeru, kajian ini bertujuan menilai penguatkuasaan SOP PKP dalam sektor ibadah dari perspektif al-darurah.

## **Skop dan Metodologi**

Kajian kualitatif ini menggunakan metodologi campuran dalam proses pengumpulan dan analisis data. Bagi tujuan pengumpulan data, kajian meneliti kitab-kitab usul fekah dan fekah bagi mendapatkan maklumat mengenai teori al-darurah dan hukum fekah. Di samping itu, laman web rasmi Kementerian Keselamatan Malaysia, laman web rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia dan laman web rasmi fatwa diteliti bagi mendapatkan maklumat SOP ibadah dalam tempoh PKP dan pandangan hukum. Data-data yang diperoleh diolah secara analisis kandungan dalam bentuk deduktif, induktif dan komparatif.


Dari sudut skop, kajian ini tertumpu kepada SOP pelaksanaan ibadah solat Jumaat dalam tempoh PKP di seluruh negara. Skop ini dipilih adalah berasaskan pensyariatannya yang bersifat fardu. Berbeza dengan solat jemaah di masjid dan surau yang merupakan tuntutan sunat muakkad menurut mazhab Syafi'e.

### **Prinsip al-Darurah dalam Situasi Wabak COVID-19**

Secara umumnya, istilah al-darurah telah banyak dibincangkan dalam kalangan fuqaha awal mahupun semasa. Namun begitu, terdapat pandangan yang menyatakan bahawa pengertian al-darurah dalam kalangan fuqaha awal tidak bersifat menyeluruh kerana menyempitkan al-darurah dalam keadaan kelaparan dan paksaan yang dihadapi mukallaf (Abu Sulayman, 2019). Ini bermaksud takrifan tersebut tidak merangkumi aspek-aspek lain yang berkaitan dengan situasi ini seperti darurat untuk tujuan perubatan, makanan, mengambil manfaat harta orang lain, memelihara prinsip tawazun dalam akad serta meninggalkan tuntutan syarak yang bersifat wajib (al-Zuhayli, 1985).

Secara istilahnya, al-darurah bermaksud keadaan lapar yang melahirkan perasaan takut kematian ke atas diri mukallaf sedangkan tiada makanan yang boleh dimakan selain bangkai (Abu Zahrah, 1958). Menurut al-Zuhayli (1985), istilah ini merujuk kepada keadaan bahaya atau masyaqqah syadidah yang menimpa seorang manusia di mana ia takut berlaku mudarat atau kebinasaan ke atas dirinya, anggota badan, maruah, akal, harta dan seumpamanya. Menurut al-Jizani (2006), al-darurah ialah hajat yang sangat diperlukan dalam keadaan meninggalkan hukum syarak (al-Jizani, 2006). Menurut Majdi (2014), al-darurah ialah keadaan yang menimpa manusia yang membenarkan ia melakukan perkara diharamkan syarak atau perbuatan wajib demi mengangkat masyaqqah. Sementara, Muhammad Hasan dan 'Arif Khalil (2019) menakrifkan al-darurah sebagai keadaan yang menimpa manusia sekiranya tidak diraikan menghasilkan kemudaratan yang hakiki atau disangka terhadap dirinya, maruahnya, akalnya mahupun hartanya di mana dalam keadaan ini diharuskan ia melakukan perkara haram atau meninggalkan wajib atau melewatkan menunaikannya dengan syarat tertentu.


Berdasarkan takrif yang dikemukakan, kajian merumuskan bahawa al-darurah merupakan satu situasi yang mengundang bahaya terhadap agama, nyawa, harta dan maruah mukallaf dalam keadaan pasti mahupun sangkaan kuat dengan membolehkan ia meninggalkan hukum asal dalam syariat. Ini bermaksud, situasi ini mengharuskan mukallaf mempraktikkan hukum rukhsah yang merupakan pengecualian hukum asal yang umum dengan sebab keuzuran (Khudri, 1969) dalam situasi al-darurah. Selain itu, al-darurah bukan bermaksud keadaan mudarat yang telah menimpa mukallaf, sebaliknya perasaan bimbang dan takut terhadap bahaya tersebut yang akan menimpa dirinya. Oleh kerana itu, situasi al-darurah perlu ditangani sekalipun terpaksa mengharuskan hukum yang diharamkan dalam pensyariatan biasa demi mengangkat kemudaratan yang mendatang.



**Rajah 2.0:** Konsep al-darurah

Rajah 2.0 di atas menjelaskan elemen yang terkandung dalam konsep al-darurah iaitu wabak COVID-19, perasaan takut, pembentukan al-darurah serta implikasi hukum. Bagi menjelaskan konsep al-darurah yang terkait dengan wabak COVID-19, asasnya ialah wabak ini menimbulkan rasa ketakutan terhadap kecelakaan nyawa manusia berdasarkan kadar jangkitan dan kematian yang dicatatkan hingga ke hari ini.

Dalam keadaan penularan wabak COVID-19, secara asasnya rukhsah boleh diamalkan. Hukum ini dari segi konseptualnya boleh diamalkan juga apabila wujudnya masyaqqah seperti dalam keadaan safar (Abu Zahrah, 1958). Dari segi maksud, rukhsah merupakan hukum yang disyariatkan Allah SWT berdasarkan keuzuran para hamba demi memelihara hajat mereka dalam keadaan kekal sebab yang mewajibkan hukum asli (al-Zuhayli, 1986). Ini bermaksud, apabila hilangnya keuzuran tersebut maka pensyariatan hukum azimah perlu dilaksanakan seperti biasa.



**Rajah 3.0:** Kerangka penilaian wabak

Pembinaan rajah 3.0 di atas adalah penting bagi menjelaskan hubungkait antara wabak COVID-19 dengan konsep al-darurah dalam syariat Islam. Hal ini kerana, al-darurah lahir disebabkan faktor tertentu. Dalam hal ini, terdapat sebab-sebab yang membentuk al-darurah antaranya makanan, perubahan, paksaan, lupa, jahil, kepayahan, kesulitan, umum balwa, safar dan sakit (al-Zuhayli, 1985). Namun begitu, tidak semua sebab ini membentuk situasi al-darurah. Misalnya, pensyariatan rukhsah dalam safar hanya bersifat masalah hajiyah (al-Qaradawi, 2008). Dalam keadaan tertentu, safar boleh membentuk situasi al-darurah apabila timbulnya masyaqqah syadidah. Oleh kerana itu, boleh dirumuskan bahawa setiap situasi al-darurah menghasilkan rukhsah, sebaliknya tidak semua rukhsah berkait situasi al-darurah (al-Jizani, 2006).

Di samping itu, rukhsah dalam situasi al-darurah mempunyai prinsip yang perlu diperhalusi. Hal ini memberi faham bahawa, sekiranya sesuatu keadaan tidak memenuhi prinsip ini, maka ia bukanlah al-darurah al-shari'iyah. Misalnya, fatwa yang membenarkan pinjaman ribawi secara mutlak dalam konteks minoriti muslim dengan alasan al-darurah tanpa memperhalusi

kes demi kes (Muhammad Safwan, Luqman & Abdul Karim, 2020). Justeru, prinsip al-darurah seperti yang dijelaskan memainkan peranan penting dalam memastikan keharusan hukum rukhsah.

1. Darurah tersebut telah berlaku dan bukanlah satu keadaan yang masih dinantikan (Abu Shab, 2014)

Ini bermaksud, realiti yang sedang berlaku merupakan al-darurah. Termasuk juga dalam prinsip ini ialah sangkaan (ghalab al-zan) bahawa akan berlaku al-darurah samada dengan yakin atau sangkaan yang kuat.

2. Tidak terdapat solusi yang dibenarkan (harus) untuk menghilangkan darurah (Abu Shab, 2014)

Prinsip ini membenarkan mukallaf bagi melakukan larangan syarak dalam hukum biasa. Sekiranya terdapat solusi lain maka syarak tidak membenarkan perkara yang diharamkan. Misalnya, tidak diharuskan membuat pinjaman ribawi dalam keadaan wujudnya qard al-hasan. Prinsip ini disokong oleh beberapa kaedah lain antaranya:

- *Al-maysur la yasqutu bi al-ma'sur*
  - *Idbā ḍāqa al-amr ittasa', wa idbā ittasa' ḍāqa*
3. Darurah dihilangkan mengikut kemudaratan (Abu Shab, 2014)

Dalam hal ini, perlakuan mukallaf terhadap perkara haram ketika situasi al-darurah adalah sekadar untuk mengangkat kemudaratan tersebut dengan tidak berlebihan. Misalnya, makan bangkai ketika darurat mengikut kadar yang membolehkan mukallaf meneruskan kehidupan.

4. Melakukan perkara terlarang dalam keadaan darurah tidak mencetuskan kemudaratan yang lebih besar (Abu Shab, 2014)

Prinsip ini menjelaskan bahawa sekiranya terdapat dua kemudaratan, maka kemudaratan yang lebih besar dihilangkan dengan melakukan mudarat yang lebih kecil. Lebih jelas, beberapa keadaan berikut perlu diperhalusi:

- Sekiranya dua kemudaratan tersebut adalah sama, maka tidak dihilangkan salah satu kemudaratan. Ini kerana, tindakan menghilangkan kemudaratan dalam situasi ini hanya tahsil al-hasil.
- Kemudaratan yang hendak dihilangkan tidak mendatangkan kemudaratan yang lebih besar. Misalnya, sekiranya seseorang dipaksa untuk membunuh, maka dalam keadaan ini tidak diberi rukhsah kepadanya untuk membunuh. Ini disebabkan mudarat membunuh orang lain lebih besar berbanding membiarkan diri terbunuh.
- Kemudaratan yang diangkat akan menghasilkan kemudaratan yang lebih ringan.

5. Darurah yang berlaku menepati maqasid al-shari'ah (Ahmad & Abu 'Ayd, 2019)

Prinsip ini menjelaskan bahawa al-darurah tersebut mestilah termasuk dalam maksud menjamin maqasid al-shari'ah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, nasab dan harta. Sebarang al-darurah yang tidak menjamin maqasid al-shari'ah adalah darurah mulghah. Misalnya, seorang yang dipujuk untuk mengucap kalimah kufur bagi memenuhi perkahwinan dengan non muslim.

6. Mereka yang berada dalam keadaan darurah tidak membelakangi prinsip syariah yang asas (al-Zuhayli, 1985)

Antara prinsip syariah yang asasi ialah memelihara hak-hak orang lain, menegakkan keadilan, menunaikan amanah, mengangkat kemudharatan dan memelihara hakikat prinsip beragama dan usul akidah. Dalam hal ini, tindakan seperti mengadakan perdamaian antara Islam dan Yahudi dengan maksud mengiktiraf rampasan tanah umat Islam yang dilakukan mereka merupakan tindakan yang bercanggah dengan prinsip al-darurah.

#### 7. Kemudharatan umum perlu diangkat oleh pemerintah

Dalam hal ini, sebarang bentuk kemudharatan, kerosakan, kesulitan yang dahsyat atau manfaat dalam bentuk yang umum perlu ditangani oleh pemerintah.


Selain itu, terdapat beberapa kaedah fiqh yang utama berkait dengan al-darurah yang perlu diberi perhatian sewajarnya bagi menangani persoalan hukum Islam semasa zaman wabak. Antara kaedah tersebut ialah;

- *Lā ḍarar wa lā ḍirār*
- *Al-ḍarar yudfa' bi qadr al-imkān*
- *Al-ḍarar yuzāl*
- *Al-ḍarar lā yuzāl bi mithlibi*
- *Al-ḍarar al-ashad yuzāl bi al-ḍarar al-akhaf*
- *Yakhtār ahwan al-sharrāyn*
- *Yatahammalu al-ḍarar al-khāṣ li daf' ḍarar 'ām*
- *Dar' al-mafāsīd awlā min jalb al-manāfi'*
- *Al-ḍarūrāt tubīhu al-mahzurāt*
- *Al-ḍarūrāt tuqaddar bi qadribā*
- *Al-iddirār lā yubṭal haq al-ghāyr*
- *Al-mashaqqah tajlib al-taysir*
- *Al-ḥaraj marfū' shar'an*
- *Al-ḥājah tunazzilu manzilah al-ḍarūrah 'ammah kānat aw khāṣṣah*

#### **Analisis SOP Ibadat dalam tempoh PKP Berdasarkan Prinsip al-Darurah**

Seperti yang telah dijelaskan, ibadah yang dimaksudkan dalam kajian ini tertumpu kepada solat Jumaat. Dari segi hukum, solat Jumaat diwajibkan kepada setiap mukallaf yang memenuhi 7 syarat iaitu beragama Islam, baligh, berakal, merdeka, lelaki, sihat tubuh badan dan tinggal bermukim di sesuatu tempat solat Jumaat didirikan (al-Asfahani, t.t). Ini bermaksud, pra-syarat tersebut menjadi penentu kefarduan ibadah ini ke atas mukallaf. Sekiranya terdapat kekurangan pada syarat-syarat tersebut, maka solat Jumaat boleh digantikan dengan solat fardu Zohor (al-Asfahani, t.t).

Pensyariatan ibadah solat Jumaat ini boleh dianggap sebagai essential atau mukammil al-daruri. Walaupun ia tidak termasuk sebagai ibadah rukun seperti solat fardu, puasa Ramadan dan haji yang bersifat al-daruriyyat (al-Buti, 2016), namun ibadah ini bersifat fardu ain. Namun begitu, dalam tempoh PKP ibadah ini terhalang daripada dilaksanakan oleh umat Islam di Malaysia di semua negeri.



**Rajah 3.0:** Hubungan antara pendekatan dengan realiti wabak

Rajah di atas menggambarkan persoalan tentang hukum rukhsah dalam tempoh penularan wabak. Dalam hal ini, COVID-19 merupakan keuzuran yang membentuk suasana al-darurah. Namun begitu, dari segi perlaksanaan SOP sewaktu PKP yang menghalang pelaksanaan ibadah secara total menimbulkan pertanyaan tentang keselarian SOP ini dengan rukhsah dalam hukum Islam. Bagi memperhalusi persoalan ini, fatwa-fatwa semasa perlu diberi perhatian:

1. Dar al-Iftar' Mesir

Secara ringkas, fatwa ini memutuskan solat Jumaat gugur kepada beberapa golongan dalam tempoh penularan wabak. Golongan tersebut terdiri daripada kanak-kanak yang belum baligh, wanita, mereka yang mempunyai penyakit kronik, petugas kesihatan yang terlibat langsung dengan pengurusan pasakit COVID-19 dan golongan yang takut ditimpa dengan penyakit ini (Dar al-Ifta', 2020).

2. Al-Ittihad al-'Alami li Ulama' al-Muslimin

Badan fatwa ini memutuskan bahawa harus meninggalkan solat Jumaat sekiranya wujud ketakutan dalam diri mukallaf. Ini kerana, takut merupakan salah satu perkara keuzuran yang diiktiraf oleh syarak. Ketakutan tersebut samada terhadap nyawa, harta mahupun ahli keluarganya dengan syarat ia merupakan ketakutan yang pasti bukan sekadar sangkaan (al-Qurrah Daghi, 2020).

3. Lajnah al-Fatwa al-Raisiah

Wabak COVID-19 merupakan salah satu keuzuran yang diiktiraf dalam syariah Islam. Dengan sebab itu, solat Jumaat dalam ketika waktu ini boleh ditangguhkan sesuai dengan perintah yang dikeluarkan oleh pemerintah (Iyad, 2020).

4. Fatwa Wilayah Persetukuan

Fatwa ini mendatangkan dua situasi wabak iaitu sekiranya wabak masih dalam keadaan terkawal maka solat Jumaat perlu diteruskan dengan penekanan beberapa aspek seperti memendekkan khutbah, berwuduk di rumah, larangan hadir kepada golongan yang mempunyai simptom dan menjaga SOP. Sebaliknya, dalam situasi wabak tidak terkawal maka solat Jumaat boleh digantikan dengan solat fardu Zohor berasaskan beberapa prinsip berikut:

- Larangan tersebut adalah hasil penelitian pihak berautoriti seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- Wabak sudah menunjukkan kesannya dan telah menjangkiti ramai individu sesuatu kawasan (Pejabat Mufti Wilayah, 2020).



Berdasarkan fatwa-fatwa yang dinyatakan, tidak boleh dinafikan bahawa COVID-19 merupakan satu penyakit yang boleh mencetuskan rasa takut terhadap kehilangan nyawa diri dan ahli keluarga dengan syarat ketakutan tersebut merupakan satu perkara yang benar-benar wujud dalam diri mukallaf. Ironinya, sekiranya ketakutan tidak wujud maka kefarduan solat Jumaat kekal. Premis ini adalah bersesuaian dengan konsep al-darurah dalam syariat Islam. Ini kerana, al-darurah merujuk kepada satu keadaan yang muncul disebabkan pelbagai faktor seperti wabak COVID-19 dan menyebabkan rasa takut dan terancam terhadap keselamatan nyawa, harta benda dan seumpamanya. Dalam keadaan ini, dibenarkan mukallaf untuk meninggalkan kefarduan seperti solat Jumaat. Namun begitu, perincian al-darurah dalam tempoh PKP perlu dibincangkan.

Aktiviti	Penerangan	Kapasiti
Solat Jemaah & Jumaat	Solat Jumaat dan solat fardu lima (5) waktu dibenarkan mengikut kapasiti yang dibenarkan	12 orang jemaah
Majlis Ilmu	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Aktiviti keilmuan secara fizikal di masjid dan surau tidak dibenarkan</li> <li>● Masjid dan surau digalakkan mengadakan majlis keilmuan atas talian</li> </ul>	Tiada
Majlis Akad Nikah	Majlis akad nikah di masjid dan surau adalah tidak dibenarkan	Tiada
Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA)	Kelas KAFA / Kelas al-Quran tidak dibenarkan	Tiada

**Rajah 4.0:** SOP Masjid dan surau dalam tempoh PKP

Jika dilihat rajah 4.0, SOP dalam tempoh PKP adalah bersifat umum tanpa perincian berdasarkan kawasan mahupun warna zon. Hal ini tidak bermaksud, keputusan pihak berkuasa untuk melaksanakan PKP seluruh negara adalah tidak wajar. Malah, tindakan tersebut adalah wajar lebih-lebih lagi kes jangkitan mula menular akibat pergerakan masyarakat tanpa disiplin. Namun begitu, dalam urusan yang membabitkan agama lebih-lebih lagi ibadat yang bersifat fardu ain, maka prinsip syariah perlu diperhalui sebaiknya. Dalam erti kata lain, perlaksanaan SOP ibadat ini dalam tempoh PKP perlu mengambilkira pelbagai aspek. Hal ini bagi memastikan halangan ibadat solat Jumaat menepati syarak.

Mengulas lanjut isu ini, secara umumnya keuzuran yang terdapat dalam tempoh wabak COVID-19 mengharuskan ibadah ini ditangguhkan. Hal ini adalah bertepatan dengan prinsip al-darurah dalam Islam yang menekankan aspek mengambil hukum rukhsah sebagai solusi untuk menyelamatkan nyawa dari jangkitan virus. Bahkan, keputusan ini adalah seiring dengan nas antaranya:

وَمَا جَعَلْ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

Terjemahan: Dan tidak kami jadikan bagi kamu dalam urusan Agama daripada kesulitan

(Surah al-Hajj: 78)

Dalam hadis Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ سَمِعَ الْمُنَادِيَ فَلَمْ يَمْنَعْهُ مِنْ اتِّبَاعِهِ غُذْرٌ فَلَا صَلَاةَ لَهُ قَالُوا: وَمَا الْغُذْرُ؟ قَالَ: خَوْفٌ، أَوْ مَرَضٌ

Terjemahan: *Barangsiapa yang mendengar (azan) tukang azan lalu dia tidak memiliki keuzuran yang menghalangnya mengikuti solat, maka solatnya tidak diterima. Sahabat bertanya, "Apakah itu keuzuran?" Baginda menjawab: "Perasan takut dan sakit."*

(Hadis Sahih, riwayat Abu Daud)

Hadis tersebut menjelaskan bahawa perasaan takut boleh membentuk keuzuran yang menghalang kewajipan solat Jumaat (Ibn Ruslan, 2016). Justeru, dalam keadaan penularan wabak, perasaan takut itu menjadi realiti. Apatah lagi, masyarakat telah menyaksikan 939899 kes jangkitan setakat 20 Julai 2021 (KKM, 2021).

Sungguhpun begitu, perasaan takut (al-khawf) ini perlu ditahqiq secara terperinci berdasarkan situasi wabak di setiap tempat. Sedia maklum, laporan kes COVID-19 di Malaysia dilaporkan secara terperinci dalam bentuk kenegerian dan negara. Malah, daripada kes-kes di setiap kawasan dalam sesebuah negeri, kerajaan telah mewujudkan parameter warna yang terdiri daripada **Zon Merah > 40 kes; Zon Oren 21 – 40 kes; Zon Kuning 1-20 kes** dan **Zon Hijau 0 kes**. Parameter yang sama juga dapat diperhatikan dalam melaporkan kes secara komprehensif di peringkat negara. Sepatutnya parameter ini diterapkan untuk menentukan kewujudan halangan syarak dalam bentuk ketakutan kepada wabak. Tindakan ini akan lebih selari dengan kaedah fekah yang menyebutkan *al-iddirār lā yubṭal baq al-ghāyṛ*. Ini bermaksud, mereka yang berada dalam zon merah dan oren tidak sama realitinya dengan golongan yang tinggal di zon kuning dan zon hijau.

Dalam hal ini, zon merah boleh dijadikan rujukan bahawa sesuatu kawasan berada dalam keadaan al-darurat yang menggugurkan ibadat solat Jumaat bagi umat Islam di kawasan ini. Sementara zon oren dan kuning, SOP pelaksanaan ibadah ini perlu diperketatkan seperti menghadkan bilangan jemaah di sesebuah masjid dan surau untuk mewujudkan suasana ibadat yang lebih kondusif dan terjamin dari sebarang jangkitan dengan pemantauan yang lebih serius dan telus. Adapun zon hijau, kawasan-kawasan yang berstatus begini sepatutnya membuka seluasnya peluang kepada jemaah untuk hadir mendirikan Jumaat. Justifikasi bagi perincian zon sebegini ialah tidak semua tempat mencatatkan kes yang tinggi. Ini bermaksud, kebolehjangkitan (R-Naught) di kawasan-kawasan zon hijau adalah rendah diikuti zon kuning, oren dan merah.

Menilai realiti ini berdasarkan dawabit al-darurah, rukhsah meninggalkan solat Jumaat mestilah dalam keadaan keuzuran telah wujud atau kuat sangkaan akan berlaku. Mafhumnya, selagi mana tidak wujud al-darurat, maka hukum 'azimah perlu dilaksanakan seperti biasa. Dalam hal ini, kawasan yang tidak teruk terjejas di zon hijau tidak boleh disamakan hukumnya dengan kawasan zon merah dan kuning sekalipun dalam tempoh PKP di mana ianya lebih selaras dengan kaedah *al-maysur la yasqutu bi al-ma'sur*.

Memandangkan ibadah solat Jumaat ini mempunyai kedudukan yang penting dalam syariat Islam, maka pelbagai alternatif perlu diketengahkan supaya al-darurah yang dihadapi akibat wabak ini ditangani selaras dengan rukhsah yang dibenarkan syariat Islam di mana selaras kaedah fiqh *al-darurah tuqaddar bi qadriha*. Misalnya, pihak berkuasa disarankan agar mewujudkan lebih banyak tempat-tempat ibadat bagi menunaikan solat Jumaat di semua zon selain zon merah. Hal ini bagi mencegah penularan wabak yang kebiasaannya berlaku di kawasan sesak dan sempit. Melalui langkah seperti ini, lebih ramai masyarakat Islam berkesempatan hadir menunaikan ibadat fardu ini. Pendekatan begini turut bertepatan dengan *tasarruf al-imam manut bi al-maslahab*. Sekiranya tiada perubahan dibuat dalam menyediakan frasarana tersebut dan masyarakat di zon selain zon merah masih tidak dapat melunaskan ibadat fardu Jumaat ini, maka apakah status sebenar golongan ini. Hal ini kerana, masyarakat muslim di zon hijau, kuning dan oren tidak mempunyai unsur yang

cukup bagi membolehkan mereka mengambil rukhsah sewenangnyanya sebagaimana yang dipraktikkan dalam kalangan masyarakat Islam di zon merah. Dalam hal ini, sudah tentu pihak berwajib perlu mengambil tindakan sebaiknya bagi membolehkan ibadah fardu dalam suasana wabak diteruskan. Hal yang dibimbangi ialah wujudnya kelompok masyarakat yang tidak berpeluang menunaikan solat Jumaat sekian lama dengan alasan tiada ruang untuk mereka melaksanakan ibadah ini. Justeru, fenomena normalisasi meninggalkan solat Jumaat ini perlu ditegah.

Di samping itu, tidak dinafikan bahawa memang wujud segelintir masyarakat yang berasa kluatir terhadap keselamatan diri khususnya mereka yang dari kalangan warga berusia atau mempunyai rekod kesihatan yang tidak baik. Dengan sebab itu, tambah baik SOP dalam sektor ibadat dengan mengambilkira konsep al-darurah ini perlu memperincikan beberapa aspek lain supaya tidak mengundang mudarat lebih besar kepada masyarakat.

### **Kesimpulan**

Secara umumnya, SOP yang dilaksanakan dalam tempoh PKP adalah berdasarkan peningkatan jangkitan harian di Malaysia. Meneliti SOP segmen ibadat dalam tempoh ini, ia menimbulkan persoalan besar khususnya melibatkan ibadat solat Jumaat. Walaupun tujuan SOP tersebut untuk memberi keselamatan nyawa, namun ibadat yang bersifat fardu tidak dapat ditinggalkan melainkan wujudnya keuzuran dalam situasi al-darurah. Dalam hal ini, SOP yang diperkenalkan dalam tempoh PKP perlu memperincikan realiti kes mengikut warna zon. Hal ini bagi memastikan keuzuran tersebut benar-benar wujud sekaligus mengharuskan masyarakat di tempat ini beramal dengan hukum rukhsah iaitu meninggalkan solat Jumaat dan menggantikan dengan solat Zohor. Justeru, tambah baik terhadap SOP ibadat dalam tempoh PKP dan sepanjang tempoh penularan wabak perlu lebih terperinci supaya rukhsah yang dipraktikkan menepati hukum Islam.

### **Penghargaan**

Artikel ini merupakan sebahagian dapatan penyelidikan bertajuk “Membangun Parameter al-Darurah dalam Kawalan Penyakit Berjangkit” (GPF072A-2020) dan “Isu Etika Dalam Percubaan Klinikal Dari Perspektif Hukum Islam Untuk Menangani Penyakit Berjangkit” (GPF072B-2020). Setinggi penghargaan diucapkan kepada pihak penaja.

### **Rujukan**

- Abu Sulayman A. W. I., (2003). *Fiqh al-Darurah wa Tatbiqatuhu al-Mu’asirah Afaq wa Ab’ad*. Jedah: al-Ma’had al-Islami li al-Buhuth wa al-Tatrib
- ‘Iyad N. M., (2020). *Lajnah al-Fatwa al-Raisiah bi al-Azhar: Idha Asdarat al-Sultat al-Mukhtasah Qararan bi Ighlaq al-Muaqqat li al-Masjid Dar’an li Mafasid fala Yajuzu Shar’an Mukhalifatuh*, laman sesawang *Majma’ al-Buhuth al-Islamiah*, dicapai 21 Julai 2021, [shorturl.at/biGQY](http://shorturl.at/biGQY).
- Al-Asfahani A. H. A., (t.t). *Matan Abi Shuja’*. Misr: Maktabah al-Jumhuriyah al-‘Arabiah.
- Al-Qurrah Daghi A. M. D., (2020). *Fatwa Mufassalah Hawla al-Ahkam al-Muta’allichah bi Intishar al-Marad al-Waba’ Fairus Kuruna al-Mustajid (COVID-19)*, laman sesawang *International Union For Muslims Scholars*, dicapai 21 Julai 2021, <https://iumsonline.org/ar/ContentDetails.aspx?ID=11019>
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2021). *R-Naught Malaysia 23 Jun 2021*, laman web Kementerian Kesihatan Malaysia, dicapai 20 Jun 2021, <http://covid-19.moh.gov.my/kajian-dan-penyelidikan/nilai-r-malaysia/0621/r-naught-malaysia-hari-ini-23062021>
- Lajnah al-Ifta’ (2020). *al-Fiat allati Tasqut ‘Anha Solat al-Jum’ah fi Zil Intishar Waba’ Kuruna*, laman sesawang *Dar al-Ifta’*, dicapai 21 Julai 2021, <https://aliftaa.jo/Question.aspx?QuestionId=3572#.YpG4k-gzaM9>

- Latifah Arifin (2021). Penutupan Masjid dan Surau Tak Bererti Amal Ibadah Terhenti, laman sesawang BH Online, dicapai 20 Julai 2021, <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2021/01/779633/penutupan-masjid-surau-tak-bererti-amal-ibadah-terhenti>.
- Abu Shab M. 'A. (2014). "Athar al-Darurah 'Ala Ahkam al-Muamalat al-Maliah al-Mu'asirah." Risalah Majister, Kuliyyah al-Shari'ah wa al-Qanun, Jami'ah al-Islamiah, Ghazzah.
- Abu Zahrah M. (1958). Usul al-Fiqh. t.t: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Al-Jizani M. H., (2006). "Haqiqah al-Darurah al-Shari'iyah", Majallah al-Buhuth al-Fiqhiyah al-Mu'asirah."
- Ahmad M. H. & Abu 'Ayd 'A. K., (2019). "Athar al-Darurah fi Ahkam al-Mu'ahadat fi al-Fiqh al-Islami." Majallah al-Jami'ah al-Islamiah li al-Dirasat al-Shar'iyah wa al-Qanuniyyah, 27(2).
- Khudri M., (1969). Usul al-Fiqh, cet. Ke-6. Misr: t.p.
- Al-Buti M. S. R., (2016). Dawabit Maslahah fi al-Shari'ah al-Islamiah, cet.ke-10. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Muhammad Safwan H., Luqman A., Abdul Karim A., (2020). Analisis Prinsip al-Darurah Dalam Pinjaman Berasaskan Riba Bagi Tujuan Pemilikan Rumah Dalam Kalangan Minoriti Muslim, AZJAF Vol. 1(1).
- Muhammad Safwan H., et al. (2020). "Analisis Larangan Aktiviti Keagamaan Di Masjid Dalam Peruntukan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Berdasarkan Parameter Maqāṣid Al-Sharī'ah," Jurnal Fiqh, Vol 17(2).
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2020). "Hukum Solat Jumaat Dalam Suasana COVID-19," Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, dicapai pada 21 Jun 2021, <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/4318-al-kafi-1657-hukum-solat-jumaat-dalam-suasana-covid-19>.
- Pejabat Perdana Menteri (2021). Kenyataan Media Berkenaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0, laman web rasmi Pejabat Perdana Menteri, dicapai 20 Julai 2021, <https://www.pmo.gov.my/2021/05/kenyataan-media-berkenaan-pkp-3-0/>.
- Ibn Ruslan, S. A. A. 'A. H., (2016). Shihab al-Din Abi al-'Abbas Ahmad bin Husayn bin Ruslan al-Shafi'e, Sharh Sunan Abi Daud li Ibn Ruslan. al-Fayrum: Dar al-Falah.
- al-Zuhayli W. (1985). Nazariah al-Darurah al-Shar'iyah Muqaranah Ma'a al-Qanun al-Wad'i . Birut: Muassasah al-Risalah.
- al-Zuhayli W., (1986). Usul al-Fiqh al-Islami. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Al-Qaradawi Y., (2008). Dirasah fi Fiqh Maqasid al-Shari'ah Bayn al-Maqasid al-Kulliyat wa al-Nusus al-Juziyyat, cet. Ke-3. al-Qahirah: Dar al-Shuruq.

## BAB 20

### APLIKASI KERANGKA FIQH AL-'TAWARI' SHAYKH 'ABD ALLAH BIN BAYYAH DALAM HUKUM ISLAM SEMASA WABAK

Saiful Islam Nor Mohd Zulkarnain<sup>1</sup>  
Muhammad Safwan Harun<sup>1</sup>  
Abdul Karim Ali<sup>1</sup>  
Muhammad Ikhlas Bin Rosele<sup>1</sup>

Universiti Malaya

#### Pendahuluan

Penularan koronavirus atau disebut dengan pandemik COVID-19 merupakan penyakit yang sedang berlaku secara global yang mula dikesan pertengahan bulan Disember 2019 hingga ke hari ini. Negara Malaysia juga turut terkesan dengan pandemik yang berlaku ini. Lebih membimbangkan lagi, sehingga ke hari ini jumlah peningkatan kes harian di Malaysia adalah semakin meningkat saban hari.

Permulaan pengawalan pandemik COVID-19 yang berlaku di Malaysia kelihatan sangat baik di mana berjaya menurunkan graf kes harian sehingga angka sifar pada 8 Julai 2020 yang lalu (Luqman Hakim Zubir, 2020). Namun, bilangan kes positif meningkat dan bermula peningkatan secara mendadak hingga pertengahan September atau awal Oktober 2020, bertepatan dengan pergerakan manusia yang disebabkan oleh kelonggaran sekatan perjalanan dan pemilihan Pilihan Raya Umum di negeri Sabah (Siew Bee Aw, Bor Tsong The, Gabriel Hoh Teck Ling, Pau Chung Leng, Weng Howe Chan & Mohd Hamdan Ahmad, 2021). Akibatnya sehingga ke hari ini, nilai angka kes baharu harian telah mencecah angka 13,215 pada 15 Julai 2021 yang telah melibatkan pelbagai sekatan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilakukan bagi menurunkan graf jangkitan ini (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021).

Kesan pandemik ini telah membawa kepada gangguan sosioekonomi secara global yang merangkumi aktiviti harian dan rekreasi yang terjejas, penangguhan atau pembatalan acara kebudayaan, dan juga turut memberi kesan kepada aktiviti-aktiviti keagamaan. Hal ini adalah kerana penguatkuasaan undang-undang yang ketat menjadikan banyak perkara yang terhalang sehingga ramai yang menghadapi masalah kewangan dan kesempitan hidup.

Selari dengan undang-undang yang diperkenalkan, institusi fatwa juga tidak ketinggalan memberikan pandangan hukum terhadap isu-isu yang timbul berkaitan dengan hukum hakam agama. Sebagai contoh di dalam ibadah, kondisi COVID-19 di Malaysia memberikan kesan kepada kehidupan ibadah kaum muslimin untuk melaksanakan solat di masjid. Kebanyakan pusat ibadah seperti masjid dan surau ditutup daripada orang awam melakukan solat berjemaah di dalamnya. Meskipun ada yang membenarkan, ia masih terikat dengan Prosedur Operasi Standard atau *Standard Operating Procedures* (SOP) yang ketat seperti jumlah jemaah yang dihadkan serta perlu melakukan penjagaan jarak (*physical distancing*) satu meter yang bertujuan untuk memutuskan rantaian penyebaran COVID-19. Selain itu juga, terdapat keputusan fatwa daripada mufti yang

berkaitan hukum pulang ke kampung untuk ziarah keluarga adalah diharamkan kerana berhujahkan kepada melanggar keputusan pemerintah.

Kesemua hukum yang berkaitan agama ini telah mewujudkan salah faham kepada segelintir masyarakat bahawa hukum yang dikeluarkan adalah bagi menjustifikasikan undang-undang yang dibuat oleh pihak kerajaan. Bahkan ada yang berani menghina serta mencabar keputusan hukum yang telah diputuskan oleh pihak berautoriti ini. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi merumuskan bahawa kerangka *fiqh al-ṭawāri'* bukanlah berasas daripada keadaan wabak yang berlaku, sebaliknya ia adalah hasil daripada sebuah ijtihad yang berdasarkan kepada sumber dan metodologi hukum Islam yang kukuh.

## Metodologi

Kajian kualitatif yang dijalankan ini menggunakan pendekatan induktif, deduktif dan komparatif. Data-data yang dikumpulkan adalah melalui sorotan kajian perpustakaan yang tertumpu kepada aspek konsep, faktor dan agen perubahan sosial, bentuk-bentuk norma baharu semasa pandemik COVID-19 di Malaysia serta konsep *fiqh al-ṭawāri'* menurut 'Abd Allāh bin Bayyah. Selain artikel jurnal dan buku dalam bentuk fizikal dan PDF, dokumentasi data turut dijalankan daripada beberapa sumber laman sesawang berautoriti seperti Google Scholar, laman sesawang rasmi 'Abd Allāh bin Bayyah (<http://binbayyah.net/arabic/>), Portal Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia (<https://www.moh.gov.my/>), Laman Web Rasmi Majlis Keselamatan Negara (<https://www.mkn.gov.my/>) dan beberapa laman sesawang lain yang berkaitan. Kajian ini terbatas dalam kerangka pendekatan 'Abd Allāh bin Bayyah terhadap hukum Islam semasa wabak yang dianalisis dari perspektif *fiqh al-ṭawāri'*.

## Kerangka Fiqh Al-Tawari'

### Biodata 'Abd Allāh bin Bayyah

'Abd Allāh bin Bayyah atau dikenali sebagai Ibn Bayyah merupakan panggilan bagi seorang sarjana Islam yang bernama 'Abdullah bin al-Mahfuz bin Bayyah. Beliau lahir pada tahun 1935 di bandar Timbedra yang terletak di timur negara Mauritania. Ayah beliau, al-Mahfuz bin Bayyah merupakan seorang sarjana terkemuka yang pernah menjawat jawatan sebagai Ketua Persidangan Ulama Mauritania yang pertama yang ditubuhkan setelah kemerdekaan negara tersebut (Farah Khaledah Adam, Saiful Islam Nor Mohd Zulkarnain, & Mohd Anuar Ramli, 2018).

Peringkat pengajian 'Abd Allāh bin Bayyah di dalam keilmuan Islam bermula dengan ayahnya sendiri di pusat pengajian yang dipanggil sebagai *mahẓarah*. Pelbagai tradisi keilmuan yang diajarkan seperti bahasa arab, ilmu fiqh, sirah, mantiq, tafsir dan lain-lain (Unaesah Rahmah, 2016). Selain daripada ayahnya, di antara guru utama beliau ialah Muḥammad Sālim Ibn al-Shīn yang merupakan guru bahasa arab dan Bayyah bin al-Sālik al-Masūmī yang merupakan guru al-Quran beliau (binbayyah.net, 2021). Setelah daripada itu, beliau melanjutkan pelajaran dalam bidang undang-undang kehakiman di Fakulti Undang-Undang di salah sebuah universiti di Tunisia.

Selain itu, beliau juga turut menjalani latihan kehakiman sebagai persediaan untuk pelaksanaan sistem kehakiman di Mauritania (Souheila Al-Jadda, 2014). Di antara jawatan yang pernah disandang oleh beliau di dalam sistem kehakiman adalah sebagai Ketua Hakim Syar'i di Kementerian Kehakiman, Naib Presiden Mahkamah Rayuan Naib Presiden Mahkamah Agung dan kemudian menjadi Ketua Jabatan Perundangan Islam (Ahmad Naqiuddin, 2016).

Manakala di dalam bidang pentadbiran negara, beliau pernah menjawat jawatan sebagai Menteri pertama Kementerian Hal Ehwal Islam dan Pendidikan, Menteri Pendidikan Asas dan Hal

Ehwal Agama, Menteri Sumber Manusia (yang juga merangkap sebagai Timbalan Perdana Menteri) dan Menteri Pembinaan dan Organisasi Parti Nasional (binbayyah.net, 2021).

Kepakaran beliau di dalam bidang syariah serta sumbangannya kepada dunia Islam menjadikan beliau di antara tokoh Islam yang berpengaruh di dunia (Lamnya Al-Khraisha et al., 2017). Kini, beliau merupakan Presiden *Muntada Ta'ziẓ al-Silmi Fi al-Mujtama'at al-Muslimati* atau *Forum Promoting Peace in Muslim Societies* yang bergiat aktif mempromosikan tema keamanan ke seluruh pelosok dunia sama ada di negara Muslim atau sebaliknya. Beliau juga merupakan Presiden bagi *Muassasah al-Muwattā'* di Abu Dhabi dan merupakan Ketua Majlis Fatwa Emiriah Arab Bersatu (UAE) (binbayyah.net, 2021; Wām, 2018).

### Konsep Fiqh al-Ṭawāri'

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, kecemasan adalah merujuk kepada satu keadaan bahaya, darurat: setiap saat mereka berada dalam keadaan bahaya (Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, 2021). Di dalam bahasa arab, kecemasan disebut sebagai "*al-Ṭawāri'*" yang merupakan *jama'* bagi perkataan "*Ṭāri'ah*". Dari segi bahasa *al-Ṭāri'* bermaksud sesuatu keadaan baharu yang mendatang, atau dengan erti yang lain sesuatu yang luar daripada keadaan kebiasaan (Muḥammad bin Ya'qūb al-Fayruzābādī, 2005). Selain itu, ia juga membawa erti bencana iaitu sesuatu keadaan yang berlaku musibah yang besar (Ibn Manzūr, 1994). Di dalam istilah fiqh pula, para fuqahā' tidak keluar daripada definisi bahasa yang merujuk kepada satu keadaan yang berlaku tanpa dijangka (Shawqī Ibrāhīm 'Allām, 2020).

Ijtihad pada perkara situasi kecemasan (*al-ṭawāri'*) adalah wajib kepada umat Islam secara kumpulan iaitu disebut sebagai *fardu kifayah*. Namun sekiranya seseorang mujtahid ditanya sedangkan situasi kecemasan tersebut tidak berlaku padanya serta ketiadaan orang yang layak untuk mengeluarkan sesuatu hukum, ia akan menjadi *fardu ain* kepadanya untuk melakukan ijtihad tersebut (al-Nawawī, t.t).

Berdasarkan kepada situasi wabak COVID-19 yang berlaku di peringkat global ini, ia boleh disebut sebagai *al-ṭawāri'* iaitu suatu musibah besar yang memberi kesan kepada banyak sektor dan tidak ketinggalan kepada kesan ibadah kaum Muslimin. Penyataan ini dikuatkan lagi apabila wabak COVID-19 ini telah diklasifikasikan oleh *World Health Organization* (WHO) sebagai sebuah pandemik pada 11 Mac 2020 (World Health Organization, 2020). Oleh sedemikian, *fiqh al-ṭawāri'* merupakan satu garis panduan hukum Islam yang sesuai bagi menghadapi pandemik yang berlaku ini.

### Kerangka Fiqh al-Ṭawāri' Menurut 'Abd Allāh bin Bayyah

Istilah *fiqh al-ṭawāri'* mula diperkenalkan oleh 'Abd Allāh bin Bayyah pada tahun 2020 di dalam muktamar yang bertajuk "*Fiqh al-Ṭawāri' : Ma'ālim Fiqh mā Ba'da Korona*" yang bermaksud "*Fiqh al-Ṭawāri' : Garis Panduan Fiqh Selepas Korona*". Ianya dilakukan secara maya yang dianjurkan oleh kerjasama antara Rabiṭah al-Ālam al-Islāmī dan Majlis al-Imārāt li al-Iftā' al-Sharī dengan penyertaan lebih daripada 45 buah negara serta ratusan sarjana Islam yang terdiri daripada mufti, ahli fatwa dan ahli akademik (Manṣūr 'Āmir, 2020). Muktamar ini merupakan satu medium perbahasan global di antara para sarjana Islam dunia mengenai masalah berkaitan dengan hukum hakam yang timbul daripada kesan penyakit COVID-19. Perbincangan yang dilakukan ini adalah bertujuan untuk menggalakkan usaha dan penghasilan ijtihad hukum dengan segala kelengkapan dan kemampuan daripada nas-nas melalui kaedah ilmu usul fiqh ('Abd Allāh bin Bayyah, 2020). Kesemuanya adalah untuk mencapai suatu hasil hukum yang mempunyai kejelasan bagi sesuatu

masalah serta mencapai segala kehendak oleh syariat. Proses ini pastinya dapat dihasilkan melalui 3 bentuk ijtihad iaitu:-

1. Ijtihad *mutlaq* daripada ahli yang berautoriti berdasarkan kepada keadaan dan tempatnya.
2. Ijtihad *takhrīj* daripada ahli yang berautoriti daripada usul mazhabnya.
3. Ijtihad *tarjīhī* daripada ahli yang berautoriti daripada cabang mazhabnya.

Menurut ‘Abd Allāh bin Bayyah, pemilihan terma *al-ṭawāri*’ adalah kerana keadaan semasa yang berlaku penyebaran COVID-19 ini mempunyai unsur-unsur seperti kejutan, ketiadaan sumber yang jelas serta kesan yang teruk. Unsur-unsur yang ada ini menepati dengan terma yang digunakan dari sudut kebahasaan iaitu merujuk kepada kecemasan dan musibah yang besar (Ibn Manzūr, 1994; Shawqī Ibrāhīm ‘Allām, 2020).

Manakala istilah *fiqh al-ṭawāri*’ pula, ia boleh difahami melalui 4 sudut iaitu tujuan, sumber rujukan, gambaran dan individu yang terlibat. Pertama, tujuan bagi *fiqh al-ṭawāri*’ adalah sebuah fiqh yang mencari kemudahan di tempat-tempat yang berlaku kesukaran serta mencari keringanan bagi sesuatu perbuatan sebagai ganti kepada amalan yang bersifat *aẓīmah*.

Kedua, dari sudut sumber yang mendasari *fiqh al-ṭawāri*’ adalah nas al-Quran dan al-Sunnah yang memudahkan serta dalil-dalil yang dibina daripada kedua nas tersebut sama ada yang berkaitan dengan petunjuk daripada sesuatu lafaz (*dilālah al-alfāz*), tujuan syarak (*maqāṣid al-sharī‘ah*) dan kaedah dalam memahami nas (*qawā‘id al-nuṣuṣ*).

Ketiga, dari sudut gambarannya adalah gabungan daripada perbincangan di antara realiti setempat dan dalil syarak. Keempat, dari sudut pelakunya adalah melibatkan seorang yang mengetahui hukum hakam fiqh, pakar-pakar bidang, dan pemerintah.

Secara ringkasnya, ‘Abd Allāh bin Bayyah menjelaskan bahawa *fiqh al-ṭawāri*’ adalah:-

هو فقه التيسير والتخفيف مستنبطاً من نصوص الشريعة وفهم العلماء ومركباً مع الواقع  
اساسه الرخص والضرورات التي تقدر بقدرها ويؤول بزوال سببه  
(‘Abd Allāh bin Bayyah, 2020)

“Ia adalah fiqh yang memudahkan dan meringankan yang merupakan hasil istinbat daripada nas syarak serta kefahaman ulama’ yang dilibat bersama realiti setempat, asasnya merupakan keringanan dan darurat dengan kadarnya dan akan hilang keringanan tersebut jika hilangnya sebab tersebut.”

Tambahan lagi, menurut beliau *al-ṭawāri*’ merupakan salah satu rukun penting daripada rukun-rukun di dalam pelaksanaan hukum Islam. Bahkan syariat Islam sangat menitikberatkan aspek setempat kerana syariat itu adalah sebuah undang-undang dan ibadah yang melibatkan kehidupan individu dan juga masyarakat.

### Aplikasi Fiqh Al-Tawari' Dalam Menangani Hukum Islam Semasa Wabak

Perbincangan mengenai hukum Islam khususnya di dalam bab ibadah mempunyai dua bahagian iaitu hukum *taklīfīyyah* yang merupakan hukum yang berkait dengan perbuatan mukallaf dan hukum *wadī‘īyyah* yang merupakan hukum yang diletakkan oleh Allah sama ada berupa sebab (*al-sabab*), syarat (*al-shart*) atau penghalang (*al-māni*) (Wahbah al-Zuhaylī, 2013). Di dalam penentuan sesuatu hukum, kedua jenis ini mempunyai hubungan yang terikat di antara satu sama lain. Sebagai contoh,



wabak COVID-19 yang berlaku menjadi penghalang (*al-māni*<sup>6</sup>) dan menggugurkan hukum asal kewajipan solat jumaat bagi kaum muslimin.

Selain itu, aplikasi *fiqh al-ṭawāri*' ini dapat dilihat di dalam ibadah kewajipan berpuasa di bulan Ramadan yang boleh digugurkan dan ditangguhkan bagi orang yang mengalami penyakit wabak COVID-19. Jika mengambil kira dengan penilaian daripada pakar perubatan mengenai kondisi dan kemampuannya, ia mempunyai keharusan untuk berbuka kerana keuzuran tersebut adalah diterima di sisi syarak.

Di dalam isu zakat pula, terdapat permasalahan sama ada perlu disegerakan atau ditangguh. Permasalahan ini terdapat pertembungan di antara kehendak (*al-muqtaḍi*) dan penghalang (*al-māni*). Kehendak adalah merupakan keperluan orang fakir yang mana kesan daripada wabak ini menjadikan mereka memerlukan dalam kadar segera. Adapun penghalang adalah kemerosotan ekonomi yang berlaku yang menyebabkan kekayaan semakin berkurang ditambah lagi dengan perbelanjaan yang tinggi. Maka pertembungan di antara kehendak dan penghalang perlu di dahulukan salah satunya serta sudah berada di dalam perbincangan hukum Islam. Namun penilaian pemimpin, mufti dan sarjana setempat perlu dilakukan bagi menimbang keperluan berdasarkan situasi dan suasana yang berlaku di kawasan dan waktu tersebut.

Jika melihat di dalam ibadah haji pula, maka hukum memutuskan sama ada dibenarkan atau tidak mengerjakannya adalah bergantung kepada keputusan kerajaan Arab Saudi sebagai negara yang bertanggungjawab memelihara keamanan dan keselamatan orang yang melakukan haji dan umrah. Penutupan dan limitasi bilangan orang yang mengerjakan haji merupakan suatu hukum yang diputuskan melalui ijtihad *maṣlahi*. Ijtihad yang dilakukan ini adalah bertepatan dengan syarak serta realiti setempat yang berlaku pada ketika ini. Bahkan di dalam perbincangan haji, hukum mendirikan haji pada satu musim adalah bersifat fardu kifayah. Maka bertepatan dengan keputusan yang diputuskan bahawa bilangan yang mengerjakan haji bagi musim wabak ini sudah mencapai kefarduan tersebut kerana syarak tidak menghadkan kepada jumlah tertentu dan diangkat dosa keseluruhannya kerana wujud keuzuran yang diterima oleh syarak. Selain itu, di dalam mazhab al-Shāfi'iyah menyatakan bahawa kefarduan haji adalah bersifat *tawassu'* (waktu yang luas) dan *tarākhi* (boleh untuk ditangguh) berdasarkan kepada amalan baginda SAW yang mengerjakan haji walaupun perintah tersebut sudah disyariatkan bertahun-tahun. Sekiranya kefarduan haji menunjukkan kepada segera, maka baginda tidak akan menunda ibadah tersebut sebaliknya akan menjustifikasikan sebab penundaan ibadah haji yang telah dikerjakan (Ibn Rushd, 1989).

### Kesimpulan

Berdasarkan kepada pendekatan Shaykh 'Abd Allāh bin Bayyah, beliau merupakan seorang sarjana Islam yang pakar di dalam bidang syariah Islam. Gagasan *fiqh al-ṭawāri*' yang dibawa adalah sebuah bentuk penyeruan kepada para sarjana Islam di dunia untuk melakukan ijtihad menjadikan syariah Islam terus hidup di dalam apa jua keadaan sekalipun. Ia merupakan sebuah fiqh yang memberi kemudahan dan merupakan hasil daripada proses istinbat hukum, kefahaman ulama dan penilaian realiti setempat. Namun, hukum tersebut akan menjadi seperti sedia kala sekiranya berakhir wabak pandemik ini yang merupakan penghalang (*al-māni*<sup>6</sup>) kepada kewajipan sesuatu hukum seperti di dalam solat, puasa, zakat dan haji. Perbincangan mengenai konsep *fiqh al-ṭawāri*' yang diutarakan merupakan satu bentuk garis panduan hukum yang berlandaskan kepada teori dan kaedah di dalam usul fiqh. Ia bukanlah semata melihat kepada wabak yang berlaku sebaliknya hukum yang diputuskan melalui *fiqh al-ṭawāri*' merupakan gabungan perbincangan di antara dalil dan realiti semasa.

### Rujukan

- ‘Ali, M. M. (1994). *Lisān al-‘Arb* (1<sup>st</sup> ed.). Beirut: Dār Ṣādir.
- ‘Allām, S. I. (2020). ‘Ta’ṣīl Fiqh al-Ṭawāri’. *Majallah Dār al-Iftā’ al-Miṣriyyah*, 12 (43), 16.
- ‘Āmir, M. (2020). *Rabiṭah al-Ālam al-Islāmī dan Majlis al-Imārāt li al-Iftā’ al-Shar’ Yanzimāni Mu’tamar Fiqh al-Ṭawāri’ Ba’da Ghad*. Diperoleh daripada Emirates News Agency, diakses pada 15 Julai 2021, <https://www.wam.ae/ar/details/1395302855470>.
- Al-Fayruzābādī, M. Y. (2005). *al-Qāmūs al-Muḥiṭ*. Maktab Taḥqīq al-Turāth (Ed.). Beirut: Muassasah al-Risālah al-Ṭabā’ah wa al-Nashr wa al-Tawzī’.
- Al-Jadda, S. (2014). *Why America Needs To Know This Man: Abdallah bin Bayyah, Sectarianism and Global Muslim Respect*. Diperoleh daripada The Islamic Monthly, diakses pada 15 Julai 2021, <http://www.theIslamicmonthly.com/why-america-needs-to-know-this-man/>.
- Al-Nawawī, Y. S. *al-Majmū’ Sharḥ al-Mubadhdhab*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Zuḥaylī, W. (2013). *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu’āṣir.
- Aw, B. S., The, T. B., Ling, G. H. T., Leng, P. C., Chan., W. H., & Ahmad, M. H. (2021). The COVID-19 Pandemic Situation in Malaysia: Lessons Learned from the Perspective of Population Density. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 18 (12), 3.
- Bayyah, A.A.B. (2020). *Naṣ Kalimah ‘Abd Allah bin Bayyah fi Iftitāḥ Mu’tamar Fiqh al-Ṭawāri’*. Diperoleh daripada al-Mauqī’ al-Rasmi li al-‘Allamah al-Shaykh ‘Abdullah Bin Bayyah, <http://binbayyah.net/arabic/archives/4699>.
- Biography Of Shaykh Abdallah Bin Bayyah. Diperoleh daripada The Official Website of His Eminence Shaykh Abdallah bin Bayyah, diakses pada 15 Julai 2021, <http://binbayyah.net/english/bio/>.
- Kamus Dewan Edisi Keempat “kecemasan”. Diperoleh daripada Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, diakses pada 15 Julai 2021, <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kecemasan>.
- Khaledah, F., Islam, S., & Anuar, M. (2018). Pandangan Shaykh Abdullah Bin Bayyah Tentang Konsep Keamanan: Kajian Terhadap Buku Khitab Al-Amni Fi Al-Islam. *Jurnal Peradaban*, 11, 90.
- Lamnya Al-Khraisha et al. (2018) *The Muslim 500: The World’s 500 Most Influential Muslims 2018*. Amman, Jordan: The Royal Islamic Strategic Studies Centre.
- Muḥammad, M. A. (1989). *Bidāyah al-Mujtabid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*. Sa’d, T. A. R. (Ed.). Beirut: Dār al-Jil & Kaherah: Maktabah al-Kulliyyāt al-Azhariyyah.
- Naqiuddin, A. (2016) *Gagasan Pemikiran Syeikh Abdullah Bin Bayyah*. Selangor: Nur Fattah Publication.
- Rahmah, U. (2016). *Abdullah bin Bayyah, Suara Moderat Islam dari Afrika*. Diperoleh daripada Islami.co, diakses pada 15 Julai 2021, <https://Islami.co/abdullah-bin-bayyah-suara-moderat-Islam-dari-afrika/>.
- Situasi Terkini COVID-19 di Malaysia 15 JULAI 2021. (2021). Diperoleh daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, COVID-19 Malaysia, diakses pada 16 Julai 2021, <http://covid-19.moh.gov.my/terkini>.

- Tarjamah al-‘Allamah ‘Abdullah Bin Bayyah. Diperoleh daripada al-Mauqi‘ al-Rasmi li al-‘Allamah al-Shaykh ‘Abdullah Bin Bayyah, diakses pada 15 Julai 2021, <http://binbayyah.net/arabic/archives/1417>.
- Wām. (2018). *I‘timād Tashkīl Majlis al-Imārāt li al-Iftā’ al-Shar‘ī*. Diperoleh daripada al-Bayān, diakses pada 15 Julai 2021, <https://web.archive.org/web/20180704124045/https://www.albayan.ae/across-the-uae/news-and-reports/2018-06-24-1.3299552>.
- WHO Director-General's opening remarks at the media briefing on COVID-19 - 11 March 2020. (2020). Diperoleh daripada World Health Organization, diakses pada 15 Julai 2021, <https://www.who.int/director-general/speeches/detail/who-director-general-s-opening-remarks-at-the-media-briefing-on-covid-19---11-march-2020>.
- Zubir, L. H. (2020). *COVID-19: Jangkitan sifar tempatan kali kedua di Malaysia*. Diperoleh daripada BH Online, diakses pada 15 Julai 2021, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/708836/covid-19-jangkitan-sifar-tempatan-kali-kedua-di-malaysia>.

## BAB 21

### KEMUDAHAN APLIKASI MUDAH ALIH DALAM PEMBELAJARAN ILMU MORFOLOGI SEMASA PANDEMIK COVID 19

Hasanah Binti Haji Iksan & Ummi Najihah Binti Mohmad Razi

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia

#### Pendahuluan

Perkembangan teknologi yang bergerak pantas menuntut masyarakat bertindak lebih proaktif dalam segenap bidang dan lapangan. Dalam dunia pendidikan, perkembangan ini memperlihatkan perubahan yang signifikan agar ia sentiasa relevan merentas arus ledakan maklumat yang berada di hujung jari. Pada era globalisasi ini terutamanya ketika Wabak Koronavirus 2019 (COVID-19) yang sedang berlaku secara global kini menuntut sistem pendidikan menggunakan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Situasi pandemi yang dihadapi sekarang ini menghendaki para guru dan pensyarah menggunakan teknologi dan multimedia dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Mereka perlu memahirkan diri dalam menggunakan teknologi untuk diaplikasikan di dalam PdP supaya kaedah pengajaran dapat dipelbagaikan dari masa ke semasa mengikut kesesuaian peringkat umur, objektif pengajaran dan sebagainya (Hamid, 2017)

Dalam pembelajaran morfologi Bahasa Arab, pengkaji ingin melihat kemudahan sediaada pembelajaran *al-Taṣrif Al-Aḥwal* yang dibina dalam pendidikan maya. Kajian juga melihat kelebihan dan kekurangan yang terdapat dalam aplikasi mudah alih tersebut. Secara umum, Antara kelebihan penggunaan aplikasi mudah alih adalah kebanyakan masyarakat mudah untuk mendapatkan pelbagai maklumat serta pembelajaran tidak mengira waktu dan tempat (Mellow, 2005). Perkembangan era teknologi informasi ini membawa manusia ke satu tahap yang lebih tinggi. Media yang digunakan untuk menyampaikan ilmu berubah daripada zaman pengenalan tulisan yang menggunakan kulit binatang ke tahap yang lebih mudah dan canggih. Aplikasi mudah alih ini juga merupakan satu evolusi dalam dunia pendidikan dan teknologi (Norliza, 2013).

#### Sorotan Kajian Lepas

##### i Teknologi dan Multimedia

Kajian ini merupakan penilaian sebahagian daripada hasil projek akhir pelajar Bahasa Arab dengan multimedia berkenaan dengan *Taṣrif Al-Aḥwal An-Nāqishah* dalam Aplikasi Mudah Alih oleh Ummi Najihah Binti Mohmad Razi pada tahun 2020. Projek tersebut bertujuan untuk membina aplikasi mudah alih untuk mempelajari cara-cara mentaṣrif *al-Aḥwal An-Nāqishah*.

Husni Abdullah dkk (2019) dalam penyelidikannya bertajuk Pendidikan Abad ke-21 Dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah di Malaysia : Amalan dan Cabaran ada membincangkan tentang penggunaan teknologi di kalangan guru Bahasa Arab di Malaysia dalam

pelaksanaan dan pengamalan PAK21 dalam PdPc. Hasil kajian menyatakan walaupun teknologi hanyalah salah satu kaedah atau alat sokongan dalam PdPc, namun para guru bahasa Arab sangat memanfaatkan teknologi tersebut. Walaupun demikian, penerapan teknologi dalam pengajaran adalah bergantung kepada keperibadian guru itu sendiri.

Berdasarkan kajian Abdul Wahab et al., (2006) mendapati guru tidak bersedia, tidak berkeyakinan, tidak pandai dan tidak minat dalam menggunakan teknologi. Kajian Norizan, Alakrash dan Sahboun (2018) juga mendapati guru bahasa Inggeris belum bersedia menggunakan teknologi dalam mengajar subjek berkenaan disebabkan beberapa faktor yang berkaitan dengan teknik konvensional dan budaya pengajaran, pemahaman terhadap penggunaan teknologi dan halangan dalam menggunakan teknologi. Hasil kajian Nik Noraini dan Noor Hisham (2018) menunjukkan guru yang berumur dalam lingkungan 18-25 tahun didapati mempunyai tahap kesediaan berubah lebih tinggi dalam pelaksanaan PAK21 dalam PdPc berbanding guru yang lebih berusia. Hakikat yang perlu diambil perhatian adalah guru perlu mengambil kira faktor generasi siapa yang diajar. Guru perlu kreatif menarik minat pelajar terutama pelajar masa kini. Tidak mempunyai pengalaman yang cukup dalam mendepani revolusi pendidikan bukanlah suatu alasan lagi bagi pandangan Mohd Izham & Noraini (2007).

## ii Aplikasi Mudah Alih

Pengkaji telah melakukan beberapa tinjauan literatur daripada kajian-kajian yang lepas. Antaranya ialah jurnal oleh Ronizam Ismail dkk (2016) berkaitan “Kajian Literatur Terhadap Aplikasi Mudah Alih Berunsurkan Islam”. Beliau berpendapat teknologi aplikasi mudah alih atau *mobile apps* boleh diintegrasikan dengan pelbagai bidang ilmu terutamanya berunsurkan Islam. Aplikasi ini amat membantu untuk semua peringkat umur yang mahukan maklumat di dalam bidang agama. Hasil kajian mendapati penulisan mengenai aplikasi berunsurkan Islam masih sedikit. Penulis mendapati terdapat 250 aplikasi Islam yang telah dibangunkan. Beliau mencadangkan galakan dan insentif perlu diberi kepada pembangun aplikasi agar pembangunannya bertambah rancak.

Kajian yang dibangunkan oleh Indah Puji Astuti (2011) dari Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta adalah berkenaan “Aplikasi Tashrif Istilahi pada Ilmu Sharaf dengan menggunakan metode stemmer berbasis web”. Tujuan utama kajian adalah untuk membantu dalam menentukan wazan dan untuk mengetahui *taṣrif* lengkap dari suatu kata dalam bahasa Arab, sehingga memudahkan pengguna dalam mengetahui perubahan bentuk suatu kata dalam bahasa Arab. Kajian juga bertujuan untuk membantu pengguna dalam menemukan kata dasar dengan cara *stemming* yang dapat membantu seseorang dalam belajar ilmu *ṣarf*. Aplikasi ini dapat diakses dan dimanfaatkan oleh siapa sahaja dan dimana sahaja kerana sistem ini berbasis web.

## Definisi

### i Aplikasi Mudah Alih

Aplikasi merupakan sejenis kategori perisian komputer di mana perisian tersebut melakukan tugas penggunaan (*application*) untuk pengguna akhir komputer (*end users*). Perisian aplikasi juga dikenali sebagai program pengguna akhir ianya seperti program pemproses perkataan, hamparan elektronik dan perisian persembahan. Beberapa perisian aplikasi disekalikan menjadi satu pakej yang kadangkala dikenali sebagai suite aplikasi. Sebagai contoh, *Microsoft Office* dan *Openoffice.org* yang menggabungkan sekali pemproses perkataan, helaian kerja dan beberapa perisian pengguna kecil. Perisian aplikasi yang berasingan dalam satu *suite* biasanya mempunyai antaramuka pengguna yang


mempunyai persamaan dan ianya menjadi lebih mudah bagi pengguna bagi mempelajari dan menggunakan setiap perisian aplikasi.

Alat mudah alih yang biasa digunakan dalam kaedah m-pembelajaran termasuklah penggunaan laptop, tablet PC, PDA (*personal data assistant*), pemain MP3, telefon bimbit, perakam audio dan lain-lain (Hulme, 2005) (Siraj, 2010). Ia juga perlu bersifat kecil, tanpa wayar untuk memudahkan dibawa ke mana-mana (Zoraini Wati Abas, Tina Lim, Harvinder Kaur Dharam Singh & Wei Wen Shyang, 2009). Sebaliknya, (Traxler, 2007) tidak mengkategorikan laptop dan tablet PC sebagai alat mudah alih kerana manusia secara kebiasaannya hanya membawa alat yang kecil seperti telefon bimbit, iPod atau PDA yang boleh dimuatkan ke dalam beg untuk di bawa ke mana-mana.

Aplikasi mudah alih atau *mobile apps* merupakan sebuah program yang dimuatkan ke dalam alat mudah alih dan boleh digunakan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja (Md. Rashedul Islam, Md. Rofiqul Islam & Tahidul Arafhin Mazumder, 2010). Aplikasi mudah alih terdiri daripada perisian atau set program yang berjalan pada peranti mudah alih dan melaksanakan tugas-tugas tertentu untuk pengguna. Menurut Chun, Chung dan Shin (2013), aplikasi telefon pintar yang dibangunkan oleh individu, perniagaan, agensi kerajaan, tentera, institusi pendidikan dan mana-mana organisasi lain yang ingin menggunakan teknologi adalah untuk hiburan, menyelesaikan masalah dan memenuhi keperluan harian. Ciri-ciri aplikasi mudah alih yang mudah, mesra pengguna dan murah membolehkan sebahagian besar telefon mudah alih menggunakannya.

## ii Bahasa Arab

Bahasa Arab terbahagi kepada 4 perbahasan ilmu utama yang penting yaitu *qawā'id*, *balāghah*, *adab* dan *tārikh*. Ilmu *qawā'id 'arabiyyah* atau tatabahasa Arab terdiri daripada ilmu *nahw* atau sintaksis dan ilmu *ṣarf* atau morfologi. Manakala ilmu *balāghah* pula merangkumi ilmu-ilmu berkaitan *ma'ānī*, *bad' dan bayān*. Ilmu adab atau sastera terbahagi kepada tiga iaitu *sy'ir*, *kitābat wa khatbat* dan *arūd wa qāfiat*. Manakala ilmu *tārikh* pula merupakan satu perbahasan ilmu yang luas berkaitan dengan sejarah Arab dan bahasanya. Rajah di bawah menerangkan pecahan-pecahan ilmu utama berkaitan bahasa Arab.



Rajah 1: Bidang Pengkhususan Bahasa Arab

### iii Morfologi Bahasa Arab

Ilmu morfologi atau lebih dikenali sebagai ilmu *ṣarf* merupakan satu susunan ilmu dalam Tatabahasa Arab. Kajian-kajian tatabahasa Arab telah dimulakan oleh para ilmuan selepas mereka mengkaji pelbagai bentuk penggunaan bahasa Arab yang telah dikumpul dari pelbagai ceruk rantau penempatan kabilah-kabilah Arab. Saidina Ali RA merupakan pencetus kepada kajian tatabahasa ini dalam kalangan orang Arab pada peringkat awal. Kehadiran Abu al-Aswad al-Duali menggiatkan lagi usaha-usaha sebegini.


Kitab *Lisān al-ʿArab* tulisan Ibn Manzur (2005) mencatatkan bahawa ia berasal daripada perkataan Arab *ṣarafa* (صرف) yang membawa maksud berubah, bertukar dan sebagainya. Al-Asmar (1997) di dalam bukunya *ʿal-Muʿjam al-Mufaṣṣal fī ʿIlm al-Ṣarf* menyebut bahawa *al-ṣarf* itu ialah *maṣdar* atau kata terbitan bagi perkataan Arab *ṣarafa* yang membawa maksud memalingkan wajah dan dan menggantikannya.

Manakala daripada segi istilah, menurut al-Ashmuni (1998) *sarf* ialah menukarkan satu perkataan kepada bentuk perkataan yang lain untuk menghasilkan makna yang berbagai-bagai. Sebagai contoh perkataan *ḍaraba*, ia boleh ditukarkan kepada perkataan lain seperti *ḍarraba*, *taḍāraba*, *taḍarraba* dan *idtaraba*, mengikut maksud dan fungsi masing-masing. *Sarf* juga bermaksud

mengubah satu perkataan asal kepada bentuk perkataan yang baru. Sebagai contoh, perkataan *qawala* ditukarkan kepada perkataan *qāla*.

Al-Asmar (1997) berpendapat bahawa ia merupakan satu ilmu yang mengkaji tentang perubahan sesuatu perkataan dan perubahan-perubahan yang berlaku padanya daripada satu bentuk kepada bentuk yang lain. Kebanyakan pakar bahasa terdahulu lebih cenderung membahaskan istilah morfologi ini dalam ruang lingkup yang kecil, iaitu dibataskan hanya kepada perubahan sesuatu kata. Sibawayh (2009) mengkhususkan morfologi ini kepada perubahan yang berlaku hanya pada zat atau asal sesuatu perkataan. Maáruf Miftah (2019) menyatakan pandangan Ibn Usfur tentang tasrif sebagai pembentukan satu kata mengikut struktur yang berbeza bagi mendapatkan pelbagai makna, dan tasrif itu berkaitan dengan perubahan perkataan daripada asalnya.

Sebahagian pakar bahasa berkaitan bidang ini telah membahagikan *ṣarf* kepada beberapa pecahan utama. Antaranya ialah *fi'l*, *ism* dan *‘ilāl wa ibdāl*. Perbincangan mengenai *fi'l* merangkumi *fi'l thulāthi wa rubā‘i*, *sahīb wa mu‘tal*, *mabni wa majhūl*, *muta‘addi wa laẓim* dan *fi'l mādi wa mudāri‘ wa amr*. *Ism* pula terdiri daripada *jamid* dan *musytaq*. Manakala perbahasan ilmu *ṣarf* utama yang terakhir ialah berkaitan dengan *‘ilāl wa ibdāl*. Rajah berikut merupakan ringkasan daripada pecahan morfologi atau *ṣarf* ini:



Rajah 2: Bahagian Ilmu ṣarf



Berdasarkan pecahan ilmu sorf ini, dapat disimpulkan bahawa, kajian ini hanya menumpukan kepada bahagian *al-af'āl*.

#### iv Taṣrif Al-Af'al

Setiap perkataan dalam bahasa Arab mempunyai wazan tersendiri yang berbeza antara satu sama lain. Proses pembentukan kata melalui padanan wazan tidak semuanya terjadi secara langsung, tetapi melalui pelbagai proses morfologi dan fonologi yang kompleks dan sukar seperti pengguguran (الإعلال بالحذف), pengimbuhan (الزيادة), pengalihan (الإعلال بالنقل), penyerapan dan penguraian (الفك والإدغام), penukaran (الإبدال) dan sebagainya. Fenomena ini mencetuskan banyak kesukaran dan kerumitan dalam pembelajaran pembentukan kata kerja disebabkan wujudnya persamaan dan perbezaan antara wazan asli dan kata kerja al-mawzun. Kesilapan demi kesilapan kemungkinan boleh berlaku dalam membentuk perkataan, merujuk perkataan kepada kata dasar, membezakan jenis-jenis perkataan, mengenal pasti wazan-wazan kata nama dan kata kerja dan seterusnya meletakkannya di tempat yang sesuai dengan makna dalam sesuatu ayat al-Rajihiy, (2010). Kesilapan tersebut merupakan salah satu faktor utama kegagalan menguasai bahasa Arab dengan baik dalam penulisan dan pertuturan.

Proses morfologi dan fonologi dalam peringkat pembentukan pola kata kerja bahasa Arab adalah proses yang agak sukar untuk difahami dan dikuasai dalam masa yang singkat. Bunyi-bunyi vokal kerap berubah-ubah dan mempunyai banyak variasi dalam pengucapannya. Sub-sub topik dalam bidang morfologi dan fonologi terlalu banyak dan amat kompleks terutama topik yang ada kaitan dengan *'ilal* dan *'ibdal* (al-Rajihiy, 2010). Hampir keseluruhan sub topik dalam morfologi dan fonologi yang menjadi asas kepada pembentukan pola kata perlu difahami sebelum dapat menguasai sepenuhnya kemahiran membentuk dan mengenal pasti wazan pola kata kerja dengan betul dan tepat. Semua sub topik tersebut berhubung rapat antara satu dengan yang lain, kerana ada kemungkinan lebih daripada satu sub topik tersebut berhimpun dalam satu kata.

Menurut pandangan Ibn Jinniy (1954:5) dalam kitabnya yang berjudul *al-Munṣif* iaitu:

إِنَّ هَذَا الضَّرْبَ مِنَ الْعِلْمِ لَمَّا كَانَ عَوِيصًا صَعْبًا بُدِيَ قَبْلَهُ بِمَعْرِفَةِ النَّحْوِ

"Sesungguhnya bidang ilmu ini (merujuk kepada ilmu *taṣrif*) memandangkan kesukarannya yang amat sangat, maka ia perlu dimulakan (dipelajari) terlebih dahulu sebelum menceburi bidang nahu (sintaksis)."

Kesukaran bidang morfologi ini juga turut dikongsi oleh Mahmud Sulaiman Yaqut (1999) dalam kitabnya yang berjudul *al-ṣarf al-Ta'limiy wa al-tatbiqiy* iaitu:

إِنَّ الصَّرْفَ فِيهِ الْكَثِيرُ مِنَ الْعُمُوضِ وَالصُّعُوبَةِ حِينَ التَّعَرُّفِ عَلَى مَوْضُوعَاتِهِ وَقَضَايَاهُ

"Bahawasanya bidang morfologi ini mengandungi berbagai-bagai kesukaran dan kesulitan ketika mengenalpasti topik-topik dan aspek - aspek berkaitan dengannya."

Menurut bahasa lughah, *taṣrif* ataupun juga dikenali sebagai *ṣarf* membawa maksud berubah atau mengubah dari bentuk aslinya kepada bentuk yang lain. Misalnya merubah bentuk bangunan rumah kuno menjadi bentuk bangunan rumah moden. Sedangkan menurut istilah (menurut kalangan ulama *ṣarf*), iaitu berubahnya bentuk asal pertama *fi'l mādi* menjadi *fi'l mudāri'*, *fi'l amr*, *fi'l nābi*, *ism zamān*, *ism makān*, dan terakhir sampai pada *ism alāt*.

Kelemahan menguasai *taṣrif fi'l* akan menyebabkan beberapa kesalahan dalam penggunaan bahasa Arab. Kegagalan mengingati dan mengenalpasti wazan suatu kata dengan baik antara faktor

utama kepada kesukaran membentuk pola kata. Penguasaan yang sepenuhnya terhadap *taṣrif fīl* amatlah dititik beratkan dalam ilmu *ṣarf*. Ini adalah untuk memastikan bahawa kesalahan-kesalahan dalam penggunaan bahasa Arab dapat dikurangkan.

Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk melihat kemudahan aplikasi mudah alih berkaitan dengan *taṣrif fīl* yang tersedia telah dibangunkan untuk membantu individu mendalami dan menguasai proses-proses perubahan itu.

Kalimah *fīl* adalah kalimah yang menunjukkan erti pekerjaan pada suatu masa atau waktu tertentu. Kalimah *fīl* dibezakan menjadi pelbagai menurut pengelompokannya. Menurut bilangan hurufnya *fīl* dibahagi menjadi dua, iaitu *thulāthi* (3 huruf) dan *rubā'i* (4 huruf). Berdasarkan waktu terjadinya, mempunyai tiga *fīl* iaitu *fīl mādi* (yang dah berlaku), *fīl mudāri'* (sedang berlaku) dan *fīl amr* (perintah). Manakala menurut jenis hurufnya pula: *fīl ṣohib* yang meliputi (*fīl sālim*, *fīl mahmuz*, *fīl muḍo'af*) dan yang keduanya *fīl mu'tal* (*fīl mithāl*, *fīl ajwāf*, *fīl nāqis*, *fīl mafruq*, *fīl maqrūn*). Dan menurut keaslian hurufnya ada dua, iaitu *fīl mujarrad* dan *fīl mazīd*.


*Fīl* (kata kerja) bila dilihat dari sudut atau menurut jenis dan susunan huruf-hurufnya, maka *fīl* itu ada dua iaitu *fīl ṣohib* dan *fīl mu'tal*. *fīl ṣohib* iaitu *fīl* yang susunan hurufnya terdiri dari huruf *ṣohib*, ertinya tidak terdiri dari huruf 'Illah (Alif, Waw, Ya') (A. Syakur, M. Habib, 2007).

Yang termasuk *fīl ṣohib* adalah *fīl sālim* (*fīl ṣohib* yang susunan hurufnya tidak terdapat huruf hamzah, dan tidak ada harakat syaddah), *fīl mahmuz* (*fīl ṣohib* yang salah satu hurufnya terdiri dari hamzah), *fīl muḍo'af* (*fīl ṣohib* yang huruf kedua dan ketiga terdiri dari huruf sejenis/diberi harakat syaddah)

Sedangkan *fīl mu'tal* adalah kata kerja atau *fīl* yang salah satu susunan hurufnya terdiri dari huruf 'Illah (Alif, Waw, Ya'). Yang termasuk *fīl mu'tal* adalah *fīl mithāl*, *fīl ajwāf*, *fīl nāqis*, *fīl lafif mafruq* dan *fīl lafif maqrūn*. Perbezaan *fīl ṣohib* dan *fīl mu'tal* adalah *fīl ṣohib* tidak terdapat huruf illat (penyakit). Sedangkan pada *fīl mu'tal* terdapat huruf illat (penyakit).

*Ṣohib* secara bahasa diertikan sihat, dan sebaliknya, *mu'tal* bererti sakit. Dengan demikian, *fīl ṣohib* adalah *fīl* yang seluruh huruf asalnya *ṣohib* atau sihat, sedangkan *fīl mu'tal* adalah *fīl* yang satu atau dua dari huruf asalnya adalah sakit. Dikatakan sakit, huruf itu dianggap 'uzur, berat (ثقل) bagi orang Arab mengucapkannya, dan sebagainya. Untuk membezakan keduanya cukup kuasai huruf yang sakit kerana jumlahnya sedikit, iaitu tiga huruf ( ا ، و ، ي ), selain itu semuanya huruf sohih atau sihat.

Rajah di bawah menunjukkan pecahan ini secara ringkas:




Rajah 3: Pecahan fi'el menurut jenis hurufnya

### Aplikasi Mudah Alih *Al-Taşrif Al-Fi'L* Di Appstore

#### Aplikasi Mudah Alih

Terdapat banyak contoh aplikasi mudah alih yang diambil daripada appstore yang berkaitan *taşrif fi'l* yang dijadikan rujukan untuk membangunkan projek ini. Rujukan dibuat pada segi reka bentuk aplikasi, pembahagian – pembahagian jenis *fi'l* serta pelbagai lagi elemen-elemen yang akan membuatkan aplikasi mudah alih ini menarik. Di antara contoh aplikasi mudah alih ini ialah:

- i) *At - Taşrif* (التصريف)



Rajah 4: Aplikasi *At - Taşrif*

Tajuk: *At - Taşrif* (التصريف)  
 Dibangunkan oleh: Haq Nawaz

Ulasan: Aplikasi ini merupakan aplikasi yang dibangunkan dengan kandungan-kandungan asas, yang mana ianya sesuai untuk digunakan pada individu yang berada di peringkat permulaan.

ii) *Al - Amsilah At - Tasbrifiyyah* (الأمثلة التصريفية)



Rajah 5: Aplikasi *Al - Amsilah At – Tasbrifiyyah*

Tajuk: *Al - Amsilah At - Tasbrifiyyah* (الأمثلة التصريفية)

Dibangunkan oleh: Ezroq Developer

Ulasan: Aplikasi ini hanya merupakan aplikasi yang diambil dari Kitab Al-Amsilah At-Tasbrifiyyah iaitu rujukan pertama untuk mengetahui perubahan suatu kata dalam ilmu *ṣarf*. Penulis kitab ini adalah KH. Ma’shum bin Ali yang mana beliau menerangkan di dalam kitab ini tentang wazan atau rumus perubahan kata dalam ilmu *ṣarf*.

iii) *Arabic Verb Conjugation*




### Rajah 7: Arabic Verb Conjugation

Tajuk: *Arabic Verb Conjugation*

Dibangunkan oleh: Assiraj Almonir

Ulasan: Aplikasi ini merupakan aplikasi konjugasi pelbagai bahasa yang bukan hanya untuk bahasa Arab semata akan tetapi mempunyai bahasa yang lain antaranya bahasa Turki, bahasa Prancis, bahasa Rusia dan bahasa Inggeris.

iv) *Arabugator I - Arabic Conjugation Game*




### Rajah 8: Arabugator I

Tajuk: *Arabugator I - Arabic Conjugation Game*

Dibangunkan oleh: Mehdi K.

Ulasan: Aplikasi ini menawarkan tiga mod untuk membantu pengguna dalam mempelajari setiap perkataan bahasa Arab. Mod yang pertama merupakan mod kajian, di mana ia bertujuan untuk mengkaji semula jadual konjugasi bagi setiap kata kerja. Seterusnya mod 'pronouns' yang terdiri daripada mencari kata ganti yang bersamaan dengan kata kerja konjugat yang telah diberikan. Dan akhir sekali, mod perbualan, di mana matlamatnya adalah untuk memilih bentuk konjugasi yang betul mengikut kata ganti, pengguna juga boleh masuk secara manual untuk menjadikan permainan lebih mencabar.

v) *Alfiel – Arabic Verb Conjugator*



Rajah 9: *Alfiel – Arabic Verb Conjugator*



Tajuk: *Alfiel – Arabic Verb Conjugator*

Dibangunkan oleh: Shachar Har-Shuv

Ulasan: Aplikasi ini mengkehendaki pengguna untuk memasukkan perkataan yang mereka perlukan, serta boleh memilih mengikut kata ganti dan juga *fi'el* mengikut *fi'el mādī*, *mudārī* dan *amr* nya.





### Analisis Aplikasi Mudah Alih

Aplikasi	Gambar	Sumber	Kelebihan	Kekurangan
<i>Alfiel – Arabic Verb Conjugator</i>		<i>Appstore</i> <i>Dan</i> <i>Playstore</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menggunakan dua bahasa iaitu bahasa Arab dan bahasa Inggeris.</li> <li>- Warna yang bersesuaian. Mudah untuk digunakan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Terdapat hanya beberapa perkataan sahaja.</li> <li>- Maklumat tentang tasrif feil tidak lengkap.</li> </ul>
<i>Arabugator I - Arabic Conjugation Game</i>		<i>Appstore</i> <i>Dan</i> <i>Playstore</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kandungan yang menarik.</li> <li>- Tulisan yang mudah difahami.</li> <li>- Kombinasi warna yang menarik.</li> <li>- Mudah untuk digunakan.</li> <li>- Disediakan sekali bersama terjemahan bahasa Inggeris.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Susunannya tidak teratur mengikut jenis feil sohih dan mu'tal.</li> </ul>
<i>Arabic Verb Conjugation</i>		<i>Appstore</i> <i>Dan</i> <i>Playstore</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mempunyai pelbagai bahasa bukan hanya Bahasa Arab semata.</li> <li>- Kandungannya turut disertakan sekali dengan aplikasi Al-Quran. Kandungannya yang lengkap.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Susah untuk digunakan kerana susunannya yang tidak teratur.</li> <li>- Tidak mempunyai arahan bagaimana cara untuk menggunakan aplikasi tersebut.</li> </ul>

Aplikasi	Gambar	Sumber	Kelebihan	Kekurangan
<p><i>Al - Amsilah At - Tashrifyyah</i></p>		<p><i>Appstore</i> <i>Dan</i> <i>Playstore</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kandungan yang lengkap.</li> <li>- Susunan dan pembahagian yang teratur.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Hanya semata mengambil kandungan dari kitabnya sendiri.</li> <li>- Tidak mempunyai gambar.</li> </ul>
<p><i>At - Tasrif</i></p>		<p><i>Appstore</i> <i>Dan</i> <i>Playstore</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kandungan yang ringkas dan padat.</li> <li>- Mempunyai ujian yang berkaitan tasrif untuk menguji pengguna.</li> <li>- Kombinasi warna dan reka bentuk yang baik.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Jenis tulisan yang digunakan adalah tidak bersesuaian kerana ianya susah untuk dibaca.</li> <li>- Maklumat tentang tasrif fe'il tidak lengkap kerana aplikasi ini hanya menunjukkan tentang fe'il sohih salim.</li> </ul>



Medium Pembelajaran Lain

Tajuk Aplikasi	Pembagian Fi'il Mu'tal	Belajar Bahasa Arab Ilmu Sorof
	 	 
Medium	Video Animasi	Video Pendek
Sumber	Youtube <a href="https://youtu.be/yrCPeh06ufQ">https://youtu.be/yrCPeh06ufQ</a>	Youtube <a href="https://youtu.be/_t5xQNK6ypg">https://youtu.be/_t5xQNK6ypg</a>
Kelebihan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Warna dan jenis tulisan yang menarik dan mudah dibaca.</li> <li>- Penyampaian maklumat yang jelas dan mudah difahami.</li> <li>- Disertakan sekali makna perkataan Bahasa Arab.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penerangan maklumat yang jelas.</li> <li>- Penyampai maklumat turut menyebut makna setiap kalimat Bahasa Arab.</li> </ul>
Kekurangan		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Hanya menunjukkan beberapa contoh sahaja.</li> </ul>

Jadual 2: Medium Pembelajaran Lain

## Kesimpulan

Kesimpulannya, aplikasi mudah alih 'Taṣrif Al-Af'al ini memainkan peranan penting terhadap mereka yang mengambil dan belajar bahasa Arab terutamanya dalam morfologi. Justeru, aplikasi ini amat diperlukan bagi membantu mereka memahami dengan lebih mendalam lagi tentang *taṣrif fi'l*. Hasil dari kajian, pengkaji mendapati banyak video tentang *Taṣrif Al-Af'al* yang terdapat di youtube, akan tetapi bilangan aplikasi *Taṣrif Al-Af'al* yang terdapat di *appstore* adalah sedikit. Berdasarkan kajian yang telah dibuat, terdapat beberapa perbezaan pada setiap elemen dalam projek berkaitan tentang *taṣrif fi'l*. Oleh itu, pengkaji memilih medium aplikasi yang dibangunkan bagi memudahkan pelajar dan individu mempelajari *Taṣrif Al-Af'al secara maya*.

## Rujukan

- Abdul Wahab Ismail Ghani, Kamaliah Siarap & Hasrina Mustafa. (2006). Penggunaan Komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes di Pulau Pinang dalam Shakila Abdul Manan. et al., (2006). Kajian Malaysia, *Journal of Malaysian Studies*, Pulau Pinang: USM Press.
- al-Ashmuni, `Ali ibn Muhammad, 1998. Sharh al-Ashmuni `ala al-fiyat Ibn Malik. al-Qahirah : Maktabat al-nahdah al-Misriyah,
- al-Asmar, Rajiy 1997, 'al-Mu`jam al-Mufaṣṣal fi `Ilm al-Ṣarf, Beirut : Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah
- al-Rajihiy, Umdah. 2010 *al-Tatbiq al-Sarfiy*. Mesir: Dar al-Nahdhah al-Arabiyyah
- Astuti, I. P. (2011). *Aplikasi Tasbrif Istilabi pada Ilmu Sharaf dengan menggunakan metode stemmer berbasis web*. Jakarta: Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah.
- Hamid, M. F. (2017). *Implementasi Animasi dalam Pembelajaran Bahasa Arab*. Kuala Nerus: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Hulme, K. (2005). In *Introduction*. New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Husni Abdullah, Abdul Razif Zaini, Khairatul Akmar Abdul Latif, Hasanah Hj Ikhsan, Ku Fatahiyah Ku Azizan, Wan Sakiah Wan Ngah & Naqibah Mansor. 2019. *Pendidikan Abad Ke-21 Dalam Pengajaran Bahasa Arab Di Sekolah Menengah Di Malaysia: Amalan Dan Cabaran*. Bangi, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
- Ibn Jinniy, Othman. 2007 *al-Munsif*. Mesir: Mustafa al-Babiy al-Halabiy
- Ibn Manzur, Muhammad ibn Mukarram. 2005. *Lisan al-'Arab*. Bayrut : Dar Sadir
- Maáruf Miftah, 2019. Manhaj Ibn Usfur fi Taysir Ilm al-Sarf min Khilal Kitabih al-Mumti'. *Jurnal Afkar wa Afaq*. Jilid 7, Bil 1, hlm 189-200
- Md. Rashedul Islam, Md. Rofiqul Islam & Tahidul Arafhin Mazumder. (2010). Mobile Application and Its Global Impact. *International Journal of Engineering & Technology*.
- Mellow, P. (2005). *The media generation: Maximise learning by getting mobile*. Brisbane.
- Mohd Izham Mohd Hamzah & Norain Attan. (2007). Tahap Kesiediaan Guru Sains dalam Penggunaan Teknologi Maklumat Berasaskan Komputer dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Teknologi*. Skudai: UTM.
- Nik Noraini Raja Abdullah & Noor Hisham Md Nawi. (2018). Kesiediaan untuk Berubah Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah di Negeri Kelantan. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 1(2), 40-59.
- Norizan, A. R., Alakrash, H., & Sahboun, Y. (2018). English Language Teachers' Readiness For The Application Of Technology Towards Fourth Industrial. *Asia-Pacific Journal of Information Technology and Multimedia*. 7(2), 89-98.

- Norliza bt. A, Rahim, 2013, *Penggunaan Mobile Learning (M-Learning) untuk tujuan Pembelajaran Dalam kalangan Pelajar kejuruteraan UTHM*, Tesis Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Ronizam Ismail, Shahrul Niza Samsudin, Ab Wahid Sulaiman, Norzaimah Zainol dan Dina Syafini Zaid . (2016). Kajian Literatur Terhadap Aplikasi Mudah Alih Berunsurkan Islam. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 174-182.
- Sibawayh, Abu Bishr Amr bin Othman, 2009. Kitab Sibawayh, al-Kaherah: Maktabah al-Khaniji
- Siraj, M. R. (2010). a needs analysis. In *M-Learning curriculum design for secondary*. World Academy of Science, Engineering and Technology.
- A. Syakur, M. Habib. (2007). *Cara Cepat Bisa Baca Kitab Metode 33*. Yogyakarta: Idea Press.
- Traxler, J. (2007). Defining, Discussing and evaluating mobile learning. *the moving writes and having writ. International Review of Research . Open and Distance Learning*.
- Ummi Najihah Binti Mohmad Razi. 2020. *Aplikasi Mudah Alih: Taşrf Al-Afal An-Nāqishab*. Projek Tahun Akhir, Fakulti Pengajian Peraadban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Yaqut, Mahmud Sulaiman. 1999 *al-şarf al-Ta'limiy wa al-Tatbiqiy*. Kuwait: Maktabah al-Manar al-Islamiyyah
- Zoraini Wati Abas, Tina Lim, Harvinder Kaur Dharam Singh & Wei Wen Shyang. (2009). Design and Implementation of mobile learning. *The 9TH SEAAIR Annual Conference*, (pp. 439-445). Open University Malaysia (OUM).

## **BAB 22**

### **CABARAN DAKWAH TERHADAP KOMUNITI LGBT BERHIJRAH DALAM FASA PANDEMIK COVID-19**

Noor Hafizah bt Mohd Haridi<sup>1</sup>, Suriani bt Sudi<sup>1</sup>, Ahmad Munawar bin Ismail<sup>2</sup>, Zainora Daud<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

<sup>2</sup>Pusat Kajian Usuluddin & Falsafah, UKM

<sup>3</sup>Universiti Sains Islam Malaysia

#### **Pengenalan**

Dakwah adalah bahagian daripada kehidupan dan tanggung jawab setiap Muslim. Setiap gerak geri seorang Muslim sepatutnya berlandaskan atas kesedaran untuk mengamalkan Islam dan menyebarkan syiarnya di samping mendidik masyarakat dengan nilai-nilai Islam yang sebenar. Dakwah boleh dijalankan dalam pelbagai bentuk yang sesuai dengan keadaan pendakwah mahupun keadaan sasaran dakwahnya. Dakwah boleh berbentuk individu, kumpulan dan institusi. Apa pun bentuknya, namun dakwah mestilah memiliki perancangan yang teliti, matang dan rasional. (Berhanundin Abdullah, 2000).

Pandemik Covid-19 telah membawa masyarakat ke norma baharu yang mengubah persekitaran hidup pada skala besar sehingga memberi kesan kepada citra hidup manusia seharian. Daripada sekecil amalan seperti basuh tangan sehinggalah ke budaya hidup bekerja, segalanya mengalami perubahan drastik; bukan sahaja di Malaysia, bahkan di peringkat global. (<https://ww.johorkini.my/pandangan-mahasiswa-cabaran-pandemik-dan-aktivisme/>). Kita semua sedia maklum bahawa dunia hari ini sedang menghadapi cabaran yang begitu hebat akibat penularan pandemik COVID-19. Ketika kertas kerja ini ditulis seramai 193.574.742 orang yang dijangkiti virus ini, manakala 4, 154 745 telah pun meninggal dunia kerananya. Di Malaysia sahaja seramai 980.491 orang yang dijangkiti, dan menyebabkan 7,718 kematian (trt.net.tr). Dunia mengalami kesan yang amat dahsyat sama ada dari segi ekonomi mahu pun sosial. Kehidupan manusia mengalami perubahan yang amat drastik. Kita tidak lagi bebas bergerak, bahkan sebahagian daripada kita terkurung di kediaman masing-masing. Kita terpaksa melakukan penjarakan fizikal sebagai satu langkah untuk memutuskan rantai COVID19. Sekolah, universiti, pejabat, kompleks membeli-belah, restoran bahkan rumah ibadah diarahkan tutup dan tidak beroperasi seperti biasa (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020).

#### **Cabaran Dakwah**

Negara kita, malah seluruh dunia sedang berdepan dengan pandemik koronavirus (Covid-19) yang tidak diketahui bilakah ia akan berakhir. Kehidupan penghuni muka bumi ini juga telah berubah secara mendadak dalam banyak perkara termasuk rutin kehidupan mereka. Tentu sahaja ia turut mempengaruhi urusan kehidupan beragama khususnya bagi umat Islam yang mempunyai banyak aktiviti 'wajib tunai' pada setiap hari. Realitinya, kita terpaksa mengurus kehidupan masa kini dengan norma baharu. Bukan sahaja pada aspek urusan muamalah, tetapi juga melibatkan

urusan ibadah atau lebih luas lagi melibatkan urusan agama keseluruhannya. Dakwah Islamiyah dan gerakannya adalah antara yang terpaksa dipatenkan kembali supaya ia bukan sahaja mematuhi SOP yang dikeluarkan pihak berkuasa tetapi juga mestilah dilihat tidak terjejas malah lebih berkesan.

Gerakan dakwah islamiyyah sewajarnya bersifat kreatif dan pro aktif meskipun apa jua situasi yang dihadapinya. Justeru, norma baharu ini hanyalah satu cabaran daripada cabaran sepanjang zaman yang telah ditemui dan dihadapi oleh gerakan dakwah disepanjang zaman. Sejak ia digerakkan oleh Rasulullah SAW, gerakan dakwah ini tidak pernah sunyi mendepani cabaran dan halangan sepanjang perjalanannya. Namun, kemuliaan dan keunikan gerakan dakwah islamiyah ini membuatkan ia tidak pernah gagal apatah lagi berhenti daripada meneruskan tanggungjawab membawa risalah Islam kepada umat manusia. (<https://www.sinarharian.com.my/article/109444/KHAS/Pendapat/Gerakan-dakwah-norma-baharu>)

Era dakwah masa kini berhadapan dengan pelbagai cabaran dan masalah yang semakin kompleks. Hal ini berlaku disebabkan perkembangan peradaban dan kemajuan tamadun kemanusiaan dalam pelbagai aspek kehidupan. Keadaan ini tentunya berbeza jika hendak dibandingkan dengan pada zaman era pertanian dan juga era perindustrian beberapa abad yang lampau. Ternyata realiti kehidupan manusia pada masa kini lebih bersifat kebendaan dan juga lebih bersifat individualistik.

Seperti yang dinyatakan di atas, cabaran boleh ditakrifkan sebagai tugas atau keadaan yang menuntut. Untuk mengatasi situasi yang mencabar, individu perlu berusaha keras. Walaupun ini boleh menjadi sangat melelahkan, pada akhirnya individu merasakan rasa pencapaian kerana dia dapat mengatasi kesukaran. Cabaran yang dihadapi dakwah sejak daripada dahulu sehingga sekarang mempunyai kaitan yang rapat dengan masalah pendekatan. Penguasaan masyarakat Islam secara umumnya tentang pendekatan dakwah yang betul masih lagi di peringkat minima. (Abd. Ghafar bin Don, 2012)

Perlu disedari bahawa pendapat merupakan agen perubah (*agent of change*) yang perlu mempunyai visi dan misi yang jelas tidak sekadar berkait dengan wawasan yang berhubung kait dengan agama Islam tetapi juga visi yang berhubung kait dengan isu dan masalah ekonomi, politik, budaya dan lainnya yang juga berkait secara langsung dengan umat Islam untuk mengajak umat Islam ke arah kehidupan yang lebih baik serta sempurna (Ab Aziz Mohd Zin, 2001). Istilah *dai* digunakan pakai untuk merujuk kepada orang yang berdakwah atau orang yang menyebarkan agama Islam. Abdullah Hassan (2001) berpendapat bahawa *dai* bermaksud, mengajak dan mengundang manusia kepada agama Allah, dengan maksud agar manusia beriman dan melaksanakan ajaran-ajaran agama. *Dai* juga sebagai teladan dari segi akhlak dan moral masyarakat sekeliling dan sekali gus dituntut lebih berkualiti serta mampu menterjemah dan mentafsir hal-hal yang berkaitan dengan dakwah Islamiah dalam kalangan masyarakat. Selaras dengan keperluan dan tuntutan umat seluruhnya, *dai* tidak hanya berfokus kepada isu-isu agama semata tetapi diharapkan juga *dai* mampu untuk menjawab serta membimbing masyarakat terhadap perkara-perkara dan masalah yang dihadapi oleh masyarakat sekeliling dalam suasana semasa.

Pada asasnya Islam merupakan agama dakwah, iaitu agama yang mengajar dan membimbing penganutnya tentang kebenaran dan kebaikan untuk diamalkan dalam seluruh kehidupan merangkumi kehidupan bermasyarakat, sama ada masyarakat pluralistik, multi etnik ataupun homogenetik. Selain dari itu juga, dakwah Islamiah merupakan satu kewajipan yang perlu

dilaksanakan oleh setiap individu Muslim dalam kehidupan seharian berdasarkan kemampuan diri masing-masing.

Perlu ditegaskan juga dalam konteks dakwah Islamiah, sesuatu strategi atau rancangan yang baik itu tidak dapat dilaksanakan dengan baik dan cemerlang jika para pelaksananya tidak mempunyai keupayaan atau kemampuan yang boleh memenuhi keperluan tersebut. (Zulkiple Abdul Ghani, 2003) pula berpendapat, dai merupakan perencana atau pengelola dakwah yang dapat disebut sebagai pelaksana dakwah dan dai juga mempunyai peranan yang besar dalam memastikan keberhasilan dalam pelaksanaan usaha dakwah yang dilaksanakan. (Zulkiple Abdul Ghani, 2003)

Sehubungan dengan itu perkembangan dan kemajuan dakwah Islamiah perlu sentiasa selaras dengan perkembangan dan kemajuan masyarakat yang ada di sekelilingnya. Ini bermaksud segala aktiviti, program dan pendekatan dakwah Islamiah perlu mengikut perkembangan dan kemajuan masyarakat. Tidak dapat dinafikan bahawa ada kalanya aktiviti atau program dakwah Islamiah yang dijalankan tidak memenuhi keperluan dan kesesuaian suasana keadaan sesebuah atau kelompok masyarakat. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa dakwah Islamiah belum dijadikan model atau panduan oleh masyarakat dalam menghadapi perubahan yang berlaku dalam kehidupan mereka pada hari ini.

Nasruddin yang juga Pengerusi MAIM berkata, cabaran dan halangan dalam dakwah adalah satu realiti yang perlu dihadapi oleh pendakwah. Katanya, perkara itu sudah berlaku sejak di zaman Nabi Muhammad SAW lagi ketika menyebarkan agama Islam. "Halangan dan cabaran dakwah sememangnya akan berlaku sepanjang zaman. Dakwah bukan berjalan pada landasan selesa, sejak digerakkan Nabi Muhamad ada saja halangan dan cabaran." Jika kita meneliti sejarah, sampai ke hari ini, cabaran dan rintangan sentiasa ada dan tidak pernah berhenti termasuk cabaran menghadapi wabak taun, cacar dan selesama burung."

### **Definisi LGBT**

Lesbian, Gay, Bisexual, dan Transgender atau akronimnya sebagai LGBT ini juga dianggap sebagai satu penyakit mental, kerana telah melawan fitrah. Fitrah kehidupan manusia yang normal ialah hidup berpasangpasangan. Sebagaimana telah diciptakan oleh Allah SWT, lelaki pasangannya adalah perempuan, begitu juga dengan haiwan, jantan pasangannya adalah betina, baik pasangannya jahat, cantik pasangannya ialah huduh. Kesimpulannya, setiap makhluk yang diciptakan oleh Allah SWT di muka bumi ini berpasang-pasangan. Ini adalah fitrah setiap ciptaan Yang Maha Esa. Dalam Rahardjo dan Murtagh Permasalahan kecelaruan seksual dan jantina, yang merujuk kepada komuniti Lesbian, Gay, Bisexual, dan Transgender (LGBT) bukan merupakan isu baru. Sebaliknya, Allah swt telah menjelaskan tentang permasalahan homoseksual yang berlaku di kalangan umat Nabi Luth as Perbuatan homoseksual tersebut jelas merupakan perkara yang keji sebagaimana firmanNya pada ayat 80-84, Surah al-A"raf.

Definisi LGBT dalam Marbawi dan Tim Encyclopedia adalah singkatan bagi lesbian, gay, bisexual dan transeksual (Idris Marbawi, 2006) Dalam Mastuti, sesetengah pihak menambah akronim ini kepada LGBTIQ, di mana I untuk intersex dan Q untuk queer (Mastuti, 2012). Menurut *Blanch Consulting* dalam Mastuti dan Perry, lesbian didefinisikan sebagai seorang perempuan yang tertarik secara emosional, seksual, fizikal terhadap perempuan lain (Perry N. Halkitis, 2009). Ia juga bermaksud hubungan songsang dan luar tabie'e diantara wanita dan wanita. Di Malaysia, perbuatan ini dianggap sebagai salah satu kesalahan jenayah yang boleh dikenakan hukuman yang setimpal dengan perbuatan tersebut. Jika di dalam Islam, lesbian ini lebih dikenali

dengan panggilan *musabaqah*. Dalam Evans, Gay dikenali sebagai homoseksual didefinisikan sebagai golongan lelaki yang mempunyai tarikan seksual terhadap kaum sejenisnya. Gay juga membawa pengertian yang lebih kurang sama dengan lesbian iaitu hubungan songsang dan luar. Transeksual atau Mukhannath ialah seseorang lelaki atau perempuan yang berperasaan dan berpenampilan sebagai anggota jantina yang satu lagi, dan kadangkadang menukar organ jantintanya melalui pembedahan. Secara umumnya, semua takrifan mengenai LGBT adalah berkaitan dengan amalan homoseksual. Manakala golongan transeksual perlu dilihat secara berasingan berdasarkan situasi tertentu seperti khuntha, mak nyah, dan pengkid. Sebutan penuh "LGBT" adalah merujuk kepada Gerakan Homoseksual yang mendedahkan mereka kepada masalah pelacuran/homoseksualiti dan jangkitan HIV/AIDS, sifilis dan sebagainya. *tabi'e*, akan tetapi gejala gay ini dipraktikkan diantara lelaki dan lelaki (Evans, 2007). Istilah gay juga telah diperbaharui dalam kelompok mereka dengan *man sex with man* (MSM). Biseksual bermaksud amalan persetubuhan bebas antara pasangan lelaki dan perempuan. Dalam Hamdi, pasangan yang dinyatakan di sini termasuklah pasangan yang mengamalkan persetubuhan semasa sebelum berkahwin dan semasa sudah berkahwin juga iaitu dengan menukar pasangan berkahwin dengan orang lain (Hamdi, 2010).

Di Malaysia, istilah LGBT telah mula digunakan secara meluas pada era 90-an. Pergerakan mereka bertujuan untuk mendapatkan hak-hak kumpulan yang memperjuangkan homoseksual iaitu individu yang tertarik atau mempunyai kecenderungan seksual terhadap jantina yang sama. Oleh kerana bertentangan dengan orientasi seks yang normal, LGBT adalah kumpulan minoriti dalam masyarakat. Walaupun begitu, kumpulan ini giat mempromosikan dan menzahirkan diri mereka dalam usaha untuk menuntut hak-hak yang sewajarnya dalam kehidupan sosial. Senario dalam kehidupan masyarakat moden juga memperlihatkan bahawa mereka yang menyokong pergerakan menuntut hak-hak homoseksual adalah mereka yang diiktiraf sebagai pejuang hak asasi manusia dan sebaliknya. Oleh yang demikian, Ambiga Sreevanasan, seorang yang telah mendedikasikan hidupnya untuk memperjuangkan hak asasi manusia dan hak LGBT di Malaysia telah berjaya meraih penghormatan dan menerima penghargaan dari berbagai pihak di peringkat antarabangsa. Beliau telah menerima anugerah *International Women of Courage* pada tahun 2009 oleh kerajaan Amerika, dan anugerah tertinggi Perancis, *Chevalier de Legion d'Honneur* (Knight of the Legion of Honour) daripada kerajaan Perancis.

### **LGBT Berhijrah**

Naratif masyarakat di Malaysia pada hari ini melihat gejala LGBT (lesbian, gay, biseksual dan transeksual) sebagai sesuatu yang menjijikkan dan merosakkan serta memberi impak kepada individu mahupun masyarakat. Stigma umum, gejala lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) ini perosak kepada masyarakat, menjadi punca mengapa golongan yang sudah bergelumang dengan gejala terbabit sering terasa dipinggirkan. Kritikan negatif dan pandangan serong masyarakat terhadap golongan itu, menyukarkan lagi kumpulan LGBT untuk dipulihkan, selain faktor kurangnya kefahaman agama dan penerapan kasih sayang dalam institusi kekeluargaan. Lebih memburukkan keadaan apabila ada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berselindung di sebalik suara hak asasi manusia, mempromosikan secara terbuka budaya ini dengan mempengaruhi LGBT kononnya mereka dilindungi undang-undang.

LGBT berhijrah merujuk individu yang terlibat dengan cara hidup songsang atau luar *tabi'e* kembali mengamalkan cara hidup berlandaskan syariat. Komuniti ini lebih dikenali sebagai komuniti disayangi. Di Malaysia jelasnya. Isu berkaitan komuniti berhijrah ini dipandang secara serius bermula tahun 2011 oleh pihak JAKIM dengan usaha yang dibuat dengan memperkenalkan modul bimbingan, sokongan dan pemulihan yang menumpukan usaha memulihkan golongan ini, selain mendedahkan mereka pada program keagamaan dan rekreasi.

Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti JAKIM, Zakuan Sawai memberi tunjuk ajar kepada golongan mak nyah membaca surah Yassin. "Malah, apa yang lebih mengejutkan, ada antara mereka mempunyai pengetahuan agama dan al-Quran yang baik sehinggakan mereka pula kemudiannya mampu menjadi pembimbing atau naqib kepada rakan mereka". Program Mukhyyam berbentuk perkhemahan tiga hari dua malam untuk golongan itu, diadakan lapan kali setahun. Ia mula diperkenalkan JAKIM pada tahun 2011, membabitkan kerjasama agensi itu dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), sehingga kini berjaya menarik lebih 500 peserta. Selain program keagamaan yang memberi kesedaran dan muhasabah diri, Mukhyyam juga memberi peluang kepada peserta melakukan aktiviti lasak seperti 'flying fox', snorkling, jungle trekking, berenang, sukan bola sepak dan sepak takraw. Bagaimanapun, semua aktiviti pengisian rohani tetap menjadi asas utama program seperti kelas Fardu Ain, kelas bacaan al-Quran, program penghayatan Islam dan ceramah motivasi diri. Oleh kerana itu, JAKIM sejak 2011 telah memperkenalkan modul bimbingan, sokongan dan pemulihan yang menumpukan usaha memulihkan golongan ini, selain mendedahkan mereka pada program keagamaan dan rekreasi. Sepanjang pelaksanaan program, kata Zakuan, peserta paling ramai adalah gay dan Mak Nyah. Kurang sambutan diterima daripada golongan lesbian. Mereka memilih untuk 'bersembunyi' dan mengelak, kata Zakuan. (<https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/07/69741/program-mukhyyam-pulih-golongan-lgb/>)

Usaha dakwah terhadap komuniti LGBT mahupun komuniti LGBT berhijrah mestilah dilakukan secara berterusan dan sentiap individu memainkan peranan dalam membantu komuniti ini kembali ke pangkal jalan serta istiqamah dalam penghijrahan. Kejayaan golongan Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender (LGBT) untuk berubah memerlukan sokongan daripada pelbagai pihak. Bukan sahaja keluarga, yang diharap membantu dan tidak menyisihkan, begitu juga masyarakat, yang bagi mereka lebih banyak menghukum dan menghina daripada cuba untuk memahami masalah mereka. Lazimnya, hanya mereka yang pernah terjerumus ke lembah yang sama, bersungguh-sungguh menghulurkan bantuan dengan matlamat, membawa mereka keluar daripada dunia 'gelap' itu seterusnya menikmati kehidupan yang lebih bermakna.

Mengikut fatwa negeri Selangor yang diwartakan pada 7 Jun 2012, LGBT termasuk dalam kategori asnaf riqab. Golongan itu dibantu untuk dipulihkan dengan menggunakan wang zakat asnaf riqab daripada Lembaga Zakat Selangor. Justeru, pihak MAIS melalui Sektor Pembangunan Sosial, Bahagian Pemulihan Riqab melaksanakan tanggungjawab terhadap golongan LGBT berkenaan berdasarkan visi utama iaitu 'Membangunkan asnaf al-riqab ke arah mendapatkan kerediaan ALLAH'. Pelbagai program dilaksanakan oleh MAIS melibatkan kerjasama pelbagai pihak termasuklah agensi-agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan agensi agama. Tujuannya bukan sekadar memberikan perlindungan atau pemulihan, tetapi juga menyampaikan dakwah dan ilmu Islam kepada golongan berkenaan (<https://www.mais.gov.my/wp-content/uploads/2020/06/Artikel-Khas-Bil.17.2019-Santuni-Golongan-Asnaf-Riqab.pdf>)

Usaha dakwah terhadap komuniti LGBT jelsanya bukan sahaja dimainkan oleh pihak kerajaan melalui JAKIM atau Jabatan Agama Islam Negeri. Malah, usaha dakwah terhadap komuniti LGBT turut dilaksanakan oleh badan pertubuhan bukan kerajaan yang giat menjalankan usaha dakwah dan tarbiah kepada komuniti LGBT Muslim iaitu Pertubuhan Usrah Fitrah, PINTAS, Pertubuhan Muhajirah WAFIQ, Pertubuhan Islah Movement, Persatuan Insaf Pahang, Pertubuhan Hijrah Republic Network, My Hijrah My Adventure, T-Fitrah dan sebagainya.

Membimbing komuniti LGBT kepada fitrah dengan melaksanakan pelbagai program untuk mereka bertujuan untuk membantu mereka memperbaiki diri. Kita juga cuba untuk



menjadikan mereka sebagai pendakwah selepas mereka berubah bagi membolehkan mereka menarik lebih ramai dalam kalangan mereka untuk sama-sama berhijrah,” katanya.

### **Cabaran Dakwah LGBT Berhijrah dalam Fasa Pandemik Covid-19**

Pandemik Covid-19 telah membawa masyarakat ke norma baharu yang mengubah persekitaran hidup pada skala besar sehingga memberi kesan kepada citra hidup manusia seharian. Daripada sekecil amalan seperti basuh tangan sehinggalah ke budaya hidup bekerja, segalanya mengalami perubahan drastik; bukan sahaja di Malaysia, bahkan di peringkat global. <https://www.johorkini.my/pandangan-mahasiswa-cabaran-pandemik-dan-aktivisme/>

Dakwah Islamiah ialah usaha untuk membentuk pemikiran dan sikap manusia supaya berada di dalam satu acuan yang ditentukan oleh Allah s.w.t.. Bagi mencapai matlamat tersebut pelbagai masalah terpaksa dihadapi oleh mereka yang datang dari pelbagai pihak. Maka, yang dimaksudkan dengan masalah ialah suatu kepayahan yang lahir disebabkan oleh keadaan-keadaan tertentu.

Justeru, ‘cabaran’ yang dimaksudkan dalam perbincangan ini merujuk kepada suatu perkara yang menjadi kesukaran untuk berdepan dengannya. Memerlukan paduan kukuh aspek emosi, rohani, jasmani dan intelek untuk mendepaninya dengan apa-apa jua gaya dan pendekatan terbaik yang belum pasti memberi implikasi positif dalam usaha penyelesaiannya. Oleh hal yang demikian, apabila berhadapan dengan sesuatu masalah, elemen-elemen kesihatan dan kecerdasan minda, kebijaksanaan mentakrif suasana, kesabaran, keikhlasan, rasa tanggungjawab yang tinggi amat perlu diselaraskan dengan keutuhan iman dan taqwa bagi memastikan penghasilan cara dan pendekatan ampuh dalam usaha penyelesaian sesuatu tribulasi yang sedang dihadapi.

Dakwah terhadap komuniti LGBT mahupun komuniti LGBT berhijrah jelasnya mempunyai cabaran serta memerlukan pendekatan bersifat holistik dan komprehensif. Berdasarkan kajian awal yang telah dijalankan terdapat tiga cabaran utama yang dikenalpasti dalam fasa Pandemik covid-19 dalam dakwah komuniti LGBT berhijrah iaitu cabaran berkaitan dengan pendakwah, kaedah dakwah dan penerima dakwah.

### **Cabaran Berkaitan Pendakwah**

Pendakwah mempunyai kedudukan yang sangat penting sekali dalam agama. Pendakwah merupakan golongan yang mewarisi peranan para Nabi dan Rasul yang menyampaikan ajaran agama kepada setiap manusia dan menyeru manusia kepada Allah. Justeru itu mereka sudah semestinya lebih wajar dari orang lain dalam menghiasi diri mereka dengan akhlak Islam seperti mempunyai sifat benar, amanah, lemah-lembut, pemaaf, tawaduk, memudahkan, mulia dan pemurah. Disamping itu mereka harus menjauhkan diri dari sifat bohong, munafiq, pemarah, sombong, megah, bakhil dan kedekut (Abdullah Nasih Ulwan, 1988:6). Pendakwah yang beramal dengan akhlak Islami ini akan membawa pengaruh yang sangat besar dalam perubahan yang dikehendaki dan mendapat penghormatan yang tinggi dalam masyarakat.

Sebagai pendakwah, tugas menyampaikan dakwah bukanlah tugas boleh yang dilaksanakan secara coviukan secara istiqamah dan ikhlas demi membantu usaha menyebarkan Islam terhadap masyarakat. Sebagai pendakwah khususnya yang terlibat dalam usaha dakwah terhadap komuniti LGBT mestilah mempunyai perancangan yang telioviti serta menguasai teknik berdakwah terhadap komuniti tersebut. Justeru, kumpulan khusus dianggotai pendakwah berkelayakan perlu ditubuhkan dalam usaha menangani penularan golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) di negara ini, termasuk dalam kalangan remaja Islam. Ini penting demi memastikan teknik

penyampaian digunakan pendakwah khususnya ketika berdepan golongan LGBT mampu memberi kesan secara lebih menyeluruh kepada golongan sasaran. (<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2018/04/411066/pendakwah-khusus-tangani-lgbt>).

Sebagai pendakwah fasa Pandemik covid-19 tidak dijadikan sebagai halangan malah fasa ini diambil sebagai peluang untuk memantapkan serta menggiatkan lagi usaha dakwah terhadap komuniti. LGBT khususnya komuniti LGBT berhijrah. Pendakwah juga tidak perlu panik dan 'kalut' dengan pengisytiharaan darurat, sebaliknya menjadikan ia satu kesempatan untuk meneruskan dakwah. Pada waktu seperti ini, di saat ramai yang kesempitan mereka perlukan dakwah ini bagi pengisian jiwa dan kumpulan ini perlukan bimbingan. Pemulihan bagi LGBT ini tidak boleh dilakukan secara bidan terjun dan sembarangan kerana bukan semua golongan agama mampu mengendalikannya. Ciri paling penting mereka mampu menerimanya sebagai sasaran dakwah. (<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/781331/jangan-hentikan-dakwah-dalam-darurat-pandemik-covid-19>).

Al-Mawdudi pula menggariskan beberapa sifat persiapan pendakwah, antaranya ialah sifat sabar. Sifat ini perlu dipelajari melalui Al-Quran dan ucapan Nabi Muhammad SAW. Sifat sabar yang perlu ada kepada pendakwah antaranya ialah sifat teliti, tidak tergapoh-gapah dalam semua tindakan, mempunyai tekad yang kuat, tidak bersifat pesimis atau berputus asa, mempunyai pendirian yang teguh dan selalu memelihara keseimbangan antara akal dan emosi dimana akal akan tetap mengawal emosi bukan sebaliknya. Persiapan yang kedua ialah pendakwah mesti mempunyai sifat sedia memberi pertolongan dan bersedia berkorban masa, tenaga, fikiran dan harta. Persiapan yang ketiga ialah pendakwah harus mempunyai perasaan cinta kepada perjuangan dan memiliki semangat yang tinggi dalam mencapai tujuan dan keempat ialah pendakwah harus menyediakan diri untuk terus bekerja terus-menerus secara teratur dan berkesinambungan (Lihat Al-Mawdudi, 1982:47-54).

### **Cabaran Berkaitan dengan Kaedah Dakwah**

Metodologi berasal dari perkataan metode. Metode bererti cara melakukan sesuatu atau sistem. Terdapat beberapa perkataan dalam Bahasa Arab yang sangat dekat dengan pengertiannya dengan metode iaitu *uslūb*, *manhaj* serta *wasīlah*. Berdasarkan pengertian-pengertian tersebut, metodologi dakwah itu bererti ilmu yang bersifat kajian dan sistematik mengenai cara dakwah, atau dengan ringkas disebut ilmu atau kajian tentang cara dakwah. Ia juga boleh diertikan sebagai sains cara dakwah atau kajian cara dakwah. (Ab.Aziz Mohd Zin, 2001).

Oleh itu, dalam mendepani LGBT dan membawa mereka kembali kepada fitrah, pendakwah seharusnya dapat memilih metode yang sesuai agar matlamat dakwah tercapai. Di Malaysia, terdapat institusi dakwah peringkat kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri seperti yang dikenali MAIS Negeri seperti MAIS, JAHEINS, JAIP serta pertubuhan badan bukan kerajaan seperti Usrah Fitrah, PINTAS, INSAF dan sebagainya berusaha dalam dakwah terhadap komuniti LGBT.

Terdapat beberapa pendekatan yang dikenalpasti boleh digunakan dalam usaha dakwah terhadap komuniti LGBT. Antaranya ialah metodologi dakwah *bi al-ḥāl*, metodologi dakwah melalui hiburan, metodologi dakwah melalui pembinaan sosial dan metodologi dakwah melalui pembangunan sahsiah. Tidak dapat dinafikan, fasa Pandemik covid-19 memerlukan pendakwah lebih kreatif dan proaktif dalam berdakwah terhadap komuniti LGBT. Komuniti LGBT khususnya bagi individu yang telah berhijrah mestilah dibantu dengan memberikan penerapan akidah dan

mengamalkan cara hidup yang berlandaskan Islam. Kejayaan golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) untuk berubah memerlukan sokongan daripada pelbagai pihak. Lazimnya, hanya mereka yang pernah terjerumus ke lembah yang sama, bersungguh-sungguh menghulurkan bantuan dengan matlamat, membawa mereka keluar daripada dunia 'gelap' itu seterusnya menikmati kehidupan yang lebih bermakna. (<https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/07/69545/bekas-lgbt-bantu-rakan-kembali-ke-pangkal-jalan>).

Fasa Pandemik covid-19 juga memaksa pendakwah menjadikan media sosial sebagai platform menyampaikan dakwah. Masyarakat digital wujud sebagai bentuk dari "pe-label-an". Formasi sosial baru yang merupakan kesan perkembangan teknologi komunikasi. Masyarakat digital bergantung pada computer mediated communication (CMC), seperti instagram, twitter, facebook, email, blog, vlog, youtube, dan lainnya, dalam menumpahkan berbagi pemikiran atau informasi secara instan yang tidak lagi dibatasi jarak, ruang, dan waktu. Masyarakat digital hari ini bertindak sebagai penyampai dan penerima maklumat secara tidak langsung medium percambahan ilmusecara tidak langsung medium percambahan ilmu.

Disamping metodologi di atas, dakwah yang berkesan adalah dakwah yang disertai dengan budi pekerti yang tinggi. Berapa banyak pendakwah yang bijak menyeru kepada kebenaran dan kemuliaan, tetapi orang tidak menghiraukannya, kerana orang tersebut tidak memenuhi tuntutan sifat-sifat terpuji. Setiap orang yang ingin membaiki kerosakan orang lain, dia mestilah terlebih dahulu menjadi contoh ikutan kepada orang lain. Rasulullah s.a.w. menyeru manusia mula-mula sekali ialah dengan budi pekertinya sebelum menyeru mereka dengan kata-katanya. Budi pekerti baginda yang dipuji Allah, antara lain ialah bersikap lemah lembut, tidak marah, sabar, memaafkan orang yang bersifat kasar terhadapnya, tidak menghalakan kata-kata secara lansung kepada orang yang hendak ditegurnya selagi baginda merasa tujuan itu berhaasil dengan menggunakan kata-kata umum. (Wan Hussein Azmi, 1988:85-86)

### **Cabaran Berkaitan dengan Penerima Dakwah**

Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) Dr Mohd Izwan Md Yusof berkata Seramai 1,700 peserta daripada golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) sudah menyertai program Mukhayyam sehingga 31 April 2021 lalu yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim). Program ini adalah platform yang diwujudkan khusus untuk menyantuni golongan berkenaan sekali gus memberi pendedahan kepada kebenaran. Apa yang membanggakan kita lagi, kini sudah terdapat sebanyak 12 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Komuniti Hijrah dalam kalangan bekas peserta yang pernah mengikuti program Mukhayyam dan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri. Komuniti ini melaksanakan kelas pengajian al-Quran dan usrah sebagai kumpulan sokongan kepada komuniti untuk mendapatkan bimbingan agama yang dibimbing oleh pegawai agama dari Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri. Beliau berkata, program Mukhayyam adalah program bimbingan kepada golongan LGBT agar berusaha menjalani kehidupan fitrah yang diajar di dalam Islam.

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Sektor Pembangunan Sosial, Bahagian Pemulihan al-Riqab telah membantu memulihkan seramai 497 orang terdiri daripada golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) yang ingin kembali ke pangkal jalan pada tahun lalu. Setiausaha MAIS, Dr Ahmad Shahir Makhtar berkata, pihaknya sentiasa bertindak secara proaktif dalam memulihkan dan memerdekakan golongan LGBT. Menurutnya, golongan itu termasuk dalam golongan asnaf al-Riqab seperti yang dinyatakan dalam 'Fatwa Jenis Penerima

Asnaf Al-Riqab Negeri Selangor Dan Apa-Apa yang Berkaitan Dengannya' yang diwartakan pada 7 Jun 2012.

Kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak JAKIM dan MAIS jelas menunjukkan bahawa pihak kerajaan benar-benar serius dalam usaha menangani gejala LGBT dari terus berleluasa. Usaha dakwah ini mestilah dipandang secara serius agar komuniti LGBT yang telah berhijrah benar-benar istiqamah dalam melaksanakan cara hidup bersyariat dan meninggalkan sepenuhnya cara hidup terdahulu yang bercanggah dengan cara hidup Islam. Berdasarkan kajian awal yang dijalankan mendapati terdapat komuniti LGBT berhijrah kembali menjalankan kegiatan haram mereka seperti pengambilan dadah, arak, sek worker dan sebagainya. Komuniti LGBT berhijrah kembali kepada kehidupan asal ata desakan dan kesempitan kehidupan dalam fasa Pandemik covid-19. Tidak kurang juga, terdapat komuniti yang benar-benar berhijrah serta membantu usaha dakwah terhadap komuniti tidak diberikan alau ataupun bantuan sara hidup dalam fasa Pandemik. Keadaan ini secara tidak langsung memberi kesan terhadap usaha dakwah mereka. Sebagai individu yang bertanggungjawab dalam persatuan menda kebajipatkan ahli, mereka berusaha mendapatkan dana dari bantuan orang ramai. Melihat kepada keadaan ini, adalah disarankan kepada pihak-pihak kepada pihak-pihak khususnya Jabatan Agama Islam lebih cakna dalam menangani isu ini disamping memberikan bantuan terhadap komuniti LGBT yang berhijrah yang komited dalam membantu usaha dakwah terhadap komuniti. (temubual).

Oleh kerana kelas pengajian agama dan fardhu ain dilaksanakan atas talian, terdapat juga komuniti yang tidak dapat menyertai kelas atas faktor capaian internet, top up dan sebagainya. Kajian awal mendapati kehadiran secara bersemuka lebih baik berbanding kehadiran peserta secara tidak bersemuka. Jika sebelum ini alau diberikan kepada peserta yang mengikuti program yang diadakan. Namun, atas faktor covid-19 program-program seperti zirah, zirah ilmiah, program jaulah, penghayatan agama dan sebagainya tidak dapat dilaksanakan sebagaimana yang telah dirancang. Keadaan ini secara tidak langsung memberi kesan terhadap bimbingan berterusan terhadap komuniti. (temubual)

### **Kesimpulan**

Sebagai komuniti LGBT berhijrah pelbagai masalah dan cabaran yang dihadapi. Cabaran dan masalah yang lumrah dihadapi oleh komuniti LGBT berhijrah ini sekiranya tidak ditangani dengan hikmah ianya akan membenihkan satu keadaan yang tidak baik sehingga mampu untuk memesongkan kembali golongan ini kepada cara hidup asal mereka. Jalan penyelesaian Islam merupakan satu-satunya jalan penyelesaian yang terbina di atas asas mengetahui tentang hakikat manusia dan mengiktiraf reality dan fitrah yang ada padanya. Oleh itu ia mengiktiraf kewujudan unsur maknawi yang ada di dalam tubuh badan manusia iaitu hati atau roh atau naluri. Islam berusaha untuk memenuhi keperluannya dan menyempurnakan tuntutannya dengan mengingati Allah SWT, bersyukur kepadaNya, melakukan ibadah yang sempurna terhadapnya dan mempersediakannya untuk kehidupan yang kekal abadi.

### **Penghargaan**

Artikel ini merupakan sebahagian hasil penyelidikan yang dijalankan di bawah dana FRGS/1/2019/SS06/KUIS/03/2, FRGS 2019-1

### **Rujukan**

( [https:// ww.Johorkini. my/ pandangan-mahasiswa-cabaran-pandemik-dan-aktivisme/](https://ww.Johorkini.my/pandangan-mahasiswa-cabaran-pandemik-dan-aktivisme/))

- (<https://www.sinarharian.com.my/article/109444/KHAS/Pendapat/Gerakan-dakwah-norma-baharu>(<https://www.johorkini.my/pandangan-mahasiswa-cabaran-pandemik-dan-aktivisme/>)  
Ab.Aziz Mohd Zin.(2001). Metodologi Dakwah. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Awang, N. N., & Muhamat, R. (2020). Pendekatan Dakwah Melalui Usrah kepada Golongan Lesbian [Approach of Dakwah through Usrah to Lesbians]. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080), 3(1),
- Berhanudin Abdullah (2000),” Pentadbiran Organisasi Dakwah” dalam Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia Konsep dan Pelaksanaan, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ghani, Z. A., Ramly, R. M., Jailani, M. R. M., & Khalid, M. Y. (2012). Kepimpinan dan Pengurusan: Dakwah, Media dan Ilmu.
- Haridi, N. H. B. M. (2016). Kumpulan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) ancaman terhadap keamanan dan keharmonian beragama di Malaysia. *Islam Realitas: Journal of Islamic and Social Studies*, 2(2)
- Haridi, N. H., Abd Rahman, K. A., & Wazir, R. (2016). Metodologi Dakwah Terhadap Golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT). *Jurnal Pengajian Islam*, 9(2)
- Hassan Hamzah. 1996. Kamus Melayu Global. Shah Alam : Piramid Perdana (M) Sdn. Bhd.  
<https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/07/69545/bekas-lgbt-bantu-rakan-kembali-ke-pangkal-jalan>  
<https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/07/69741/program-mukhayyam-pulih-golongan-lgb/>  
<https://www.sinarharian.com.my/article/93685/EDISI/Selangor-KL/497-LGBT-insaf-dipulihkan-MAIS>
- Jodi, K. H. M., & Haridi, N. H. M. (2018, November). Cabaran dan Pendekatan Dakwah Golongan LGBT: Satu Kajian di Pertubuhan Usrah Fitrah. In International Seminar on Human Development (Is-Hud'18) (Vol. 22).
- Kamal Azmi Abd. Rahman et al. (2015). Profil Masyarakat Melayu Malaysia di Media Sosial yang Mempromosikan LGBT. Isu-Isu Semasa Media dan Dakwah. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007). Edisi keempat. Kuala Lumpur.  
Lesbian and Gay Psychology: New Perspectives, Adrian Coyle (Editor), Celia Kitzinger
- Miskawayh. (1966). Tahdhib al-Akhlāq. Beirut.  
Mohamad, N., Majid, M. A., & Nasir, B. M. (2018). Pendekatan Dakwah dalam Kaedah Pengajaran Kepada Muallaf. *Wardah*, 19(01)
- Mohd. Kamil b. Hj Abd.Majid.(1988). Cabaran Umat Dewasa Ini: Suatu Penyelesaian Menurut Islam. Kuala Lumpur : Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya.
- Muhammad Idris Abdul Rauf Marbawi. (2006). Kamus Idris Marbawi Arab- Melayu. Kuala Lumpur:Darul Fikir.
- Perry N. Halkitis et.al, The Meanings and The Manifestations of Religion and Spirituality Among Lesbain, Bisexual and Transgender, *Journal Adult Development* 16(2), (2009).
- Temubual bersama komuniti LGBT berhijrah
- Zin, A. A. M. (2001). Kaunseling Dakwah: Suatu Pengenalan Konsep. *Jurnal Usuluddin*, 13

## BAB 23

### PERANAN PENDAKWAH DALAM MENDEPANI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) SEMASA PANDEMIK COVID-19

Nur Uswah Ahmad Fauzi,<sup>1</sup> Muhammad Syakir Sulaiman,<sup>1</sup>

<sup>1</sup>.Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

#### Pendahuluan

Negara Malaysia telah berdepan dengan kes pertama *novel coronavirus* 2019 (COVID-19) atau dikenali sebagai 2019-nCoV pada 25 Januari 2020 melibatkan tiga warga China yang masuk ke Malaysia melalui Johor dari Singapura pada 23 Januari 2020. Pertambahan bilangan kes positif daripada dua angka kepada tiga angka bermula 15 Mac 2020 iaitu 190 kes berbanding 41 kes sebelumnya mendatangkan kebimbangan sekiranya tiada tindakan pencegahan yang dibuat. Susulan daripada itu, pada 16 Mac 2020, Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk semua negeri di Malaysia bertujuan membendung jangkitan penularan wabak merbahaya dan berpotensi menyebabkan kematian ini dapat diputuskan (Jabatan Perangkaan Negara, 2020). Langkah ini menampakkan hasil pengurangan jangkitan dan ramai pesakit dapat diselamatkan malah dikatakan stabil dan berjaya. Namun keadaan ini tidak kekal apabila kes meningkat kepada empat angka dan PKP 2.0 telah diwartakan pada 13 Januari 2021 kepada enam negeri seperti Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan, Johor, Melaka dan Sabah. Akhirnya, pada 11 Jun 2021, Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan pelaksanaan PKP 3.0 di seluruh Malaysia (KKM, 2021).

Pelaksanaan PKP telah memberi kesan kepada 33.8 juta penduduk Malaysia bukan sahaja kepada aspek ekonomi negara malah mendatangkan impak terhadap aspek kehidupan sosial penduduk seperti hilang pekerjaan, pemotongan gaji, tekanan mental dan emosi, penderaan, perceraian, bunuh diri dan terputus bekalan makanan (Jabatan Perangkaan Negara, 2020). Berdasarkan arahan Bekerja dari Rumah (BDR) yang dikeluarkan, pergerakan seluruh masyarakat menjadi amat terbatas. Malah, bilangan umat Islam yang dibenarkan menunaikan solat fardhu, solat Jumaat, solat tarawih dan solat Hari Raya secara berjemaah di masjid-masjid sangat terhad. Secara umumnya, pelaksanaan PKP ini telah mewujudkan kebimbangan, kekhuatiran dan ketakutan yang melampau (*panic*) bagi sesetengah individu untuk menerima ujian dan ketetapan daripada Allah swt. Oleh itu, keperluan terhadap panduan dan pengisian jiwa kelompok masyarakat menyebabkan pendakwah tidak boleh berhenti menyampaikan dakwah hanya disebabkan sekatan kawalan pergerakan sebaliknya menjadikan situasi ini satu peluang untuk meneruskan dakwah.

Dalam suasana begini, halangan dan cabaran dakwah sememangnya berlaku sepanjang zaman. Para pendakwah sebagai ejen agama yang selama ini peka dalam berdakwah, aktif membantu sasaran dakwah dan menyampaikan ceramah sentiasa dinanti kumpulan ini supaya tidak leka dan larut dengan keadaan dan persekitaran yang berlaku (Burhanuddin Jalal, Amnah Ismail, Sayuti Ab Ghani et.al, 2020). Justeru, intipati kandungan dakwah masa kini menuntut kepada inisiatif pendakwah terhadap penggunaan kemudahan alat teknologi dan dakwah *online* (atas talian)

yang membolehkan capaian ini lebih meluas sehingga mampu mencecah jutaan penonton. Walaupun secara fizikal kelihatan berjarak dengan sasaran dakwah namun ia menjadi medan pendakwah mempertingkatkan kualiti pendekatan dan kreativiti menerusi penguasaan teknologi supaya penyatuan pemahaman, pemikiran dan perasaan kasih sayang sesama umat terus bertaut.

## Peranan Pendakwah Mendepani Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Menurut al-Bayanuni (1995) pendakwah merupakan individu atau kumpulan yang menyampaikan, mengajar dan berusaha memastikan masyarakat berpegang teguh dengan akidah, syariat dan akhlak sehingga Islam terlaksana dalam kehidupan. Saat dunia menumpukan perhatian kepada wabak Covid-19 dan PKP dikuatkuasakan, cabaran pendakwah dalam menegakkan agama Islam terserlah apabila pendakwah tidak dapat bersemuka dengan sasaran dakwah, perlu memastikan penjarakan sosial dan pergerakan amat terbatas tidak seperti kebiasaan yang berlaku semasa penyampaian dakwah. Keadaan ini menuntut mereka untuk tetap menjalankan dakwah dengan menaruh satu keyakinan bahawa tiada keadaan yang berlaku dalam alam ini (termasuk wabak Covid-19), tanpa izin Allah swt. Oleh yang demikian, setiap pendakwah berperanan dalam masyarakat dengan pelbagai cara. Antara peranan yang boleh dimainkan oleh pendakwah sepanjang tempoh PKP ketika menghadapi Covid-19 antaranya ialah;

1. Memberi dorongan berbentuk kefahaman tentang wabak penyakit menurut pandangan Islam

Bertepatan dengan situasi yang sedang melanda, sangat penting pendakwah memainkan peranan memberi dorongan kepada *mad'u* untuk memahami wabak penyakit berdasarkan sudut pandang Islam. Amaran menghindari penyakit berjangkit telah digariskan dalam petunjuk al-Quran dan al-Sunnah. Ini sepertimana sabda Rasulullah saw;

قَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ، يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ”لَا عَدْوَى وَلَا طَيْرَةَ وَلَا هَامَةَ وَلَا صَفْرًا، وَفَرٌّ مِنَ الْمَجْدُومِ كَمَا تَفَرُّ مِنَ الْأَسَدِ“

Maksudnya:

*Kata Abu Hurairah RA berkata, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Tidak ada jangkitan penyakit, tiada ramalan buruk, tiada sial burung hantu dan tiada sial bulan Safar, dan larilah daripada pesakit kusta sebagaimana kamu lari daripada singa.”*

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Kitāb al-Tibb*, no hadis 5769]

Menurut Ahmad Sanusi (2020) tentang hadis di atas, pada awal bahagian hadis ini Rasulullah saw menyebut bahawa tidak ada penyakit yang boleh menjangkiti kecuali dengan kehendak Allah swt. Manakala, pada hujung hadis tersebut pula, Rasulullah saw mengingatkan supaya Muslim mesti menjauhi mereka yang dijangkiti penyakit kusta seperti melarikan diri daripada singa. Langkah pencegahan ini bagi mengelakkan manusia daripada ditimpa penyakit. Namun, sekiranya seseorang muslim ditimpa penyakit, dia hendaklah meyakini bahawa Allah jua yang memberikan penyakit dan penawarnya. Oleh itu, dalam berhadapan dengan Covid-19 pendakwah berperanan menjelaskan bahawa ketiadaan pengalaman menghadapi wabak ini oleh majoriti penduduk dunia menyebabkan setiap masyarakat tidak boleh bersikap mementingkan diri sendiri dan tidak mempedulikan arahan PKP. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahmad (2020), terdapat dalam kalangan masyarakat yang tiada ikhtiar untuk mengelakkan diri mereka daripada

dijangkiti wabak ini, malah melanggar perintah kerajaan. Kemudian mereka mendakwa “kami adalah orang yang bertawakal”, sedangkan mereka salah dalam memahami tawakal yang sebenar. Seseorang itu seharusnya berusaha terlebih dahulu sebelum mengakui dirinya telah bertawakal kepada Allah swt sepertimana Rasulullah saw bersabda;

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَ أَهْلُ الْيَمَنِ يَحْجُونَ وَلَا يَتَزَوَّدُونَ، وَيَقُولُونَ: نَحْنُ الْمَتَوَكِّلُونَ، فَإِذَا قَدِمُوا مَكَّةَ سَأَلُوا النَّاسَ، فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى: {وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى} [البقرة: 197].

Maksudnya:

*Daripada Ibn Abbas RA berkata: Sesungguhnya ahli Yaman datang menunaikan haji dan mereka tidak membawa sebarang bekalan. Lalu mereka berkata: Kami adalah orang-orang yang bertawakal. Kemudian apabila mereka tiba di Mekah, mereka meminta-minta daripada manusia di sana. Lalu Allah menurunkan ayat: Dan sediakanlah bekalan maka sebaik-baik bekalan adalah taqwa.*

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, kitab al-Ḥajj, bab Qawl Allah Ta‘ālā: wa Taẓammadū fa’inn Khayr al-Zād al-Taqwā, no. hadis 1451]

Para ulama Islam juga telah menggariskan beberapa panduan amalan pencegahan penularan pandemik. Berdasarkan hasil sorotan kajian Mohd Sophian, Mohd Arif & Najah Nadiah (2021) mendapati fokus utama kajian yang telah dijalankan oleh sarjana Islam antaranya amalan pencegahan secara fizikal. Amalan cara hidup dan pencegahan diri yang diajarkan oleh Rasulullah saw sejak 1400 tahun yang lalu masih relevan sehingga abad-21 ini (Aisha 2009). Sebagai contoh amalan menutup makanan pada waktu malam untuk menghindari wabak sebagaimana dalam hadis Rasulullah saw;

رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: ”غَطُّوا الْإِنَاءَ وَأَوْكُوا السِّمَاءَ فَإِنَّ فِي السَّنَةِ لَيْلَةً يَنْزِلُ فِيهَا وَبَاءٌ لَا يَمُرُّ بِإِنَاءٍ لَيْسَ عَلَيْهِ غِطَاءٌ أَوْ سِقَاءٌ لَيْسَ عَلَيْهِ وَكَاءٌ إِلَّا نَزَلَ فِيهِ مِنْ ذَلِكَ الْوَبَاءِ“

Maksudnya:

*Rasulullah saw bersabda Tutuplah bejana dan tutuplah tempayan kerana pada suatu malam dalam setahun penyakit menular berjangkit. Setiap bejana atau tempayan yang didapatinya tidak tertutup, nescaya benih penyakit itu akan hinggap ke dalam bejana itu.*

[Ṣaḥīḥ Muslim, kitab al-’Ashribah, bab al-’Amr bi Taghṭiyat al-’Inā’, no. hadis 2014]

Antara dorongan penjagaan dan pencegahan dalam aspek yang lain adalah kawalan pergerakan, kuarantin pesakit, makan bijian hitam, madu, minum air zamzam dan amalan menjaga kebersihan. Ahmad Najaa’ & Maizatul Farisha (2020) mengambil kenyataan Finnish Institute of Occupational Health bahawa isu berkaitan kebersihan menjadi fokus utama mengawal dan mencegah kerana penularan Covid-19 berlaku dengan sangat mudah dan cepat melalui pernafasan seperti bersin dan batuk di antara individu atau kelompok yang berada dalam kawasan yang sangat dekat dan apabila individu yang telah dijangkiti menyentuh kawasan permukaan seperti bahagian muka, hidung dan mata boleh terdedah kepada jangkitan Covid-19. Justeru, nasihat dan penerangan pendakwah tentang aspek kebersihan yang ditekankan dalam Islam sejak kedatangannya seharusnya dapat menggalakkan umat Islam menjaga diri dan keluarga bertujuan membendung wabak ini.



Selain memberi dorongan berbentuk kefahaman tentang wabak penyakit menurut pandangan Islam pendakwah juga berperanan menyingkap sejarah pandemik dunia. Pandemik atau wabak yang melanda dunia bagaikan satu siklus yang berulang-ulang dan bukanlah suatu perkara yang baharu dalam tamadun manusia. Setiap kali ia melanda banyak nyawa yang terkorban. Menurut Bryan Walsh (2020), sejarah dunia menunjukkan wabak penyakit menjadi punca utama penyebab populasi kematian yang begitu banyak. Selain daripada menjadi faktor kematian tertinggi wabak penyakit turut mendatangkan kesan yang sangat besar terhadap masyarakat global dalam jangka masa yang panjang sama ada berbentuk ekonomi, politik dan mengembalikan ketamadunan manusia (Damir Huremović, 2019).

Ahmad Irfan (2020) menyatakan sejak 165M wabak *Antonine Plague* telah mengorbankan lima juta nyawa manusia. Penyakit ini telah merebak di Mesir, Greek dan Itali yang dibawa melalui darat oleh tentera Rom selepas berperang dengan kerajaan Mesopotamia. Wabak *Justinian* antara 541-542M telah meluluhkan empayar Justinian di Byzantine (Istanbul), wabak ini bukan sahaja memberi impak terhadap kerajaan Rom Timur, malah kepada kebangkitan kerajaan Islam hampir seabad kemudian. Antara lain, pada tahun 1346-1353M pula, pandemik *The Black Death* telah menyerang benua Eropah, Afrika dan Asia. Penyakit hawar ini dikatakan berpunca daripada tikus dan kuman yang dibawa menerusi kapal dagangan melalui jalan laut. Sekurang-kurangnya 75 hingga 200 juta nyawa menjadi korban pandemik ini. Begitu juga antara 1918 sehingga 1920 hampir 50 juta kematian dilaporkan akibat daripada pandemik influenza dalam tempoh yang singkat. Cacar air sejak zaman Empayar Mesir lama menyerang 56 juta manusia, sehingga vaksin tercipta pada 1976. AIDS, wabak yang dikesan 1980 pula, sehingga kini memaksa kita untuk hidup rela 'bersama' tanpa vaksinya (Hamizul, 2020).

2. Mengukuhkan akidah mad'u dengan menerima Qada' dan Qadar setiap ujian ada hikmahnya.

Sayyid Sābiq (2000) menjelaskan definisi akidah sebagai membenarkan dalam hati tentang sesuatu dengan keyakinan yang pasti tanpa keraguan dan syak wasangka walaupun sedikit. Ini menunjukkan bahawa pendakwah juga merupakan golongan yang meyakini akidah keimanan yang dibawa mereka (al-Bahi Khuli, 2004). Dalam masa yang sama mereka bertindak menjadi perawat pesakit rohani manusia dan cuba mengubah keadaan daripada keadaan kejahatan kepada kebaikan (Mohamad Zulkifli Abdul Ghani et.al, 2020). Tanpa pegangan dan kefahaman akidah yang kukuh dan mantap masyarakat akan mudah terjerumus kepada kesesatan dan kesyirikan.

Sepanjang pandemik Covid-19 melanda negara khususnya dalam tempoh PKP masyarakat sangat terkesan sama ada dari aspek kewangan, mental dan fizikal. Tekanan ini turut dirasai oleh semua lapisan masyarakat yang akhirnya mengakibatkan berlaku peningkatan kejadian-kejadian yang tidak diingini. Sebagai contoh peningkatan kes kematian akibat Covid-19, keganasan rumahtangga, perceraian, bunuh diri, penderaan seksual terhadap kanak-kanak, kemurungan, keresahan, perasan sedih, kerisauan dan sebagainya. Tambahan pula, gejala tekanan turut dirasai oleh petugas hadapan yang sebilangan besar mereka menghadapi tekanan melampau atau *burnout* dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat (KKM, 2021).

Hakikatnya, tiada siapa sangka musibah ini berlaku dan tiada siapa yang mahu dirinya ditimpa musibah. Perkara ini berkait rapat dengan memahami Qada' dan Qadar yang terdapat dalam enam rukun iman juga merupakan usul bagi kesempurnaan iman. Setiap apa yang ditetapkan oleh Allah swt bukanlah suatu perkara yang sia-sia malah ada perkara yang Allah swt hendak mengajar kepada kita. Allah swt berfirman dalam surah ar-Rum ayat 41;

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

Maksudnya;

*“Telah timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di daratan dan di lautan dengan sebab apa yang dilakukan oleh tangan manusia, (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).”*

Dalam konteks ujian Covid-19, penularan wabak penyakit ini merupakan salah satu azab buat manusia disebabkan oleh perbuatan maksiat dan dosa manusia itu sendiri secara terang-terangan. Namun, di sisi Muslim ia boleh dianggap sebagai peluang untuk bertaubat kepada Allah swt di samping menghadapinya dengan penuh muhasabah dan kesabaran. Penyampaian pendakwah secara hikmah akhirnya akan dapat meningkatkan rasa syukur, sentiasa berusaha, selalu berharap kepada Allah swt serta menjadikan seseorang lebih bertawakal kepada-Nya selepas berusaha sedaya upaya. Oleh yang demikian, pendakwah perlu sentiasa mendorong dan menggalakkan mad'u supaya menghadapi ujian dengan mengaitkan kandungan hikmah dan kebaikan asbab kebergantungan yang tinggi kepada Allah swt dalam menghadapinya. Hal ini menyebabkan seseorang itu berkeyakinan bahawa Allah swt mempunyai keagungan dalam segala perkara termasuklah ilmu, kuasa, petunjuk dan rahmat-Nya (Salasiah, 2020). Sebagaimana firman-Nya;

وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ

Maksudnya;

*Dan (Ingatlah), sesiapa berserah diri (bertawakal) kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya) (Surah al-Talaq:3)*

3. Memanfaatkan teknologi dan telekomunikasi merentasi semua lapisan masyarakat dalam dakwah

Dalam dakwah, pendekatan menggunakan medium untuk menyampaikan mesej dakwah disebut sebagai wasilah hissi (al-Bayanuni, 1995). Pendakwah perlu mempunyai ilmu pengetahuan dan kompetensi tertentu bagi menguasai dan menggunakan wasilah *hissi* yang disesuaikan dengan perkembangan teknologi dan komunikasi (Zulkefli Aini, 2019). Justeru, pendakwah hendaklah mengakui hakikat bahawa wasilah dakwah sudah berubah menepati kehidupan dalam norma baharu.

Situasi hari ini terutamanya apabila berlaku pandemik Covid-19 menyebabkan rakyat Malaysia telah mula beralih kepada penggunaan internet sebagai medium utama untuk berkomunikasi. Perkembangan dan lonjakan teknologi yang semakin maju ini secara tidak langsung telah memberi ruang dan peluang kepada para pendakwah untuk memilih dan menyesuaikan diri dengan rentak ‘dakwah *online*’ yang semakin mendapat tempat di hati masyarakat. Menurut Earnie (2014) pendakwah yang menggunakan teknologi maklumat disebut sebagai ‘tekno daie’ memerlukan kemahiran teknologi dalam komunikasi disebabkan perubahan pesat dalam teknologi ini memberi kesan sama ada positif atau negatif terhadap corak pemikiran dan gaya hidup umat Islam masa kini. Kajian tersebut menggariskan peranan penting tekno daie yang juga sebagai pendakwah antaranya adalah memahami konsep dakwah, celik ICT, mendalami ilmu *fiqh al-*

*awlāmiyyat*, kemahiran komunikasi, ilmu psikologi, mendidik akhlak di alam maya, tapisan maklumat mengikut cara Islam dan menggunakan cara yang lemah lembut.

Sepanjang era pandemik Covid-19 dan PKP dilaksanakan, wujud norma baharu yang sangat memberi kesan kepada pelbagai perubahan terutamanya terhadap aktiviti sosial masyarakat seperti trend pembelian *online*, pembelajaran secara *online*, masyarakat tidak lagi berkunjung ke kawasan yang sesak seperti pusat beli belah dan mematuhi *Standard Operation Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan (Nur Amira et.al, 2021). Transformasi ini turut melibatkan kegiatan dakwah yang sebelum ini dijalankan secara bersemuka mengikut norma biasa. Keadaan ini dapat dilihat apabila pergerakan dakwah *online* menjadi sinonim di era teknologi IR4.0 ini di mana pendakwah boleh memasuki ruangan siber dan bersedia memahami perubahan-perubahan yang berlaku di sekelilingnya sehingga merentasi pelbagai peringkat masyarakat dan perbezaan demografinya (Zulkefli Aini, 2019) dengan tidak melupakan khalayak yang terdiri daripada masyarakat berbilang agama dan bangsa kerana mereka juga turut menjadi sasaran utama dakwah selain umat Islam.

Oleh itu, mendepani arus teknologi yang tersedia dengan pelbagai platform media seperti media sosial yang terdiri dari *Facebook, Twitter, Telegram, Whatsapp, Youtube, Instagram* dan lain-lain lagi, sudah tentu pendakwah yang ingin menyampaikan mesej dakwah menjurus kepada segala sesuatu yang baik, bermanfaat serta interaktif. Sebagai contoh, berdasarkan kajian yang dibuat oleh Norizah Arifin (2016) terdapatnya video-video berkaitan asas Islam dalam *Youtube* dengan jumlah yang besar. Antaranya *Youtube* menggunakan kata kunci 'solat' (357,000 video), 'Syahadah' (30,700), 'Puasa' (438,000 video), 'zakat' (178,000 video) dan 'Haji' (1,430,000 video). Selain itu, Burhanuddin Jalal, Amnah Ismail, Sayuti Ab Ghani et.al, (2020) mendapati terdapat beberapa orang pendakwah telah mengupas pelbagai tema dan isu dalam penyampaian dakwah berkaitan Covid-19 atau wabak penyakit menurut pandangan Islam. Pendakwah yang juga menggunakan saluran *Youtube* tersebut antaranya Syed Norhisham Bin Tuan Padang, Ustaz Azhar Idrus, Ustaz Kazim Elias, Ustaz Don Daniyal Don Biyajid dan Dr. Danial Zainal Abidin. Hal ini menunjukkan penggunaan *Youtube* tidak lagi tertumpu kepada aspek hiburan semata-mata tetapi ia telah menjadi wahana penting untuk mendapat maklumat serta pengetahuan tambahan.

Namun tidak dinafikan, penggunaan dan penyampaian dakwah melalui media teknologi bukanlah bertujuan mencari populariti dan kemenangan kerana yang diraih hanyalah keredhaan Allah swt semata-mata. Halangan dan cabaran sudah semestikan menjadi asam garam para pendakwah kerana itu merupakan *manhaj* atau jalan yang telah dilalui oleh para Nabi dan Rasul sepanjang zaman (Halim Mokhtar & Zulkefli Aini, 2014). Justeru, apabila melaksanakan dakwah dalam zaman teknologi ini sudah tentu tidak semua manusia akan menerima dan bersetuju dengan mesej yang disampaikan. Pendakwah perlu sentiasa bersedia untuk berhadapan dengan segala cemuhan, makian, tuduhan yang tidak sepatutnya dan juga ugutan malahan berkemungkinan turut berdepan dengan saman oleh mereka yang tidak berpuas hati. Ini kerana semakin luas capaian dakwah, semakin tinggi risiko dan cabaran yang bakal dihadapi. Hadapi cabaran ini dengan tenang atau dengan kata lain bersabar dan berbincang dengan cara yang terbaik tanpa menjatuhkan dan mencemuh pihak lain walaupun berada di landasan yang benar.

#### 4. Berterusan melaksanakan amar makruf nahi mungkar

Perintah melaksanakan amar makruf nahi mungkar merupakan perintah atau suruhan Allah swt sepertimana terdapat dalam al-Quran. Allah swt berfirman dalam surah ali-Imran ayat 104;

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya;

*Dan hendaklah ada antara kamu satu golongan yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan dan menyuruh berbuat segala yang baik serta melarang yang salah (buruk dan keji) dan mereka bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.*

Seruan kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran dituntut kepada semua umat Islam khususnya pendakwah. Pengisytiharan pelaksanaan PKP yang menyekat pergerakan pendakwah bukan bermaksud mereka mempunyai alasan untuk beristirahat melepaskan lelah daripada terus melaksanakan amanah dakwah malah pendakwah perlu segera sedar supaya kembali menyeru manusia mentaati dan meraih keredhaan Allah swt. Tertanggungnya usaha dakwah menyebabkan kemungkaran berterusan dilakukan secara terang-terangan dan akhirnya mengundang kemurkaan dan bala daripada Allah swt. Menurut Nor Amalina & Wan Hishamudin (2019), apabila telah berlaku kemungkaran dalam sesebuah masyarakat dan tidak ada orang yang berusaha untuk mencegahnya, ia akan semakin berleluasa dan menjadi kebiasaan atau normal didengar dan dilihat hingga tiada sensitiviti terhadap dosa dan maksiat yang mula dianggap sebagai perkara remeh, ringan dan biasa-biasa sahaja. Inilah keadaan yang menjadi kebimbangan dan mendukacitakan dalam kalangan umat Islam sehingga menggugat identiti Islam itu sendiri.

Sebagai pendakwah, tiga uslub utama yang menjadi panduan ketika menyeru manusia kepada jalan kebajikan dan menghalang kepada kemungkaran. Ini sebagaimana firman-Nya menerusi surah al-Nahl ayat 125;

أُدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِهِمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ

Maksudnya;

*Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik.*

Syed Abdurrahman (1996) menyatakan perbincangan para ulama menemui tiga uslub penting dalam dakwah berdasarkan ayat tersebut iaitu *al-Hikmah*, *al-Mau'izah al-Hasanah* dan *Mujadalah bi al-Husna*. Ketiga-tiga uslub ini merangkumi kebijaksanaan pendakwah menyampaikan nasihat atau peringatan yang baik dan sekiranya wujud salah faham perbincangan atau dialog perlu diadakan bagi mencari penyelesaian yang terbaik. Tuntasnya, ayat dari surah di atas telah diturunkan kepada Baginda Rasulullah saw pada 1400 tahun yang lalu, membuktikan begitu relevannya ayat ini mengikut rentasan zaman sehingga ke hari ini dan seterusnya sampai ke penghujung zaman nanti. Oleh yang demikian, seruan amar makruf nahi mungkar hendaklah dilaksanakan secara bersungguh-sungguh, istiqamah, ikhlas dan bijaksana.

Dalam hal yang lain, pendakwah juga haruslah sentiasa bersabar dan reda dengan situasi yang sedang berlaku, sentiasa berwuduk, memperbanyak zikrullah, membaca dan menghayati al-Quran, beristighfar, berusaha menunaikan solat fardu di awal waktu, melaksanakan solat sunat rawatib, solat dhuha, solat tahajjud dan solat witr serta sentiasa berdoa ialah antara amalan yang sangat penting bagi seorang muslim untuk sentiasa mendapat perlindungan daripada Allah swt dan dapat mencegah daripada terkena sebarang penyakit berbahaya.

## Penutup

Secara umumnya, musibah Covid-19 yang sedang melanda negara dan dunia amnya merupakan ujian besar yang telah meragut banyak nyawa. Namun, di sebalik berlakunya wabak ini terdapat banyak hikmah yang telah ditentukan. Allah SWT telah mengurniakan akal kepada manusia untuk berfikir, berusaha dan bertawakal ketika berhadapan dengan cabaran yang menguji keimanan. Peranan pendakwah perlu diteruskan untuk memastikan mad'u berpegang teguh dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Walaupun para pendakwah menghadapi halangan dan cabaran menyesuaikan diri terhadap teknologi dan medium baru dalam penyampaian dakwah rentetan PKP yang dilaksanakan namun Allah swt juga Pemberi jalan penyelesaian terhadap apa juga masalah yang dihadapi. Penggunaan alat teknologi ini sudah pasti menjadi ikhtiar yang boleh dilakukan oleh pendakwah ketika menghadapi krisis Covid-19 seterusnya menjadikan pendakwah lebih kreatif dan interaktif.

## Rujukan

### Al-Qur'an

- Ahmad Irfan Ikmal Hisham. (2020). *Kaitan Pandemik, Perintah Kawalan dalam Sejarah Islam*. Berita Harian Online. Retrieved from <https://www.bhrian.com.my>
- Ahmad Najaa' Mokhtar & Maizatul Farisha Mukhtar. (2020). Covid-19 dan Kebersihan dari Perspektif Konvensional dan Pandangan Islam. *3rd International Seminar on Islam and Science 2020 "Covid-19: Implication, Impact and Solution"*.(hlm. 742-751). Nilai, USIM. Persatuan Kakitangan Akademik USIM.
- Ahmad Sanusi Azmi. (2020). *40 Hadis Tentang Wabak Penyakit*. Nilai: Negeri Sembilan: Ulum Hadith Research Centre.
- Ahmad, Manşūr Muḥammad Yūsuf. (2020). *Qawā'id al-Ta'ammul ma' al-Anbi'ah*: Kuwait.
- al-Bahi Khuli. (2004). *Tazkiyah al-Dua''h*. Kaherah: Maktabah Dar al-Turath.
- <https://www.islamreligion.com/articles/2534/infection-control-in-islam/> AishaStacey.(2009)
- Al-Bayānūnī, Mohammad Abu al-Fath. (1995). *al-Madkhal ila 'Ilmi al-Da'wah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Bryan Walsh. (2020). *Covid-19: The history of pandemics*, BBC News.. Retrieved from BBC Web site <https://www.bbc.com>.
- Burhanuddin Jalal, Amnah Saayah Ismail, Sayuti Ab Ghani, Muntaha Salleh & Ezad Azraai Jamsari. (2020). *e-Prosiding Bicara Dakwah kali ke-21 "Dakwah dalam Talian Semasa Pandemik"*(hlm.91-109). Bangi, UKM. Pusat Dakwah dan Kepimpinan Islam, FPI.
- Damir Huremović, *Brief History of Pandemics (Pandemics Throughout History)*, National Center for Biotechnology Information. Retrieved from NCBI Web site <https://www.ncbi.nlm.nih.gov>.
- Earnie Elmie Hilmi. (2014). Peranan Tekno Daei dalam Berdakwah di Era Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014*. (hlm.1-11) Anjuran Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Peribumi, UKM. Bangi, 1-11 Mac.
- Halim Mokhtar & Zulkefli Aini. (2014). Dakwah Islamiah kepada Orang Asli di Pulau Carey Banting Selangor: Isu, Cabaran dan Permasalahan. *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Dakwah*

- ع<sup>س</sup> *Etnik* 2014. (hlm. 1-14). Anjuran Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Peribumi, UKM. Bangi, 17-19 Mac.
- Hamizul Abdul Hamid. (2020). *Wabak dan Keegoaan Manusia*. Majlis Agama Islam Selangor. Retrieved from MAIS site <https://www.mais.gov.my>.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Kajian Kes Impak Pergerakan kepada Penduduk Malaysia*. Bahagian BPPD, JPM.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). (2021). Covid-19. KKM Online Retrieved from site <http://Covid-19.moh.gov.my/archive>.
- Mohamad Zulkifli Ab Ghani, Muhammad Norazam Nordin. Khazri Osman, Abu Dardaa Mohamad & Ahmad Irdha Mokhtar. (2020). Peranan Pendakwah untuk Menangani Berita Palsu dari Perspektif Dakwah. *Jurnal Maw'izah*, 3, 42-54.
- Mohd Sophian, Mohd Arif & Najah Nadia. (2021). Panduan Ulama Islam Berkaitan Amalan Pencegahan Penularan Pandemik: Satu Sorotan. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 6(1), 17-2.
- Nor Amalina Abd Rahman @ Sabri & Wan Hishamudin Wan Jusoh. (2019). Pendekatan Amar Makruf Nahi Mungkar Menurut Al-Jilani Dalam Kitab Al-Ghunya Terhadap Masalah Integriti. *Malaysian Journal for Islamic Studies*. Vol.3(2), 12-20.
- Norizan Ariffin dan rakan-rakan. (2016). YouTube dan generasi muda Islam: satu pendekatan kelompok fokus pelajar universiti dalam, *Malaysian Journal of communication*. 32 (1), 371-400.
- Nur Amirah Adibah Norashikin, Nur Izzati Jaafar Sidek, Nur Ainiza Johari, Mohamad Izzuan Mohd Ishar. (2020). Kesan Norma Baharu Terhadap Pengguna dari Aspek Aktiviti Sosial. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 6(3), 159-170.
- Sabiq, al-Sayyid. (2000). *al-<sup>ع</sup>Aqaid al-Islamiyyah*. Kaherah: al-Fath li al-<sup>ع</sup>ilām al-<sup>ع</sup>Arabi.
- Syed Abdurrahman Syed Hussin. (1996). Uslub Al-Hikmah, Al-Mau'izah Al-Hasanah dan Mujadalah Bi Al-Husna Mengikut Pandangan Ulamak. *Jurnal Usuluddin*. 4, 49-70.
- Zulkefli Aini. (2019). Ekosistem Dakwah Dalam Era Teknologi Disruptif. *Jurnal Al-Hikmah: Media Dakwah, Komunikasi, Sosial dan Budaya*. 10(2), 73-83.

## **BAB 24**

### **TERAPI PSIKOSPIRITUAL NABAWI DALAM MENANGANI DAMPAK KESEHATAN MENTAL COVID-19**

Syamim Zakwan Rosman, Siti Rashidah Abd Razak, Siti Zaleha Binti Ibrahim, Noraini Binti Mohamad <sup>1</sup>

<sup>1</sup> Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

#### **Pengenalan**

Wabak Covid-19 telah memberi kesan yang sangat besar kepada sistem politik, ekonomi, sosial, kesihatan, dan pendidikan negara. Bahkan impaknya juga turut melibatkan aspek kesihatan mental. Ekoran dari wabak yang berlaku, kerajaan Malaysia telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), sekali gus mengubah corak dan norma kehidupan mereka. Pelaksanaan PKP bertujuan untuk memutuskan rantaian wabak. Namun begitu, ia berpotensi menjejaskan kesihatan mental individu terlibat sama ada individu yang menjalani tempoh PKP susulan dari tekanan psikologi yang meliputi rasa takut, tertekan, dan murung. Antara kaedah bagi menangani isu kesihatan mental ialah melalui terapi psikospiritual nabawi. Terapi ini merupakan satu kaedah perawatan kejiwaan dan kerohanian yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW serta bermatlamat untuk mendapatkan keredaan Allah SWT. Oleh itu, kajian ini menganalisis konsep psikospiritual nabawi serta peranannya dalam membentuk kecerdasan spiritual yang dilihat berupaya menangani kesan negatif Covid-19 terhadap kesihatan mental. Dapatan artikel menunjukkan terdapat beberapa garis panduan, elemen dan kepentingan dalam terapi psikospiritual nabawi terhadap kecerdasan spiritual. Justeru, melihat dan menangani isu kesihatan mental berdasarkan konsep terapi psikospiritual nabawi merupakan alternatif yang mesti diperkasakan.

#### **Dampak Kesihatan Mental Akibat Wabak Covid-19**

Penghujung tahun 2019 telah tercatat dalam sejarah dunia apabila munculnya wabak jangkitan paru-paru (pneumonia) yang tidak diketahui punca di Wuhan, Wilayah Hubei, China (Li et al., 2020) Penemuan seterusnya membuktikan jangkitan paru-paru ini disebabkan oleh virus baharu yang diberi nama 2019- *novel Coronavirus disease* (COVID-19). Rentetan itu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization, WHO) telah mengumumkan pandemik COVID-19 sebagai masalah kesihatan awam dunia. Sehingga 8 November 2020, wabak COVID-19 telah mencatat lebih 208 juta kes dengan angka kematian sebanyak 4.3 juta orang melibatkan keseluruhan 219 buah negara yang terjejas di seluruh dunia (WHO, 2020).

Di Malaysia, penduduk telah menghadapi ketidakseimbangan emosi, psikologi, dan kognitif sehingga menimbulkan masalah kecelaruan jiwa yang pada dasarnya berhubungan dengan konflik peribadi dan polemik semasa yang dihadapi termasuklah wabak COVID-19 yang sedang melanda (Aziz, Sukor & Ab Razak, 2020). Berdasarkan statistik Kementerian Kesihatan Malaysia sehingga

18 Ogos 2021 pula mencatatkan jumlah kes sebanyak 1.44 juta dan 13 ribu kematian. Penularan wabak COVID-19 ini telah memberi impak kepada semua aspek kehidupan. Malah transisi kehidupan norma baharu juga turut memberi kesan psikologi kepada manusia sehingga ramai orang berasa cemas, tertekan, bimbang dan takut dijangkiti wabak ini (KKM, 2021).

Dalam wawasan kemakmuran bersama 2030, kerajaan ingin membina indikator modal sosial dan perkembangannya antara lain menggariskan indeks kesejahteraan rakyat sebagai salah satu matlamat pelan teras strategik ini. Hal ini bagi melahirkan individu yang seimbang dari aspek jasmani, emosi dan rohani. Meskipun laporan Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia (IKPM) pada pertengahan tahun 2021 mencatat angka sederhana iaitu julat 7.1 pada tahun ini (Laporan IKPM, 2021), namun kajian tinjauan yang dilakukan Kementerian Kesihatan Malaysia mendapati bahawa pola kenaikan sebanyak dua kali ganda berlaku yang melibatkan isu kesihatan mental di Malaysia.

Secara umumnya, World Health Organization (WHO) mentakrifkan kesihatan sebagai keadaan fizikal, mental dan emosi yang sejahtera dan bukan hanya sekadar bebas dari penyakit. Manakala, Dasar Kesihatan Mental (2012) pula mentakrifkan kesihatan mental sebagai kemampuan individu, kelompok dan persekitaran untuk berinteraksi antara satu sama lain bagi mempromosikan kesejahteraan subjektif secara optimum dan penggunaan keupayaan kognitif, efektif dan perhubungan ke arah pencapaian matlamat individu dan kumpulan. Keadaan kesihatan mental boleh mempengaruhi cara berfikir, tingkah laku dan perasaan seseorang. Tahap kesejahteraan mental mempengaruhi cara seseorang itu membuat keputusan dan pilihan dalam hidup, menyelesaikan masalah serta berinteraksi dengan orang lain. Apabila seseorang mempunyai tahap kesihatan mental yang memuaskan, tekanan hidup seharian yang dilalui akan ditangani dengan berfikir secara positif, tenang dan tidak membahayakan diri. Sesuatu masalah dan kesilapan yang dilakukan dalam sesuatu pekerjaan boleh ditangani dengan baik melalui cara berfikir yang positif. Individu akan mengubah minda mereka untuk mencari hikmah dan cara-cara untuk memperbaiki kesilapan. Kesannya, seseorang itu akan menjadi lebih tenang dan lebih berkeyakinan untuk menghadapi isu dan tekanan yang dihadapi dalam hidup.

Namun, sekiranya kesihatan mental terjejas, cara berfikir, emosi dan perlakuan seseorang itu akan berhadapan dengan suatu keadaan yang dipanggil maladaptasi. Individu tersebut akan mengalami kesukaran untuk berfikir dan membuat keputusan yang mudah, cepat terasa dan beremosi. Seterusnya mempengaruhi perlakuan sehariannya, seperti tidak menghiraukan kesihatan dan penjagaan diri, mengalami gangguan tidur dan corak pemakanan (Laporan IKPM, 2021).

Polemik kesihatan mental ini menuntut keperluan kepada integrasi nilai baru yang ampuh bagi mendepani cabaran besar masa kini iaitu wabak COVID-19. Hal ini kerana, penularan wabak COVID-19 telah memberikan impak negatif dalam pelbagai aspek kehidupan termasuklah dalam isu kesihatan mental manusia. Aspek kesihatan mental ini seringkali diabaikan dan dipandang enteng oleh masyarakat kita kerana ia biasanya tidak terzahir secara fizikal. Namun, apabila masalah ini berlaku secara terus menerus dalam tempoh masa yang lama, ia semestinya akan memberikan kesan terhadap kesihatan fizikal dan mental. Justeru, amatlah penting untuk masyarakat sedar dan peka dengan isu kesihatan mental ini agar ianya tidak menjadi barah yang boleh memburukkan lagi ekor wabak COVID-19 yang sedang melanda (Laporan IKPM, 2021).

Perasaan takut, risau, bimbang dan stress adalah reaksi normal dalam manusia menghadapi ancaman apatah lagi dalam keadaan kemelut yang belum tahu punca dan kesudahannya seperti yang berlaku semasa wabak COVID-19 ini. Malah, fenomena yang berubah serta merta dalam kehidupan seharian masyarakat disebabkan oleh kerisauan terhadap pandemik ini menyebabkan pergerakan dibatasi bagi memutuskan rantaian jangkitan. Bahkan, isu pemberhentian kerja, bekerja dari rumah, kurangnya sosialisasi dengan saudara mara dan sahabat menyebabkan aspek kesihatan



mental ini perlu diberi perhatian (WHO, 2020). Di samping itu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga telah menyeru semua individu untuk mengamalkan penjarakan fizikal yang meliputi tindakan seperti mengelak kawasan tumpuan ramai, perhimpunan besar-besaran atau mempunyai kontak rapat dengan individu yang berisiko bagi mengelakkan penyebaran virus COVID-19. Perkara yang sama turut digesa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dalam mengekang penularan wabak ini. Walaupun penjarakan fizikal berkesan dalam mengawal penularan wabak, namun ia telah memberikan pelbagai impak buruk terhadap kesihatan mental individu seperti kegelisahan, gangguan tekanan pasca trauma (post traumatic disorder) dan gangguan obsesif-kompulsif (Shanmugam et al., 2020). Hal ini kerana aktiviti sosial yang sebelum ini menjadi salah satu cara hidup warga Malaysia sudah tidak dapat dijalankan lagi. Dalam satu kajian oleh Holt-Lunstad et. Al (2015) menyimpulkan bahawa risiko kematian meningkat kepada 29% bagi individu yang mengalami pengasingan sosial yang kronik (*chronic social isolation*).

## Pengenalan Terapi Psikospiritual Nabawi

Masalah kesihatan mental mempunyai impak kesihatan yang besar terhadap seseorang individu. Pelbagai penyakit akibat kesakitan mental mengakibatkan kesan dahsyat terhadap individu kerana ianya sukar dikesan dan sukar dirawat. Dalam membincangkan rawatan kepada kesihatan mental khususnya akibat covid-19 terdapat beberapa kajian yang menyokong terapi spiritual sebagai rawatan alternatif kepada masalah kesihatan mental (Sa'ari, 2019). Antara rawatan spiritual yang semakin kerap dibincangkan ialah terapi psikospiritual Islam.

Psikospiritual berasal merupakan gabungan perkataan *psycho* dan *spiritual*. '*Psycho*' berasal daripada bahasa Greek yang bermaksud minda atau proses mental. Psiko ialah kependekan daripada perkataan psikologi merujuk kepada satu ilmu yang melibatkan pengujian dan kajian secara saintifik terhadap proses mental dan perilaku manusia. *Spiritual* pula berasal daripada bahasa latin '*Spiritus*' yang bererti nafas atau hidup. Ia boleh didefinisikan sebagai sesuatu yang berkaitan dengan roh manusia dan jiwa, yang di sebalik material atau objek fizikal. *Spiritual* juga didefinisikan sebagai berkait dengan agama atau kepercayaan agama (Miquel, 2008). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (Iskandar & Zainal, 2010) *spiritual* adalah sesuatu yang bersifat rohani atau jiwa iaitu bukan bersifat fizikal. Justeru, berdasarkan gabungan perkataan ini, psikospiritual boleh diertikan sebagai perkara yang melibatkan dan berkaitan dengan perhubungan antara minda dan *spiritual* (Soaness, 2005).

Psikospiritual telah banyak dibincangkan oleh para sarjana timur dan barat. Benner (2002) mendefinisikan psikospiritual sebagai integrasi pendekatan kerohanian dan dalaman manusia iaitu menggabungkan unsur psikologi (akal) dan *spiritual* (roh) dalam kaedah terapi. Pendekatan ini dilihat mampu meningkatkan kesihatan *spiritual* yang memberi kesan positif kepada kesihatan fizikal dan mental. Kaedah ini menerapkan unsur *spiritual* dalam terapi yang merupakan satu inovasi dalam bidang terapi psikologi kerana melihat kelompangan pendekatan psikologi sedia ada dan keperluan unsur *spiritual* dalam terapi.

Selain itu, Husain (2019) mentakrifkan psikospiritual sebagai suatu pendekatan baharu dalam bidang psikologi iaitu psikologi *spiritual* yang menghubungkan fizikal, minda, jiwa dan *spiritual*. Pendekatan ini adalah suatu bidang baru dalam disiplin psikologi yang mula diterima ramai kerana keunikan dalam mengukuhkan hubungan antara teori dan praktis

Konsep dan definisi psikospiritual bergantung kepada agama dan aliran pemikiran. Menurut Badri (2018) konsep psikospiritual yang diasaskan Islam berbeza dengan konsep yang diasaskan oleh psikospiritual moden khususnya pada matlamatnya. Jailani & Osman (2015) yang mendefinisikan psikospiritual Islam merupakan satu kaedah perawatan kejiwaan dan kerohanian yang berteraskan kepada sumber-sumber ketuhanan dan amalan-amalan Islam yang bersumberkan

al-Quran, al-sunnah dan amalan para salafus saleh yang tidak bercanggah dengan prinsip syariah. Kaedah ini dapat diaplikasikan sebagai rawatan kepada pelbagai masalah kejiwaan, emosi dan pemikiran manusia.

Berdasarkan pernyataan yang dikemukakan, dapat disimpulkan hubungan antara psikospiritual dan psikospiritual Islam. Psikospiritual Islam merupakan kaedah terapi kejiwaan yang menurut syariah Islam untuk pembinaan rohani dalam matlamat mencapai keredaan Allah SWT. Ia merupakan kaedah spiritual yang memfokuskan kepada rawatan kejiwaan berdasarkan sumber agama Islam dan ilmu pengetahuan yang tidak bercanggah dengan prinsip syariah.

Dimensi yang dibawa oleh definisi psikospiritual Islam mempunyai rangkuman yang luas kerana meliputi sumber agama Islam dan sumber ilmu pengetahuan yang tidak bercanggah dengan prinsip syariah seperti ilmu psikologi, dan perubatan. Dalam artikel ini penulis akan memfokuskan kepada pendekatan psikospiritual nabawi yang merupakan salah satu cabang psikospiritual Islam. nabawi bermaksud kata-kata Nabi SAW, taqrir, sifat, akhlak serta semua berita tentang baginda sama ada sebelum atau selepas pelantikan menjadi utusan Allah SWT. Nabawi juga sama ertinya dengan sunah dan hadis (Al-Zahabi, 1993).

Psikospiritual nabawi boleh didefinisikan sebagai satu kaedah perawatan atau terapi kejiwaan dan kerohanian dalam matlamat mencapai keredaan Allah SWT berasaskan hadis Nabi SAW. Hadis yang merupakan sumber agama Islam yang kedua selepas al-Quran telah diriwayatkan dengan penuh disiplin generasi demi generasi demi menjamin autoritinya. Peranan hadis dalam pembangunan kerohanian umat Islam sangat besar khususnya dengan meletakkan Nabi SAW sebagai pedoman dan suri teladan kerohanian. Hal ini merupakan antara faktor penulis tertarik untuk menumpukan kajian psikospiritual kepada psikospiritual nabawi.

Kerangka psikospiritual nabawi dapat diterangkan melalui aspek terapi spiritual, sumber hadis dan matlamat mencapai keredaan Allah SWT. Terapi spiritual merupakan suatu metode interaksi dengan klien melalui kaedah spiritual bagi mengurangkan punca-punca yang mengganggu demi mendapatkan kehidupan yang lebih baik tanpa menggunakan ubat-ubatan klinikal. Masalah kesihatan mental seperti ketegangan mental, kegelisahan, gangguan mental, tekanan perasaan, kemurungan, fobia dan lain-lain yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor dapat dirawat melalui terapi spiritual. Nan (2012) menjelaskan bahawa spiritual adalah semangat yang lahir dari jiwa manusia yang bersifat bukan material serta berasaskan kepada kepercayaan kepada kuasa yang mempengaruhi kehidupan manusia. Selain itu, Hasan (2006) menghuraikan spiritual sebagai kebangkitan atau pencerahan diri dalam mencapai tujuan atau makna hidup. Terapi spiritual sebagai konsep psikospiritual nabawi bermaksud kaedah ini menerapkan kaedah rawatan berdasarkan terapi spiritual. Psikospiritual nabawi membincangkan konsep berhubung kesihatan jiwa, spiritual, mental, emosi dan perilaku bagi mencapai kebahagiaan dilihat berkaitan dengan terapi spiritual Islam yang lebih memfokuskan kepada kaedah-kaedah rawatan hal tersebut.

Seterusnya, aspek sumber hadis bermaksud sumber rujukan psikospiritual nabawi ialah hadis Nabi SAW. Hadis ialah segala apa sahaja yang dinisbahkan pada Nabi Muhammad SAW dari segi perkataan, perbuatan, taqrir atau sifat samada fizikal atau akhlak dan sirah samada sebelum dan selepas menjadi Rasul. Hadis merupakan sumber kekuatan umat Islam yang mengandungi hikmah dan faktor kerohanian yang tinggi di sisi umat Islam. Kepentingan spiritual atau kekuatan dalaman telah ditekankan dalam hadis yang bertunjangkan pengukuhan akidah dan tauhid. Nabi SAW sangat menitik beratkan aspek spiritual iaitu dengan menyemai iman ke dalam hati melalui nasihat, teguran dan peringatan kepada umat Baginda (Ibn Qayyim, 1999). Psikospiritual nabawi meletakkan Nabi SAW sebagai idola dan sumber motivasi di samping amalan dan nasihat Baginda dijadikan sebagai pedoman amalan kehidupan seharian dalam menjana spiritual mengikut acuan Islam (Sudi et. Al 2021).

Akhir sekali, aspek mencapai keredaan Allah SWT bermaksud objektif psikospiritual nabawi ialah semata-mata mengharap keredaan Allah SWT. Psikospiritual yang tinggi menurut Islam merujuk kepada seseorang yang mendapat darjat berupa ketenangan jiwa, berakal cerdas, mempunyai roh yang sejahtera, jiwa yang muthmainnah dan hati yang bahagia dengan iman dan taqwa kepada Allah SWT (Baharuddin & Ismail, 2013). Berasaskan matlamat hati yang suci inilah yang akhirnya menatijahkan pembentukan peribadi yang mulia serta akhlak dan cara hidup yang sempurna dalam kehidupan mereka seharian (Al-Ghazali, 2011). Hal ini berbeza dengan konsep psikospiritual menurut barat yang lebih menekankan pada makna spiritual sebagai potensi khas di dalam jasad tanpa mengaitkannya secara jelas dengan kekuasaan dan kekuatan Tuhan. Kecerdasan spiritual sebagaimana kecerdasan yang lainnya hanya merupakan sebahagian dari alam. Kecerdasan spiritual pada mereka hanya kekuatan otak manusia dan ia bukan dari agama. Mereka telah mengemukakan pendekatan kemanusiaan yang tidak mengambil kira tauhid dan agama sebagai paksi atau asas model. Manakala Islam adalah agama universal yang meletakkan tauhid sebagai asas kepada semua perkara dalam kehidupan. Islam tidak sama sekali memisahkan amalan duniawi dan keyakinan terhadap ketuhanan (Sudi, Sham & Yama, 2017)

### **Rawatan Masalah Kesihatan Mental Akibat Covid-19 Berdasarkan Psikospiritual Nabawi**

Covid-19 telah mengakibatkan beberapa masalah kesihatan mental yang dapat dilihat pada beberapa aspek dalam golongan anggota masyarakat. Situasi pandemik ini telah membawa kepada tekanan dan keletihan melampau kerana bekerja terhadap petugas barisan hadapan dan pekerja sektor kritikal.

Sebahagian besar petugas barisan hadapan menghadapi tekanan melampau atau 'burnout' kerana bekerja melebihi komitmen untuk tempoh yang lama. Menurut Roslan N.S. et. al. (2021) melalui satu kajian ke atas 893 petugas kesihatan keletihan fizikal dan mental yang boleh mengganggu tumpuan serta produktiviti petugas barisan hadapan dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat. Antara faktor wujudnya 'burnout' adalah kerana bebanan tugas, ketidakpastian tempoh pandemik yang panjang, pertukaran dan proses adaptasi terhadap prosedur operasi standard (SOP) yang pelbagai, rancangan kerjaya terganggu dan kesulitan mengimbangkan keluarga dan kerjaya.

Selain itu, ancaman kesihatan mental juga dihadapi oleh pesakit yang disahkan positif virus COVID-19. Pesakit ini didapati sangat digeruni oleh orang lain kerana cetusan emosi yang teramat bimbang akan tersebarnya jangkitan yang merbahaya, apatah pula penyakit tersebut boleh mengancam nyawa dalam satu garis masa yang tiada ketentuan. Situasi ini dapat mencetuskan kemurungan dan kebimbangan yang melampau kepada pesakit kerana bukan sahaja mereka bimbang tidak dapat menjaga orang tersayang malah tidak dapat menyara keluarga serta kebimbangan akan duit tidak mencukupi. Tambahan pula, sokongan sosial yang selama ini dimiliki mengalami keruntuhan disebabkan kuarantin dan kebimbangan dijangkiti. Terdapat golongan masyarakat yang mendiskriminasi pesakit covid-19 dengan ekstrem melalui persepsi negatif bahawa pesakit COVID-19 adalah 'punca dan penyebab' kewujudan virus bahaya itu. Kesemua situasi ini menyebabkan pesakit covid-19 berdepan krisis kesihatan mental yang dahsyat (Johar & Amat, 2020).

Seterusnya, covid-19 juga memberi ancaman kepada kesihatan mental masyarakat umum. Variasi emosi seperti peningkatan rasa cemas, gemuruh, bimbang, stres, panik dan sedih dalam diri masyarakat boleh menjejaskan kesihatan mental secara perlahan-lahan. Hal ini disebabkan pelbagai rasa yang menekan kerana masing-masing akan membayangkan tentang risiko dan ancaman wabak

COVID-19 yang menyerang diri sendiri, keluarga mahupun sesiapa saja tanpa disedari dalam negara dan wilayah masing-masing tanpa henti. Walaupun mungkin setelah PKP atau perintah berkurung ditamatkan atau mungkin data pesakit dijangkiti virus tersebut berkurangan dengan dapatan graf yang melandai, namun COVID-19 mungkin berterusan mencipta kebimbangan yang merata (Johar & Amat, 2020). Apatah pula, pergerakan juga akan berterusan terbatas dan kurangnya faktor yang mungkin dapat membina daya keyakinan masyarakat tentang pertahanan yang sewajarnya boleh menjamin diri sendiri mahupun orang lain daripada terus diserang ancaman merbahaya itu.

Keadaan yang membimbangkan ini berupaya membawa masalah yang berlarutan dalam jangka masa yang agak panjang, sehingga boleh menjejaskan fungsi harian seseorang individu, termasuklah mungkin boleh menyebabkan kualiti diri merosot dalam keluarga mahupun fokus bekerja dalam organisasi. Perlu ditekankan juga bahawa kesejahteraan emosi dan kesihatan mental adalah sama pentingnya dengan kesihatan fizikal. Ledakan segala rasa negatif berpunca daripada senario wabak COVID-19 akan mempengaruhi kestabilan emosi masyarakat sehingga membawa kepada lonjakan dalam perubahan tingkah laku

Melihat keadaan kesihatan mental yang terjejas dengan ketara menyeru kepada kajian dan usaha untuk merawat masalah yang dihadapi. Keadaan kesihatan mental yang terjejas memerlukan faktor sokongan dan penyembuhan. Antara terapi penyembuhan yang berkesan ialah terapi psikospiritual. Bertitik tolak dari sini penulis melihat peranan yang dapat dipenuhi oleh psikospiritual nabawi.

Terapi psikospiritual nabawi pada asasnya terdiri daripada sembilan (9) komponen yang dapat membentuk kesihatan spiritual yang cemerlang. Dapatan ini didapati melalui hadis Nabi SAW yang sentiasa menekankan aspek spiritual umatnya. Komponen tersebut ialah taubat, sabar, syukur, berharap, takut, zuhud, tawakkal, reda dan kecintaan kepada Allah. 9 komponen ini pula dapat digagaskan dalam 3 peringkat terapi yang dapat diaplikasikan sebagai terapi spiritual terhadap golongan yang terjejas.

Terapi peringkat pertama yang dapat dibentuk ialah melalui gabungan tiga komponen iaitu taubat, sabar dan syukur. Gabungan komponen ini membentuk terapi penerimaan dan penyerahan diri kepada Allah SWT (Wazir, et. al 2020). Langkah ini merupakan permulaan untuk meneruskan langkah berikutnya ke atas merawat rohani seseorang. Dosa merupakan penghalang kepada masuknya cahaya Allah SWT ke dalam hati seseorang. Untuk memperolehi keimanan tersebut, seseorang hamba perlulah menerima bahawa dirinya bergelumang dengan dosa. Dengan adanya penerimaan tersebut akan timbul perasaan keinsafan dan memohon pengampunan semata-mata kepada Allah SWT. Manakala sabar pula melahirkan ketenangan dan melatih diri menghadapi musibah dan menerima ketentuan Allah SWT. Akhir sekali elemen syukur selepas sabar. Elemen ini perlu diterapkan kepada seseorang dalam memperlihatkan atau menzahirkan nikmat atau rasa berterima kasih kepada Pemberi nikmat iaitu Allah SWT melalui lisan dan hati. Dengan bersyukur dapat melahirkan rasa penyerahan dan pengembalian diri kepada Allah SWT. Ini dapat dilihat ketika seseorang melakukan taubat di atas segala kesilapannya.

Terapi penerimaan dan penyerahan diri kepada Allah SWT melahirkan jati diri yang perkasa dalam diri individu. Jati diri merupakan faktor pelindung yang mampu mengatasi faktor risiko jati diri yang goyah. Terapi ini memperkasakan konstruk kesedaran dan ketabahan yang menyumbang kepada kekuatan jati diri individu. Hal ini kerana terapi ini menerapkan kesedaran matlamat hidup, kembali kepada Allah SWT, pemikiran positif, berserah kepada Allah SWT, memohon kemaafan, bersabar di atas ujian kerana akan beroleh kemuliaan daripada Allah SWT. Selain itu, komponen syukur melahirkan rasa penghargaan terhadap nyawa, akal dan keluarga yang



dikurniakan Allah SWT. Perkara ini membentuk faktor pelindung menghargai diri (Hawwā, 2000; Muhsin, 2012; Roy, et al., 2019).

Selepas peringkat pengukuhan dan penerimaan diri kepada Allah SWT, seseorang itu haruslah mengikuti terapi kedua iaitu peringkat latihan dan didikan kejiwaan yang melibatkan tiga komponen iaitu berharap, takut dan zuhud. Komponen berharap banyak berkait dengan bersangka baik kepada Allah SWT kerana pengharapan perlu diiringi dengan perasaan berbaik sangka serta pergantungan sepenuhnya harapan tanpa keraguan terhadap pertolongan, rahmat serta kekuasaan-Nya. Dengan keadaan itu, seseorang dapat membina keyakinan terhadap Allah SWT. Apabila unsur pengharapan sepenuhnya kepada Allah SWT telah wujud dalam diri, ia juga perlu diiringi oleh takut melalui pengenalan terhadap Allah SWT yang akan melahirkan rasa kerdil, kehambaan, lemah serta gerun di hadapan Allah SWT. Situasi ini mewujudkan rasa insaf tentang kejadiannya, kehidupannya dan segala perbuatannya. Setelah berharap dan takut terbina kukuh dalam sanubari, seseorang hendaklah menanam jiwanya agar bersikap zuhud iaitu tidak menyukai dunia dan berpaling daripadanya dari dalam hati. Zuhud merupakan didikan, pengukuhan dan latihan kejiwaan terhadap seseorang dalam menangani sifat tamak dan melampau dalam mengejar keduniaan (al-Makkī, 1997). Peringkat latihan dan didikan kejiwaan menguatkan asas yang telah dibina. Peringkat ini mengandungi faktor pelindung pengharapan. Hal ini kerana di peringkat ini individu dilatih dengan pergantungan yang tunggal terhadap Allah SWT kerana ketakutannya terhadap kekuasaan Allah SWT dan pengharapan yang tinggi terhadap nikmatnya. Pengharapan merupakan faktor pelindung yang menyumbang kepada daya tahan individu. Seterusnya, maqāmāt zuhud mendidik jiwa supaya merasa cukup dengan nikmat yang ada. Hal ini melatih sifat bersabar dan bersyukur yang turut menyumbang kepada daya tahan individu (Arip, 2015; Muhsin, 2012; Roy, et al., 2019).

Cabaran utama setiap proses mengatasi dadah ialah meninggalkan kesan yang berpanjangan (Ruslan, 2009). Peringkat seterusnya peringkat ketiga iaitu terapi pementapan jiwa dan istiqamah yang terdiri daripada komponen tawakkal, reda dan kecintaan. Perubahan kepada kebaikan perlu kepada usaha yang berterusan seiring dengan proses penyucian jiwa dan kebergantungan sepenuhnya kepada Allah SWT. Seseorang perlulah sentiasa meletakkan dirinya dengan kebergantungan sepenuhnya kepada Allah SWT. Namun kebergantungan ini bukan semata-mata berserah bahkan seseorang mestilah mengiringi kebergantungan itu dengan usaha. Langkah ini dilihat amat penting bagi merealisasikan hasil yang terbaik setelah melalui peringkat satu hingga tiga. Peringkat ini memerlukan keazaman seseorang yang tinggi disertai dengan komitmen secara berterusan dari diri sendiri. Oleh itu, kecintaan dilihat mampu merealisasikan proses pengejalan dan peningkatan tersebut. Dalam usaha ini, seseorang perlulah menanam rasa sayang, cinta dan rindu kepada Allah SWT. Apabila rasa cinta dan sayang ini meresap ke dalam jiwa seseorang, maka akan terbit rasa tenang serta kemanisan dalam mendekati diri kepada Allah SWT (al-Makkī, 1997). Dalam terapi ketiga ini al-Makkī menerapkan konsep berusaha dan berserah kepada Allah SWT. Seterusnya, komponen kecintaan iaitu kasih sayang memastikan usaha ini berterusan demi mendapatkan kasih sayang Allah SWT. Peringkat ini mengandungi faktor pelindung berdikari yang menyumbang kepada daya tahan individu. Hal ini kerana individu yang melatih diri dengan komponen reda dan tawakkal tidak mudah berputus asa. Individu ini dilatih tekun berusaha sehingga memperolehi kejayaan disamping sentiasa berlapang dada dengan kesusahan yang dihadapi. Seterusnya, kecintaan menjamin konsistensi terapi kerana komponen ini meletakkan tujuan hidup yang jelas dalam diri seseorang. Kasih sayangnya kepada Allah SWT menyebabkan ia sentiasa mempunyai motivasi, tujuan dalam kehidupan dan kasih sayang yang dicurahkan kepadanya. Hal ini dapat menyumbang kepada faktor pelindung tujuan hidup dan kasih sayang (Muhsin, 2012; Roy, et al., 2019).

## **Kesimpulan**

Hakikatnya, perubahan mendadak yang membawa kepada keadaan *burnout*, stress, kebimbangan hilang punca pendapatan dan proses isolasi dalam tempoh yang lama semasa kawalan pergerakan telah menguji dan mengganggu kesihatan mental. Dengan tekanan yang dihadapi, seseorang itu mungkin akan berfikir bahawa keadaan pandemik ini akan berlarutan dan memberi kesan terhadap punca pendapatan, proses pembelajaran, status kesihatan, perhubungan sosial dan masa depan secara umumnya. Rutin harian berhadapan dengan perubahan ini menuntut penyesuaian dan adaptasi bagi meneruskan kelangsungan hidup.

Suatu bantuan, perhatian dan rawatan perlu dihulurkan kepada golongan yang terjejas kerana jika keadaan ini diabaikan, maka kesan lebih buruk bakal berlaku misalnya kemurungan, kecelaruan tingkah laku dan kecenderungan untuk bunuh diri.

Hadis Nabi SAW mempunyai kebijaksanaan yang ulung dan kekuatan spiritual yang utuh. Gagasan terapi psikospiritual nabawi yang berasaskan terapi penerimaan dan penyerahan diri kepada Allah SWT, terapi pengukuhan dan penerimaan diri serta terapi pemantapan jiwa dan istiqamah mampu memberi nafas kesembuhan kepada kesihatan spiritual yang turut menambah baik keadaan kesihatan mental. Justeru, terapi psikospiritual nabawi wajar dilihat sebagai alternatif dalam usaha masyarakat berganding bahu dan menambah baik aspek penjagaan kesihatan mental dan emosi dari semasa ke semasa.

## Rujukan

- Al-Ghazali, M. M. 2011. *Ihya' Ulum al-Din*. Jeddah: Dar al-Minhaj
- Al-Makkī, A. T. (1997). *Qut al-Qulūb*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Zahabi, A.A. (1993) *Muajam Muhaddithi al-Zahabi*. Beirut: Dar Kutub al-Ilmiyyah.
- Aziz, A. R. A., Sukor, N. M., & Ab Razak, N. H. (2020). Wabak Covid-19: Pengurusan Aspek Kesihatan Mental Semasa Norma Baharu. *International Journal of Social Science Research*, 2(4), 156-174.
- Badri, M. (2018). *Contemplation:: An Islamic Psychospiritual Study* (New Edition). International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Baharuddin, E., & Ismail, Z. (2013). Hubungan Kecerdasan Rohaniah Warga Tua dengan Amalan Agama di Rumah Kebajikan. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 35(1).
- Benner, D. G. (2002). Nurturing spiritual growth. *Journal of Psychology and Theology*, 30(4), 355-361.
- Dasar Kesihatan Mental Negara (2012). Kementerian Kesihatan Malaysia. Capaian pada 1 Ogos 2021 daripada [https://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Rujukan/NCD/Kesihatan%20Mental/8\\_Dasar\\_Kesihatan\\_Mental\\_Negara.pdf](https://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Rujukan/NCD/Kesihatan%20Mental/8_Dasar_Kesihatan_Mental_Negara.pdf)
- Hasan, A. B. P. (2008). *Psikologi Perkembangan Islam: Menyingkap Rentang Kehidupan Manusia dari Pra kelahiran hingga Pasca kematian*. Jakarta: Rajagrafindo.
- Hawwā, S. (2000). *Tarbiyyatunā al-Riḥīyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Shanmugam, H., Juhari, J. A., Nair, P., Ken, C. S., & Guan, N. C. (2020). Impacts of COVID-19 pandemic on mental health in Malaysia: a single thread of hope. *Malaysian Journal of Psychiatry*, 29(1), 78-84.
- Holt-Lunstad, J., Smith, T. B., Baker, M., Harris, T., & Stephenson, D. (2015). Loneliness and social isolation as risk factors for mortality: a meta-analytic review. *Perspectives on psychological science*, 10(2), 227-237.
- Husain, A. (2019). *Spiritual psychology*. New Delhi: Global Vision Publishing House
- Ibn Qayyim, M. A. B. 1999. *Al-wabīl as-sayyib min al-kalam al-tayyib*. Kaherah: Dar al-Hadis
- Iskandar, T., & Zainal, B. (2010). *Kamus dewan edisi keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Jailani, M. R. & Osman A. B. (2015). Integrasi terapi psikospiritual islam dalam modul rawatan dan rehabilitasi. *Proceeding Prevent 2015*
- Johar, S. S., & Amat, M. I. (2020). Krisis Impak Pandemik Covid-19 Dari Dimensi Dan Perspektif Kesihatan Mental Sejagat. E-Proceeding : *Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains*
- Roy, P. L., et al. (2019). Risk factors associated with drug resistant focal epilepsy in adults: a case control study. *Seizure*, 73, 46-50. DOI: 10.1016/j.seizure.2019.10.020.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (Dikemaskini pada 18 Ogos 2021) Situasi Terkini COVID-19 di Malaysia 18 Ogos 2021 Dicapai pada 18 Ogos 2021 daripada <https://covid-19.moh.gov.my/terkini>
- Laporan Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia IKPM. (2021). Jabatan Perkhidmatan Awam. Capaian pada 18 Ogos 2021 di <https://ikpm.jpa.gov.my/>
- Li, R., Pei, S., Chen, B., Song, Y., Zhang, T., Yang, W., & Shaman, J. (2020). Substantial undocumented infection facilitates the rapid dissemination of novel coronavirus (SARS-CoV-2). *Science*, 368(6490), 489-493.
- Mique, P. 2008. *A Dictionary of Epidemiology*. New York: Oxford University Press.
- Muhsin, S. B. (2012). *Kaedah psikoterapi berasaskan konsep maqamat: kajian terhadap kitab Qut Al-Qulub Abu Talib Al-Makki*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nan, A. H. 2012. *Pelaksanaan Pendekatan Spiritual Dakwah dalam Kaunseling di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Abu Bakar Baginda Sungai Merab*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Roslan, N. S., Yusoff, M. S. B., Razak, A. A., & Morgan, K. (2021, January). Burnout prevalence and its associated factors among Malaysian healthcare workers during COVID-19 pandemic: an embedded mixed-method study. *Healthcare* (Vol. 9, No. 1, p. 90)
- Sa'ari, C. Z. (2019) Psikospiritual Islam: Konsep Dan Aplikasi. *Journal of Syarie Counseling* 1(1)2019
- Soanes, C. (2005). Oxford dictionary of English. Oxford University Press.
- Sudi, S., Sham, F. M., & Yama, P. (2017). Kecerdasan Spiritual Menurut Perspektif Hadis: Spiritual Intelligence by Hadiths Perspective. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(2), 1-11.
- Sudi, S., Wazir, R., Salleh, N. M., Usman, A. H., Awang, A. H., & Rosman, S. Z. (2021). Membentuk spiritual individu menurut hadis untuk pencegahan dadah: Moulding individual spirituality in accordance to hadiths for drug prevention. *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 640-650.
- World Health Organization (31 Mac 2020). Coronavirus disease (COVID-19) advice for the public. Dicapai pada 1 Ogos 2021 daripada <https://www.who.int/emergencies/diseases/novelcoronavirus-2019/advice-for-public>.

## BAB 25

### PENGURUSAN JENAZAH KETIKA PENULARAN WABAK COVID-19 DARI PERSPEKTIF MASLAHAH

Mohd. Hafiz Jamaludin,<sup>1</sup> Norhidayah Pauzi,<sup>2</sup> Syed Mohd. Jeffri Syed Jaafar,<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

<sup>2</sup> Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

#### Pengenalan

Perubahan hidup manusia kini berubah susulan penularan virus koronavirus (COVID-19) di seluruh dunia. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengkategorikan situasi itu sebagai pandemik, iaitu pandemik COVID-19. Pandemik merupakan wabak yang menyerang dalam skala besar di sesebuah negara pada mulanya, kemudian tersebar secara meluas ke seluruh negara sehingga tidak dapat dikawal dan membunuh ramai orang dalam masa yang singkat (W. Qiu; S. Rutherford; A. Mao; C. Chu, 2016). Pandemik COVID-19 mula dikesan pada pertengahan bulan Disember 2019 di bandar raya Wuhan, Hubei, China. Virus ini pada awalnya telah dinamakan novel coronavirus (2019-nCoV), kemudian WHO telah menamakannya sebagai Coronavirus Disease (COVID-19) yang disebabkan oleh virus Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus-2 yang dikenali dengan singkatan SARS-CoV-2 (W. Joost Wiersinga et. al., 2020). Virus ini telahpun tersebar ke seluruh negara termasuklah Malaysia.

Pada 23 Januari 2020, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) Malaysia telah menerima tiga kes laporan yang melibatkan dua kes di Sabah dan satu kes di Selangor disyaki dijangkiti COVID-19. Namun pada 25 Januari 2020, Mantan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad mengesahkan kes pertama COVID-19 melibatkan tiga warga China yang masuk ke Malaysia melalui Johor dari Singapura. Meskipun pada awalnya kes-kes yang dilaporkan rendah melibatkan kes-kes import sahaja, namun beberapa kluster tempatan muncul pada bulan Mac 2020 antaranya kluster Jemaah Tabligh Sri Petaling, Kuala Lumpur yang membawa kepada kenaikan kes di dalam negara (Siew Bee Aw, et. al., 2021). Sehingga pada 17 Mac 2020, Malaysia telah mencatatkan dua kes kematian akibat COVID-19.

Kematian akibat COVID-19 di Malaysia semakin meningkat hari demi hari. Hingga kini jumlah keseluruhan kes adalah 893, 323, di mana 772, 542 kes sembuh, 114, 053 kes aktif dan 6,728 kes kematian. Kematian adalah suatu perkara yang tidak dapat dielakkan. Setiap yang bernyawa pasti akan merasai kematian. Firman Allah SWT:

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ

Terjemahan:

*Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati.*

(Ali 'Imran: 185)



Kematian merupakan pengakhiran kehidupan manusia di dunia dan ia adalah satu proses perpindahan roh manusia ke alam yang kekal abadi. Dalam Islam, menjadi kewajipan bagi orang yang hidup melakukan empat perkara fardu terhadap orang yang meninggal dunia. Kefarduan tersebut adalah memandikan jenazah, mengkafankan jenazah, mensolatkan jenazah, dan menguburkan jenazah. Kefarduan ini dilakukan mengikut urutan dari memandikan jenazah hinggalah kepada proses pengebumian (Mohd Tajuddin Ismail, 2012). Dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW menyuruh supaya disegerakan urusan berkaitan pengebumian jenazah dengan bersabda:

أَسْرِعُوا بِالْجَنَازَةِ ، فَإِنْ تَكَ صَالِحَةً فَخَيْرٌ تُقَدِّمُونَهَا إِلَيْهِ ، وَإِنْ تَكَ غَيْرَ ذَلِكَ فَشَرٌّ تَضَعُونَهُ  
عَنْ رِقَابِكُمْ

Terjemahan:

*Bersegeralah kalian dalam menguruskan jenazah. Sekiranya dia merupakan jenazah yang soleh, nescaya dia merupakan suatu kebaikan yang kamu bantarkan ia padanya. Namun sekiranya dia tidak soleh, maka itu suatu keburukan yang kamu pikul di atas babu-babu kamu.*

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Syeikh ‘Ilisy al-Maliki menyebutkan bahawa yang dimaksudkan dengan menyegerakan pengebumian jenazah di dalam hadith di atas termasuk proses memandikan, mengkafankan, mengangkat serta mengusungnya ke tanah perkuburan, namun tanpa tergopoh-gapah (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019).

Dengan kadar kematian akibat COVID-19 yang tinggi di Malaysia, telah menyebabkan Institut Perubatan Forensik Negara (IPFN) berdepan dengan situasi getir apabila mengalami masalah tunggakan dalam pengurusan mayat akibat wabak tersebut dan kes kematian bukan COVID-19. Berbeza dengan pengurusan jenazah bukan COVID-19, pengurusan kes kematian COVID-19 perlu dilaksanakan dengan teliti oleh pasukan petugas barisan hadapan dan disegerakan pengebumian bagi yang beragama Islam atau dibakar bagi bukan Islam. Namun dengan kenaikan mendadak kematian akibat virus ini telah menyebabkan urusan pengebumian jenazah lambat dikebumikan. Jenazah diletakkan dalam kontena yang boleh memuatkan antara 12 hingga 20 mayat bagi kontena bersaiz enam meter (20 kaki) sementara menunggu giliran untuk diuruskan.

Terdapat situasi di luar negara di mana jenazah COVID-19 tidak diurus mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh Agensi Kesihatan negara tersebut. Selain itu, terdapat situasi di mana jenazah, walaupun diuruskan mengikut SOP COVID-19 yang betul tetapi telah dibuka serta dicium oleh ahli keluarga apabila dibawa pulang. Ini telah mengakibatkan seluruh ahli keluarga dijangkiti dengan virus. Ini kerana mengiktik kajian saintifik dan laporan forensik hasil “postmortem” telah membuktikan bahawa bendalir yang keluar dari jenazah pesakit COVID-19 mempunyai potensi kebolehhangkitan. Justeru, artikel ini akan membincangkan pengurusan jenazah ketika penularan wabak COVID-19 dari perspektif masalah bagi menilai aspek masalah dan mafsadah dalam tatacara pengendalian jenazah pesakit COVID-19.

## **Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Jenazah COVID-19**

Peningkatan kadar kematian yang tinggi sejak kebelakangan ini menuntut petugas barisan hadapan menguruskan jenazah pesakit COVID-19 dalam bilangan yang ramai. Peningkatan kematian ini menyebabkan ada hospital yang terbeban daripada segi peralatan pengurusan jenazah misalnya kekurangan pakaian perlindungan diri (PPE). Selain itu, para petugas barisan hadapan

juga perlu mempersiapkan diri dengan bersedia daripada segi mental dan fizikal untuk berada dalam situasi berisiko tinggi bagi tempoh panjang dengan kemungkinan dijangkiti virus maut.

Justeru, bagi mengurangkan risiko penularan penyakit COVID-19, KKM telah menyediakan tatacara tertentu bagi pengendalian jenazah pesakit COVID-19 untuk membendung penularan pandemik ini. Bagi orang Islam, tatacara pengendalian jenazah telah dibincangkan bersama pakar Forensik KKM, ahli jawatankuasa muzakarah fatwa Bersama-sama dengan Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM). Manakala bagi orang bukan Islam, perbincangan telah diadakan bersama persatuan agama masing-masing (KKM, 2020).

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) diadakan bagi membincangkan beberapa isu yang berkaitan kepentingan umat Islam khususnya kesan daripada virus COVID-19 ini. Antara perkara yang dibincang dan diputuskan melalui Muzakarah Khas Jawatankuasa Muzakarah MKI yang bersidang pada 15 Mac 2020 tersebut ialah mengenai pengurusan jenazah muslim COVID-19. Resolusi Muzakarah ini menetapkan bahawa:

*“Dalam keadaan sekiranya berlaku kematian akibat COVID-19, pengurusan jenazah hendaklah dilaksanakan mengikut keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-107 yang bersidang pada 10-11 Februari 2015 mengenai hukum Pengurusan Jenazah Orang Islam yang Disyaki atau Disahkan Dijangkiti Virus Ebola (Ebola Virus Disease: EVD) di Malaysia, iaitu pengecualian dan kelonggaran (rukhsah) sekiranya terdapat keadaan-keadaan yang boleh menimbulkan kemudaratan kepada nyawa manusia yang menguruskan jenazah tersebut. Dalam hal ini dibolehkan jenazah itu diuruskan melalui prosedur tayammum yang paling ringan risiko dan kesan babayanya seperti melakukan tayammum hanya di atas permukaan beg jenazah atau pembalut plastic yang membalut jenazah tersebut sahaja”.*

Justeru, hasil daripada perbincangan tersebut, KKM telah membangunkan garis panduan pengendalian jenazah pesakit COVID-19 sepertimana berikut (JAKIM, KKM, PMWP, JAWI, 2020):

**a) Memandikan jenazah**

- Menyediakan peralatan keperluan pengurusan jenazah termasuk Personal Protective Equipment (PPE) yang merangkumi, sarung tangan getah, apron plastik, pelindung mata, mask, boot getah, body bag, 2 helai kertas A4 untuk meletak debu tanah tayammum dan debu tayammum secukupnya.
- Ahli keluarga tidak dibenarkan untuk mengurus jenazah di rumah atau tempat lain sebaliknya jenazah akan diuruskan sepenuhnya di hospital.
- Hanya seorang ahli keluarga dibenarkan untuk mengenal pasti (identify) jenazah dengan penjarakan 1 meter dan memakai kelengkapan alat pelindung diri (PPE) dan tidak dibenarkan sama sekali mencium dan menyentuh jenazah.

**b) Mengkafankan jenazah**

- Semua jenazah pesakit COVID-19 akan dibalut dengan lapisan pertama menggunakan sehelai linen putih. Di lapisan kedua, beg mayat 1 dan di lapisan ketiga, beg mayat 2. Lapisan paling luar beg mayat akan disanitasi dengan 0.5% sodium hypochlorite, semburan nyah kuman.
- Ahli keluarga dilarang untuk membuka beg mayat atau keranda yang telah ditutup (sealed coffin).
- Jenazah perlu diuruskan dengan hanya melakukan tayammum di atas permukaan paling luar beg jenazah tanpa perlu dimandikan.

- Proses Tayamum dilakukan mengikut hukum syarak:
  - 1) Petugas perlu dalam keadaan berwuduk dan lengkap berpakaian seperti prosedur yang ditetapkan oleh KKM.
  - 2) Meletakkan debu tayamum pada 2 helai Kertas A4 yang berasingan.
  - 3) Petugas Tayamum perlu memastikan kedua-dua belah tapak tangan yang bersarung berkeadaan bersih.
  - 4) Lekapkan kedua-dua tapak tangan ke atas permukaan Debu Tayamum 1 (Kertas A4 Pertama).
  - 5) Tipiskan debu tayamum yang terdapat di tapak tangan.
  - 6) Niat tayamum ke atas jenazah.
  - 7) Sapukan kedua-dua tapak tangan ke bahagian muka jenazah.
  - 8) Membersihkan baki debu yang berada di tapak tangan.
  - 9) Lekapkan kedua-dua tapak tangan ke atas permukaan Debu Tayamum 2 (Kertas A4 Kedua).
  - 10) Mulakan sapuan tangan kanan petugas ke atas tangan kanan jenazah, bermula dari hujung jari hingga ke siku.
  - 11) Diikuti sapuan tangan kiri petugas ke atas tangan kiri jenazah, bermula dari hujung jari hingga ke siku

**c) Mensolatkan jenazah**

- Solat jenazah hanya dilaksanakan di ruangan yang telah ditetapkan hospital.
- Bilangan individu yang menunaikan solat jenazah hanya dihadkan 2 orang petugas yang dibenarkan, jarak di antara imam dan makmum juga adalah 1 meter.

**d) Mengebumikan jenazah**

- Pengebumian perlu dilakukan secepat mungkin dengan pemantauan dari pihak KKM.
- Bilangan petugas tidak melebihi 4 orang (terasuk waris). Dimana mereka bukan dalam kalangan kontak rapat kepada kes positif COVID-19, orang yang disyaki COVID-19, dan orang yang bergejala COVID-19.
- Semua petugas dan waris perlu berpakaian lengkap dengan PPE yang disediakan dan ditetapkan oleh KKM.
- Ahli keluarga terdekat sahaja dinasihatkan hadir untuk pengebumian dan dikehendaki segera meninggalkan tanah perkuburan sebaik sahaja urusan pengebumian selesai.

### **Analisis Hukum Pengurusan Jenazah COVID-19**

Berdasarkan kepada garis panduan pengurusan jenazah COVID-19 yang dinyatakan di atas, analisis hukum berkaitan pengurusan jenazah COVID-19 adalah sebagaimana berikut:

**a) Memandikan Jenazah COVID-19**

Berdasarkan kepada fatwa, kebanyakan negeri di Malaysia membenarkan prosedur tayammum dilakukan di atas permukaan beg jenazah atau pembalut jenazah yang membalut

jenazah tersebut. Ini berbeza dengan fatwa yang diputuskan di negeri Perlis yang menyatakan keperluan tayammum secara langsung pada bahagian muka dan pergelangan tangan jenazah bagi menggantikan air (mandi jenazah) dengan syarat mendapat kebenaran daripada pihak hospital. Sekiranya tayammum secara langsung di atas jenazah tidak dapat dilakukan, maka tayammum tidak perlu dilakukan sama sekali di atas beg jenazah tersebut (Jabatan Mufti Johor, 2020; Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2020).

Merujuk perbincangan dalam kitab fiqh mazhab Syafi'i, sekurang-kurangnya cara untuk memandikan jenazah adalah dengan meratakan air ke seluruh badan setelah dibasuh segala najis yang zahir di atas tubuh badannya. Jenazah juga boleh ditayammum sekiranya terdapat halangan untuk memandikan jenazah. Proses tayammum perlu dilakukan secara langsung dan bukan atas lapisan baju, kain atau sebagainya. Sekiranya memandikan atau proses tayammum tidak dapat dilaksanakan maka jenazah boleh dikebumikan tanpa dimandikan atau ditayammumkan. Walau bagaimanapun, tidak diharuskan menggunakan kaedah yang lebih ringan melainkan terdapat darurat yang menghalang penggunaan kaedah asal (Al-Khatib al-Syirbini, 1997).

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih tidak membenarkan proses memandikan dan proses tayammum secara langsung ke atas jenazah COVID-19 disebabkan wujudnya kemudaratan yang menghalang kefarduan tersebut. Ini kerana penemuan bedah siasat terhadap mayat pesakit COVID-19 mendapati terdapat virus pada permukaan badan mayat melalui analisa Real-time Polymerase Chain Reaction (rt-PCR) yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR). Justeru, pilihan yang dibenarkan kepada jenazah COVID-19 adalah dengan melakukan tayammum di atas beg jenazah COVID-19 ataupun sama sekali tidak melaksanakan proses memandikan atau proses tayammum jenazah.

Pandangan yang membenarkan tayammum ke atas jenazah COVID-19 di atas beg jenazah adalah bagi memberi penghormatan kepada jenazah tersebut. Ini kerana kaedah memandikan dan proses tayammum mengikut kaedah asal tidak dibenarkan oleh pihak kerajaan. Manakala pandangan yang menggugurkan kewajipan memandikan dan tayammum ke atas jenazah COVID-19 adalah bertepatan kaedah faqid al-tahurayn atau adim al-Tahurayn iaitu orang yang tidak mempunyai atau tidak mampu untuk melakukan kedua cara bersuci (air dan debu tanah).

Justeru, dicadangkan kajian lanjutan dibuat untuk mengenalpasti tahap risiko untuk memandikan atau melaksanakan proses tayammum ke atas jenazah COVID-19. Sekurang-kurangnya jenazah COVID-19 yang beragama Islam dapat diuruskan dengan proses tayammum secara langsung di muka dan tangan. Dengan syarat, pihak yang melakukan tayammum tersebut perlu memakai PPE yang lengkap agar dapat mengurangkan risiko jangkitan kepada mereka.

## **b) Mengkafankan Jenazah COVID-19**

Merujuk kepada SOP KKM dalam pengendalian mengkafankan jenazah COVID-19, jenazah hanya dibaluti dengan lapisan pertama menggunakan sehelai linen putih dan dua lapisan beg mayat. Meskipun jenazah dibaluti dengan sehelai linen putih, ia sudah mampu menutup aurat jenazah dan keseluruhan tubuh badannya. Hal ini menunjukkan proses pengurusan jenazah COVID-19 pada masa ini sekurang-kurangnya memenuhi kewajipan pengurusan jenazah orang Islam (Al-Khatib al-Syirbini, 1997). Sekalipun banyak tuntutan perkara sunat dalam urusan mengkafankan jenazah tidak dilaksanakan bagi jenazah COVID-19, tapi sekurang-kurangnya tuntutan wajib bagi mengkafankan jenazah COVID-19 ini telah dapat dilaksanakan dengan sempurna.

### **c) Mendirikan Solat ke atas Jenazah COVID-19**

Hukum menunaikan solat jenazah adalah fardhu kifayah. Ini bermaksud kewajipan solat jenazah akan gugur apabila seorang lelaki sahaja yang melaksanakannya. Oleh sebab itu, solat jenazah tidak wajib dilaksanakan secara berjemaah. Demikian juga, harus bagi wanita yang melaksanakan solat jenazah namun ia tidak akan menggugurkan tuntutan solat jenazah tersebut apabila masih ada lelaki dalam penempatannya. Begitu juga sebaliknya apabila tidak ada lagi lelaki dalam kawasan penempatan tersebut maka wajib kepada golongan wanita untuk melaksanakan solat jenazah dan gugur tuntutan kewajipannya.

Solat jenazah perlu dilaksanakan sebelum jenazah dikebumi. Sekiranya solat jenazah ditangguhkan sehingga jenazah dikebumikan terlebih dahulu, maka semua orang yang wajib menunaikan solat jenazah berdosa melainkan mereka yang mempunyai keuzuran. Akan tetapi, solat jenazah yang dilaksanakan di atas kuburnya adalah sah disisi syarak, maka gugur tuntutan kewajipan tersebut (Al-Khatib al-Syirbini, 1997).

Merujuk kepada SOP solat jenazah COVID-19 yang ditetapkan pada ketika ini tidak mengganggu kesahihan solat jenazah. Bilangan dua (2) orang yang ditetapkan untuk mendirikan solat jenazah adalah memadai bagi mengesahkan solat tersebut. Salah seorang daripada individu tersebut diwakili lelaki untuk menggugurkan kefarduan solat jenazah. Selain itu, solat jenazah perlu dilaksanakan sebelum pengebumian melainkan terdapat keuzuran. Jika terdapat keuzuran, maka solat jenazah boleh ditunaikan selepas jenazah dikebumikan. Kaum keluarga yang ingin melaksanakan solat jenazah boleh melaksanakan solat ghaib di mana-mana tempat yang bersesuaian.

### **d) Mengebumikan Jenazah COVID-19**

Waris yang dipilih untuk menguruskan pengebumian jenazah terdiri dalam kalangan waris lelaki terdekat iaitu suami si mati, jika si mati merupakan jenazah perempuan yang telah berkahwin. Selepas suami, waris yang lebih layak menguruskan jenazah adalah bapa, datuk, anak, cucu, saudara lelaki dan kemudiannya saudara-mara jenazah yang terdekat (Al-Khatib al-Syirbini, 1997). Sekiranya mana-mana waris di atas tidak dibenarkan hadir disebabkan masih berada di hospital atau masih dalam perintah kuarantin, maka keutamaan berpindah kepada waris jenazah yang paling hampir. Justeru, wajar bagi pihak yang menguruskan pengebumian jenazah COVID-19 ini untuk memastikan waris yang paling layak diberikan keutamaan untuk mengebumikan jenazah.

## **Pengurusan Jenazah COVID-19 Dari Perspektif Masalah**

Hukum pengurusan jenazah COVID-19 mempunyai banyak perbezaan berbanding pengurusan jenazah yang lain. Perbezaan paling besar adalah dalam urusan memandikan jenazah. Dalam urusan memandikan jenazah, tuntutan asal memandikan jenazah atau digantikan dengan tayammum tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Walau bagaimanapun, SOP yang ditetapkan adalah berasaskan kepada risiko yang sangat tinggi semasa proses memandikan dan mengkafankan jenazah COVID-19. Penetapan SOP yang dibuat adalah berdasarkan konsep memelihara kemaslahatan pihak yang berwajib dalam menguruskan jenazah COVID-19. Ia juga bertujuan untuk pemeliharaan terhadap nyawa para petugas yang merisikokan diri mereka bagi memastikan jenazah COVID-19 dapat diuruskan sebaik mungkin mengikut kehendak syarak. Manakala pengurusan jenazah COVID-19 yang lain iaitu melaksanakan solat dan mengebumikan jenazah COVID-19, kewajipan-kewajipan ini masih dapat dilaksanakan walaupun pada kadar yang paling minimum bagi memastikan tuntutan fardu kifayah ini dapat ditunaikan dan dilaksanakan.

Sungguhpun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat banyak tuntutan sunat yang tidak dapat dilaksanakan kepada jenazah COVID-19 dalam proses mandi, kafan, solat dan pengebumian. Sekalipun tuntutan ini adalah sunat, tetapi ia merupakan perkara yang sangat dituntut bagi tujuan memuliakan anak adam dan sebagai satu penghormatan terakhir yang wajar diberikan kepada saudara sesama Islam. Justeru, kajian lanjut perlu dijalankan lebih-lebih lagi dalam keadaan kepakaran pakar perubatan dan teknologi canggih yang digunapakai dalam mengkaji virus COVID-19 ini. Diharapkan dengan dapatan kajian yang dijalankan, lebih banyak tuntutan wajib dan sunat dapat dilaksanakan kepada jenazah COVID-19 dengan syarat risiko terhadap para petugas dapat dikurangkan supaya pemeliharaan nyawa mereka terpelihara.

Disamping itu, beberapan tuntutan masih boleh dilaksanakan pada ketika ini juga perlu ditekankan oleh pihak berkuasa agama Islam negeri-negeri agar ia dapat didokumenkan dan dijadikan panduan kepada para petugas jenazah COVID-19. Antara perkara yang perlu ditekankan adalah solat jenazah dilakukan oleh lelaki, solat jenazah ditunaikan sebelum jenazah dikebumikan melainkan sekiranya terdapat keuzuran dan susunan keutamaan bagi waris yang boleh menghadiri proses pengebumian.

## Penutup

Penularan pandemik COVID-19 dalam negara telah merubah suasana kehidupan masyarakat Islam termasuklah dalam aspek pengurusan jenazah. Pihak kerajaan khususnya KKM telah berusaha mengendalikan pengurusan jenazah sebaiknya dengan mendokumenkan garis panduan tatacara pengendalian jenazah COVID-19 di setiap negeri. Malah, ia juga mendapat kerjasama pihak-pihak berkuasa agama dalam mengeluarkan fatwa pengurusan jenazah di setiap negeri. Usaha-usaha yang dilakukan ini adalah bertujuan untuk kemaslahatan umum dan kepentingan kepada semua masyarakat. Prosedur pengurusan jenazah COVID-19 akan melalui empat fasa iaitu tayammun jenazah, mengkafankan jenazah, mensolatkan jenazah dan mengebumikannya. Justeru, para petugas perlu sentiasa berusaha untuk mematuhi SOP yang ditetapkan kerana mereka sentiasa berhadapan dengan risiko kebolehhangkitan semasa menguruskan jenazah COVID-19. Kegigihan, keberanian, kekentalan mental dan fizikal mereka menjadi teras utama mereka dalam berhadapan tugas ini demi memenuhi tuntutan agama dan negara. Namun masih ada ruang yang boleh dibaiki dengan melakukan penilaian semula terhadap garis panduan pengurusan jenazah COVID-19 yang sedia ada untuk kepentingan masyarakat Islam di negara ini.

## Rujukan

- Al-Khatib al-Syirbini, (1997), *Mughni al-Muhtaj*, j.1, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Azrul Affandi Sobri, Amir Abd Hamid dan Muhaamad Hafis Nawawi, *Cabaran pengurus jenazah korban Covid-19*, <https://www.hmetro.com.my/utama/2021/06/713771/cabaran-pengurus-jenazah-korban-covid-19-metrotv>, diakses pada 30 Jun 2021.
